

[Dokumen ini belum disemak]

## **PARLIMEN KESEBELAS**

### **PENGGAL KEDUA MESYUARAT PERTAMA**

---

---

**Bil. 8**

**Isnin**

**4 April 2005**

---

## **K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

### **USUL-USUL:**

Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka  
Baginda Yang Di-Pertuan Agong (Halaman 24)

Waktu Mesyuarat Dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 67)

**MALAYSIA****DEWAN RAKYAT****Isnin, 4 April, 2005****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng)  
*mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat [Indera Mahkota]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah bentuk Pelan Integriti Nasional yang akan dilaksanakan kelak, apakah pelan ini akan menekankan aspek pembangunan warganegara cemerlang di kalangan setiap individu rakyat kerana ia adalah teras kepada kejayaan konsep integriti itu sendiri.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, Pelan Integriti Nasional atau PIN digubal dengan merangkumi semangat dan prinsip Perlembagaan Persekutuan menyerap falsafah dan prinsip Rukun Negara bagi membina masyarakat yang bersatu padu, adil, demokratik, liberal dan progresif. PIN turut dibimbing oleh falsafah dan cabaran Wawasan 2020 ke arah mewujudkan sebuah negara maju menurut acuan sendiri menjelang 2020. Sebagai sebuah pelan yang lahir selaras dengan inspirasi rakyat dan dilaksanakan untuk kesejahteraan mereka, PIN mencerminkan ciri-ciri khusus masyarakat dan negara Malaysia, namun ia juga mengambil perkembangan antarabangsa pengalaman negara-negara lain serta impak harus globalisasi.

PIN memang menekankan aspek pembangunan warganegara cemerlang, dalam perutusan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di buku PIN ditegaskan bahawa gerakan pemantapan integriti yang dipacu oleh PIN dan dikoordinasi oleh Institut Integriti Malaysia (IIM) ialah suatu gagasan pelbagai lapisan masyarakat Malaysia, ia

menjadi kekuatan masyarakat bagi menguruskan kejayaan dan mengatasi kelemahan dengan berkesan.

PIN dan IIM akan menjadi pendorong terbesar ke arah pencapaian matlamat gerakan pemantapan integriti yang membolehkan Malaysia secara teratur melangkah ke hadapan untuk mencapai cita-cita menjadi sebuah negara masyarakat maju menurut acuan sendiri serta membinanya menjadi lebih cemerlang, gemilang dan terbilang. Lantaran itu, bagi tempoh lima tahun pertama 2004 hingga 2008, PIN menetapkan lima sasaran keutamaan yang hendak dicapai. Sasaran ini dikenali sebagai tekad 2008 iaitu:

- (i) sasaran mengurangkan gejala rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa secara berkesan;
- (ii) meningkat kecekapan dalam sistem penyampaian, perkhidmatan awam dan mengatasi karenah birokrasi;
- (iii) meningkat tadbir urus korporat dan etika perniagaan;
- (iv) memantapkan institusi keluarga dan komuniti dan
- (v) meningkat kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Tuan Yang di-Pertua, adakah benar bahawa kerajaan telah ambil suatu keputusan dasar bahawa semua kes rasuah Yang Berhormat dahulu akan diberi immunity, pengecualian dan tidak ada apa-apa tindakan atau penyiasatan akan diambil yang ada dilaporkan dalam *International Herald Tribune* pada 29 Mac, "*leader under....Malaysia*" yang memetikkan suatu kenyataan yang dibuat oleh Timbalan Ketua Pemuda UMNO, adakah benar bahawa immunity diberi untuk semua kes lampau dan bahawa kalau di sini disebut bahawa.... *only..forward*, tidak ada *representative...*, adakah itu benar.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga membaca kenyataan dalam rencana yang ditulis Tom Flutten, jadi kalau kita faham iaitu bahawa yang menyatakan itu ialah Naib Ketua Pemuda UMNO Malaysia yang tidak memegang apa-apa jawatan dalam kerajaan. Oleh kerana itu janganlah panik saya ingin menyatakan di sini itu bahawa dalam soal rasuah ini tidak ada immunity yang diberikan kepada sesiapa sama ada yu ke, atau pun ikan kecil. *[Disampuk]* Kita Malaysia, kita bebas untuk memberi kenyataan. Itu kenyataan dia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak jawab Yang Berhormat.

**Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]:** Terima kasih Yang Berhormat Dato', Tuan Yang di-Pertua apabila kita bercerita berkenaan dengan PIN ini dia melibatkan satu pelan untuk melengkapkan dan juga untuk memantapkan integriti masyarakat keseluruhan, jadi soalan saya apakah peranan dan juga tahap yang perlu dijalankan atau dilakukan oleh Ahli-ahli Parlimen dalam memastikan pelan ini dapat dicapai. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sudah tentulah sebagai wakil yang telah dipilih oleh rakyat duduk dalam Dewan yang mulia ini kita memainkan peranan yang penting sekali di antaranya kita sudah tentulah menunjukkan satu teladan, contoh yang baik di mana kita mesti bersih daripada rasuah. Ke arah itu jugalah kita bercadang iaitu IIM bercadang untuk mengadakan satu taklimat di Dewan Rakyat ini, di mana PIN akan memberikan taklimat kepada semua Ahli-ahli Parlimen termasuk pembangkang supaya hadir untuk mendapat taklimat daripada PIN memandangkan betapa pentingnya wakil rakyat memainkan peranan dalam menunjukkan teladan dan contoh yang baik kepada rakyat dan masyarakat.

2. **Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan selepas kejadian Tsunami pada Disember 2004, apakah langkah yang sudah diambil bagi membolehkan tanda-tanda amaran awal dikeluarkan apabila berlaku gempa bumi yang besar dan teruk.

**Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab serentak soalan ini bersama dengan soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Keningau pada 28 Mac, Yang Berhormat Indera Mahkota pada 29 Mac, Yang Berhormat Tanah Merah pada 20 April, Yang Berhormat Ipoh Barat pada 26 April nanti dan Yang Berhormat Kuala Pilah pada 28 April, mengenai isu yang sama iaitu sistem amaran asal dan bencana Tsunami.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, sila.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Selepas kejadian bencana Tsunami, bencana alam bencana Tsunami pada 26

Disember 2004. Kerajaan telah memutuskan bagi menjaga keselamatan memberi sebaran awal kepada rakyat Malaysia mewujudkan sistem amaran awal Tsunami nasional yang dijangka akan beroperasi pada penghujung tahun 2005 dengan peruntukan sebanyak 19 juta.

Pusat ini akan dihubungkan dengan pusat Tsunami PTWC di *Hawaii* atau dipanggil dalam bahasa Inggeris *pacific Tsunami early warning system* dan juga pusat-pusat serantau yang lain seperti yang dicadangkan bagi Lautan Hindi atau dinamakan *Regional Indian Ocean Tsunami Early Warning System* dan juga termasuk juga pusat-pusat yang lain seperti di Jepun. Semua perancangan dan pelaksanaan sistem ini akan diselaraskan satu agensi *international* yang bernama *intergovernmental oceanography confirmation* (IOC), sistem ini insya-Allah akan membantu kerajaan mengesan apabila berlaku di sempang tetapi andainya berlaku Tsunami. Sistem ini terdiri daripada unit-unit pengesan gempa bumi, pengesan ombak dan alat-alat yang lain termasuk alat komunikasi melalui satelit, alat ini insya-Allah nanti apabila kita bina akan menilai dan melaporkan kewujudan gempa bumi dan Tsunami terus kepada pusat Tsunami atau pusat .....negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pelaksanaan sistem Tsunami negara kerajaan akan merujuk kepada pusat-pusat seperti PTWC bukan PWTC, PTWC di *Hawaii*, di Jepun dan juga yang menyelaraskan usaha ini melalui NOAA. Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Tsunami ini bergerak amat pantas sekali, dijangka ia boleh bergerak sehingga 700 sehingga 900 kilometer satu jam seperti pergerakan satu *boeing*, kapal terbang *boeing* bermakna amat penting sekali kerajaan mewujudkan satu sistem hebahan maklumat yang pantas. Penyelarasan ini akan dilaksanakan di bawah Jawatankuasa Pengurusan Bantuan Bencana Alam yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Orang ramai sudah semestinya perlu mendapat maklumat ini se pantas yang boleh dan sama ada Tsunami berlaku atau tidak seandainya berlaku gempa bumi.

Usaha-usaha untuk meningkatkan lagi hebahan ini sedang dalam perancangan dan insya-Allah akan dilaksanakan dengan secepat mungkin MOSTI sedang dalam menyediakan kerangka ini akan dikemukakan kepada jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, antara

perancangan yang akan diketengahkan ialah penggunaan IT dan teknologi terkini termasuk menggunakan website semasa. Penggunaan SMS dan juga yang penting juga bahawa hebahan ini diadakan secepat mungkin melalui radio dan TV dengan cara dan ala bentuk *breaking in news*.

Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha lain ialah usaha untuk membangkitkan kesedaran pengurusan oleh agensi yang terlibat dan juga agensi-agensi dari kerja-kerja susulan seperti di bawah Jabatan Kerja Raya, Dato' menterinya ada, satu hari difahamkan beliau akan mengadakan satu mesyuarat khas untuk membincang perkara ini.

Yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini juga satu gempa bumi yang berlaku 29 Mac, 12.09 pagi. Walau pun gempa bumi itu tidak mengakibatkan Tsunami, kami amat penting pada ketiga itu MOSTI merasakan bahawa orang ramai perlu dimaklumkan bahawa gempa bumi itu pertama tidak berlaku di Malaysia; kedua, gempa bumi itu tidak mengakibatkan Tsunami.

Perkara ini perlu dihebahkan semasa waktu malam di mana selalunya stesen-stesen TV yang biasa sudah tidak aktif seperti biasa namun yang demikian saya berterima kasih kepada semua agensi penerangan radio dan TV yang telah tengah malam berusaha untuk memulakan kembali penyebaran mereka dan juga dapat menyebarkan maklumat yang perlu dihebahkan kerana apa kalau tidak rakyat Malaysia akan bimbang dan kerajaan takut wujudnya suasana yang boleh mengakibatkan huru-hara dan panik. Terima kasih.

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Menteri yang jelas dan tepat. Soalan saya ialah saya difahamkan ada kekurangan kerjasama di antara jiran negara kita tentang, minta izin, *early warning system*. Kalau perkara ini betul sikap begitu boleh menjejaskan hasrat kita ialah melancarkan sistem, *early warning system* pada akhir tahun ini. Minta penjelasan. Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Terima kasih. Yang sebenarnya semua negara di rantau Asia telah bersetuju untuk mewujudkan sistem Tsunami nasional sendiri. Namun demikian, ada juga negara yang menawarkan diri mereka untuk menjadi pusat amaran awal Tsunami bagi serantau. Di sini didapati

bahawa banyak negara menawarkan diri untuk menjadikan negara mereka juga pusat amaran awal Tsunami serantau. Oleh kerana itu, sekarang satu proses sedang diluluskan di peringkat ASEAN bagaimana hendak menggabungkan penawaran-penawaran negara-negara ini yang mahu negara mereka menjadi pusat amaran awal serantau. Namun demikian, ini tidak menghindarkan daripada kita berkomunikasi antara satu sama lain pusat-pusat Tsunami amaran awal negara masing-masing. Seperti baru-baru ini pada 29 Mac 2005 berlakunya satu gempa bumi 8.7 skala Richter. 8.7 agak besar kerana gegaran yang mengakibatkan Tsunami pada hujung tahun lalu ialah pada peringkat 9 skala Richter berbanding 8.7, agak hampir.

Namun demikian, jelas pada malam itu hubungan yang baik didapati antara satu sama lain bukan di antara negara-negara di Asia sahaja, bahkan hubungan kita dengan Hawaii, pusat amaran awal Pasifik dan Jepun sendiri. Oleh kerana itu, Yang Berhormat tidak perlu risau hubungan kita antara negara-negara sama ada di peringkat negara-negara atau peringkat *regional* amat baik sekali. Terima kasih.

**Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa jawapan oleh Yang Berhormat Menteri itu tadi memang sudah menyeluruh kalau kita lihat daripada *occurrence* Tsunami dan gempa bumi. Namun, ada satu lagi perkara yang tidak disentuh oleh Yang Berhormat Menteri iaitu *early warning system* untuk negara kita sendiri. Kalau kita lihat negara kita ini di kelilingi oleh tujuh *trenches*. Ini bermakna jika gempa bumi belum berlaku di setiap *trench* ini, maka peluang gempa bumi itu berlaku akan lebih tinggi lagi. Oleh yang demikian, kita perlu *early warning system* yang boleh memberi kita maklumat-maklumat yang tepat termasuk *seismology station* di negara kita. Yang penting juga adalah Deep-ocean Analysis and Reporting for Tsunami (DART). Adakah kerajaan akan melaksanakan stesen-stesen DART ini atau seperti *buoy* yang terdapat di lautan-lautan kita sendiri. Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya ucapkan syabas kepada Yang Berhormat, sudah semestinya ada membuat sedikit bacaan-bacaan yang mendalam dalam bidang geologi, syabas. Memang benar, satu kajian yang telah sedang diusahakan oleh kementerian. Memang '*plat tectonic*', kalau dahulunya mungkin orang kata tidak aktif, risikonya rendah, dari sistem *tectonic plate-plate* yang lain. Namun demikian, oleh berlakunya satu gegaran

yang besar di Aceh dan juga baru-baru ini, ada kemungkinan-kemungkinan '*plat-plat tectonic*' ini memungkin risiko-risiko yang berbeza. Oleh kerana itu, kementerian bersama dengan jabatan yang terlibat, geologi akan membuat satu kajian tentang risiko-risiko yang baru berbangkit daripada kesan gempa bumi yang berlaku dua kali – yang di Aceh dan yang baru-baru ini besar, apakah risikonya.

Tetapi benar apa Yang Berhormat kata kita hendak kaji kembali kaedah di mana pengesanan-pengesahan gempa bumi kita yang ada, kalau dirasakan ini tidak mencukupi, kita akan tambah supaya maklumat kita yang lebih mendalam. Benarlah apa yang kata Yang Berhormat. Saya mengucapkan kepada Yang Berhormat ribuan terima kasih, insya-Allah kita akan ambil tindakan yang sesuai.

3. **Tuan Mohd. Daud bin Terihep [Kuala Selangor]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah penjelasan mengenai status pelupusan sampah di Bukit Tagar dan apakah jaminan kementerian bahawa projek ini tidak memberi kesan kepada pencemaran udara dan air di kawasan persekitaran hiliran.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, projek bagi membangunkan tapak pelupusan sisa pepejal (*sanitary*) di Bukit Tagar Selangor adalah sebuah projek kerajaan yang akan dilaksanakan secara penswastaaan oleh KUB-Berjaya Enviro Sdn. Bhd. (KBESB). Bagi menjamin pembangunan kawasan sekitar dapat dikawal, kerajaan sedang dan telah pun melaksanakan proses pengambilan balik tanah seluas lebih kurang 1,900 ekar bagi pembinaan tapak pelupusan berkenaan termasuk 500 meter kawasan *buffer* ataupun kawasan zon penampungan di sekeliling tapak tersebut serta pembinaan bertingkat di kilometer 400, 19.1 Lebuhraya PLUS. Sebelum syarat-syarat dan terma-terma penswastaaan ini dimuktamadkan, pihak syarikat telah diarah membina dan menyiapkan *at oneself* dengan kapasiti 630,000 tan terlebih dahulu bagi menggantikan tapak pelupusan sisa pepejal Air Hitam, Puchong yang dijangka akan ditutup pada 15 April 2005, bulan ini dan pada masa sekarang pembinaan *at oneself* tersebut telah pun siap dan telah boleh beroperasi pada 1 April 2005.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, mulai 1 April 2005 penghantaran sisa pepejal percubaan ataupun dengan izin, *dry run* telah pun dimulakan dan dijangka akan beroperasi dengan sepenuhnya selepas satu minggu tempoh percubaan. Sebagaimana



projek pembangunan yang lain, projek ini juga tertakluk juga kepada syarat-syarat kelulusan laporan kajian penilaian terperinci, kesan kepada alam sekitar ataupun DEIA yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar selaras dengan kehendak Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Kajian DEIA telah dilaksanakan oleh juru perunding EIA yang dilantik oleh KBESB dan telah mengambil kira kesesuaian tapak serta impak daripada pembinaan tapak pelupusan berkenaan kepada alam sekitar termasuk kepada manusia, flora dan fauna.

Pihak Jabatan Alam Sekitar telah pun mengeluarkan kelulusan laporan DEIA berserta syarat-syarat yang ketat. Pada 13 September 2004 kementerian ini dan Jabatan Alam Sekitar akan memastikan pelaksanaan serta pengoperasian tapak pelupusan sisa pepejal *sanitary* akan mematuhi semua syarat kelulusan DEIA tersebut dan dijangka tidak akan memberi kesan *significant* ke atas alam sekitar di kawasan-kawasan terbabit.

**Tuan Mohd. Daud bin Terihap:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, soalan tambahan. Saya telah turun padang mendapatkan taklimat dan melihat persiapan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri. Kalau *on paper* memang cantik, tidak ada masalah kalau pemantauan dibuat secara rapi oleh kementerian dan juga Jabatan Alam Sekitar. Tetapi yang menjadi kebimbangan penduduk setempat khususnya pesawah-pesawah padi dan juga Sungai Selangor yang menjadi sumber bekalan air, dan juga kebanggaan kita kelip-kelip di Kuala Selangor tidak pupus, kita harapkan pemantauan dapat dilaksanakan secara berkesan seperti di atas kertas. Tetapi soalnya sekarang berbangkit apabila Lebuh Raya Bukit Tagar yang menjadi laluan utama kontena-kontena membawa sampah daripada Kuala Lumpur, Lembah Klang dan juga seluruh Selangor hanya akan siap lapan bulan daripada sekarang. Dan hari ini operasi memindahkan sampah-sampah setelah projek *incinerator* di Broga ditolak oleh rakyat dan juga mahkamah dan dengan penutupan pusat pelupusan sampah di Air Hitam, masalah trafik timbul kerana berbondong-bondong dan juga berduyun-duyun lori kontena membawa sampah yang agak kurang terkawal.

Daripada pemantauan saya,...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Soalan.

**Tuan Mohd. Daud bin Terihap:** ... saya ingin bertanya apakah langkah keselamatan yang akan dibuat oleh pihak kementerian dan lain-lain pihak untuk

memastikan tidak berlaku kesesakan kerana jalan ke pusat pelupusan sempit dan juga bengkok-bengkok. Terima kasih.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** [*Pembesar berhenti seketika*] Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Memang Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Selangor telah pun menjalankan tugas sebagai wakil rakyat dengan prihatin dan telah mengambil kira kebimbangan rakyat bukan sahaja di kawasannya dan juga di kawasan sekeliling. Memang saya bersetuju dengan apa yang diutarakan. Kalau sekiranya perancangan tidak dibuat dengan baik, maka ianya akan menimbulkan masalah kemudian.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, segala perancangan telah pun mengambil kira bukan sahaja pencemaran alam sekitar, juga dari segi kesesakan lalu lintas dan juga kapasiti yang boleh muat untuk sampah sarap daripada Selangor dan juga Kuala Lumpur.

Apa yang telah dikaji, kajian dilakukan bahawa selepas *interchange*, dengan izin, yang bertingkat itu siap, maka Lebu Raya PLUS akan diguna dengan lebih kerap dan ia sebahagian sahaja masih terpaksa gunakan jalan raya biasa. Kalau dibandingkan dengan apa yang telah berlaku sekarang banyak lori yang mengangkut sisa pepejal ke Puchong melalui kawasan kediaman yang begitu padat, kalau dibandingkan secara ini di Bukit Tagar akan jadi lebih sesuai.

Saya ingin menerangkan bahawa projek *incinerator* Broga adalah satu projek yang berasingan, asalnya bertujuan supaya boleh merawat sisa pepejal daripada kawasan selatan Selangor dan juga bahagian selatan Kuala Lumpur. Jadi, buat masa kini masih dalam proses perbincangan.

Bukit Tagar bukanlah satu-satunya *sanitary landfill*, dengan izin yang akan mengambil semua sisa pepejal di seluruh Selangor dan Kuala Lumpur. Yang penting sekarang ialah dalam dua minggu ini tapak pelupusan *sanitary* Puchong tidak akan menerima lagi sampah sarap daripada Kuala Lumpur dan sisa pepejal dari Kuala Lumpur itu perlu dihantar kepada *transfer station* dan seterusnya kepada Bukit Tagar. Saya ingin memberi jaminan kepada Yang Berhormat bahawa ini bukan sekadar *paper work* sahaja. Jabatan Alam Sekitar dan kementerian saya tetap akan memastikan syarat-syarat yang telah ditetapkan itu secara praktikalnya akan dipantau dengan baik dan mentah ..... akan terawat, dipastikan tidak akan dilepaskan ke sungai-sungai yang disebut kalau

sekiranya ia tidak mematuhi standard kepiawaian yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar. Jadi, Yang Berhormat bolehlah beritahu penduduk-penduduk bahawa kerajaan tidak akan berkompromi terhadap keselamatan dan juga kesihatan mereka.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita sedia maklum bahawa lambakan sampah akan mengatasi bilangan tapak-tapak pelupusan sisa pepejal dan ini akan menjadi masalah yang meruncing kepada negara kita apabila sampai ke satu keadaan di mana akan berlaku inflasi kepada tapak-tapak sisa pepejal ini.

Yang Berhormat Menteri, selain daripada kita mengekalkan ketulenan ciri-ciri alam sekitar, di samping memberikan penekanan kepada aspek-aspek flora dan fauna, kita juga terpaksa mengekalkan ciri-ciri estetika, di mana kita dapat lihat pembinaan tapak-tapak pelupusan sampah di tepi-tepi jalan di peringkat Kerajaan Persekutuan dan negeri adalah begitu menyakitkan mata. Apakah cadangan pihak kementerian bagi menyediakan spesifikasi penyediaan tapak pelupusan-pelupusan yang baru, yang menyediakan dinding yang berupa pengadang kepada keadaan pemandangan yang menyakitkan mata ini? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya setakat hari ini kerajaan masih belum ada satu tapak pelupusan *sanitary* yang betul-betul dikatakan *up to the standard*, seperti mana dibina di negara-negara maju yang lain. Dalam pada itu, *sanitary landfill* yang sedang dibina ini akan mengambil kira semua aspek, termasuk juga mereka tidak boleh dedahkan sampah itu kepada jalan raya yang berdekatan. Sebenarnya, mereka juga kena ambil kira bagaimana mengindahkan melalui zon-zon penanaman, iaitu *landscaping*, menanam pokok dan sebagainya.

Oleh kerana ini merupakan satu tapak pelupusan *sanitary*, ia bukan *dump site*. Biasanya selama ini di Malaysia ramai rakyat Malaysia masih ingat yang mereka nampak itu *dump site*, iaitu sisa pepejal dibuang tanpa rawatan, tidak ada teknologi moden, jadi terbiar sahaja, sampai gas, *methane* dan sebagainya itu terus terlepas ke udara. Itu bukan *sanitary landfill*.

Saya ingin memberi jaminan apa yang kita buat ini ialah lain daripada apa yang selama ini kita nampak. Saya pun faham penduduk di Puchong sudah tidak boleh tahan lagi. Walaupun itu merupakan satu-satunya *sanitary landfill*, tetapi oleh kerana ia dibina

dahulu dan pembangunan projek perumahan datang kemudian. Dengan masalah yang timbul kerajaan amat prihatin. Itu sebabnya kita kena mempercepatkan pembinaan *sanitary landfill* di Bukit Tagar supaya kita boleh tutup *sanitary landfill* di Puchong dengan cepat.

Jadi, pandangan Yang Berhormat itu memang diambil berat oleh kerajaan. Terima kasih.

4. **Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]** minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah guru Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains mengikut negeri-negeri. Apakah masih berlaku kekurangan guru-guru berkenaan. Jika benar, apakah sebabnya dan cara mengatasinya?

**Menteri Pelajaran [Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini mempunyai berkaitan rapat dengan pertanyaan-pertanyaan berkaitan isu pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris, yang juga diajukan oleh Yang Berhormat bagi Puchong pada 13 April 2005; Yang Berhormat bagi Temerloh pada 20 April 2005; Yang Berhormat bagi Pulai pada 26 April 2005; Yang Berhormat bagi Sik pada 27 April 2005. Saya ingin mohon izin untuk menjawab kesemuanya soalan tersebut secara serentak pada hari ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik.

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, sehingga 31 Januari 2005 jumlah guru di sekolah menengah yang mengajar mata pelajaran Bahasa Inggeris adalah seramai 18,576 orang; Matematik seramai 21,558 orang; dan Sains, seramai 20,957 orang. Bagi sekolah rendah pula, jumlah guru yang mengajar Bahasa Inggeris adalah seramai 39,491 orang; Matematik seramai 61,819 orang; dan Sains, seramai 44,107 orang. Jumlah ini adalah termasuk guru opsyen dan bukan opsyen yang mengajar satu atau lebih mata pelajaran.

Kementerian sedar jumlah guru mengikut opsyen bagi ketiga-tiga mata pelajaran ini masih belum mencukupi. Antara puncanya ialah penempatan semula guru-guru yang telah mengikuti Program Khas Pensiswazahan Guru (PKPG) dari sekolah rendah ke sekolah menengah, ketidaksepadanan, *mismatch*, dengan izin, penempatan guru mengikut opsyen dan persaraan awal guru-guru sedia ada.

Bagi mengatasi masalah ini, kementerian sedang berusaha menambah pengambilan guru opsyen tersebut melalui Program Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI), Pengajian Jarak Jauh (PJJ) dan Program Latihan Perguruan Berasaskan Sekolah dan akan menempatkan mereka ke sekolah-sekolah yang menghadapi masalah kekurangan guru. Selain itu, Kementerian Pelajaran juga mengadakan bayaran insentif subjek pendidikan (BISP) kepada guru-guru yang mengajar subjek tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Yang Berhormat bagi Temerloh dan juga Yang Berhormat bagi Pulau tentang penilaian kesan PPSMI, sejak tahun pertama ia dilaksanakan, kementerian telah menjalankan empat kajian untuk menilai tahap kefahaman murid di dalam subjek Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris serta tahap penggunaan Bahasa Inggeris dan ICT di sekolah-sekolah. Selain itu, terdapat enam laporan pemantauan tentang tahap persediaan sekolah untuk melaksanakan PPSMI ini berbanding pelaksanaan fasa satu dan fasa dua, serta penggunaan komputer riba oleh guru dan juga untuk PPSMI.

Ini tidak termasuk laporan tahap kefahaman guru dalam penggunaan perkakasan dan perisian PPSMI yang dilakukan oleh pihak di luar Kementerian Pelajaran Malaysia. Hasil kajian dan laporan ini memang kita gunakan untuk memperbaiki kekurangan, kelemahan pelaksanaan PPSMI dari masa ke semasa.

Kajian terbaru tahap terhadap kefahaman murid menunjukkan murid Tahun 1 cepat menyesuaikan diri. Pencapaian bagi semua mata pelajaran menggalakkan dan purata skor bagi mata pelajaran Sains ialah 69.3 peratus, Matematik 77.4 peratus, Bahasa Inggeris 77.7 peratus. Pencapaian murid Tingkatan I pula adalah hanya pada tahap memuaskan dengan purata skor mata pelajaran Sains hanya pada tahap 59.2 peratus, Matematik 58.2 peratus dan Bahasa Inggeris 61 peratus. Didapati juga prestasi sekolah-sekolah menengah luar bandar lebih rendah dari sekolah-sekolah di bandar.

Akhirnya bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat bagi Puchong dan Yang Berhormat bagi Sik tentang usaha untuk kita mengatasi kelemahan pelaksanaan PPSMI di luar bandar. Kementerian melihat agenda untuk mengurangkan jurang pendidikan bandar/luar bandar tidak terhad kepada PPSMI sahaja. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, jurang ini akan cuba ditangani melalui usaha meningkatkan infrastruktur,

menangani masalah penempatan guru, kekurangan guru, lokasi sekolah dan juga mengurangkan jumlah dan masalah sekolah kurang murid.

Agenda ini juga meliputi segala program bantuan tambahan yang dilaksanakan secara berterusan. Tahun ini sahaja kementerian memperuntukkan hampir RM1.3 bilion untuk melaksanakan program bantuan tambahan. Kementerian juga akan melaksanakan Pelan Tindakan Keberkesanan PPSMI yang mengandungi lapan strategik untuk mengatasi kelemahan pengajaran dan pembelajaran (P&P) di sekolah berprestasi rendah; mengadakan program peningkatan penggunaan bahasa Inggeris selepas UPSR; program peluas bahasa Inggeris seperti bacaan insentif, bacaan awal dan sastera kontemporari dan mengubahsuai latihan kemahiran bahasa Inggeris agar sesuai untuk memahami isi kandungan bahan bantu mengajar PPSMI. Terima kasih.

**Dato' Ghazali bin Ibrahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih, Yang Berhormat Menteri di atas jawapan tadi. Kita dengar tadi bahawa keputusan peperiksaan di sekolah-sekolah di luar bandar tidak begitu memberangsangkan kita dengan sebab kekurangan guru opsyen bahasa Inggeris, Matematik, Sains dan sebagainya. Didapati juga bahawa di dalam peperiksaan UPSR kebanyakan sekolah di luar bandar hanya terdapat keputusannya 4A 1B, yang 'B' ialah Bahasa Inggeris. Boleh atau tidak pihak kerajaan menimbangkan supaya sekolah-sekolah di luar bandar yang tidak ada guru Bahasa Inggeris, walaupun keputusan hanya mendapat 4A 1B juga dipertimbangkan untuk mendapat asrama penuh di dalam negara kita? Kita harap, boleh atau tidak, dan berapa ramaikah guru-guru yang bersara telah pun diambil bertugas semula, khususnya dalam mata pelajaran yang saya nyatakan tadi. Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Mohon jawapan.

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Terima kasih, Yang Berhormat. Seperti yang saya sebutkan tadi di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, bukan sahaja merupakan tumpuan saya selaku Menteri yang bertanggungjawab tetapi merupakan tekad dan janji kita selaku kerajaan dalam manifesto kita pilihan raya yang baru diadakan dahulu. Ini menunjukkan bahawa apa juga kekurangan jurang di antara bandar dan luar bandar akan kita tangani secara menyeluruh, khusus kepada soal kemasukan ke sekolah-sekolah asrama penuh memang sudah pun ada kelonggaran untuk murid-murid daripada luar bandar diberikan tempat di dalam sekolah-sekolah

asrama penuh kalau sekiranya pencapaian mereka hanya kurang 1B dalam subjek-subjek tertentu.

Isunya sekarang ialah jumlah permohonan kalau hendak dibandingkan dengan tempat yang disediakan memang tidak mencukupi. Saya bercadang dengan perancangan untuk Rancangan Malaysia Kesembilan jumlah sekolah asrama penuh ini dapat ditambah tetapi ini bergantung kepada keputusan EPU yang akan menentukan dan melihat peruntukan yang akan diagihkan kepada kementerian-kementerian secara menyeluruh.

Berhubung kait dengan jumlah guru yang telah pun bersara. Kita sedang melihat tetapi dari segi angkanya tidak ada bersama saya, saya akan bekalkan kepada Yang Berhormat secara bertulis.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang telah diberikan. Di sini saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang telah memberikan satu penjelasan yang berkesan mengenai dasar bahasa Inggeris di Utusan Malaysia semalam dan juga pagi ini mengenai bagaimana murid memperkasakan sistem atau dasar bahasa Inggeris terutama di luar bandar.

Tetapi ada satu persoalan yang saya ingin tanya Yang Berhormat mengenai dasar bahasa Inggeris ini terutama di kawasan luar bandar, di mana sekarang ini saya difahamkan bahawa kertas-kertas soalan ini masih dalam dua bahasa iaitu dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris sehingga tahun 2008. Ini telah memberi satu alasan atau pun sebab yang baik kepada guru-guru atau pun cikgu-cikgu di luar bandar masih meneruskan pengajaran mereka dalam bahasa Malaysia sehingga ini akan menjejaskan dasar kerajaan.

Soalan tambahan saya ialah adakah kementerian atau Yang Berhormat Menteri ini sedia atau pun telah membuat keputusan untuk menamatkan sistem dua bahasa ini pada tahun 2008 akan datang. Sekian, terima kasih.

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Puchong. Saya pun ingin memanjatkan rasa lega dan juga bersyukur di atas sokongan berkaitan dengan dasar. Saya mengakui bahawa kekurangan, kelemahan di peringkat dua tahun pelaksanaannya perlu dikaji dengan teliti termasuk dari segi pelaksanaan

untuk mewajibkan mereka menjawab soalan-soalan dalam satu bahasa sahaja. Tetapi setakat hari ini, kelonggaran itu masih lagi wujud, 2007 dan juga 2008 dan seperti juga saya juga jawab di dalam Utusan semalam, kita lihat aspek ini sebagai satu aspek perlu kepada kajian yang kita hendak laksanakan ini.

Insya-Allah, bila angka-angka yang terperinci dapat kita dapati daripada kajian ini, satu keputusan yang muktamad akan diambil dan kita akan maklumkan kepada Dewan yang mulia ini. Insya-Allah.

**5. Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah kerajaan bagi memastikan penyertaan bumiputera di dalam proses penswastaaan pelabuhan-pelabuhan dan sehingga kini berapakah peratus kepentingan ekuiti bumiputera yang masih dikekalkan?

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mustapa bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya kerajaan telah menetapkan bahawa sekurang-kurangnya 30% daripada ekuiti entiti yang diswastakan termasuk pelabuhan hendaklah dimiliki oleh bumiputera.

Selain dari itu, bagi mengekal dan melindungi kepentingan bumiputera selepas penswastaaan, kerajaan telah menetapkan, mengenakan sekatan ke atas penjualan saham untuk tempoh tiga tahun yang melibatkan perubahan ke atas struktur ekuiti entiti yang diswastakan. Sebarang cadangan ke atas struktur ekuiti pemegang saham dan entiti yang diswastakan perlu mendapatkan kelulusan kerajaan melalui Unit Perancang Ekonomi (UPE) dan UPE akan memastikan bahawa pegangan ekuiti bumiputera akan berada di tahap melebihi 30% pada bila-bila masa.

Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun 1986, sejumlah sembilan buah pelabuhan telah diswastakan iaitu:

- (i) Pelabuhan Tanjung Pelepas,
- (ii) Pelabuhan Pasir Gudang,
- (iii) Pelabuhan Kuantan,
- (iv) Terminal Kontena Pelabuhan Klang,
- (v) Pelabuhan Klang,
- (vi) Pelabuhan Bintulu,
- (vii) Pelabuhan Barat Klang,



- (viii) Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah, dan
- (ix) Pelabuhan Melaka.

Manakala, satu lagi pelabuhan iaitu Pelabuhan Pulau Pinang telah dikorporatkan pada 1 Januari 1994. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan telah meluluskan beberapa cadangan perubahan saham. Antaranya, Pelabuhan Tanjung Pelepas di mana pada peringkat awal, bumiputera memiliki kurang 90% ekuiti dalam syarikat tersebut. Pada tahun 2000, kerajaan telah meluluskan pemindahan saham kepada *Maersk*, iaitu 30% kepada sebuah syarikat asing dan di Pelabuhan Kuantan kerajaan juga telah meluluskan cadangan *road builder* untuk meningkatkan pegangannya.

Walau bagaimanapun, pada masa ini pegangan saham bumiputera dan pelabuhan-pelabuhan di Malaysia iaitu pelabuhan-pelabuhan yang diswastakan secara umumnya melebihi 30%.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob:** Terima kasih, Yang Berhormat. Soalan tambahan saya. Selepas sesuatu penswastakan, kita dapati banyak rungutan yang diberikan bahawa pengagihan kerja-kerja kepada bumiputera adalah amat berkurangan. Saya dimaklumkan, contohnya di West Port, di Pelabuhan Barat Klang misalnya, pengagihan kepada bumiputera dari segi mendapatkan kerja-kerja kontrak dan sebagainya amat berkurangan sekali.

Dari segi pihak kerajaan sendiri, bagaimana pihak kerajaan mampu ataupun dapat mengawal perkara ini supaya aspirasi kerajaan bukan sahaja dari segi ekuiti dapat dikekalkan tetapi dari segi pengagihan secara langsung selepas itu juga dapat diteruskan.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, syarikat kerajaan tertakluk kepada dasar kerajaan, iaitu sebahagian daripada perolehan hendaklah diagihkan kepada bumiputera dan apabila sesebuah syarikat itu diswastakan maka memanglah ia terkeluar dari segi prinsipnya daripada arahan kerajaan tetapi dari segi moralnya syarikat-syarikat yang diswastakan ini tertakluk kepada arahan kerajaan. Dalam Malaysia kita ada dasar yang memberi penekanan kepada usaha-usaha untuk meningkatkan penyertaan bumiputera dan perniagaan.

Oleh itu dari segi moralnya syarikat-syarikat yang dahulunya milik kerajaan dan sekarang diswastakan hendaklah memastikan bahawa agihan kerja itu adil termasuklah agihan kepada bumiputera. Kita mendengar rungutan-rungutan daripada banyak pihak tentang perkara ini dan dalam tempoh bermula daripada tahun ini, kita sudah berjumpa dengan beberapa syarikat kerajaan untuk menekankan bahawa mereka perlu mematuhi dasar kerajaan. Kita sedang merangka suatu mekanisme untuk memantau syarikat-syarikat yang dahulunya milik kerajaan yang diswastakan bagi memastikan bahawa agihan kontrak ini adalah adil, iaitu menepati dasar kerajaan, membangunkan masyarakat perindustrian di kalangan bumiputera dalam negara kita.

**Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri menyebut tentang agihan 30% ekuiti kepada bumiputera dan saya ingin bertanya mengenai agihan kepada bumiputera itu sendiri. Nama-nama yang disebut selalunya nama-nama yang sama ataupun orang-orang yang ada kaitan dengan kumpulan-kumpulan tertentu sama ada Tanjung Pelepas ataupun *road builders* dan sebagainya.

Persoalan saya, sejauh manakah dasar kerajaan untuk mengagihkan kepada bumiputera itu, menepati hasrat sebenar iaitu bumiputera-bumiputera bukan yang sama ataupun bukan dari kumpulan yang sama tetapi bumiputera kepada keseluruhannya. Sejauh manakah kerajaan mempunyai dasar dalam hal ini? Terima kasih.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah ada beberapa individu yang kerajaan dapati mampu dan berpotensi telah diberikan peluang untuk melaksanakan beberapa projek penswastaan. Ini termasuklah Pelabuhan Tanjung Pelepas, di mana Yang Berbahagia Tan Sri Syed Mokhtar, merupakan seorang yang telah diberi kepercayaan oleh kerajaan bagi mengendalikan program penswastaan ini.

Tetapi individu ini dipilih setelah didapati mereka mampu untuk melaksanakan program tersebut dan kepada kerajaan, kita berlaku adil. Kita telah menswastakan kira-kira 500 projek kerajaan dan daripada sembilan buah pelabuhan yang diswastakan, dua pelabuhan, iaitu Terminal Kontena Pelabuhan Klang dan Pelabuhan Klang dimiliki sebahagian besarnya oleh Amanah Raya Nominees, yang mana Amanah Saham Bumiputera memiliki kira-kira 46.2% daripada saham kedua-dua pelabuhan tersebut.

Kita dapati bahawa bukan sahaja individu yang memiliki saham daripada syarikat yang diswastakan tetapi Amanah Saham Bumiputera juga, dalam dua kes tersebut daripada sembilan syarikat yang telah diswastakan, dua dimiliki oleh ASB. Bagi syarikat-syarikat yang disenaraikan, umpamanya Bintulu Port telah disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur. Ada peluang untuk individu bumiputera yang lain untuk menyertai program penswastaan.

Begitu jugalah jika ada bumiputera yang mampu untuk memiliki saham *road builder*, tidak ada apa yang boleh menghalang mereka untuk memiliki saham Kuantan Port oleh kerana Kuantan Port dimiliki oleh *road builder*. Oleh kerana *road builder* sebuah saham yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur, individu bumiputera juga berhak untuk membeli saham-saham di Bursa Saham Kuala Lumpur.

**[Soalan No. 6 – Y.B Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah] tidak hadir]**

**7. Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]** minta Perdana Menteri menyatakan setakat mana penerimaan Islam Hadhari dan setakat manakah masyarakat dapat digerakkan ke arah matlamat yang digariskan di bawahnya?

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin]:** Tuan Yang di-Pertua, masyarakat pada umumnya telah menerima dan memahami pendekatan Islam Hadhari yang diperkenalkan oleh kerajaan yang bertujuan untuk memajukan ummah dan negara.

Penerimaan masyarakat ini berikutan penjelasan mengenai pendekatan Islam Hadhari yang telah dilaksanakan semenjak setahun yang lalu kepada pegawai-pegawai kerajaan, badan-badan berkanun, sektor swasta, pelajar-pelajar dan orang ramai yang terdiri daripada orang-orang Islam dan bukan Islam. Kerajaan telah memberi amanah kepada Jabatan Agama Islam Malaysia sebagai agensi pusat yang bertindak sebagai penyelarasan untuk penjelasan dan penerangan dengan dibantu oleh agensi-agensi lain, iaitu Institut Kefahaman Malaysia (IKIM), Jabatan Siasah dan Agama (JASA), Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JPIM), Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT), Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) dan Pejabat Penasihat Agama Kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Masyarakat akan digerakkan ke arah pencapaian matlamat menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara Islam contoh yang maju mengikut acuan sendiri. Pendekatan Islam Hadhari ini memerlukan komitmen dan kerjasama semua pihak untuk dilaksanakan termasuk individu, keluarga, masyarakat dan negara. Kerajaan telah pun melaksanakan Islam Hadhari sejak awal lagi dengan dasar-dasar seperti penerapan nilai Islam dalam pentadbiran dan lain-lain lagi.

Sekarang ini, dasar-dasar tersebut telah dibuat penambahbaikan lagi serta dasar-dasar baru diperkenalkan sesuai dengan keperluan semasa seperti pada masa ini ia dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran dengan dasar J-QAF iaitu Jawi, Al-Quran, Bahasa Arab dan Fardu Ain, Kementerian Pengajian Tinggi dengan dwi pengkhususan dan Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Warisan dengan Kempen Budi Bahasa.

Kesemua pendekatan yang diambil oleh Kementerian-kementerian di atas merupakan pelaksanaan Islam Hadhari yang tujuannya untuk menjadikan Malaysia sebagai negara Islam contoh yang maju. Kesimpulannya, keseluruhan masyarakat telah menerima baik pendekatan Islam Hadhari yang dibawa oleh Kerajaan Barisan Nasional dan sedang bersama bergerak melaksanakan matlamat untuk pembangunan ummah dan negara berdasarkan pendekatan Islam yang universal, maju, bertamadun, toleransi dan berimbang. Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Saya rasa dari segi dan konteks penjelasan kita telah memberikan penjelasan yang amat berkesan tentang Islam Hadhari. Tetapi yang lebih penting saya rasa apa yang selalu kita buat ialah tentang penghayatan Islam Hadhari tersebut.

Menurut penerangan Yang Berhormat Menteri tadi, Kementerian Pelajaran telah melaksanakan beberapa program termasuk J-QAF, tetapi apa yang kita dapati ialah indeks sosial di kalangan remaja adalah meningkat. Dalam konteks ini, setakat manakah pendekatan kesediaan kementerian untuk mengkaji *syllabus* dan pendekatan kepada penghayatan Islam Hadhari tersebut, misalnya kalau kita lihat dalam pengajian Islam, penekanan kita ialah pada Tauhid dan Fiqah tetapi kurang kepada Ilmu Tasawuf yang membawa kepada pembentukan akhlak, kekuatan dalaman seperti mana yang diobjektifkan dalam Islam Hadhari. Terima kasih.

**Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Sebenarnya pada tahun pertama, iaitu sehingga akhir tahun 2005 adalah merupakan tahun penjelasan Islam Hadhari, iaitu digerakkan atau digemblengkan tenaga semua agensi-agensi sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi dengan diselaraskan oleh JAKIM. JAKIM sendiri sebenarnya juga bertanggungjawab untuk memberi penjelasan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan, badan berkanun dan juga polis serta orang awam.

Misalnya, IKIM ditugaskan untuk menjelaskan Islam Hadhari kepada bukan Islam, sama ada individu ataupun pertubuhan-pertubuhan daripada bukan Islam. Kemudian JASA bertanggungjawab untuk menerangkan, memberikan penjelasan di tahun 2005 ini sehingga akhir 2005 ialah kepada pertubuhan politik dan sebagainya. Begitulah juga Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JPIM) kepada guru-guru, para pelajar, Jabatan Pendidikan Tinggi kepada IPTA, IPTS dan sebagainya, Kor Agama kepada Anggota Tentera, YADIM kepada pertubuhan-pertubuhan belia dan sebagainya.

Ini digemblengkan, semua pihak adalah dijelaskan pelaksanaan terhadap nilai-nilai yang ada dalam Islam Hadhari adalah merupakan tugas bersama. Bukan tugas kita katakan JAKIM sahaja ataupun Kementerian Pendidikan sahaja. Tidak! Ia adalah tugas bersama daripada tugas individu, keluarga, masyarakat, agensi-agensi, kementerian-kementerian dan sebagainya. Saya rasa ini adalah merupakan pendekatan Islam Hadhari yang dipilih oleh kerajaan, berbeza dengan pendekatan-pendekatan yang lain yang tersebar luas sekarang ini di seluruh dunia, seperti pendekatan politik iaitu dikenali *Al-Islamu-Siasih*, dengan izin, iaitu Islam politik, pendekatan hanya dari sudut politik sahaja.

Kemudian ada lagi pendekatan yang tersebar luas sekarang ini ialah *Al-Islamul-Ruhi* ataupun *Al-Islamul-Sufi*, iaitu Islam secara kerohanian, *spiritual*, pendekatan dari sudut ritual sahaja, penekanan. Jadi, yang dipilih oleh kerajaan ialah pendekatan Al-Hadhari, *Al-Islamul Hadhari*, ia adalah merupakan pendekatan yang menyeluruh dan komprehensif dengan erti ia berkembang daripada individu, daripada keluarga, daripada masyarakat kecil sehinggalah kepada masyarakat besar dan negara.

Semua bertanggungjawab untuk melaksanakan pertama dari sudut pembangunan-pembangunan yang digariskan oleh Perdana Menteri iaitu prinsip-prinsip asasi Islam Hadhari yang ada 10, yang saya rasa telah pun disebar, yang telah

dibukukan oleh JAKIM sedutan dari ucapan Perdana Menteri dalam Perhimpunan Agung UMNO tempoh hari, kemudian penjelasan dan huraian yang telah dibuat dalam 10 prinsip yang telah diutarakan oleh Perdana Menteri yang telah dibuat oleh JAKIM dengan mengumpulkan 30 orang Profesor, ulama dan juga ilmuwan bagi menjelaskan 10 prinsip tersebut supaya adanya keseragaman dalam penjelasan itu. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tumpat.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya hampir sama dengan apa yang disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat Petra Jaya tadi iaitu hubungan di antara Islam Hadhari dengan gejala sosial di kalangan para belia.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita maklum beberapa minggu yang lalu JAWI telah menyerbu sebuah majlis berdansa dan minuman keras dalam kelab malam di Kuala Lumpur. Tindakan JAWI itu mendapat pelbagai reaksi. Yang Berhormat Menteri sendiri pada peringkat awalnya, saya tengok dalam televisyen mempertahankan tindakan JAWI itu dan mengisytiharkan bahawa Yang Berhormat maklum ada pesta minuman keras di majlis itu pada ketika itu. Tetapi kemudiannya tindakan-tindakan kerajaan nampaknya lain. Pertamanya tidak ada lagi pendakwaan terhadap 100 orang ini dan keduanya tidak lagi boleh dilakukan serbuan kecuali ada syarat-syarat tertentu.

Soalan saya mudah sahaja, yang mana Islam Hadhari, tindakan awal JAWI menyerbu, menahan dan berusaha untuk mendakwa atau keputusan akhir Kabinet tidak ada lagi serbuan kecuali dengan syarat-syarat tertentu? Terima kasih.

**Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Terima kasih, saya rasa dua soalan tadi adalah tidak menepati dengan apa yang dibincangkan di sini. Saya rasa apa yang dibincangkan di sini ialah Islam Hadhari. Apa yang disebut Islam Hadhari adalah usaha yang telah dibuat oleh kerajaan untuk melaksanakan 10 prinsip yang telah diutarakan oleh Perdana Menteri. Sudah tentulah tidak boleh dikaitkan dengan yang baik dan bukan baik. Maknanya kalau kita terus kaitkan, katakan Islam Hadhari adalah suatu prinsip yang baik kemudian gejala-gejala sosial sebagaimana yang dibincangkan ini benda yang tidak baik. Apabila kita hendak menjalankan perkara-perkara yang baik bukan semestinya benda yang tidak baik itu terus dihapuskan, dua keadaan yang

berbeza. Usaha kita terus berterusan. Pertarungan di antara yang baik dengan yang tidak baik itu terus berlangsung.

Dalam sejarah tamadun Islam pun sama. Di Rasulullah pun sebagaimana Yang Berhormat Tumpat mengetahui bahawa pada zaman Rasulullah pun berlaku gejala-gejala sosial. Kalau kita baca hadis pun kita dapati Nabi kata yang bermaksud, “*Aku tegah kamu daripada duduk di persimpangan-persimpangan jalan*” [*Membaca sepotong ayat dalam bahasa Arab*]. Maksudnya aku tegah kamu dari duduk di tepi jalan untuk hendak membasuh mata atau untuk hendak melihat orang yang lalu lalang, Nabi kata, “*Aku tegah kamu....*”

Tetapi kalau kamu hendak duduk juga kena beri salam, kena mata itu jangan juling, tunduk sahaja, kemudian kena mengamalkan adab-adab yang baik semasa di tengah jalan. Ertinya gejala-gejala sosial berlaku di mana-mana, pada zaman awal pun berlaku. Cuma dapat ditangani itu adalah merupakan suatu usaha yang telah dibuat oleh Rasulullah dan para sahabatnya.

Jangan kita panik dengan apa yang berlaku sekarang katakan. Gejala sosial atau pun dari segi *criminal* berlaku dan telah saya jelaskan dahulu menurut angka yang diberi oleh Ketua Polis Negara dalam satu taklimat kepada Menteri-menteri katanya Malaysia masih terkawal. Cuma mungkin timbulnya diriu-hendahkan, terlalu bising sangat. Berlaku sedikit pun bising soalnya oleh media dan sebagainya. Kalau pada masa dahulu pun sebagai contoh sumbang muhrim pun berlaku sejak lama dalam sejarah tetapi kerana media elektronik, media cetak dan sebagainya agaknya tidak berkembang baik, maka tidak disebarluaskan. Bukannya saya hendak mengatakan ia tidak berlaku.

Islam Hadhari adalah satu niat yang baik oleh kerajaan. Kalau ada gejala-gejala sosial dan sebagainya, kita sama-sama berkewajipan untuk membasmi dan menghapuskannya dan mengurangkannya. Bagi saya tidaklah apabila suatu hasrat yang baik itu terus dikaitkan dengan benda-benda yang tidak baik. Ini pertarungan di antara hak dan batil sentiasa berlaku dalam dunia, tambahan pula dalam era globalisasi dan sebagainya ini.

8. **Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan mengenai perancangan untuk menepatkan penagih-penagih dadah di suatu tempat yang berasingan supaya mereka tidak lagi kembali terjebak dengan perkara-perkara negatif yang boleh merosakkan diri, contohnya dengan menempatkan mereka di pulau-pulau yang sesuai.

**Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Tuan Chia Kwang Chye]:**

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri pada masa ini tidak mempunyai cadangan untuk menempatkan penagih-penagih dadah di suatu tempat yang berasingan seperti pulau-pulau kerana langkah ini tidak selaras dengan matlamat program rawatan dan pemulihan yang dijalankan dan usaha untuk mengintegrasikan semula mereka ke dalam masyarakat.

Untuk makluman Yang Berhormat jua, pada tahun 2001 kerajaan telah mengambil langkah yang lebih keras dengan mewujudkan sebuah Pusat Pemulihan Dadah Penjara Kajang untuk menempatkan penagih tegar yang sering menimbulkan masalah di pusat serenti berulang kali keluar masuk pusat serenti serta mempunyai rekod jenayah. Pusat pemulihan ini boleh menempatkan 300 orang penagih pada satu-satu masa dan jumlah penagih dadah yang sedang menjalani program rawatan dan pemulihan di Pusat Pemulihan Penjara Kajang sehingga Mei 2004 ialah seramai 260 orang.

Selain daripada itu, tindakan yang lebih keras ke atas penagih tegar telah diambil dengan pindaan Akta Dadah Berbahaya 1952 (Pindaan) 2002 di mana penagih-penagih yang dikesan kali ketiga selepas menjalani program rawatan pemulihan sebanyak dua kali di pusat serenti akan dipenjarakan bagi tempoh yang lebih lama iaitu daripada 5 hingga 7 tahun dan disebat dengan rotan tidak lebih daripada tiga sebatan diikuti dengan hukuman penjara dari 7 hingga 13 tahun dan sebatan tiga hingga enam kali bagi kesalahan kali yang keempat.

Undang-undang ini mula berkuat kuasa pada 1 November 2002 dan penagih dadah yang diperintahkan untuk menjalani program rawatan dan pemulihan di pusat serenti selepas tarikh tersebut akan dikenakan tindakan mengikut peruntukan yang baru ini. Hukuman penjara yang lebih lama ini bertujuan untuk menjadikan dengan izin, *deterrent*, dan juga bagi mengasingkan penagih tegar daripada masyarakat. Sekian, terima kasih.



**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, selesailah masa kita untuk soal jawab.

**[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]**

### USUL

#### **MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Kesebelas.”

**[31 Mac 2005]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya membenarkan Ahli-ahli Yang Berhormat berucap bolehkah saya tahu berapa ramai lagi yang ingin berucap? Saya hendak tengok.

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, Petra Jaya.

**11.08 pagi.**

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk terlibat sama dalam perbahasan ini. Terlebih dahulu izinkan saya untuk merafakkan sembah terima kasih di atas Titah Ucapan Yang di-Pertuan Agong yang saya anggap ringkas tetapi padat dan penuh berhemah.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin menyentuh Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku akan usaha kerajaan untuk terus mempergiatkan usaha membangunkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera serta penyertaan yang seimbang dalam ekonomi di kalangan kumpulan etnik dan wilayah. Kepada saya ini adalah satu usaha yang mesti dibuat secara berterusan dan berkesan; dan menuntut kepada komitmen politik bagi menterjemahkan hasrat ini kepada suatu tindakan, bukan hanya sekadar visi semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus merangka satu pelan tindakan dalam aspek latihan iaitu kemahiran pengurusan perniagaan yang merangkumi aspek kewangan, pemasaran, perolehan, perhubungan awam dan komunikasi. Ini juga menuntut kita untuk mengubah sikap dan minda usahawan bumiputera seterusnya ialah untuk kita mewujudkan peluang dan ruang serta kaedah yang berkesan ke arah ini. Cuma kekhuatiran saya kerajaan tidak akan berjaya mencapai matlamat ini kerana pelaksanaan yang kita buat tidak mengambil kira kedudukan dan kesesuaian wilayah dan daerah. Misalnya di Sarawak sebagaimana yang kita ketahui, bidang perindustrian hanya diperkenalkan dalam lewat tahun 1980-an yakni 1989, berbanding di Semenanjung telah dimulakan pada tahun 1970-an.

Kalau di Semenanjung kini perolehan perabot dan barang perkilangan seperti tilam dan sebagainya kini dibuat secara tender mungkin disebabkan telah banyak syarikat bumiputera telah berkecimpung dalam bidang ini tetapi tidak di Sarawak kerana syarikat yang baru mula bertapak setelah melabur begitu banyak dalam pembinaan kilang dan mesin belum pun mendapat pulangan modal kerana bersaing secara tender. Kalau sudah banyak kilang bumiputera, saya tidak hairan tetapi ini hanya ada sebuah kilang bumiputera dalam bidang yang ditenderkan.

Untuk itu saya menyeru bagi pihak Persatuan Pengilang dan juga Dewan Usahawan Bumiputera agar kerajaan mengkaji dasar dan pelaksanaan ke arah membentuk bumiputera dalam bidang perniagaan dan perindustrian mengikut kesesuaian wilayah dan daerah.

Tuan Yang di-Pertua, keduanya saya ingin menambah akan isu halal yang telah dibangkitkan oleh rakan-rakan Yang Berhormat sekalian. Saya amat bersetuju isu ini isu besar bukan sahaja dalam konteks umat Islam tetapi juga dalam sudut ekonomi dan

maruah atau integriti negara. Untuk memperkukuhkan Malaysia sebagai Halal Hub sebagaimana diharapkan oleh Baginda Tuanku, saya ingin mencadangkan seperti berikut:-

Pertamanya, program kesedaran secara berterusan bagi menyedarkan betapa pentingnya standard halal ini diikuti dan dipatuhi mestilah dijalankan. Di samping itu kursus-kursus kepada pekerja-pekerja pengeluar barangan makanan halal mestilah diadakan secara berterusan dengan mereka diwajibkan hadir ke kursus tersebut. Mereka yang diambil bekerja mestilah diambil dari kalangan mereka yang telah menghadiri kursus dan mempunyai tauliah dari badan pengendali kursus yang diiktiraf oleh agensi yang dilantik oleh kerajaan.

Keduanya ialah persoalan dasar. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat Jerai telah mencadangkan bahawa apa yang patut kita lakukan ialah meletakkan tanda tidak halal sebab kita ini dikenali sebagai sebuah negara Islam. Dalam konteks perundangan atau standard nasional dan juga dunia kita mesti meletakkan tanda halal, jadi timbul kekeliruan. Adakah kita boleh mengandaikan atau *presume* dengan izin bahawa mana-mana tempat yang tidak meletakkan tanda halal maka apa-apa makanan atau barang kegunaan yang digunakan adalah tidak halal. Ini menimbulkan kekeliruan dan ini adalah persoalan dasar yang harus kita selesaikan.

Untuk itu saya ingin mencadangkan .....

**Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang):** [*Bangun*]

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof :** Sila, Yang Berhormat.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Petra Jaya. Saya amat tertarik dengan isu Halal -Hub yang di bawa oleh Ahli Yang Berhormat Petra Jaya ini. Saya ingin pandangan ataupun mungkin Ahli Yang Berhormat Petra Jaya boleh bangkitkan, dalam usaha untuk kita meningkatkan lagi kepercayaan dunia luar tentang Halal Hub yang kita hendak bina ini, adakah Ahli Yang Berhormat Petra Jaya bersetuju sekiranya bagi pengeluar-pengeluar barangan halal yang bersaiz besar perlu mewujudkan jawatan Pegawai Syariah itu sendiri di setiap kilang mereka. Adakah Ahli Yang Berhormat bagi Petra Jaya bersetuju? Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]:** Terima kasih Yang Berhormat Ledang. Sebenarnya itu adalah sebahagian daripada cadangan yang bakal saya buat. Jadi sebelum saya pergi ke arah tersebut cadangan seterusnya yang ingin saya cadangkan ialah untuk kerajaan mengkaji mewujudkan satu akta supaya kita dapat merangka akta tersebut dan dibahaskan di Parlimen ini. Setakat ini kita ada berapa set perundangan berkaitan dengan perkara ini. Yang sering digunakan ialah Akta Perihal Dagangan 1972 dan juga undang-undang negeri, misalnya di Sarawak ialah Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah Sarawak 2001 (Penyalahgunaan Tanda Halal). Ini menimbulkan permasalahan dari segi pentadbiran berkaitan dengan bidang kuasa dan juga siapa yang harus mengambil tindakan. Prinsip undang-undang menyatakan bahawa seseorang tidak boleh dihukum di bawah dua perundangan yang berbeza untuk satu kesalahan yang sama.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** Yang Berhormat Ketereh boleh saya berikan kemudian. Saya selesaikan topik ini dahulu. Untuk itu saya ingin cadangkan akta ini mestilah merangkumi segala aspek keperluan dan pematuhan halal dan juga kuasa dan bidang kuasa yang jelas dan nyata tentang peranan yang dimainkan oleh Kementerian Kesihatan, Kementerian Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna, JAKIM dan juga Jabatan Agama Islam negeri-negeri. Akta ini kalau boleh saya cadangkan bolehlah kita panggil Akta Produk dan Perkhidmatan Halal atau yang difikirkan oleh kerajaan. Dengan kata lain akta makanan di bawah bidang kuasa Kementerian Kesihatan, manakala akta ini diberi kuasa pendakwaan kepada Kementerian Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna.

Bagi tujuan penguatkuasaan yang lebih berkesan kuasa penguatkuasaan bolehlah diagihkan kepada agensi-agensi seperti polis, kastam, Jabatan Agama Persekutuan dan negeri juga Kementerian Kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi penguatkuasaan saya ingin mencadangkan kajian mestilah dibuat untuk memperbaiki sistem penguatkuasaan, siasatan dan pendakwaan supaya dapat memberi kuasa, peranan dan tanggungjawab yang jelas dan tersusun atau teratur di antara agensi kerajaan. Ini bagi mengelakkan apa yang berlaku

di mana timbulnya kenyataan yang bertentangan di antara satu kementerian dengan kementerian yang lain.

Halal tidak dapat dikendali dengan sewenang-wenangnya sebab sesuatu yang melibatkan agama. Sebagaimana kita tahu dalam kedudukan agama kita kalau timbul keraguan yang halal pun boleh menjadi haram, apatah lagi yang melibatkan maruah negara yang berhasrat untuk menjadikan negara pengeluar makanan halal dunia. Sila Yang Berhormat Ketereh.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Terima kasih Petra Jaya dan Tuan Yang di-Pertua. Saya sangat tertarik dengan cadangan awal tadi yang mengatakan bahawa antara isu halal dan haram ini di Malaysia banyak yang halal daripada yang haram. Dan kita boleh buat satu *assumption* bahawa di seluruh Malaysia ini semua halal kecuali yang ada tanda tidak halal. Jadi kenapa kita bersungguh sangat hendak buat tanda halal, lebih baiklah kita buat tanda tidak halal.

Kita boleh *assume* semua benda yang ada di kedai, semua benda yang ada di restoran adalah halal kecuali yang ada tanda 'halal'. Jadi tidak payahlah lagi penguat penguasa mencari kita hendak makan cari tanda Halal. Kita hanya tengok semua kedai pergi yang itu tidak halal dan kalau ada kedai ini yang mahu supaya makanan dan produknya supaya dihalalkan baru dia *request* dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri atau Jabatan Perdana Menteri untuk mendapatkan tanda 'tidak halal' itu dibuang. Ini cadangan yang cukup baik dan saya rasa *we should have reversed this long time ago* sebab negara ini adalah negara halal. Sekarang ini terbalik negara ini sebenarnya negara tidak halal kecuali ada tanda Halal. Sepatutnya negara ini negara halal kecuali ada tanda 'tidak halal'. Terima kasih.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** Terima kasih Yang Berhormat Ketereh. Seperti mana yang saya katakan tadi ini adalah persoalan dasar yang harus kita selesaikan di pihak kerajaan. Secara peribadi dalam konteks perundangan saya akan lebih bersetuju supaya perkara ini kita kendalikan di mana barang-barang atau produk yang tidak halal harus ataupun apa yang kita hendak katakan sebagai halal mesti diletakkan tanda 'halal' sebab perundangan mengatakan sedemikian. Mesti ada *presumption* ataupun *assumption*, kalau halal kita mesti memohon benda itu sebagai halal barulah kita akan dapat menyelesaikan dalam isu perundangan, misal kata banyak restoran dan tempat

makanan tidak memohon kepada kerajaan untuk meletakkan tanda 'halal'. Mereka sebenarnya ada yang menyajikan makanan yang halal, tetapi ada juga tempat misal kata di hotel, saya telah dimaklumkan kek ada bercampur dengan alkohol tetapi tidak ada dinyatakan halal ataupun tidak yang sudah pasti makanan tersebut tidak halal.

Jadi sebab itu kalau kita tidak mewajibkan *outlet*, dengan izin makanan ini memohon untuk meletakkan tanda 'halal' maka tiada pendakwaan yang dapat dibuat. Kita tidak dapat mendakwa syarikat-syarikat tersebut. Sebab itu kita perlu menyelesaikan isu ini supaya ia akan dapat menyelesaikan kekeliruan di kalangan masyarakat kita dan dunia juga khususnya.

Izinkan saya meneruskan Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sila.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** Bagi memastikan keberkesanan pematuhan halal ini juga saya ingin menyarankan supaya kerajaan membuat kajian supaya pengeluar produk halal diwajibkan mempunyai Jawatankuasa Pemantauan Halal sama seperti yang dilakukan oleh Suruhanjaya Sekuriti mewajibkan syarikat-syarikat awam audit komiti dan perbankan Islam ada *Syariah Advisory Council*, dengan izin. Jawatankuasa ini mestilah dipengerusikan oleh seorang yang berkeelayakan dalam sudut syariah dan dianggotai oleh mereka yang berkeelayakan dan pakar dalam bidang-bidang berkaitan dengan pematuhan makanan halal, sama ada berdasarkan MS 1550.2004 iaitu Standard Persijilan JAKIM. Jawatankuasa ini mestilah memastikan antaranya:

- (i) produk atau perkhidmatan yang disediakan mengikut standard syariah dan prosedur berkaitan kebersihan dan kesihatan;
- (ii) setiap anggota jawatankuasa syarikat memberi pernyataan atau laporan bahawa syarikat telah mematuhi setiap aspek keperluan halal;
- (iii) setiap syarikat pengeluar makanan halal diwajibkan mengambil 30% pekerja bumiputera yang mana 50% mestilah orang Islam. Mereka diwajibkan mengikuti kursus atas tanggungan syarikat berkaitan dengan keperluan pematuhan halal tadi.

Seterusnya Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan atau mana-mana pihak berkuasa mengeluarkan lesen perniagaan makanan, pengendalian, khidmat.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Dungun bangun.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** Silakan.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]:** Terima kasih di atas laluan. Berkenaan halal ini sudah diperbincangkan begitu panjang. Apakah Yang Berhormat melihat bahawa masalah ini hanya makanan? Ada setengah-setengah pihak mencadangkan supaya kerajaan terus menubuhkan seperti suatu *authority* yang dinamakan Lembaga Halal Malaysia, kerana ia bukan sahaja meliputi makanan, tetapi juga meliputi pemakaian umpamanya kasut tidak daripada kulit khinzir dan lain-lain produk. Jadi halal itu dalam konteks kefahaman kita bukan sekadar dalam bentuk syariah dan agama semata-mata kerana konsep halal itu ialah sepatutnya baik, indah, sedap, tidak haram dari segi peraturan agama dan sedap - pelbagai. Maknanya bila sebut halal itu dalam istilah yang sebenarnya ialah yang terbaik.

Apakah Yang Berhormat bersetuju supaya kerajaan terus menubuhkan Lembaga Halal Malaysia sebagai suatu *authority* yang mempunyai piawai di peringkat antarabangsa dan juga seperti menggabungkan semua kepakaran tentang teknologi sains dan sebagainya kerana ia *beyond*, dengan izin melebihi daripada masalah halal/haram. Ia melebihi daripada penggunaan penterjemahan sains dan teknologi yang mana juga kilang-kilang ataupun pengeluar-pengeluar usahawan yang ada dalam negara sekarang bermasalah dan ini menampakkan kelemahan kita sebagai kerajaan dan sebagai orang yang menjalankan peraturan tentang halal/haram ini. Sehingga sekarang banyak kilang bermasalah kerana ketidakmampuan mungkin di beberapa agensi yang diberi tanggungjawab tentang halal/haram ini sehingga kilang-kilang bermasalah.

Apakah Yang Berhormat bersetuju supaya Lembaga Halal Malaysia diwujudkan oleh kerajaan sebagai *authority* yang mempunyai piawai dan mengadakan, memberikan *authority* juga kepada pegawai-pegawai pengeluar ataupun macam *quality control* yang berorientasikan tentang apa yang diambil oleh kilang-kilang oleh pengusaha-pengusaha

dan bukan lagi bergantung kepada pegawai penguat kuasa kementerian Yang Berhormat ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, masa untuk Yang Berhormat Petra Jaya hanya lagi 3 minit.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan:** Hendak bertanya kepada Yang Berhormat sahabat saya ini apakah Yang Berhormat bersetuju supaya kita menyelesaikan secara keseluruhan seperti SIRIM. Bukan lagi masalah kefahaman kita tentang agama yang sempit dan sebagainya tetapi dalam pendekatan yang lebih yang lebih besar. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat masa untuk Yang Berhormat Petra Jaya. Yang Berhormat boleh gulunglah.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** Terima kasih Yang Berhormat Dungun. Saya amat bersetuju dengan cadangan tersebut iaitu di peringkat kerajaan. Apa yang saya cadangkan ialah dari segi pelaksanaan, di mana syarikat-syarikat pengeluar produk pemakanan halal mestilah mempunyai jawatankuasa untuk memastikan pematuhan standard halal yang ditetapkan oleh kerajaan sama ada melalui Lembaga ataupun institut atau kementerian-kementerian yang berkuat kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, bidang kuasa Jawatankuasa Halal mestilah dinyatakan dengan jelas. Untuk itu garis panduan mestilah disediakan oleh kementerian. Antaranya saya ingin mencadangkan:

- (i) Jawatankuasa berkuasa untuk memeriksa keseluruhan atau mana-mana bahagian pengendalian atau rangkaian pengeluaran sama ada makanan ataupun produk syarikat termasuk juga kuasa memeriksa harta, inventori atau penyata kewangan atau *account* syarikat;
- (ii) Jawatankuasa ini mestilah diberi kebebasan serta terkecuali daripada kongkongan pengurusan syarikat dan kuorum mesyuarat dikira tidak mencukupi sekiranya tidak dihadiri oleh sejumlah minimum ahli bebas ataupun *independent*, dengan izin berkeelayakan dalam bidang syariah atau yang telah diberi kuasa oleh badan keagamaan Persekutuan atau negeri;



- (iii) Jawatankuasa mestilah diberi kuasa untuk melantik atau mengambil khidmat pakar dalam bidang tertentu, di mana kosnya ditanggung oleh pihak syarikat bagi membolehkan Jawatankuasa menjalankan tanggungjawab mereka;
- (iv) Jawatankuasa mestilah diberi kuasa untuk berurusan, memohon atau memanggil pegawai penguat kuasa atau mana-mana pihak berkuasa untuk membantu, memberi panduan dan terlibat sama jika diperlukan bagi membolehkan Jawatankuasa menjalankan tanggungjawabnya.

Di samping pemeriksaan oleh kerajaan atau agensi yang diberi kuasa, Jawatankuasa tadi mestilah membuat pemeriksaan sama ada setiap tiga bulan atau enam bulan dalam setahun terhadap premis, bangunan, kelengkapan atau peralatan mesin, perkakas atau kenderaan pengangkutan dan sebagainya serta mengeluarkan laporan sebagai laporan awam, sebagai sebahagian pengisytiharan pematuhan oleh pengurusan dan pengarah syarikat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] ***mempengerusikan mesyuarat***

Apa-apa tidak pematuhan membolehkan syarikat diarah menutup operasi perniagaan dan berhadapan dengan pendakwaan. Segala kos termasuk gaji atau elaun Jawatankuasa yang ditetapkan oleh kementerian mestilah ditanggung oleh syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, secara pendeknya kementerian mestilah dapat mengeluarkan Sijil Logo Halal yang *full proof*, dengan izin. Saya juga bersetuju supaya hukuman yang berat dikenakan terhadap pelanggaran atau tidak pematuhan terhadap standard halal itu tadi. Untuk tujuan itu definisi halal dalam akta ini mestilah merangkumi andaian bahawa wujudnya representasi bahawa apa produk sama ada berupa barang makan atau kegunaan adalah bebas dari unsur haram dari setiap aspek mengikut hukum syarak sama ada dalam sudut penyediaan, pengendalian, penyimpanan, pembungkusan, pengendalian dan pengangkutan.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah meneliti garis panduan permohonan Sijil Halal Majlis Islam Sarawak yang saya percaya lebih kurang sama dengan JAKIM dan mendapati bahawa permohonan adalah hanya berkaitan dengan perkara iaitu pertama produk barang kegunaan, kedua premis makanan dan ketiga rumah sembelih.

Saya ingin bertanya, adakah sebarang keperluan untuk memohon atau garis panduan dikeluarkan berkaitan dengan pengangkutan dan penyimpanan. Jika tidak saya menyarankan perkara ini harus diperbaiki dengan segera. Kesemua yang saya katakan termasuk rakan-rakan Ahli Yang Berhormat amat penting kerana di samping kewajipan di sudut agama, potensi pendapatan yang amat besar iaitu hampir 500 bilion keperluan makanan dunia manakala makanan halal ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat masa sudah cukup.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** Sedikit sahaja lagi. Makanan halal dianggarkan 10% daripada jumlah tersebut tidak harus kita ambil ringan. Maka maruah negara mesti dipelihara dengan kita memastikan kepada pematuhan halal standard ini untuk membuktikan komitmen kerajaan di atas hasrat Yang di-Pertuan Agong, dengan ini saya mencadangkan supaya kerajaan membentuk sebuah Jawatankuasa Kabinet bagi menangani isu ini serta menghalusi kesemua cadangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat serta merangka pelan tindakan ke arah meyakinkan rakyat dan dunia tentang kesungguhan kita memastikan pematuhan piawaian halal standard kita di Malaysia. Untuk itu Tuan Yang di-Pertua saya mengucapkan terima kasih dan mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Parit Sulung.

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulung]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Assalamualaikum wbt. dan salam sejahtera. Alhamdulillah, dapat juga saya bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat bagi membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Saya telah meneliti Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan saya mendapati bahawa ucapan ini merupakan satu ucapan yang menyeluruh merangkumi setiap aspek bukan sahaja membawa negara kepada dunia global tetapi juga mementingkan akar umbi dan masyarakat luar bandar. Saya mengucapkan tahniah

kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas Titah Ucapan baginda tambahan pula saya adalah kaum kerabat baginda. *[Disampuk]* Keturunan Syed-Syedlah. Orang kata kami ini keturunan Rasulullah tetapi itu orang katalah.

Tuan Yang di-Pertua sebagai generasi muda saya tidak boleh menghalang diri saya dari memperkatakan sesuatu aspek yang amat penting iaitu pembangunan sumber manusia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bukan keturunan England ke, itu Robin Hood ke? *[Ketawa]*

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros:** Kalau orang kata, Tuan Yang di-Pertua katalah. Orang kata saya ini ahli syurga, tidak tahulah itu orang kata. *[Ketawa]* Modal insan ini merupakan perkara yang penting, perkara yang paling utama yang memperkatakan tentang modal insan dan pembangunan sumber manusia maka aspek yang paling penting adalah pengisian program dan program-program yang harus kita buat hendaklah program-program yang bersifat fokus, mempunyai matlamat yang jelas, berkesinambungan dan program-program itu harus terus perencanaannya di peringkat akar umbi. Saya ingin mengingatkan diri saya dan semua pihak sebelum diingatkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa dalam program-program yang kita buat janganlah kita utamakan pelancaran semata-mata.

**Seorang Ahli:** Betul-betul.

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros:** Kita melancarkan program kita dengan wang beratus ribu ringgit, kita panggil segala orang buatlah segala perkara tetapi di peringkat yang paling bawah, di peringkat akar umbi tidak ada apa yang kita hendak lakukan. Enam bulan daripada pelancaran kita tidak buat apa-apa kepada yang paling bawah. Sebagai orang kampung dan generasi muda, saya melihat ini suatu pendekatan yang mesti dibetulkan. Kita mesti ada perancangan, kita mesti ada pelaksanaan yang berdasarkan perancangan yang betul, pelaksanaan yang bersungguh-sungguh yang sampai ke akar umbi. Kita mesti semak perancangan kita dan kita mesti mengambil tindakan kepada apa yang telah kita rancang, dan kalau kita semak mendapati perancangan kita apa yang kita laksanakan itu kurang berkesan kita mesti ubah strategi kita dengan cara yang paling singkat.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita amat saya banggakan dengan segala program, segala slogan, kita pun menyahut baiklah. Saya di peringkat Pusat, khidmat sebagai Wakil Rakyat dengan NGO hendak membantu jugalah ibu-ibu tunggal, buatlah kertas kerja-kertas kerja, buat program sulam, buat program jahitan, kita hantar akhirnya jawapannya tidak ada peruntukkan. Apa modal insan yang hendak kita bangunkan.

Rancangan Malaysia Yang Kesembilan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata modal insan, pengisian program, bukan sahaja pelancaran-pelancaran yang hebat tetapi ke akar umbi, agensi-agensi pusat mesti memperbanyakkan peruntukkan untuk kita menganjurkan program-program. Saya ambil contoh golongan belia, golongan belia hari ini tidak kurang daripada 40% daripada penduduk Malaysia, kalau hendak diambil daripada umur 15 tahun ke bawah....

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad :** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Ketereh bangun Yang Berhormat.

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros:** Beri saya jalan sekejap ya, saya ada masa yang singkat, minta maaf. Kalau Tuan Yang di-Pertua beri masa saya tidak terhad saya ada banyak lagi. Saya ini bercakap jarang-jarang.

Golongan belia 72%, golongan yang paling besar sekali, kita tengok peruntukan belia.

**Seorang Ahli:** *Relax.*

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros:** Hari ini peruntukan belia kita mohon daripada bulan satu, bulan enam tidak dapat.

**Seorang Ahli:** Jawab.

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros:** Kita lihat pada program rawatan penagih dadah - Sabak Bernam tidak ada?

**Seorang Ahli:** Dia pergi jual dadah.

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros:** Satu orang nisbahnya RM3,300 hendak merawat, kita melaksanakan program-program *preventive*, apa dalam bahasa Melayu?

**Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin:** Pencegahan.

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros:** Pencegahan. *[Disampuk]* Kita laksanakan program pencegahan, program mengajak manusia ini bersatu, program membantu kaum wanita melalui golongan belia - satu kepala RM3.30. EPU tolong ambil perhatian. **Saya** sebagai generasi muda, ini tidak adil.

Rawatan sepatutnya RM3,000 lebih satu kepala. **Orang** itu sudah separuh penyakit, yang kita hendak *prevent* ini, maaf apa dia?

**Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin:** Mencegah.

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros:** Yang kita hendak cegah ini.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Boleh pakai bahasa Arab juga Yang Berhormat, kalau hendak pakai. *[Ketawa]*

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros:** *Yumkin insya-Allah, syuaya, syuaya, ba'da...* Sabar sahajalah. Satu kepala RM3.60. Saya mencadangkan supaya peruntukkan ini ditambah, peruntukkan lebih besar hendaklah diberi dalam Rancangan Malaysia Yang Kesembilan. Saya mencadangkan kepada Kementerian Belia turunkan kuasa kepada Pejabat Belia dan Sukan Daerah. Kita mohon peruntukkan belia, kita isi segala borang, kita hantar ke daerah-daerah atau negeri. Negeri hendak tunggu mesyuarat, hantar bulan satu dapat bulan enam, program bulan tiga hendak buat apa.

Penurunan kuasa, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata hendaklah dibuat sekurang-kurangnya contohnya di peringkat daerah boleh meluluskan RM2,000 ke bawah, tidak payah negeri hendak hantar - lulus terus, bagi dalam dua minggu. **Kata** hendak modal insan!

Tuan Yang di-Pertua permohonan-permohonan ini juga mestilah dipercepatkan. Saya percaya dengan penurunan kuasa ini, dengan prosedur yang dimudahkan ini maka insya-Allah, banyak lagi pertubuhan belia yang dikatakan malap akan lebih terserlah.

Sebenarnya isu usia bukan isunya. Saya tidak percaya pada usia dalam belia maafkan saya. Orang putih kata Tuan Yang di-Pertua "*Makes new friend but keep the old, this are silver, those are gold*" sebab itu yang paling penting dalam golongan belia ini adalah kreativiti kita, sokongan daripada kerajaan kepada kita, kewangan yang diberikan kepada kita. Kita ada Majlis Perundingan Belia Negara, kita ada Majlis Perundingan Belia Negeri, kita tidak ada majlis perundingan belia daerah, kita tidak ada majlis perundingan belia Parlimen *[Disampuk]*.

Saya juga mencadangkan supaya kerajaan mengkaji majlis perundingan belia daerah dan majlis perundingan belia Parlimen ditubuhkan.

Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Makin banyak majlis Yang Berhormat makin susah hendak dapat peruntukan.

**Seorang Ahli:** Yalah.....

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros:** Sabar ajelah. *[Ketawa]*

Sumber Tenaga Pembangunan Belia - dalam negeri Johor ada lapan daerah, contoh 1.1 juta orang belia: tujuh orang pegawai. Sabar ajelah, Penggerak Rakan Muda dilantik. Saya malam tadi bersama belia Thailand di Johor dengan Jabatan Belia dan Sukan, saya dimaklumkan sudah tiga bulan gaji Penggerak Rakan Muda ini tidak dibayar, Yakah? *[Disampuk]*.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan baru-baru ini saya dengar hendak menggubal undang-undang bagi mengenakan tindakan kepada ibu bapa terhadap anak yang terlibat dengan dadah. Saya sokong tetapi kajian hendaklah dibuat, hukuman yang pertama ialah khidmat nasihat, kaunseling kepada ibu bapa, tetapi saya mencadangkan jangan terhad kepada dadah sahaja, juga gejala sosial yang lain, juga kepada juvenil.

Hukuman kepada ibu bapa hendaklah diberikan. Saya banyak contoh, emak bapa ketika anak sudah ditangkap datang, merayu-rayu di mahkamah. Segala macam, hendak mintak *bond over*, hendak jaga itu, ini. Selepas kita beri kepada emak bapa, benda balik kepada *square one*, dengan izin, balik pada asal kerana ibu bapa tidak diberikan kaunseling, khidmat nasihat. Sebab itu, saya menyokong saranan pihak kerajaan untuk mengenakan tindakan kepada ibu bapa. Tetapi saya menyarankan kajian dibuat, kajian dibuat, bukan sahaja kepada dadah, gejala sosial, kepada kes-kes juvana dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, untuk membasmi jenayah, kita banyak buat, kita buat Rakan Membasmi Jenayah, kita bekerjasama dengan polis dan sebagainya.

Saya dalam Gerakan Belia dan NGO, saya juga suka berfikir supaya Rakan Membasmi Jenayah ini boleh kita luaskan sedikit kepada Rakan Membasmi Gejala Sosial dan Maksiat. *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Kata Allah S.W.T., "*Kamu sebaik-baik manusia, dan sebaik-baik umat yang dikeluarkan kepada manusia*".

*[Membaca sepotong ayat Al-Quran].* Mat sekodeng, misalnya. Di mana silap Mat sekodeng? Tahu atau tidak kita di mana silap Mat sekodeng? *[Disampuk]* Adakah pada namanya? Adakah pada pendekatannya? Adakah pada perlaksanaannya? Adakah kepada dasarnya? Adakah pada arahnya? Adakah pada gila kuasanya? Atau adakah ianya sengaja diada-adakan?

Skuad Anti Dadah Parlimen Parit Sulong, telah ditubuhkan. Dilancarkan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri. Dibuat secara bersama, dalam satu Jawatankuasa Bertindak Anti Dadah Parlimen. Yang terdiri dalam jawatankuasa ini adalah, Skuad Anti Dadah, Agensi Dadah Kebangsaan, Pejabat Daerah, PEMADAM, Narkotik, Pejabat Belia, RELA, Penerangan, Pengasih, kita duduk semeja, dengan orang-orang muda, pemuda UMNO, dengan NGO dan sebagainya. Kita tubuhkan dalam golongan belia ini Skuad Anti Dadah, kita beri dia kursus, kita beri dia latihan, dan dia disambut baik oleh pihak polis dan kita bekerjasama. Apakah ini tidak boleh kita buat?

Sebab itu saya suka mencadangkan, atas apa yang, Alhamdulillah dapat saya laksanakan supaya Jawatankuasa Anti Dadah di semua Parlimen ditubuhkan. Saya dimaklumkan dan saya dengar Jawatankuasa Anti Dadah ini akan dibuat sampai ke peringkat daerah.

**Seorang Ahli:** Seperti di Sabak Bernam.

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros:** Saya harap ini dapat dipercepatkan. Saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, di peringkat daerah, saya minta maaf, PEMADAM saya pun tidak tahu. Saya setuju dengan rakan-rakan saya, setahun saya jadi wakil rakyat tidak pernah dipanggil dalam mesyuarat. Saya dengar dua perkara sahaja yang dibuat, dia beri ceramah. Tetapi diberi ceramah, orang yang mendengar itu matanya padam.

Yang kedua, dia buat pameran. Tetapi saya percaya PEMADAM ini tidak harus dipadamkan tetapi ia harus diperkasakan, aktiviti-aktivitinya hendaklah diperbanyakkan, dipelbagaikan. Baru-baru ini PEMADAM hantar surat, minta RM5,000 daripada Ahli Parlimen. Buatlah begitu, begini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dia tulis dalam itu semua nama keluar, mintalah duit pada Ahli Parlimen. Kita bukan tidak hendak bagi. Saya memang tidak hendak bagi jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Batu Kawan. Tidak mahu bagi jalan?

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros:** Sedikit sahaja, ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** *[Senyum]*

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros:** Sabar sahajalah.

**Tuan Huan Cheng Guan:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sudah! Yang Berhormat Batu Kawan, terus.

**Tuan Huan Cheng Guan:** Apakah Yang Berhormat setuju, bahawa Pengerusi bagi Jawatankuasa PEMADAM peringkat daerah dipengerusikan oleh Ahli Parlimen. Kerana buat masa kini, memang semua.....

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros:** Yang Berhormat. Terima kasih.

**Tuan Huan Cheng Guan:** Semua.....

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros:** Saya hanya bersetuju....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sat, sat....

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros:** Supaya Jawatankuasa Anti Dadah di peringkat Parlimen dipengerusikan oleh Ahli Parlimen.

*[Dewan riuh seketika]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup, Yang Berhormat. Sudah.

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros:** Tuan Yang di-Pertua,....

**Seorang Ahli:** Hantam sama dia lagi.

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros:** Eh, jangan. Sabar sahajalah. Kerana itu, kita harus melihat semua perkara sebagai satu objektif, kita harus berfikir secara yang objektif, kita mesti positif, kita mesti proaktif.

**Seorang Ahli:** *Hyperactive*

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros:** Kita cakap dalam Dewan ini, saya demgar kawan-kawan saya, saya setuju. RTM misalnya, dengan rancangan-rancangan dipaparkan Tetapi kita hendaklah juga berfikir, bahawa Saidina Omar memberitahu kita, "Ajarilah anak-anak kamu dengan ilmu yang sesuai, kerana mereka dicipta untuk satu zaman yang lain dari zaman kamu".



**Beberapa Ahli:** Betul, betul.

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros:** Budayawan kita hendaklah kreatif, budayawan kita hendaklah mencipta, mencipta dan mencipta. Melakukan perubahan dalam budaya kita. Tengok Negeri Johor, Yayasan Warisan Johor. Tahniah dan syabas.

**Seorang Ahli:** Hebat. Hebat

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros:** Mempamerkan zapin, bermula daripada kanak tadika, sampai sekolah menengah, sampai agensi kerajaan, sampai universiti, sampai akhirnya Istana Budaya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya. Boleh gulung, Yang Berhormat?

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros:** Allahuakbar. Sabar Datuk, ampun Datuk, sedikit lagi Datuk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya! habiskan.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** *[Bangun]*

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros:** Ha! Tengok Datuk, macam mana saya hendak habiskan. Yang Berhormat bagi Sabak Bernam, sahabat saya kena beri Datuk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya. Ya. Biarkan.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** Ahli Syurga kena baik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** Terima kasih, Tuan Yang di-Petua dan terima kasih, Yang Berhormat bagi Parit Sulung. Saya hendak tanya sedikit sahaja pada Yang Berhormat Parit Sulung. Nombor satu, saya hendak ucap tahniah, dengan semangat yang begini, Tuan Yang di-Pertua....

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros:** Memanglah!

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** Kalau kita hendak memerangi dadah macam ini, memang Insya-Allah yang kita boleh berjaya. Tetapi saya hendak tanya, kalau kita tidak memperkenalkan pendekatan baru daripada apa yang ada sekarang ini, memang kita tidak akan berjaya dalam memerangi dadah, lagi-lagi hendak mencapai dadah sifar pada 2015. Setuju ataupun tidak, Yang Berhormat bagi Parit Sulong?

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros:** Pendekatan baru bukan pada dadah, bukan pada dadah sahaja, semua perkara. *Change* strategi kita. Kenapa kita buat perkara yang sama dengan cara yang sama? Duit habis banyak-banyak.

**Seorang Ahli:** Betul!

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros:** Tetapi kita harap keputusan yang berbeza, tidak boleh, *cannot be*, dengan izinlah, sekali sekala.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros:** Tuan Yang di-Pertua, kita pujilah kerajaan buat Kempen Budi Bahasa. Saya ucap tahniah, saya ucap syabas, kerajaan buat Kempen Budi Bahasa, sopan santun, hebat. Saya hendak cadang sedikit sahaja, saya hendak cadang kita kembangkan, kita kempenkan, JAKIM ke, Jabatan Perdana Menteri ke, apa ke, Kementerian ke, kita kembangkan kalimah '*Salam*'. Assalamualaikum. Bukan sahaja kita hendak masuk rumah. *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]*.

Kalimah salam ini, kalau umpamanya kanak-kanak - tadi Menteri beritahu kita, orang duduk tepi jalan. Budak-budak duduk, datang orang tua ataupun lalu depan orang tua, dia kata, "*Assalamualaikum pakcik*", dia kata. Lain rasa. Saya ingat kena buat iklan dalam TV, iklan sedikit dalam TV macam mana cara hendak memberi salam yang betul, orang muda jumpa orang tua, "*Assalamualaikum*".

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sudah. Habis sudah?

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros:** Rasulullah dalam satu hadisnya. Tuan Yang di-Pertua, hendak dekat habis, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Habiskan.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros:** Rasulullah dalam satu hadisnya, yang di riwayatkan oleh Abu Hurairah r.a., dia kata .... Sekejap, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak terjemahkan bahasa Arab kepada bahasa Melayu. "*Mahukah kamu, aku ajar kamu satu perkara yang kalau kamu lakukan kamu akan berkasih sayang*". Maka, kata Rasulullah S.A.W. Sebarkanlah salam, kempen memberi salam. Di sekolah jangan kita beri salam pada guru agama sahaja, kenapa kita tidak beri salam kepada semua guru, kita bangun beramai-ramai. Tidak tahulah. Bangun beramai-ramai, orang Melayu

bagilah salam, orang yang bukan Islam berilah selamat pagi. Tidak boleh Tuan Yang di-Pertua, tidak tahulah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya. Cubalah.

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulong]:** Tetapi Insya-Allah. Kalaulah sekiranya kita boleh membudayakan salam, Insya-Allah saya percaya sebenarnya kita akan menjadi satu bangsa, satu masyarakat yang sayang-menyayangi di antara satu sama lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan tahniah dan syabas kepada Yang di-Pertuan Agong atau ucapannya dan saya menyokong, sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Hulu Langat.

#### **11.50 pagi**

**Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya kesempatan dan peluang untuk saya mengambil bahagian dalam perbahasan menjunjung kasih atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah dititahkan oleh baginda Tuanku pada hari pertama, Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua, Parlimen Kesebelas di dewan yang mulia ini.

Titah ucapan Diraja tersebut telah merangkumi semua aspek dan sudut kepimpinan, pentadbiran, pembangunan negara dan kehidupan keseluruhan rohani dan jasmani di seluruh peringkat lapisan masyarakat. Menurut peruntukan perlembagaan, Yang di-Pertuan Agong adalah tunggak kepimpinan negara, pentadbiran, institusi di negara Malaysia ini. Dengan kedudukan yang tinggi dan dihormati dan disanjung oleh semua rakyat jelata, memang wajarlah kedudukan Yang di-Pertuan Agong mendapat pujian, sanjungan serta penghormatan dari seluruh rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memberi penghormatan yang tinggi kepada Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong yang kesebelas yang lalu kerajaan telah dengan perkenan Almarhum Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang kesebelas iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Ibni Almarhum Sultan Hishamuddin Alam Shah, Sultan Selangor telah memperkenankan supaya Lapangan Terbang

Antarabangsa Subang ditukar namanya kepada Lapangan Terbang Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Kuala Lumpur.

Menurut sejarah Tuan Yang di-Pertua, lapangan terbang yang telah dibina dan digunakan sejak tahun 1965 ini, adalah menjadi nadi sistem pengangkutan udara negara dan merupakan pintu masuk kepada berjuta-juta penumpang setiap tahun. Selaku anak negeri Selangor dan pemimpin daripada negeri Selangor dan lebih-lebih lagi hamba rakyat jelata kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku, saya ingin merakamkan rasa pelik dan terkilan dengan tindakan yang telah dilakukan bagi mengubah nama Lapangan Terbang Antarabangsa Subang kepada Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Salahuddin yang merupakan nadi operasi penerbangan negara di saat-saat apabila lapangan terbang ini sudah mencapai kemuncaknya hampir ke penghujung.

Saya difahamkan bahawa lapangan terbang Kuala Lumpur di Sepang telah mula beroperasi sejak tahun 1998. Dengan keadaan yang sedemikian tidakkah pihak kerajaan dapat menilai lapangan terbang yang sudah berusia 40 tahun itu telah sampai ke kemuncaknya dan apakah keperluan untuk menukar nama daripada Lapangan Terbang Antarabangsa Subang kepada Lapangan Terbang Sultan Salahuddin demi semata-mata untuk memberi sanjungan dan penghormatan dan apakah ini merupakan satu penghormatan yang boleh dibanggakan oleh institusi Diraja di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan kepada soalan-soalan berikut, sudah tentu pihak berwajib terutama sekali Kementerian Pengangkutan mempunyai perancangan untuk pembinaan Kuala Lumpur International Airport dan mengapakah pada waktu yang sama bersetuju membuat penukaran nama Lapangan Terbang Antarabangsa Subang kepada nama ke bawah Duli Tuanku, tidakkah kementerian juga sedar bahawa kewujudan lapangan terbang antarabangsa Subang dahulunya telah banyak menjana dan menggerak pertumbuhan ekonomi serta peluang perniagaan terutama sekali pembangunan di Lembah Klang dan di Utara Selangor dan ini adalah menunjukkan bahawa perkembangan dari segi keseimbangan pembangunan di Selangor dapat diteruskan jika lapangan terbang ini diteruskan operasinya.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini struktur yang menjadi kebanggaan negara itu telah hilang jasa dan telah dilupakan sama sekali. Oleh itu di Dewan yang mulia ini Hulu Langat ingin menyatakan permintaan serta tuntutan supaya mengembalikan keagungan

nama Sultan Salahuddin itu ke tempat yang tinggi, terpuji dan terus dikenang supaya nama lapangan terbang Kuala Lumpur yang baru ini dinamakan atas nama Al-Marhum Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dan bukan sahaja ianya merupakan penghormatan dan sanjungan ke Bawah Duli malah ianya merupakan satu penghargaan atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku bagi menyerahkan tapak KLIA, tapak Putrajaya dan dahulunya tapak Kuala Lumpur untuk dijadikan sebagai lokasi yang sesuai untuk dibangunkan bagi kegunaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memasuki perkara yang kedua dalam perbahasan saya di Dewan yang mulia ini. Sekali lagi saya ingin menyentuh beberapa peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan. Perkara 121, Fasal 1 (a) Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa mahkamah-mahkamah yang disebut di bawah Fasal 1, Perkara 121 iaitu Mahkamah Sivil, tidaklah mempunyai bidang kuasa berkenaan apa-apa perkara dalam bidang Mahkamah Syariah. Walaupun perkara ini kelihatannya cantik, indah yang membahagikan di antara kuasa Mahkamah Sivil dengan Mahkamah Syariah tetapi terdapat beberapa keadaan di mana hal undang-undang keluarga Islam, hal perkara-perkara berkaitan dengan pentadbiran agama Islam telah diselesaikan, diputuskan atau dikuatkuasakan oleh mahkamah-mahkamah sivil. Keadaan pemakaian undang-undang yang bertindan ini atau duplikasi ini atau over-lapping ini dengan izin telah banyak menimbulkan banyak masalah pentadbiran keadilan terhadap orang-orang Islam di negara ini. Ianya bukan sahaja kadangkala menyebabkan kebingungan, rasa terkejut malah juga timbul rasa ketidaktentuan bukan sahaja di kalangan orang biasa tetapi oleh pengamal undang-undang dan penulis undang-undang itu sendiri.

Saya ingin menyentuh beberapa perkara undang-undang keluarga yang telah ditafsirkan serta diputuskan oleh mahkamah-mahkamah sivil.

Yang pertama ialah berkenaan dengan penceraian akibat daripada satu pihak dalam perkongsian itu bertukar agama.

Perkara yang kedua ialah berkenaan dengan nafkah.

Perkara ketiga ialah berkenaan dengan penjagaan dan pemeliharaan anak.

Perkara keempat ialah berkenaan dengan wakaf.

Perkara lima berkenaan dengan harta sepencarian.

Perkara keenam ialah berkenaan dengan harta pusaka.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh sedikit berkenaan dengan harta pusaka yang sepatutnya diputuskan oleh Mahkamah Syariah tetapi kemudiannya telah diputuskan oleh mahkamah sivil yang mempunyai bidang kuasa yang lain. Buat masa ini undang-undang yang terpakai dalam hal-hal pusaka, hal-hal perwarisan ialah Akta Harta Pusaka Kecil, Pembahagian Tahun 1955 atau dikenali juga sebagai Akta 1998 dan Akta Probit dan Pentadbiran Pusaka, Akta Tahun 1959, Akta 1997.

Kedua-dua akta ini terpakai dan digunakan oleh mahkamah-mahkamah sivil bagi mentadbirkan urusan pusaka orang-orang Islam di negara ini. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan bahawa terdapat lagi perkara undang-undang Islam khas yang sepatutnya terpakai kepada orang-orang Islam tetapi sebaliknya undang-undang sivil yang mengambil tempat.

Saya melihat warganegara Malaysia bukan Islam ditadbirkan oleh satu undang-undang sahaja. Satu set undang-undang sahaja iaitu undang-undang sivil tetapi malangnya bagi orang-orang Islam, penganut agama Islam di negara ini, mereka ditadbirkan oleh dua set undang-undang dan undang-undang tersebut adalah undang-undang sivil dan undang-undang syariah yang kadangkala tidak ketentuan hujung dan pangkalnya.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi contoh berkenaan dengan satu seksyen di bawah Akta Memperbaharui Undang-undang Perkahwinan dan Perceraian 1976. Walaupun akta ini sebenarnya akta yang mentadbirkan hal-hal perkahwinan dan perceraian bagi orang-orang bukan Islam, tetapi ianya telah mendatangkan masalah yang besar, terutama sekali kepada perceraian yang diakibatkan oleh *conversion* atau pertukaran agama. Seksyen yang berkenaan ialah Seksyen 51. Tuan Yang di-Pertua, seksyen ini telah memperuntukkan jika seorang yang telah mendirikan rumah tangga bukan Islam, kemudiannya salah seorang daripadanya, sama ada suami atau isteri menukar agama mereka ke agama Islam.

Seksyen ini hanya membenarkan si suami atau si isteri yang kekal dalam agama lamanya untuk memohon apa jua perintah bagi membubarkan perkahwinan tersebut. Sementara *spouse* atau pasangan yang telah meninggalkan agama asalnya itu tidak dibenarkan untuk memohon perceraian atau pembubaran perkahwinan di bawah

seksyen ini. Kesannya Tuan Yang di-Pertua adalah berat, kerana jika pasangan yang masih kekal dalam agama asalnya itu enggan untuk memohon permohonan perceraian ataupun permohonan pembubaran perkahwinan, akibatnya undang-undang sivil masih menganggap bahawa perkahwinan itu masih wujud dan ini akan menyebabkan isu atau anak-anak yang lahir daripada perkahwinan terdahulu akan mendapat kesan yang sangat besar.

Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Profesor Emeritus Haji Ahmad Ibrahim telah menulis beberapa cadangan kepada pihak kerajaan, juga menulis beberapa artikel berkenaan dengan kesan kepada Seksyen 51 ini sejak tahun 1990 dan setelah 15 tahun, tiada apa-apa tindakan daripada mana-mana pihak, terutama sekali oleh Jabatan Peguam Negara. Tuan Yang di-Pertua, contoh berikutnya saya ingin menyentuh berkenaan dengan Seksyen 95, Akta Memperbaharui Undang-undang Perkahwinan dan Perceraian 1976.

Seksyen ini adalah berkenaan dengan hak terhadap nafkah anak. Hak terhadap nafkah anak akan terhenti ketika anak tersebut mencapai umur 18 tahun. Satu contoh yang sangat besar, yang baru sahaja diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan buat masa ini iaitu kes 'Punni Tambigai' yang diputuskan pada tahun 2004 walaupun hakim-hakim dalam Mahkamah Persekutuan agak keberatan untuk membaca seksyen tersebut secara literal, secara terus, tetapi tangan mereka, kata mereka, terikat untuk memanjangkan peruntukan seksyen ini melepasi had umur 18 tahun. Hanya semata-mata kerana anak tersebut masih dalam peringkat pengajian di sekolah.

Cadangan saya Tuan Yang di-Pertua, saya memohon seksyen ini diperhatikan, dihalusi dan dipinda bagi memastikan bahawa anak yang berumur 18 tahun dan sekiranya masih memerlukan bantuan, nafkah dan pemeliharaan daripada ibu bapa, berhak untuk menuntut supaya hak tanggungan terus diberikan kepadanya. Saya ingin mencadangkan supaya pihak berkenaan memerhati peruntukan di bawah Akta 303 Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan.

Contoh yang ketiga Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh Seksyen 3 Akta Penjagaan Budak atau *Guardian of Infant Act 1961*. Di bawah seksyen ini Tuan Yang di-Pertua, saya bacakan di dalam bahasa Inggeris, "*The guardian of the person of an infant, shall have the custody of the infant, shall be responsible to his support, health and*

*education.*” Seksyen ini jika dibaca secara berterusan, ia menggambarkan bahawa hak *custody* atau hak pemeliharaan sama juga dengan hak penjagaan. Tetapi malangnya, biasanya Mahkamah-mahkamah Sivil akan memutuskan bahawa penjagaan dan pemeliharaan diasingkan daripada ibu atau bapa setelah institusi perkahwinan itu diputuskan.

Ini menggambarkan bahawa hak *guardianship* dan hak *custody* telah diperolehi oleh dua individu yang berbeza tetapi sebenarnya hak *custody* itu tidak menggambarkan apa-apa sekalipun walaupun di bawah kaca mata undang-undang. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya hak *custody* ini ditukar kepada hak untuk melawat sahaja, supaya pihak yang tidak mendapat penjagaan atau pemeliharaan boleh mendapat hak untuk melawat anak mereka yang dipelihara oleh satu pihak yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh berkenaan dengan perkara wakaf dalam pentadbiran undang-undang Islam. Tuan Yang di-Pertua, di mahkamah Malaysia semua perbicaraan berkenaan wakaf telah diputuskan oleh Mahkamah Sivil secara sewenang-wenangnya. Mahkamah telah banyak merujuk kepada peraturan serta keputusan Mahkamah Privy atau *Privy Council* yang kebanyakannya fakta-fakta ini bertentangan dengan fatwa mufti atau juga bertentangan dengan Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri-negeri yang berkenaan. Saya ingin merujuk kepada beberapa kes yang telah memberi gambaran yang agak berbeza atau keputusan yang berbeza berbanding dengan keputusan-keputusan yang sepatutnya diputuskan atau sepatutnya menurut undang-undang Islam itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon supaya perkara ini dapat diberi perhatian yang wajar. Saya juga mengharapkan supaya mahkamah-mahkamah sivil bukan lagi menjadi forum untuk menyelesaikan pertikaian undang-undang di antara penganut agama Islam. Saya juga ingin mengharapkan supaya mahkamah sivil.....

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Tangga Batu.

**Tuan Markiman bin Mobiran:** Ya, sila.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Hulu Langat. Saya ingin menarik perhatian Yang



Berhormat tentang pengurusan dan pentadbiran wakaf yang berlaku pada hari ini. Apakah pada pandangan Yang Berhormat, pengurusan dan pentadbiran wakaf ini perlu dikaji semula?

Sebagai contoh, saya ambil satu contoh, terdapat barang-barang yang telah lusuh, yang telah berkarat yang mana pernah suatu ketika dahulu diwakafkan oleh satu pihak dan sehingga hari ini tidak dapat dilakukan apa-apa kerana tertakluk di bawah *provision* pentadbiran dan pengurusan wakaf. Adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan supaya pengurusan dan pentadbiran ini mengambil kira keberkesanan dan kecekapan di dalam pentadbiran mereka . Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Hulu Langat, sila gulung.

**Tuan Markiman bin Mobiran:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan pengurusan wakaf, ia adalah terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri mengikut peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan peruntukan undang-undang negeri. Tetapi, berkenaan dengan penyelesaian pertikaian yang saya ingin katakan, ianya selalunya diputuskan di peringkat mahkamah sivil dan bukannya diputuskan di bawah peraturan-peraturan mahkamah-mahkamah syariah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, cukup Yang Berhormat.

**Tuan Markiman bin Kobiran:** Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, hanya satu ruang ringkas sahaja, saya ingin menyentuh sedikit sahaja berkenaan dengan *delivery system* yang diamalkan oleh Kementerian Pelajaran. Ini perkara yang telah banyak kali dibangkitkan kepada saya dan saya perlu menyentuh sedikit perkara ini Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan polisi serta amalan yang dilaksanakan oleh kementerian.

Saya dapati bahawa Kementerian Pelajaran tidak begitu peka atau prihatin dengan permohonan atau permintaan yang dibuat oleh pihak sekolah. Saya difahamkan bahawa acara atau atur cara yang perlu dilaksanakan oleh pihak sekolah untuk mendapatkan sebarang peruntukan bagi tujuan membeli peralatan sekolah misalnya perlulah menulis kepada Jabatan Pelajaran Daerah, kemudian Jabatan Pelajaran Daerah membawanya ke peringkat negeri, peringkat negeri akan membawanya ke

peringkat Persekutuan atau peringkat kementerian, tetapi ada ketikanya surat-surat ini berakhir begitu sahaja tidak mendapat apa-apa jawapan. Ada ketikanya pula pihak sekolah melalui PIBG, menghantar surat terus kepada kementerian, terus kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran tetapi minit yang diterima oleh pihak bawahan ialah supaya perkara ini diselesaikan di peringkat kerajaan negeri, kemudian dibawa pula ke peringkat daerah dan apabila sampai ke peringkat daerah, yang menjadi mangsa kemarahan adalah sekolah itu sendiri.

Daripada dua cara tersebut, kedua-duanya pun tidak berjaya. Saya mohon supaya pihak kementerian untuk meneliti betapa sukarnya pihak sekolah untuk mendapatkan apa-apa juga bantuan, sumbangan dan permohonan yang dibuat oleh pihak sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyudahi ucapan ini dengan ucapan terima kasih daun keladi, bila-bila kali saya bangun saya harap dapat bercakap lagi dan saya mohon menyokong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Cheras.

**12.13 tgh.**

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Tuan Yang di-Pertua, pada minggu yang lalu, Dewan ini dimaklumkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bahawa pemulihan pilihan raya kerajaan tempatan adalah tidak berkemungkinan. Bagi rakyat dan saya yang menghargai demokrasi, jawapan itu adalah amat mengecewakan dan dikesali. Jawapan Setiausaha Parlimen tempoh hari itu gagal menjelaskan sebab mengapa yang tulen, yang kukuh dan meyakinkan bahawa pilihan raya kerajaan tempatan harus terus dilarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap kerajaan dapat menghidupkan semula pilihan raya kerajaan tempatan berasaskan kebenaran-kebenaran yang tidak boleh dinafikan oleh kerajaan iaitu yang pertama, pada 40 tahun yang lalu, pada 1 Mac 1965, pilihan raya kerajaan tempatan telah digantung melalui satu pengisytiharan oleh bekas Perdana Menteri, Almarhum Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putera Al-Haj

yang semasa mengumumkan penggantungan itu berkata bahawa sebaik sahaja konfrontasi Indonesia tamat, keamanan dan ketenteraman wujud kembali ke negara kita, Perdana Menteri berkata, “ingin memberi jaminan kepada Dewan ini bahawa kerajaan akan mengadakan semula dengan segera pilihan raya kerajaan tempatan”.

Saya ada satu naskhah *Hansard* Dewan Rakyat yang bertarikh 1 Mac 1965, hari bila mana pengisytiharan itu dibuat dan saya *quote* dalam bahasa Inggeris apa yang dikatakan oleh bekas Perdana Menteri, “*As soon as the peace and quietness has returned, we would make haste with all proper preparations for the Local Council elections*”, dan beberapa minit kemudian dalam ucapan yang sama, beliau mengulangi lagi, “*the very moment peace is declared, I can assure this House that the election will be held*”. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, penggantungan pilihan raya kerajaan tempatan jika diteruskan adalah merupakan satu janji yang tidak dikotakan oleh kerajaan dan ini merupakan satu pengkhianatan terhadap rakyat.

Kebenaran yang kedua iaitu Tuan Yang di-Pertua, Malaysia mempunyai kerajaan yang terdiri daripada tiga peringkat, iaitu Kerajaan Persekutuan, negeri dan tempatan. Rakyat Malaysia mempunyai dua undi sahaja di peringkat Persekutuan dan negeri sedangkan kita berhak mendapatkan tiga undi. Dalam kes Wilayah Persekutuan pula, amat malang sekali kerana tiadanya perwakilan negeri, tiada sebab mengapa pilihan raya tidak boleh diadakan di peringkat tempatan sekiranya ia boleh diadakan di peringkat Parlimen dan negeri.

Kebenaran yang ketiga, sudah terlalu lama kerajaan tempatan ditentukan melalui pelantikan dan rakyat terpaksa mengalami akibatnya seperti perkhidmatan dan kemudahan asas yang tidak memuaskan, pengurusan yang korup dan reputasi buruk serta pentadbiran yang tidak cekap dan tidak berkesan. Ahli-ahli Majlis yang dilantik nampaknya lebih berminat menikmati manfaat jawatan mereka seperti melancong ke luar negeri dengan menggunakan wang rakyat daripada berkhidmat untuk rakyat.

Kebenaran yang keempat, Tuan Yang di-Pertua, semua negara demokratik membenarkan pemilihan Ahli Majlis Tempatan dan Datuk Bandar termasuk jiran-jiran serantau kita seperti Indonesia, Filipina, negara Thai dan Cambodia. Malahan di negara bersistem diktator seperti China, Arab Saudi pun, pilihan raya kampung telah pun diperkenalkan seawal tahun 1978. Sekiranya sebuah negara komunis seperti China

membenarkan pemilihan ketua kampung, Malaysia mesti membenarkan demokrasi akar-umbi di bandar, daerah dan kampung di negara kita, terutamanya apabila Suruhanjaya Siasatan Diraja 1965 yang diketuai oleh Senator Datuk Athi Nahappan telah mengemukakan satu laporan pada Disember 1968, yang mencadangkan supaya pemilihan kerajaan tempatan itu dipulihkan.

Saya ingin memberi tahu Dewan ini bahawa sebahagian cadangan penting yang dibuat oleh Suruhanjaya Siasatan Diraja itu adalah seperti berikut:

- (i) setiap ibu negeri hendaklah ditadbirkan oleh sebuah Pihak Berkuasa Tempatan yang mempunyai anggota perwakilan yang dipilih oleh rakyat. Prinsip yang sama hendaklah diperluaskan kepada semua Majlis Tempatan di luar ibu negeri;
- (ii) hendaklah diwujudkan satu undang-undang tunggal yang diguna pakai di seluruh negara untuk meliputi dan berkait dengan Pihak Berkuasa Tempatan dan setiap negeri hendaklah menerima dan menguatkuasakan undang-undang tersebut dalam tempoh enam bulan setelah ia diluluskan oleh Parlimen;
- (iii) sebuah Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah *didecentralizekan* dan hendaklah menjadi Badan yang berautonomi dari segi kewangan dan pentadbiran mengandungi ahli-ahli Majlis yang dipilih dengan tertakluk kepada kawalan kerajaan negeri atas perkara-perkara kepentingan dan faedah nasional;
- (iv) parti-parti politik hendaklah dibenarkan terus bertanding meskipun terdapat aspek yang baik dan buruknya dan calon-calon hendaklah terus diberi hak untuk berdiri sebagai calon bebas;
- (v) sebuah tribunal kerajaan tempatan hendaklah ditubuhkan bagi pihak berkuasa negeri untuk setiap Pihak Berkuasa Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, kesemua cadangan ini merupakan cadangan yang tidak dapat diterima oleh kerajaan dan hari ini kami masih mengalami ketiadaan undi yang ketiga. Saya harap pengkhianatan kerajaan terhadap rakyat ini dapat dihentikan dan pemulihan pilihan raya kerajaan tempatan dapat diadakan secepat yang mungkin kerana

apa yang dikatakan adalah benar. *No taxation without representation*, Tuan Yang di-Pertua.

Perkara yang kedua yang saya ingin timbulkan di sini Tuan Yang di-Pertua ialah dalam usaha kita membangunkan Malaysia sebagai sebuah negara bersatu padu dan maju, kadangkala timbulnya sesuatu yang dilakukan oleh badan-badan dan institusi-institusi kerajaan yang tidak menyenangkan ramai dan akan merosakkan hasrat dan usaha kita membina negara. Perkara yang ingin saya timbulkan di sini yang melibatkan agensi iaitu Majlis Kerajaan Tempatan itu pihak PBT ini adalah Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur.

Perkara yang ingin saya rujuk ialah mengenai satu tawaran pendaftaran terbuka, membeli rumah kos sederhana rendah, projek usaha sama pemaju swasta dengan DBKL yang sedang dibina di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Dalam satu notis umum yang dipamerkan di banyak pejabat kerajaan termasuklah DBKL adalah menyatakan bahawa Jabatan Pengurusan Perumahan DBKL menjemput dan mengalukan orang ramai bertaraf bumiputera sahaja yang ingin membeli rumah kos rendah, sederhana rendah yang sedang dibina di sekitar Kuala Lumpur. Projek rumah usaha ini yang dijual ialah jenis rumah yang berharga RM60,000 iaitu kos sederhana rendah dan keluasannya ialah 720 kaki persegi dengan adanya tiga bilik tidur dan dua bilik air.

Tuan Yang di-Pertua, di Kuala Lumpur Wilayah Persekutuan adalah satu masalah bagi mereka yang tidak memiliki rumah untuk membeli rumah yang berharga antara RM 50,000 hingga ke RM 100,000 kerana bagi kawasan Kuala Lumpur adalah sangat-sangat sukar untuk membeli rumah kos rendah kerana nampaknya tidak ada pun rumah kos rendah yang baru dibina untuk dijual kepada orang awam.

Rumah kos rendah yang dibina di bawah projek PPR pun adalah bertujuan untuk semata-mata untuk disewakan sahaja. Oleh yang demikian, ramai mereka yang tidak mempunyai rumah baik pun daripada kaum Melayu, Cina atau India yang berhasrat memiliki rumah kos sederhana rendah adalah sangat kurang kesempatan untuk mereka membeli kerana projek yang membina rumah dengan kos ini adalah tidak banyak dan projek yang disebutkan ini adalah merupakan satu projek yang disukai ramai dan permintaannya adalah besar juga daripada semua kaum yang tidak memiliki rumah yang ingin membelinya. Tetapi nampaknya dasar DBKL adalah sangat *obnoxious* dan

merupakan satu dasar diskriminasi kaum yang tidak disenangi hati oleh ramai dan saya tidak tahu sama ada ini satu dasar yang diketahui dan dipersetujui oleh Jabatan Perdana Menteri ataupun ia merupakan satu perbuatan oleh sebuah Jabatan DBKL sahaja ataupun ia satu dasar umum Dewan Banda Raya ini.

Bagaimana bentuknya saya harap perkara ini dapat dimaklumkan kepada Dewan ini dan saya harap perhatian yang berat dapat diambil oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.....

**Puan Chong Eng:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Bukit Mertajam. Hendak bagi jalan?

**Tuan Tan Kok Wai:** Ya.

**Puan Chong Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya sangat terkejut mendengar ucapan Yang Berhormat bagi Cheras bahawa sekarang dasar di Selangor ataupun di Kuala Lumpur ia telah seperti ada *segregation* kaum. Ini dahulunya di South Africa dia kata *segregation* di antara orang kulit putih dengan orang hitam. Sekarang di sini ialah bumiputera dengan bukan bumiputera. Apakah pendapat Yang Berhormat bagi Cheras, sama ada kita telah mengikut jejak South Africa walaupun South Africa sekarang dia telah menjatuhkan kerajaan seperti itu yang *segregation* dan *apartheid* itu. Jadi apakah pendapat Yang Berhormat bagi Cheras sama ada kita boleh terima, sama ada MCA boleh terima, sama ada UMNO boleh terima ataupun MIC boleh terima dasar seperti ini. Terima kasih.

**Tuan Tan Kok Wai:** Perkara ini tidak sepatutnya berlaku dan ia adalah satu dasar yang *obnoxious* yang memang menentang prinsip perpaduan negara dan juga di manakah semangat bangsa Malaysia. Saya harap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dapat mengambil berat perkara ini dan membetulkan ketidakadilan dan diskriminasi yang paling buruk ini dan saya berharap ini adalah kali terakhir perkara ini berlaku dan ia mesti dihentikan. Permintaan semua kaum mesti diambil berat dan diambil kira dan dihormati.

Perkara yang ketiga Tuan Yang di-Pertua adalah mengenai pekerja asing tanpa izin (PATI). Saya ingin memuji kerajaan kerana pada akhirnya kerajaan mengakui

seperti dalam Titah Ucapan Diraja bahawa penyelarasan diperlukan dalam mengendalikan urusan pekerja asing tanpa izin (PATI).

Cakap-cakap dalam beberapa bulan iaitu mengenai operasi menyapu bersih PATI yang tiba-tiba *on* dan tiba-tiba *off* dan kejatuhan ekonomi adalah satu contoh klasik tangan kiri tidak tahu apa yang tangan kanan buat yang menjejaskan kerajaan dengan teruk. Kita berdepan dengan dua isu di sini - keselamatan dan ekonomi. Kementerian dan jabatan yang mengendalikan hal ehwal keselamatan terutama Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mahu menyelesaikan masalah PATI sekali gus sehingga satu tahap membiarkan fakta ekonomi bahawa PATI merupakan sebahagian jumlah guna tenaga Malaysia yang mana tanpa mereka banyak sektor ekonomi akan terhenti.

Oleh kerana kumpulan pekerja asing mewakili 20% dari keseluruhan jumlah guna tenaga negara kita dan PATI menyumbang sekurang-kurangnya setengah dari jumlah guna tenaga asing. Tidakkah kerajaan mengakui bahawa langkah pemburuan dan penangkapan besar-besaran ke atas mereka meninggalkan impak yang besar ke atas ekonomi, mengapa tidak mengambil pendekatan *holistic* dalam menangani hal ini dengan mengambil kira dua sudut keselamatan dan ekonomi secara seimbang. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah memperkatakan sejak pertengahan 2004 bahawa langkah penangkapan besaran ke atas PATI akan dijalankan pada akhir 2004. Pengampunan telah dilanjutkan sebanyak dua kali sehingga akhir Februari 2005 kerana Indonesia dilanda tragedi Tsunami dan Presiden Indonesia telah merayu supaya lebih banyak masa diberikan kepada PATI Indonesia. Keseluruhannya selama sekurang-kurangnya lapan bulan kerajaan telah menimbang pelbagai pilihan dan pandangan atas perkara ini.

Malangnya kerajaan telah memilih jalan yang tidak realistik iaitu untuk melaksanakan tangkapan ke atas PATI. Lebih dari 380 ribu pekerja, kebanyakan dari Indonesia telah meninggalkan bumi Malaysia semasa tempoh pengampunan berjalan dan ini telah mengakibatkan negara menghadapi kekurangan guna tenaga yang ramai. Sekarang pula menurut kerajaan sekurang-kurangnya 200,000 ribu pekerja diperlukan dalam sektor pembuatan, 150,000 dalam sektor pembinaan, 50,000 dalam perladangan dan 20,000 lagi dalam sektor perkhidmatan adalah mendukacitakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Gulung Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai:** Ya, ada sedikit lagi. Adalah mendukacitakan bahawa kerajaan tidak pernah belajar dari kesilapan masa lalu. Ini bukan lagi kali pertama Malaysia melaksanakan program pengampunan dan penangkapan besar-besaran ke atas PATI. Bukan juga kali pertama sektor industri Malaysia mengadu kekurangan pekerja akibat dari penangkapan beramai-ramai PATI.

Tuan Yang di-Pertua, dalam satu kajian yang dijalankan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara, yang membelanjakan kerajaan lebih kurang RM600 ribu, yang bernama Impak Pekerja Asing Ke Atas Ekonomi Malaysia yang dibentangkan oleh kerajaan pada 29 September 2004 bahawa kerajaan telah diberi amaran awal tentang akibat operasi penangkapan beramai-ramai ke atas PATI.

Menurut laporan itu, sebanyak 46% majikan dalam sektor perniagaan mendakwa bahawa mereka akan menutup perniagaan jika tidak ada pekerja asing, manakala 78% majikan berkata bahawa ekonomi akan terjejas dengan teruk. Mengapa kerajaan tidak mematuhi nasihat yang termuat dalam laporan kajian itu yang kerajaan sendiri melaksanakannya? DAP sering menggesa kerajaan supaya mengambil pendekatan tegas dan bersungguh-sungguh dalam perkara ini. Tidak ada faedah kelihatan garang dan tegas bagi satu tempoh selama beberapa bulan tetapi lemah selepas itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengingatkan kerajaan bahawa bagi rakyat Malaysia secara amnya memang satu perbelanjaan yang sungguh besar untuk dibayar bagi membolehkan kehadiran pekerja asing lebih ramai di negara ini. Kos itu jarang diberitahu kepada umum atau dibincangkan masalah, malah difikirkan oleh rakyat Malaysia. Kita selalu terbaca dalam akhbar mengenai kejadian rompakan, serangan dan sebagainya yang terlalu marah kepada pekerja asing dari satu segi kecil dan sejeurus selepas itu kehidupan biasa diteruskan.

Tetapi dari segi yang lebih besar lagi, kos yang ditanggung oleh seluruh negara untuk mensubsidi pekerja asing sungguh berat dan membebankan. Sebagai contoh, kos menyediakan kos rawatan dan penjagaan kesihatan kepada pekerja-pekerja asing masa kini berjumlah RM578 juta setahun.



**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, cukup, Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai:** Sedikit lagi, sedikit sahaja. *[Disampuk]* Satu perenggan sahaja. Satu soalan yang perlu ditanya dan dianalisa ialah di mana di atas muka bumi itu terlalu ramai pekerja asing. Bagaimana dan mengapa Malaysia boleh terjebak dalam masalah serius ini, yang mana lebih 20% guna tenaganya adalah pekerja asing? Bila ditanya mengapa kita mempunyai berjuta pekerja asing, jawapan yang diterima dan laporan ekonomi kita dan kerajaan ialah mereka akan meletakkan kesalahan kepada syarat pasaran buruh Malaysia yang ketat dan ketahanan pertumbuhan ekonomi kita.

Adakah ini sebab sebenar masalah buruh kita? Tolong jangan mempersendakan rakyat jelata kita. Sudah pasti soalan yang perlu kita tanya ialah mengapa kita menggerakkan pertumbuhan ekonomi hanya dengan menghisap keringat pekerja asing kurang terlatih dengan upah rendah. *[Disorak]* Mengapa kita sebaliknya tidak menarik industri dan perniagaan yang akan menghisap guna tenaga terlatih dan profesional? Mengapa industri syarikat dan perniagaan dan jabatan kerajaan kita tidak mengemas kini, memodenkan, menyusun semula dan meningkatkan produktiviti kita? Mengapakah di Jepun, Korea Selatan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup, Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai:** ...Taiwan dan Singapura... 30 saat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup, Yang Berhormat bagi Cheras.

**Tuan Tan Kok Wai:** Ekonomi mereka menikmati pertumbuhan berdaya tahan yang lebih pantas dan lama dari yang dicapai oleh Malaysia, tidak berakhir dengan masalah pekerja asing? Mengapa Malaysia begitu bergantung sangat kepada berjuta pekerja asing yang tidak mahir tetapi negara kita terus kehilangan atau mengirim keluar ratusan ribu rakyat Malaysia yang mahir dan profesional ke negara-negara pesaing?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, cukup, Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai:** Jika pasaran buruh Malaysia begitu tekad dan menyebabkan jutaan pekerja asing bersedia untuk dihisap keringat mereka atau dikekalkan.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Cheras.

**Tuan Tan Kok Wai:** Mengapakah kita tidak melakukan pembuangan pekerja ketika ekonomi kita buruk dan meleset? Mengapa kita tidak...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Cheras.

**Tuan Tan Kok Wai:** Mengapa kita tidak benarkan mekanisme pasaran untuk membentuk dan menyusun semula ekonomi termasuk pasaran buruh? Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Batu Kawan.

**12.34 tgh.**

**Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Akhirnya ada peluang juga untuk berucap. *[Ketawa]* Sudah tunggu lama.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul mengucap terima kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke atas titah Baginda yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini. Saya juga ingin menyampaikan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kita kasihi, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi kerana dapat memimpin negara Malaysia dengan makmur sekali. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apa yang saya ingin sentuh kebanyakannya telah pun dibangkitkan oleh Ahli-ahli Parlimen yang lain, *[Disampuk]* khasnya, Ahli Parlimen bagi Ayer Hitam, banyak yang dia telah sentuh. Maka, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan ulang perkara-perkara yang telah dibangkitkan dan saya pun tidak ada apa-apa cadangan untuk menubuhkan apa juga majlis ataupun lembaga.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ada dua perkara yang hendak dibangkitkan. Yang satu ialah berhubung dengan kawasan Parlimen saya, di mana tadi Yang

Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, kalau kini dia ada lagi, lagi baguslah, saya akan bangkitkan terus, dia akan dengar apa yang saya hendak beritahu.

Tuan Yang di-Pertua, kawasan Parlimen saya terdapat dua perkampungan baru, iaitu perkampungan yang mempunyai kepadatan penduduk masyarakat Tionghoa sehingga 99%. Salah satu daripada perkampungan tersebut ialah perkampungan Wau Do yang terletak di Seberang Prai Selatan dan kawasan ini merupakan kubu kuat pembangkang sejak kemerdekaan. Pada semua pilihan raya yang lalu, pihak Barisan Nasional kalah dalam peti undi ini. Tetapi Barisan Nasional mencipta sejarah pada pilihan raya tahun yang lepas [*Tepuk*] di mana kita telah berjaya memenangi peti undi tersebut. Ini adalah kerana mendapat sokongan yang begitu kuat daripada rakan-rakan dari komponen Barisan Nasional [*Tepuk*] dan juga kepercayaan daripada masyarakat di kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sejak kemerdekaan sehingga kini perkampungan tersebut memang tidak mempunyai sebuah dewan yang sesuai untuk menganjurkan aktiviti tertentu seperti perjumpaan, kenduri kahwin, makan-makan seperti makan malam dan lain-lain program untuk masyarakat tempatan. Di kawasan ini terdapat 6,000 penghuni di mana saya rasa lebih kurang 1,000 orang daripada penghuni tersebut mengundi kawasan Parlimen Nibong Tebal. Kita kongsi-kongsi kawasan itu.

Maka, adalah hasrat saya dan penduduk agar sebuah dewan dapat didirikan dalam perkampungan tersebut. Tadi Menteri ada tetapi saya tidak ada *chance* hendak berucap. Kalau tadi ada, lagi bagus. Saya pohonlah kepada Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan agar dapat meluluskan peruntukan sebanyak RM1 juta untuk pembinaan dewan tersebut.

**Beberapa Ahli:** Lulus!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat yang lain, bagi dia peluang berucap, yang lain diam.

**Tuan Huan Cheng Guan:** Tanah tersebut akan diberi oleh kerajaan negeri secara percuma dan penduduk di sana telah menunggu lebih 45 tahun bagi merealisasikan impian ini termasuk saya dan juga Ahli Parlimen bagi Nibong Tebal. Sokong ya? [*Bertanya kepada Yang Berhormat bagi Nibong Tebal*]

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** [*Menganggukkan kepala*]

**Tuan Huan Cheng Guan:** Terima kasih. Maka, saya dengan ikhlas hati memohon agar Yang Berhormat Dato' Seri Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dapat meluluskan permohonan ini dan saya janji bila dewan siap, saya pasti akan menjemput Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk merasmikan dewan itu. Okey tidak? *[Ketawa]* Ha! Bagus, cantik.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi, ini berhubung dengan rukun tetangga. Semalam saya ada pergi ke satu Jamuan Mesra Rakyat dengan Yang Berhormat bagi Nibong Tebal, di mana 5,000 penduduk menghadiri jamuan tersebut, saya rasa jamuan yang paling besar pernah diadakan di Pulau Pinang oleh Jabatan Perpaduan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya hendak sentuh adalah berhubung dengan kemudahan yang dinikmati oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Rukun Tetangga. Buat masa kini di kawasan Yang Berhormat bagi Nibong Tebal, saya rasa terdapat 59 kawasan rukun tetangga di mana mereka telah memainkan peranan yang begitu aktif., khususnya di taman-taman perumahan dan juga pelbagai aktiviti telah pun dianjurkan dari masa ke semasa.

Selain dari itu juga, terdapat kawasan yang mana mengadakan skim rondaan dari masa ke semasa. Kalau dahulu skim rondaan, keesokan hari mereka dapat cuti, tetapi kini tidak ada. Dia ronda malam ini, besok pun kena pergi kerja juga, kalau tidak kerja tidak ada gaji, tidak ada bayaran. Memang apa yang dilaksanakan adalah secara sukarela. Mereka memang tidak mendapat apa-apa jua ganjaran ataupun bayaran dari pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa kini, ahli JKKK di Pulau Pinang memang menikmati kemudahan seperti rawatan kelas kedua di hospital secara percuma sekiranya sakit, kalau tidak sakit, tidak payah pergi. Pengerusi pun dapat elaun tetap sebanyak RM150 sebulan dan setiausaha RM100 sebulan.

Tuan Yang di-Pertua, saya pohon agar kemudahan seperti ini juga dipanjangkan kepada ahli-ahli Jawatankuasa Rukun Tetangga di seluruh Malaysia, bukan di kawasan kita sahaja. Saya minta kementerian yang bertanggungjawab terhadap Rukun Tetangga dapat mempertimbangkan cadangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, ucapan saya pendek sahaja tadi saya kata, saya pohon menyokong, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sik.

**12.41 tgh.**

**Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik]:** Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, pohon saya sentuh Perkara 25 dan 26 di dalam Titah Ucapan Duli Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong iaitu menyentuh mengenai dengan pembangunan pendidikan negara.

Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku menyentuh tujuh perkara penting yang perlu kita ambil tindakan bersama;

- (i) Tuanku berhasrat supaya negara mewujudkan sistem pelajaran yang bertaraf dunia;
- (ii) Tuanku berhasrat supaya Malaysia menjadi sebuah pusat kecemerlangan pendidikan serantau dan global;
- (iii) meningkatkan akses ekuiti dan kualiti pendidikan pada semua rakyat;
- (iv) mewujudkan persaingan global;
- (v) mewujudkan pendidikan secara holistik;
- (vi) melahirkan pelajar-pelajar yang cemerlang; dan
- (vii) melahirkan guru-guru yang cemerlang.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mencadangkan supaya tujuh perkara ini dimasukkan dalam Program Rancangan Malaysia Kesembilan khususnya dari segi perbelanjaan Kementerian Pelajaran Kementerian Pengajian Tinggi.

Sebelum saya hendak teruskan hujah-hujah saya menyokong Titah Ucapan Tuanku ini, izinkan saya mengemukakan sedikit cadangan. USM dan UM adalah merupakan dua buah di antara 200 buah universiti yang terkenal di dunia. UM mengambil masa lebih kurang 50 hingga 60 tahun begitu, dan USM mengambil masa 30 tahun. Maka saya hendak mencadangkan melalui Dewan yang mulia ini supaya kedua-dua universiti ini dianugerahkan Darjah Diraja sejajar dengan pencapaiannya di peringkat antarabangsa selaras dengan hasrat Tuanku untuk hendak memperlihatkan peningkatan permohonan pendidikan dalam negara kita ini.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada seluruh warga USM dan UM. Ada sebuah lagi universiti yang sedang meningkat maju dan baru-baru ini saya berkesempatan berjumpa dengan seorang profesor di “Curtiny University” dan saya telah berbincang dengan dia dan dia begitu tertarik sekali dengan universiti ini. Saya juga bertemu dengan ramai rakan-rakan di sektor swasta, begitu juga memberi satu pengiktirafan yang tinggi kepada universiti ini. Saya mengucapkan juga tahniah kepada universiti ini dan universiti ini ialah Universiti Sarawak ataupun UNIMAS.

Saya rasa ketiga-tiga universiti ini perlu dijadikan contoh kepada lain-lain universiti. Ada sebuah universiti – namanya Universiti Ulu Malaysia – lokasinya pun hulu, pelajar pun ulu, pensyarah pun ulu. Saya harap universiti ini kena giatkanlah, kena ikut contoh langkah yang telah diambil oleh ketiga-tiga buah universiti ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin bangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini ialah saya hendak mengucapkan tahniah kepada adik Nor Amalina yang telah berjaya mencapai tahap yang paling cemerlang dalam peperiksaan SPM baru-baru ini..

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Ketereh bangun Yang Berhormat.

**Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin:** Dan saya mengucapkan tahniah kepada Sekolah Ulu Jeram ini dan seluruh tenaga pekerja sekolah ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Ketereh.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** Tidak, saya hendak tanya Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat kata universiti hulu, universiti hulu itu universiti mana sebenarnya? Hulu Kelantankah? Tidak ada universiti.

**Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin:** Biarlah ya, universiti yang dok di hulu-hulu [Ketawa]. Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini sampai masanya kita perlu memikirkan.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** [Bangun]

**Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini sampai masanya kita perlu memikirkan .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tangga Batu pula bangun Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tangga Batu.

**Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin:** Okey.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Yang Berhormat Sik, saya berminat tentang Nur Amalina tadi. Nur Amalina telah menyatakan hasrat beliau untuk melanjutkan pelajaran ke universiti terkemuka di Barat. Hasrat Amalina ini disambut baik oleh ramai melalui media cetak dan media elektronik. Apakah pendapat Yang Berhormat jika Amalina ini melanjutkan pelajaran di universiti di Malaysia? Kalau dia masuk ke Oxford, dia keluar nanti, Oxford kata, *this is our product, this is our product* Tetapi kalau dia masuk ke universiti-universiti di Malaysia – USM dan UPM umpamanya, Amalina ini akan menjadi satu *creator*, pencipta kepada sejarah UPM dan mungkin akan dapat meningkatkan lagi nama UPM. Minta Yang Berhormat komen tentang perkara ini.

**Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin:** Ya, terima kasih. Saya pun mengharapkan begitu juga. Saya mengharapkan UM atau USM menawarkan satu tempat kepada beliau dan mewujudkan satu program yang khusus untuk beliau. Saya rasa lebih wajar beliau menuntut dalam negeri dahulu kerana USM dan UM sudah ada nama. Selepas beliau lulus daripada salah sebuah universiti di dalam ini, saya rasa minat beliau ialah dalam bidang pendidikan, maka beliau boleh melanjutkan program pasca siswazahnya di peringkat universiti-universiti yang terkenal kerana graduan daripada USM dan UM senang dapat belajar di tempat-tempat lain. Saya dahulu graduan daripada USM tetapi bila saya minta untuk melanjutkan pelajar di Mcguires senang diterima. Saya rasa begitu juga dengan Nur Amalina. Kalau dia lulus daripada USM Kubang Kerian misalnya, walaupun Kubang Kerian tetapi nama USM, maka senang dia belajar di universiti-universiti perubatan yang lebih terkenal lagi sampai peringkat kedoktoran dan sebagainya.

Saya rasa itu satu harapan kita tetapi sampai hari ini, belum lagi kita dapat satu maklumat dan program yang ditawarkan kepada beliau.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Ketereh.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga minat tentang Nur Amalina ini kerana pertamanya, dia keturunan daripada Kelantan walaupun dia berjaya di Johor – emaknya orang Kelantan, ayahnya orang Kelantan, datuknya orang Kelantan. Tidak apalah, kejayaan orang Kelantan biasanya di luar Kelantan, hendak buat macam mana? Nasib kita. Saya punya kebimbangannya begini, Nur Amalina telah menunjukkan kejayaan yang begitu bagus – 17A, jarang anak Malaysia mencapai begini. Dahulu kita tengok sejarah Mohd Shukri Hadafi, seorang budak pintar yang berumur tiga tahun sudah pandai membaca sampai keluar dalam filem Menanti Hari Esok. Sampai sekarang dia menanti hari esok. Saya diberitahu, sekarang dia jual kelapa kering di Padang Terap, kawan saya beritahu sebab kita tidak gilap potensi yang ada pada pelajar ini.

Nur Amalina ini dapat 17A semua *science subject, art subject, dia ambil apa pun dia boleh berjaya tetapi kita hendak kena gilap*. Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat bagi Sik sebagai seorang *educator*. Yang Berhormat bagi Sik ini ada institusi pendidikan dan beliau orang terpelajar, dia tahu di antara Phd terutama mula-mula EXCO yang ada Ph.d, beliau lah. Apakah rancangan yang seharusnya dibuat oleh kerajaan supaya Nur Amalina ini tidak sia-sia, tidak kekal di situ, dia akan terus menggilap, terus mencipta sejarah menjadi anak Melayu yang boleh kita banggakan sama ada Kelantan atau tidak. Terima kasih.

**Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa perkara ini perlu ambil perhatian serius oleh pihak kerajaan dan pihak pusat-pusat pengajian tinggi supaya mewujudkan satu sistem program dan tempat bagi pelajar-pelajar yang pintar ini. Sekarang tidak ada. Mereka akan keluar dalam surat khabar dalam sehari dua lepas itu dilupakan. Saya tahu kes ini. Masalah beliau memang serius kerana masalah sosial ibu bapanya akhirnya dia terjerumus dengan dadah dan sebagainya. Saya tahu budak ini. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.....

**Dato' Razali bin Ismail:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kuala Terengganu berminat juga Yang Berhormat. Ini di kalangan orang bijak pandai. Kuala Terengganu.

**Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin:** Yalah, saya....Ya. okey sila.



**Dato' Razali bin Ismail:** Baik terima kasih Yang Berhormat bagi Sik. Kita tidak boleh terlalu ghairah dengan kejayaan seseorang anak ini dan kadang-kadang ia akan menjadi sesuatu yang *one off* sahaja sebab perjalanan hidupnya adalah masih panjang, perjuangan masih belum selesai dengan hanya mendapat 17A1 di sini.

Saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh sahabat saya sebentar tadi yang bertanya tentang hal sejarah Mohd. Hanafi, Sofiah Yusof yang pernah pada peringkat umur 13 tahun sudah layak ke peringkat sarjana di *University of Cambridge or Oxford*. Ini adalah luar biasa tetapi perjalanan hidupnya masih panjang. Ertinya kalau sekiranya dia hanya memiliki IQ sahaja tanpa Q-Q yang lain, EQnya, SQnya, *Spiritual Quotientnya*, PQnya, Fizikal *Quotientnya*, AQnya, *Adversity Quotientnya*, maka kita tidak dapat menjanjikan kesejahteraan. Kita harus juga memberi satu pengertian tepat apakah maksud kejayaan ini yang kita lihat ini sebagai satu destinasi sahaja sebab kejayaan itu adalah satu perjalanan yang panjang.

Maka ini juga satu peringatan yang baik dalam kita menggubal kurikulum dan dasar pendidikan kita untuk....tadi kita bercakap mengenai *equity*. Kita bercakap tentang *accessibility*. Ini merupakan satu *event* sahaja yang berjaya tetapi banyak lagi perkara-perkara lain yang harus dilakukan. Kita juga harus ingat bahawa perjalanan hidup budak yang kita raikan ini lebih panjang lagi. Dia masih belum selesai perjuangannya. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin:** Saya bersetuju sangatlah. Untuk hendak mempertingkatkan lagi tahap pendidikan negara saya rasa kita jangan ghairah sangat membuka lebih banyak sangat IPTA ini. Saya rasa lebih senang kita memperluaskan yang ada. Biasanya Terengganu mendapat universiti baru, tahniahlah. Bukannya senang hendak membangunkan sebuah universiti. Kalau saya, saya lebih suka Terengganu misalnya membawa Universiti Madinah pergi ke Terengganu.

Saya rasa itu lebih bermakna lagi daripada kita membangunkan sebuah universiti, hendak membinanya mengambil masa. Akhirnya terlalu banyak universiti mengeluarkan graduan-graduan yang tidak ada nilai di pasaran. Saya rasa kalau Terengganu boleh membawa masuk Universiti Madinah, maka pelajar-pelajar daripada Vietnam, Cambodia, Selatan Thailand, Filipina, Indonesia, Jepun, China akan belajar di universiti di Terengganu. Maka dengan sendirinya hasrat Ke bawah Duli Yang maha

Mulia Tuanku yang mahu melihat sistem pendidikan tinggi kita bercorak global itu tercapai.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tangga Batu bangun pula.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Sik. Yang Berhormat bagi Sik ini sesekali pandang macam Prince Charles jugalah Tuan Yang di-Pertua. Tetapi apabila kita tengok dalam tv, macam Prince Charles, ada gaya. Yang Berhormat Sik.....

**Tuan Lau Yeng Peng:** *Girlfriend?*

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Camilia. [Ketawa] Yang Berhormat Sik, saya minat juga dengan tajuk ini. Saya minta Yang Berhormat komen memandangkan Yang Berhormat mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang luas tentang pendidikan tinggi di negara kita ini. Ada pihak-pihak yang menjual lesen untuk mengendalikan universiti dengan nilai RM25,000 atau RM30,000. Boleh Yang Berhormat komen tentang gejala yang berlaku di negara kita.

**Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin:** Terima kasih Yang Berhormat. Ijazah itu perkara yang kedua tetapi yang pentingnya universiti yang dia dapat itu yang penting. Saya boleh dapat Ph.d mana-mana tetapi kalau saya dapat Phd daripada Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia, *University Cambridge* atau *Oxford* itu lain. Tetapi saya rasa yang pentingnya ialah universiti mana yang dia dapat itu yang lebih penting.

**Tuan Lau Yeng Peng:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Puchong bangun pula Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin:** Tidak bagi peluang pada saya langsung ya.

**Tuan Lau Yeng Peng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Tadi saya tertarik dengan perkataan untuk mencapai satu universiti yang global. Adakah Yang Berhormat setuju bahawa untuk mencapai satu universiti global ada beberapa faktor utama yang kita mesti berikan perhatian yang serius. Sebagai contoh kita mesti ada satu tahap pensyarah ataupun pensyarah yang bertahap

global ataupun kita mesti ada *syllabus* yang betul-betul memberi satu fokus kepada objektif universiti itu.

Sebagai contoh tadi Yang Berhormat kata Universiti Madinah. Semua faktor ini mesti dipertimbangkan dan juga diberi perhatian yang serius. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa kalau kita hendak mencapai satu universiti yang global dalam apa jua bidang pun kita mesti ada beberapa syarat ataupun beberapa faktor yang telah saya katakan tadi. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin:** Sememangnya apa jua syarat mesti bercorak global. Dari segi pensyarahnya, dari segi kurikulumnya, dari segi pelajarannya mesti bercorak global. Saya rasa dalam konteks ini misalnya kalau kita lihat kes Sarawak contohnya, Sarawak ada *Curtin University of Technology* Sarawak. Kenapakah kita tidak boleh membawa satu universiti Jepun ke negara? Misalnya *Toyo University*, *SOFIA University*. Kenapakah kita tidak boleh membawa *Beijing University* ke negara ini? Kenapakah kita tidak boleh membawa *New Daily Institute of Technology* ke sini? Kenapakah kita tidak boleh membawa *Asia Institute of Management (AIM)* daripada Manila cawangan di sini? Kenapakah kita tidak boleh membawa *Institute of Technology (AIT)* di Bangkok ke sini.

Dalam konteks hendak menyediakan tenaga pengajar kita boleh mewujudkan kerusi-kerusi di peringkat *international* dan kita tempatkan pensyarah-pensyarah dan tenaga akademik kita di peringkat *international*, maka sekembalinya mereka berkhidmat dalam negara sekali gus akan mempertingkatkan tahap mereka sebagai tenaga akademik.

**Tuan Mohamad Shahrum bin Osman:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Lipis pula bangun.

**Tuan Mohamad Shahrum bin Osman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Sik. Satu daripada syarat yang dikatakan untuk menjadikan sebuah universiti terkemuka adalah dengan adanya elemen penyelidikan. Maka kalau kita lihat pada satu masa dan sekarang pun ramailah yang bercakap tentang hendak menjadikan universiti itu sebuah universiti pendidikan.

Bersetujukah Yang Berhormat dengan saya elemen yang penting sebenarnya selain daripada pendidikan ialah corak atau cara pengajaran dan pembelajaran yang

ada di universiti itu kerana kadang-kadang kita dapat lihat ada pensyarah yang boleh membuat penyelidikan banyak tapi dia tidak dapat menyampaikan hasil penyelidikannya kepada para pelajar. Kesannya para pelajar kadang-kadang yang keluar daripada universiti, dapat ijazah tapi *confuse*. Tidak tahu apa sebenarnya yang di pelajari dan ini kadang-kadang menyebabkan kemahiran yang ada apabila mereka membawa keluar, mereka tidak mempunyai kemahiran yang sepatutnya mereka ada dalam sesuatu ijazah tersebut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Sik, Yang Berhormat Sik. Sila duduk dahulu. Kita ada usul.

### USUL

#### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**12.58 tgh.**

**Timbalan Menteri di jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12 (1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.00 malam ini dan selepas itu mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi esok hari.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat.....

**Cik Fong Po Kuan:** Peraturan Mesyuarat. Saya pohon sebelum diluluskan saya hendak cadangkan pindaan kepada usul yang dibangkitkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tidak perlu Yang Berhormat. Kita ada peluang.

**Cik Fong Po Kuan:** Saya hendak tahu apakah usul ini juga akan dipinda untuk memastikan bahawa Mesyuarat tidak akan ditangguhkan sehingga semua Ahli-ahli diberi peluang untuk berucap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kita akan aturkan. Jangan susah.

**Cik Fong Po Kuan:** Saya rasa Ahli-ahli Barisan Nasional juga.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tidak perlu Yang Berhormat. Sila duduk.

**Cik Fong Po Kuan:** .....harus bangkit perjuangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sila duduk.

**Cik Fong Po Kuan:** Saya rasa Tuan Yang di-Pertua, perkara ini harus dipertimbangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, kita pandailah menyusun. Sila duduk. Duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah

“Bahawa mengikut peruntukan Peraturan mesyuarat 12 (1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.00 malam ini” hendaklah disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

**[Majlis Mesyuarat disambung semula]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Sik, sila sambung. Yang Berhormat ada dua minit untuk dihabiskan.

**Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin:** *[Melihat ke arah jam]* Sambung petang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Hendak sambung petang sedikit? Tidak apa sambung sebelah petang. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini kita tangguhkan sehingga jam 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

***Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan mesyuarat***]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat daripada Sik sila sambung dalam tiga minit lagi.

**2.33 petang.**

**Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik]:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah menyentuh bagaimanakah untuk mempertingkatkan dan

memperkasakan institusi pengajian tinggi di negara kita. Saya hendak sambung lagi. Untuk tujuan itu saya berpendapat bahawa pengajian bahasa perlu diperluaskan bukan sahaja tumpuan kepada bahasa Inggeris tetapi juga bahasa-bahasa yang penting di Asia Pasifik seperti bahasa Mandarin, bahasa Arab, bahasa Hindi dan sebagainya.

Seterusnya tenaga pengajar juga perlu *diinternationalizekan*, ertinya tenaga-tenaga pengajar yang berpengalaman yang mempunyai tahap pencapaian yang tinggi di peringkat antarabangsa perlu digalakkan berkhidmat di IPTA kita. Untuk melahirkan *output-output* yang cemerlang maka input-input juga perlu cemerlang. Oleh itu, semua sekolah rendah dan menengah di negara ini perlu dinaiktarafkan selaras dengan pembangunan IPTA-IPTA kita.

Bidang pengajian perlu dikaji semula – beberapa bidang pengajian perlu dinaik taraf. Misalnya kita dengar Yang Berhormat bagi Cheras berbangkit masalah kekurangan kepakaran dalam bidang kejururawatan. Maka saya rasa sudah sampailah masanya pengajian kejururawatan perlu diperluaskan mungkin di USM di Kubang Kerian.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, skim *intership* bagi pelajar-pelajar perlu digalakkan. Kita hendaklah mensyaratkan semua GLC untuk mengambil pelajar-pelajar pada peringkat tahun pertama lagi supaya boleh mendedahkan mereka dalam dunia nyata. Pemindahan kredit perlulah digalakkan di antara IPTA-IPTA dalam negara kita ini.

Dan akhir sekali, saya hendak mencadangkan supaya sebuah Jawatankuasa Kabinet atau *select committee* diadakan untuk mengkaji dan meneliti perkembangan IPTA kita kerana saya perhatikan kemudahan infrastruktur yang terdapat di IPTA kita adalah kelas pertama sedangkan keluarannya tidak begitu. Maka untuk itu saya hendak mencadangkan supaya jawatankuasa ini mengambil kira empat perkara penting:

- (i) kerajaan perlu mengadakan satu kriteria pengukur sumbangan yang diberikan oleh profesor, profesor madya atau pensyarah di bidang penyelidikan, perundingan dan penerbitan. Kriteria pengukur ini boleh diseragamkan dan digunakan untuk semua IPTA dan boleh dicapai atau dilihat oleh semua masyarakat. Oleh itu, ketelusan dalam kenaikan pangkat dapat diadakan. Indeks penyelidikan dan perundingan mungkin boleh dipertimbangkan;

- (ii) suatu pangkalan data secara *online* mengenai penyelidikan dan penerbitan perlu diadakan. Data ini juga perlu menyenaraikan kepakaran yang ada di IPTA, dengan ini memudahkan proses pengantarabangsaan pendidikan Malaysia boleh dilaksanakan. Pada masa ini masyarakat tidak didedahkan kepada kepakaran yang ada di IPTA;
- (iii) kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan Tinggi perlu mengadakan anugerah-anugerah tertentu bagi mengiktiraf jasa tenaga akademik di IPTA di dalam bidang penyelidikan, perundingan dan penerbitan. Dengan adanya anugerah ini menyebabkan ada semangat berlumba di kalangan tenaga akademik di IPTA kita;
- (iv) pemilihan pemimpin tertinggi IPTA seperti Naib Canselor dan Timbalan Naib Canselor perlu juga diberi peluang kepada tenaga akademik untuk mencalonkan tokoh-tokoh yang sesuai untuk pertimbangan kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Gua Musang.

**Tengku Razaleigh Hamzah [Gua Musang]:** Tuan Yang di-Pertua, abad ke 21 merupakan abad yang paling mencabar bagi sejarah orang Melayu kerana perubahan-perubahan yang berlaku di Asia. Perubahan-perubahan ini amat hebat di mana orang Melayu perlu memikirkan dengan berhati-hati hala tuju dan perubahan-perubahan yang perlu dilakukan. Perubahan-perubahan ini berupaya untuk turut mengubah dan membentuk semula politik antara negara-negara Asia dan antara negara-negara di Asia Tenggara terutamanya yang berkaitan dengan status orang Melayu.

Perlu disedari bahawa dalam skala global Asia mahupun Asia Tenggara, Melayu adalah golongan minoriti dan dalam beberapa aspek merupakan kumpulan etnik yang tertinggal. Ini mungkin memeranjatkan tetapi di dalam realiti dunia Asia yang berubah kita perlu melihat keadaan ini dari *totality* Rantau Asia Tenggara. Demografi untuk rantau ini sahaja sudah menjelaskannya sendiri. Atas keprihatinan inilah kita perlu beri perhatian kepada perubahan-perubahan yang berlaku di Asia.

Terdapat tiga rantau geopolitik yang menyaksikan perubahan-perubahan penting berlaku yang perlu kita beri perhatian iaitu dunia Islam, China dan India. Kepentingannya dalam konteks geopolitik adalah sama dengan mana-mana benua. Dalam konteks demografi China dan India membentuk satu pertiga kependudukan dunia dan mungkin akan mencapai separuh kependudukan dunia dalam tempoh 30 tahun. Mereka amat penting kepada orang Melayu kerana melalui sejarah ketiga-tiga rantau ini memainkan peranan dalam pembentukan Malaysia. Mereka mempunyai pengaruh yang mendalam di dalam pembentukan, pemikiran dan sejarah kita.

Kesan ini juga boleh dilihat di dalam demografi Malaysia. Sejarah menunjukkan pengaruh mereka dapat dirasakan di dalam pelbagai bentuk baik dalam bentuk intelektual dan subjektif. Daripada ketiga-tiga rantau ini yang paling penting secara emosional dan sejarahnya untuk orang Melayu ialah dunia Islam. Dunia Islam yang saya maksudkan bukanlah terhad hanya kepada Timur Tengah tetapi juga Asia Tenggara. Rantau ini kelihatannya berada di dalam krisis politik yang tidak diduga dan perubahan-perubahan yang berlaku akibat krisis ini kelihatan amat berbeza dari yang dialami oleh China dan India.

Perubahan-perubahan yang mungkin berlaku, bukanlah berkaitan politik dan ekonomi sahaja meskipun mungkin ada perubahan ke arah itu politik dan ekonomi bagi rantau ini tidak akan dapat dipisahkan daripada identiti Islam. Kerumitan isu identiti gangguan dari luar dan konflik boleh membawa akibat-akibat yang disengajakan atau yang tidak disengajakan, yang boleh membawa trauma kerana terdapatnya faktor kesejagatan Islam yang sentiasa wujud di dalam krisis ini. Krisis di dalam dunia Islam adalah di luar kawalan ataupun pengaruh orang Melayu. Bagaimanapun kesan-kesan krisis tersebut tidak dapat dielakkan daripada minda orang Melayu.

Keganasan dan perubahan yang berlaku akan menggesa orang Melayu untuk berfikir dan memahami identiti mereka yang tidak boleh dipisahkan dari dunia Islam dengan bentuk keganasan dan serangan yang lebih tidak berperikemanusiaan, ianya akan lebih menyukarkan bagi orang Melayu. Ini memperlihatkan bahawa dunia Islam tidak berdaya, meskipun dengan kekayaannya, keagungan sejarahnya dan kekuatan ummahnya yang menjadi kebanggaan orang Melayu. Orang Melayu juga di dalam konteks masyarakat berbilang bangsa terpaksa menjelaskan pendirian dan identiti



mereka berkaitan apa yang berlaku di dalam dunia Islam ini. Dalam keadaan ini tekanan akan timbul di kalangan masyarakat Melayu sendiri untuk mendapatkan penjelasan. Bagi orang Melayu, ianya amat memalukan apabila melihat dunia Islam berpecah-belah, berpuak-puak dan dipandang kecil oleh masyarakat dunia.

Soalan yang perlu kita fikirkan ialah bagaimana perkara ini boleh mempengaruhi orang Melayu dalam tempoh jangka masa panjang? Ketika dunia Islam sedang mengalami pengalaman-pengalaman yang traumatik ini, China dan India berubah di dalam arah yang berbeza, kedua-dua negara tersebut sedang meningkat sebagai kuasa ekonomi dan kuasa ketenteraan. Status baru ini memberi kepentingan geopolitik kerana saiz dan kepentingannya.

Kedua-duanya merupakan tamadun lama di dalam sejarah yang telah mempengaruhi Asia Tenggara. Untuk itu kemunculan mereka sebagai kuasa ekonomi dan kuasa politik akan mempunyai pengaruh yang lebih besar dari sempadan geografi kerana pengaruhnya yang merupakan sebahagian pengaruh masyarakat berbilang bangsa Malaysia. Kesan dan pengaruh situasi baru ini terhadap Malaysia sukar diramalkan tetapi secara semula jadinya ada yang akan turut merasa bangga dengan pencapaian China dan India ini. Malangnya secara psikologinya ia akan menambahkan tekanan di kalangan orang Melayu yang sedang berhadapan dengan kemelut di dalam dunia Islam sendiri. Tekanan yang saya maksudkan adalah tekanan emosi dan isu-isu psikologi yang perlu mereka hadapi, terutamanya dengan tanggapan bahawa masyarakat Islam telah gagal.

Bagi perspektif orang Melayu rentetan krisis dan tekanan di dalam dunia Islam ini serta kebangkitan China dan India akan mempunyai kesan yang luar biasa. Tumpuan mereka hanyalah kepada identiti dan kedudukan ekonomi mereka di dalam negara ini. Ketika krisis dalaman ini terus berpanjangan dan belum pun mencapai penyelesaian mereka kini berhadapan pula dengan cabaran-cabaran baru.

Kajian akan menunjukkan bahawa 80an, maaf, era 90an adalah era yang menyaksikan masyarakat Melayu menjadi lemah, jenayah, kelumpuhan sosial, perpecahan rumah tangga, mutu pendidikan yang menurun, polarasi kaum di kalangan graduan dan siswazah dari universiti awam dan swasta, kesukaran graduan universiti swasta mendapatkan pekerjaan adalah di antara isu-isu sosial, pendidikan dan politik

yang menyumbang ke arahnya. Hakikatnya orang Melayu kehilangan pendirian moral pada detik itu.

Persoalan yang mencabar orang Melayu adalah sama ada mereka boleh menemui kepimpinan intelektual yang boleh memberikan mereka arah panduan serta keyakinan untuk menghadapi situasi baru ini. Sejarah telah menunjukkan bahawa untuk sesuatu masyarakat berjaya dan kekal perlu terdapat kepimpinan intelektual berbekalkan keberanian untuk mengubah hala tuju mengikut keadaan sekeliling yang turut berubah serta pemimpin yang memimpin tanpa rasa gentar.

Semenjak kerajaan memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru kira-kira 45 tahun lalu banyak faedah telah diperolehi oleh orang Melayu dan lain-lain kaum bumiputera di negara kita ini. Pencapaian matlamat pembangunan sosial ekonomi selepas 1970 telah diiktiraf oleh Bank Dunia dalam sebuah kajian *monumental*, dengan izin, sebagai sesuatu yang ajaib. Sementara Dasar Mikro Ekonomi yang pragmatik dilaksanakan oleh kerajaan telah membolehkan ekonomi Malaysia bergerak pada landasan pertumbuhan yang tinggi dan mapan dalam jangka masa 1970 dan 1990.

Kejayaan pembangunan negara adalah hasil langsung dari Dasar Ekonomi Baru yang berfalsafah pertumbuhan dengan pengagihan. Walaupun berlaku kelembapan ekonomi pada pertengahan 80an, pencapaian matlamat DEB setelah tamat pada tahun 1990 adalah menggalakkan, di mana ianya menggambarkan kejayaan tindakan informatif kerajaan dalam memperbetulkan ketidakseimbangan ekonomi di kalangan golongan etnik serata bandar, luar bandar dan ketidakseimbangan wilayah.

Pada tahun 90 terdapat pengurangan yang signifikan dalam insiden kemiskinan. Perkembangan yang luas dalam guna tenaga di sektor moden dan kejayaan yang terbatas dalam mempertingkatkan pegangan milikan harta dan ekuiti serta agihan pendapatan di kalangan golongan etnik. Sungguhpun terdapat kritikan terhadap kos melaksanakan Dasar Ekonomi Baru, KDNK sebenar bagi Malaysia bertumbuh pada kadar yang tinggi, iaitu 6.7% setahun dalam jangka masa 20 tahun, 1971 dan 1990. Menjelang tahun 1990 negara telah mencapai keadaan ekonomi dengan guna tenaga penuh. Pada masa yang sama ekonomi Malaysia mengalami transformasi struktur yang ketara. Setelah mencapai pertumbuhan ekonomi yang kukuh pada kadar hampir dua digit setahun semenjak 1987, Dasar Pembangunan Nasional ataupun DPN, walau

bagaimanapun telah melonggarkan beberapa aspek DEB, terutamanya dasar yang berkaitan dengan pemilikan ekuiti asing dan sasaran kuantitatif dan *time frame*, dengan izin, bagi pemilikan harta sebagai respons kepada kelembapan ekonomi dan langkah bagi menarik pelaburan asing. Sungguhpun langkah-langkah ini pada mulanya adalah sepatutnya bersifat sementara namun ianya menjadi satu dasar yang kekal.

Dasar ini bersama dengan langkah-langkah liberalisasi lain telah memburukkan lagi pencapaian prestasi ekonomi orang Melayu dan lain-lain kaum bumiputera dalam tempoh Dasar Pembangunan Nasional 1990 sehingga tahun 2000. Sungguhpun pada umumnya kemiskinan mutlak telah menjadi tidak lagi signifikan pada penghujung tempoh Dasar Pembangunan Nasional, namun insiden kemiskinan masih lagi tinggi di kalangan isi rumah luar bandar, isi rumah bumiputera dan di kalangan golongan peribumi di Sabah dan Sarawak serta di kalangan Orang Asli dan orang kurang upaya.

Kadar kemiskinan juga masih tinggi di sektor-sektor pertanian tertentu termasuk padi, kebun kecil getah, kebun kecil kelapa, perikanan dan di kalangan pekerja estet. Negeri-negeri di mana kadar kemiskinan mereka melebihi kadar kemiskinan Nasional adalah Kelantan, Terengganu, Sabah, Kedah dan Perlis. Seperkara lagi yang perlu diberi perhatian dari aspek kemiskinan ialah isu kemiskinan relatif dan kemunculan, dengan izin, *the new urban poor*, yang terdiri terutamanya dari kalangan migrain luar bandar. Jelas kepada kita bahawa dalam tempoh 1990 sehingga tahun 2002 satu fenomena baru dalam corak agihan pendapatan di Malaysia ialah munculnya ketidaksamaan pendapatan intra etnik yang semakin buruk di dalam ke semua golongan etnik. melainkan etnik Cina. Fenomena ini berlaku bagi kawasan bandar dan luar bandar dan bagi semua kelompok penduduk.

Dalam tempoh 1990 sehingga 1999 pemilikan modal saham Syarikat Berhad pada nilai *par* oleh orang Melayu dan lain-lain kaum bumiputera menurun dari 19.3%, pada tahun 1990 kepada 19.1%, pada tahun 1999 dan seterusnya peratus pemilikan ini telah menurun kepada 18.7%, pada tahun 2002. Sekiranya aliran penurunan ini berterusan, peratus pemilikan saham orang Melayu dan lain-lain kaum bumiputera mungkin jatuh kepada 15% kepada penghujung tempoh Rancangan Malaysia Ke-9.

Dari segi nilainya milik modal saham bumiputera meningkat dari RM20.9 bilion, pada tahun 90 kepada RM59.4 bilion pada tahun 1999. Sungguhpun penyertaan orang

Melayu mencatatkan peningkatan yang memberangsangkan, peratusan ahli profesional bumiputera masih rendah berbanding dengan bukan bumiputera, ianya masih tidak menggambarkan komposisi penduduk negara kita. Pada masa yang sama kualiti ahli profesional orang Melayu dan lain-lain kaum bumiputera juga adalah lebih rendah berbanding dengan kumpulan etnik lain, di mana mereka memperolehi pendapatan yang lebih rendah.

Walaupun ekonomi mencapai pertumbuhan yang tinggi dalam tempoh 1990 sehingga 1997, corak agihan pendapatan terus melebar. Pada masa yang sama, satu fenomena baru iaitu munculnya ketidaksamaan intra etnik. Keadaan ini jika tidak dibendung boleh menimbulkan cabaran baru dari aspek kestabilan sosial dan keharmonian kaum. Untuk meningkat dan memperkukuhkan kedudukan ekonomi orang Melayu dan lain-lain kaum bumiputera dalam dekad-dekad yang mendatang, kita mungkin perlu antara lain:

- (i) menetapkan sasaran pembangunan yang jelas, umpamanya dengan menjamin terdapatnya kadar pertumbuhan yang mapan, iaitu pada kadar 7% setahun;
- (ii) memperluaskan skop pembasmian kemiskinan;
- (iii) mempertingkatkan pemilikan saham modal orang Melayu dan lain-lain kaum bumiputera;
- (iv) mengaktifkan dasar penstrukturan semula guna tenaga;
- (v) memperkukuhkan strategi dan program masyarakat, perniagaan dan perindustrian bumiputera.
- (vi) memperbaiki prestasi, pendidikan pelajar bumiputera terutamanya pelajar luar bandar dengan memastikan sekolah-sekolah luar bandar mendapat infrastruktur dan prasarana yang sama seperti yang terdapat di bandar dan mereka disediakan dengan guru pakar.
- (vii) memperkenalkan Lonjakan Mega, seperti *Martial Plan* yang diperkenalkan di Eropah selepas Perang Dunia Kedua bagi pembangunan luar bandar dan bagi negeri-negeri kurang maju.
- (viii) memperkukuhkan peranan kerajaan.

- (ix) memperkenalkan dasar pelaksanaan dan pemantauan.

Semua pihak, yang terlibat dengan pelaksanaan dan pemantauan dasar Wawasan Nasional perlu menerima hakikat bahawa abad ke-21 bukanlah satu abad yang mudah bagi negara dan rakyat. Pada satu pihak, globalisasi dan liberalisasi, menuntut negara meningkat daya saingnya di pasaran global.

Akan tetapi, pada pihak lain, masih terdapat jurang yang besar dalam masyarakat Malaysia termasuk perbezaan ekonomi antara kaum dan intrakaum, antara bandar dan luar bandar, antara pelbagai lapisan penduduk dan wilayah. Jika masalah nasional ini tidak ditangani, besar kemungkinan akan terjejas perpaduan masyarakat dan seterusnya kemajuan Malaysia secara keseluruhannya.

Malangnya, ketika semua ini berlaku terdapat kumpulan baru orang Melayu yang muncul dengan hasrat mengejar kekayaan dengan apa cara sekalipun. Kita tidak perlu merasa malu atau menolak untuk mengkaji punca kegagalan ini serta hubung kaitnya dengan sejarah, dasar-dasar politik ekonomi dan sosial. Orang Melayu tidak terkecuali daripada fakta *social logical* yang menjelaskan terdapatnya hubung kait di antara dasar sosio ekonomi dengan kelemahan moral masyarakat. Untuk menyalahkan faktor bangsa sahaja adalah tidak adil.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** *[Bangun]*

**Tengku Razaleigh Hamzah:** Terdapat kajian yang menyarankan bahawa kepimpinan yang lemah dalam pengendalian urusan awam akan mengakibatkan golongan paling lemah di dalam masyarakat terjebak kepada perlakuan-perlakuan anti sosial. Kuasa dan ketakutan bukanlah galang ganti kepada kepimpinan yang bagus....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat. Boleh bagi laluan Yang Berhormat?

**Tengku Razaleigh Hamzah:** Boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Puchong.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Terima kasih Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Gua Musang. Saya amat tertarik dengan ucapan Yang Berhormat Gua Musang, yang menyatakan bahawa pertama ada sembilan cadangan yang telah diketengahkan oleh Yang Berhormat. Satu persoalan saya ialah, dalam dunia globalisasi atau era globalisasi, setiap negara akan cuba untuk meningkatkan daya

saing semua negara, *I mean* semua negara cuba meningkatkan daya saing dan juga daya maju negara masing-masing.

Pada masa yang sama, di negara kita ini kita masih ada dasar ekonomi baru, *Nasional Economy Policy* dan sebagainya untuk membantu atau mengurangkan jurang perbezaan kaum terutamanya di bidang ekonomi. Apakah cadangan Yang Berhormat ini? Negara kita hendak maju, hendak *open*, hendak *liberalize*, pada masa yang sama kita ada satu macam *dynamite* di dalam negara kita ini, untuk diberikan keutamaan, tumpuan kepada kawan-kawan kita daripada kaum bumiputera supaya masalah negara di masa akan datang dapat dikurangkan. Apakah pandangan Yang Berhormat Gua Musang?

**Tengku Razaleigh Hamzah :** Terima kasih sebanyak-banyak atas pandangan yang baik itu. Sebenarnya, perkara ini perlu diberi perhatian kalau kita mahu maju ke hadapan, kalaulah sebahagian daripada masyarakat kita lemah, dan tidak dapat menjalankan usahanya secara progresif dia akan menarik ke belakang kemajuan yang kita hendak cuba usahakan ini. Begitu juga di peringkat dunia, negara-negara maju disaran supaya membantu negara-negara yang lemah, dan kurang maju yang mundur supaya mereka dapat bersama-sama dibangunkan dan dapat mengecapi nikmat kemajuan bersatu.

Apa yang hendak dilakukan di negara kita, seperti juga berlaku di luar sana, untuk melihat supaya tenaga dan modal yang terdapat dalam negara kita dapat digemblengkan untuk meningkatkan kemajuan negara untuk kita bersama. Bagaimana saya kata tadi, kuasa dan ketakutan bukanlah galang ganti kepada kepimpinan yang bagus untuk masyarakat yang memerlukan perubahan dan keyakinan. Sekiranya orang Melayu mahu menghadapi cabaran-cabaran ini mereka perlu diberikan kebebasan untuk bersuara, mengkritik, membantah dan membangkang dengan cara yang terhormat.

Kita memerlukan kepimpinan yang juga dapat memberi kebebasan kepada intelek-intelek Melayu untuk berkembang sebagai agen perubahan yang kreatif. Desakan dihadapi oleh orang Melayu berlaku apabila melihat dunia Islam tertindas dan identitinya dipersoalkan sedangkan Asia berubah dengan dramatik dan memberangsangkan. Dunia yang berubah tidak akan menunggu orang Melayu yang

berterusan dengan dalaman yang tidak selesai-selesai. Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Kapit.

**3.00 ptg.**

**Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang turut bersama rakan-rakan ahli Yang Berhormat berbahas menyokong usul, menjunjung kasih, titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Dungun pada 22 Mac 2005 baru-baru ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dapat ringkaskan ya?

**Tuan Alexander Nanta Linggi:** Ya. Tuan Yang di-Pertua, pada saya titah Seri Paduka pada 21 Mac 2005 amatlah tepat dan *full of wisdom* dengan izin. Banyak isu-isu yang telah disentuh dalam titah itu memerlukan kita semua wakil rakyat dan pemimpin kerajaan mengambil serius terhadap isu-isu itu. Isu-isu yang telah disentuh oleh Seri Paduka Baginda adalah yang berkaitan dengan bagaimana kita boleh membangunkan negara, menyelesaikan masalah, serta menjamin kebahagiaan rakyat jelata, rakyat Malaysia ini.

Saya ini hanya ingin mengambil bahagian menjalankan tugas saya sebagai wakil rakyat untuk memberi maklum balas kepada kerajaan tentang perkara-perkara yang saya rasa perlu diambil kira dalam usaha kerajaan hendak membentuk dan membangunkan masyarakat negara kita yang tercinta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa perkara sahaja. Pertama, isu mewujudkan pembangunan seimbang di antara wilayah.

Isu ini adalah amat penting untuk menjamin kemajuan, kebahagiaan, serta pencapaian terhadap tahap pembangunan masyarakat Malaysia yang *holistic* diambang kepuasan tahun 2020 ini. Dengan izin, *it would be meaningless and indeed can lead to disharmony among our people in the future, if we cannot and do not ensure a balanced development throughout our beloved nation Malaysia.*

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat penjelasan di sini, saya tidak mahu disalah tafsir nanti. Saya bukan menuduh Kerajaan Barisan Nasional tidak adil dalam pembahagian, pelaksanaan projek-projek pembangunan di seluruh negara. Tetapi saya hanya menegaskan lagi, apa yang telah disaran dan diperintahkan oleh Seri Paduka Baginda, *so that we may be continuously be reminded, in order to achieve our objective to ensure that no one and no place in this country is excluded or marginalized as proclaimed by the Yang Amat Berhormat Perdana Menteri* dengan izin

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi dengan izin, *considering our nation's vastness, very diversified geographical, cultural, social, economic, political and religious background, it would be impossible to have an absolute balance and equitable development among all the states. Of course we cannot and do not expect that part, but what we expect is a full commitment to the right approach, political sincerity and the fair allocation of funding, all of which are so vital to the successful, fair and equitable development of the various regions and races of our country,* dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan hal ini saya ingin menyatakan bahawa saya amat setuju dan menyokong penuh dengan apa yang telah disarankan oleh beberapa ahli Dewan yang mulia ini terutamanya Yang Berhormat Seri Gading, Kinabatangan, Beluran, Mambong, Putatan dan Tuaran. Agar kerajaan pusat perlu memberi tumpuan untuk mencari jalan bagi mengatasi ketidakseimbangan pembangunan antara wilayah khususnya Sarawak dan Sabah dalam Rancangan Malaysia Kesembilan yang akan datang.

Sarawak memang masih ketinggalan, dari segi pembangunan infrastruktur yang terdapat di kawasan luar bandarnya seperti bekalan air yang bersih serta dirawat. Bekalan elektrik, jalan raya, kemudahan kesihatan seperti klinik desa, kemudahan pendidikan, masih banyak lagi sekolah di luar bandar yang perlu dibaiki serta dilengkapi sepenuhnya jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain di Semenanjung ini. Saya telah diberitahu dalam cadangan Rancangan Malaysia Kesembilan, Sarawak memerlukan jumlah peruntukan yang amat besar untuk pembinaan jalan raya.

Saya berharap Sarawak akan mendapat peruntukan yang dipohon itu. Sebab jalan-jalan raya itu memang pasti akan menjadi *cattails* pembangunan, dengan izin. Di sebuah negeri seperti Sarawak yang begitu luas serta kaya dengan sumber asli yang



terdapat di kawasan pedalamannya. Memang tidak ada bentuk pembangunan yang lain, yang lebih berkesan daripada pembangunan kemudahan infrastruktur jalan raya yang boleh mempercepatkan lagi serta meningkatkan tahap pembangunan di sesuatu tempat, khususnya di tempat pendalaman, khususnya di kawasan saya di Kapit juga.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Alexander Nanta Linggi:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai ahli Wakil Rakyat bagi kawasan Kapit. Sahabat baik saya di dalam Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat Seri Gading telah juga sempat sampai ke Kapit dalam bulan Disember tahun lepas untuk bersama saya dalam satu ramah-tamah selepas Hari Raya Aidilfitri tahun lepas. Oleh sebab itulah, mungkin Sri Gading selalu menyokong kehendak ataupun permohonan yang kami dari Sarawak dan Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mendesak agar kerajaan meluluskan kesemua cadangan jalan raya yang telah dikemukakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, dilaksanakan dalam tempoh masa yang sama juga nanti. Ini memandangkan kawasan Kapit adalah sebuah wilayah yang begitu besar, lagi pertaburan penduduknya begitu *spell out* dengan izin dan terlalu sedikit kilometer terdapat di kawasan ini pada masa sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri Sarawak amat memerlukan sokongan dan bantuan yang padu daripada Kerajaan Pusat untuk menggerakkan kesemua jabatan dan agensi pusat ke arah pembangunan seimbang bagi negeri ini. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua Kerajaan Pusat harus memahami aspirasi serta hala tuju program pembangunan Kerajaan Negeri Sarawak.

**Datuk Haji Mohamd bin Haji Aziz [Sri Gading]:** *[Bangun]*

**Tuan Alexander Nanta Linggi:** Sila Yang Berhormat Sri Gading.

**Datuk Haji Mohamd bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz-:** Selamat petang Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Selamat Petang.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz-:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Kapit. Kita berkali-kali Tuan Yang di-Pertua, baik daripada Sarawak

mahupun daripada Sabah. Soal pembangunan ini dibangkit-bangkit, dibangkit-bangkit, dibangkit-bangkit, dibangkit-dibangkitkan oleh mereka. Yang kerajaan tidak mahu dengar pasal apa?.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tidak. Ini kita hendak bertanya ini. Kita menang besar macam ini pun, hai tidak lumayan ke? Kawasan-kawasan yang diwakili oleh Ahli Parlimen Barisan Nasional. Tidak lumayan ke kita? Daripada rancangan agaknya yang kelima, keenam, ketujuh, kelapan, sudah hendak masuk yang kesembilan, rintihan demi rintihan.

Rintihan ini bukan rintihan yang kosong. Rintihan yang berisi, yang bermakna, harapan rakyat di kampung kepada Ahli Parlimen mereka. Mereka sudah jalankan tugas, tetapi kerajaan tidak jalankan tugas. Alasan saya tahulah, duit tidak ada, *mahfi fulus*. Minta maaf dengan izin Tuan Yang di-Pertua, yalah orang putih dengan izin Arab pun dengan izinlah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Boleh Tuan Yang di-Pertua ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Soal duit, alasan besar duitlah. Sampai bila kalau soal duit ini?. Saya cadangkan kerajaan berhutanglah. Bank Dunia ke, bank mana ke. Berhutanglah, tidak apalah demi rakyat dan kalau berhutang bukan negara ini kena gadai. Kita bayarlah ansur-ansur. Apa ada masalah? Setujukah Yang Berhormat Kaput dengan saya punya cadangan?

*[Dewan riuh seketika]*

**Seorang Ahli:** Amat setuju.

**Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Jawapannya jelas memang setuju, terima kasihlah Sri Gading. Tuan Yang di-Pertua, saya syorkan agar segala kerenah birokrasi pentadbiran awam khasnya yang banyak melibatkan pelaksanaan projek-projek pembangunan mestilah dikaji semula dan diperbaiki dengan serta-merta juga.

**Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]:** *[Bangun]*

**Tuan Alexander Nanta Linggi:** Seperti yang telah dilaung-laungkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kita mesti memastikan peningkatan delivery system

kerana yang ketara sekali dan yang biasanya menjadi batu penghalang kepada pelaksanaan serta pencapaian pembangunan seimbang adalah kerana birokrasi pentadbiran awam. Ya, sila.

**Tuan Jimmy Donald:** Terima kasih Yang Berhormat dari Kapit. Kita ini telah membentuk Malaysia selama 43 tahun, saya baru balik dari Kapit dan saya nampak bandar Kapit adalah ibu negeri kepada bahagian Kapit dan telah menyumbang berbilion ringgit kepada kemajuan negara melalui khazanah yang berada di Kapit sana, tetapi saya nampak tidak ada sebatang jalan raya pun yang menghubungkan Kapit dengan bandar-bandar utama yang lain. Jadi apakah pendapat Yang Berhormat dari Kapit tentang hal ini?

**Tuan Alexander Nanta Linggi:** *[Ketawa]* Apakah yang saya perlu katakan, Tuan Yang di-Pertua pada Parlimen pada sebelum ini, sebelum pilihan raya tahun lepas, saya pernah semasa membahas dalam bajet tahun 2003, saya ingat.

Saya telah mengatakan bahawa Kapit belum ada perhubungan jalan raya dan kini hampir 2 tahun, tetapi walau bagaimanapun saya menaruh harapan yang begitu tinggi dan begitu besar oleh sebab saya begitu yakin dengan kepimpinan yang kita ada pada masa kini dan Barisan Nasional Malaysia ini, saya berharap dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini Kapit akan dihubungkan dengan sebuah jalan utama dari bandar Kapit kepada bandar lain di Sarawak. Itulah harapan kami di Kapit, terima kasih Sri Aman.

Tuan Yang di-Pertua, kekurangan sensitiviti serta koordinasi telah terbukti menyumbangkan kepada pembangunan yang tidak seimbang juga masalah ini mestilah diatasi selalu. Saya syorkan bahawa kementerian dan Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab tentang pembangunan dan pemantauan ekonomi negara, *use to be more vigilant and proactive*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi isu yang ingin saya sentuh ialah saya amat mengalu-alukan saranan yang Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang terkandung dalam perenggan 15, muka surat 6, Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang meminta agar usaha-usaha perlu diambil untuk memastikan:

*"...penyeimbangan tahap pembangunan di antara sesama bumiputera sendiri. Untuk itu perhatian khusus akan diberi terhadap kumpulan pribumi di Sabah dan Sarawak".*

Tuan Yang di-Pertua, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menegaskan bahawa:

*"Bagi mencapai matlamat ini, program pemantauan dan penguat kuasa dasar-dasar harus diperkukuhkan lagi."*

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang ahli dari kaum Iban dan kaum pribumi dari Sarawak, saya amat terharu dengan sikap keprihatinan dan sikap amat yang murni Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang kita sanjungi dan yang telah begitu peka dengan kehendak dan keperluan masyarakat khususnya golongan pribumi di Sarawak dan di Sabah dalam Titah Di-Raja pada kali ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan perintah Seri Paduka Baginda itu kami kaum Dayak di Sarawak memang menaruh harapan yang begitu tinggi, supaya Rancangan Malaysia Kesembilan akan datang memberi kami peluang serta ruang perniagaan yang lebih bermakna untuk kami benar-benar tidak terpinggir dari arus perdana pembangunan dan kalaulah kaum kami dapat dipertingkatkan penglibatan dalam pembahagian kekayaan negeri ini, sudah tercapailah matlamat serta saranan untuk penyertaan seimbang dalam ekonomi di kalangan kumpulan etnik dan wilayah. Maka saya mohon penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, adakah kerajaan ingin ataupun berhasrat untuk menubuhkan satu jabatan khas khusus untuk memastikan pelaksanaan dasar-dasar atau pemantauan dan pengagihan kepada kaum pribumi Sarawak dan Sabah seperti yang telah disebut dalam Titah Di-Raja itu. Dengan itu saya menyokong, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baru Sapi.

**3.15 ptg.**

**Ir. Edmund Chong Ket Wah [Batu Sapi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana dibenarkan membahaskan Usul Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Parlimen Kesebelas ini.

Tuan Yang di-Pertua, Hari Malaysia yang kita sambut pada 16hb. September setiap tahun amat bererti kepada seluruh rakyat Malaysia khususnya kepada penduduk Sabah dan Sarawak. Hari yang bersejarah itu menandakan kemenangan rakyat Malaysia, keseluruhannya Sabah dan Sarawak selepas daripada penjajahan Barat pada tarikh tersebut. Tahun ini Malaysia yang terbentuk pada 16 hb September 1963 telah berumur 42 tahun. Sudah banyak pembangunan fizikal dan mental dikecapi selama untuk tempoh 42 tahun itu. Walau bagaimanapun keadaan infrastruktur yang sempurna dan yang dirasakan oleh rakyat Malaysia di negeri-negeri lain tidak dirasakan oleh rakyat Malaysia di Sabah keseluruhannya dan Sarawak juga. Keadaan jalan raya di Sabah masih tidak sempurna dan dapat dikatakan tidak memuaskan, jalan raya yang berlubang dan tidak rata adalah pemandangan biasa di Sabah, tidak keterlaluan saya katakan bahawa keadaan jalan raya di kampung-kampung di Semenanjung adalah lebih baik dari keadaan jalan raya yang menuju kepada bandar-bandar utama di Sabah.

Masalah bekalan air dan bekalan elektrik yang selalu terputus adalah fenomena biasa di Sabah. Ada waktunya bekalan air terputus sehingga sehari-hari lamanya, misalnya bekalan air untuk sebuah taman perumahan iaitu Taman Mawar, di dalam kawasan Parlimen saya telah terputus sehingga 5 hari iaitu 21 hb. Mac hingga 25hb. Mac 2005. Pada waktunya apabila bekalan air disambung semula warna air menjadi kuning. Jika di Semenanjung isu air adalah tentu kualiti air, tetapi kami di Sabah isu air adalah tentang kelancaran bekalan air dan kualitinya sekali gus. Syarikat swasta yang diberi kontrak-kontrak untuk merawat air tidak dapat menjalankan tugas dengan lancar. Bekalan elektrik pula kerap terputus berjam-jam lamanya. Jika bekalan elektrik yang terputus terjadi di Semenanjung di seluruh negara akan menunding jari kepada Tenaga Nasional Berhad, tetapi di Sabah bekalan elektrik yang terputus tidak menyebabkan rakyat Malaysia di Sabah menjadi marah kerana mereka selalu berhadapan dengan masalah seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, masalah ACSB seperti perjalanan yang tidak ada hubungannya selagi kerajaan tidak menyelesaikan isu dan masalah penghuni haram, perkampungan setinggan dan selagi kerajaan tidak mengadakan perumahan yang teratur untuk mereka. Mereka inilah yang melakukan penyambungan haram, pendakwaan haram dan mencuri bekalan elektrik dari punca elektrik. Dalam beberapa

kes sesetengah mereka yang melakukan perbuatan ini telah terbunuh terkena renjatan elektrik dengan izin terkena electric shock, fenomena, kabel dan wayar elektrik bersimpang-siur di kebanyakan kawasan perkampungan setinggan seperti di kawasan Parlimen saya adalah fenomena biasa. Pegawai-pegawai di pejabat perhubungan Parlimen saya ada mengemukakan aduan kepada ACSP tentang masalah penyambungan haram ini tetapi pihak ACSP memaklumkan bahawa tindakan tidak dapat diambil kerana mereka kekurangan kakitangan penguat kuasa. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, di sepanjang jalan di kawasan Batu Sapi di dalam kawasan Parlimen saya, kabel dan wayar elektrik haram dapat dilihat biarpun dari tengah jalan raya kerana terlalu banyak perkampungan setinggan di tepi-tepi jalan raya. Masalah ini telah berlarutan demikian lama.

Saya berpendapat masalah ini hanya dapat diatasi apabila kerajaan dapat membina lot-lot rumah murah di kawasan yang dikenal pasti dan semua penduduk setinggan yang tidak mampu membeli rumah kos sederhana dan mewah, dipindahkan ke kawasan perumahan kos rendah ini.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia menjadi salah satu destinasi kegemaran pendatang asing memasuki negara ini kerana faktor ekonomi. Jumlah mereka sama ada masuk secara sah atau secara sah tidak dapat dikenal pasti dengan tepat. Sering kali jumlah sebenar mereka yang diberikan antara satu jabatan dengan jabatan yang lain sangat bercanggah. Hanya kementerian dan jabatan yang berkenaan sahaja yang mengetahui jumlah pendatang asing yang masuk dan berada di negara ini. Tempoh pengampunan dengan izin iaitu *amnesty* telah tamat pada 28 Februari yang lalu. Tetapi, bilangan tangkapan terhadap Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di negara ini masih juga lebih kecil berbanding dengan jumlah tangkapan yang dijangkakan.

Saya ingin meminta kementerian yang berkaitan memberitahu Dewan Yang Mulia ini, berapa jumlah pendatang asing tanpa izin (PATI) yang masih berada di Sabah. Adakah semua pintu masuk di Sabah telah dilengkapi dengan komputer, di mana semua maklumat peribadi dan cap jari pendatang asing boleh didapati dengan segera. Ini bagi membolehkan petugas-petugas kerajaan di pintu masuk mengenal pasti sama ada pendatang asing yang memasuki Sabah adalah bekas penjenayah atau sebaliknya.

Dalam dunia IT sekarang ini, semua komputer di pusat pemeriksaan di semua pintu keluar masuk di negara ini seharusnya telah dihubungkan terus dengan komputer Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Imigresen dan Ibu Pejabat Polis Bukit Aman. Saya berharap kementerian yang berkenaan dapat menyatakannya di dalam Dewan yang mulia ini. Pendatang asing tanpa izin ini bukan sahaja mengancam keselamatan warganegara Malaysia tetapi, mereka juga mencetuskan masalah sosial. Mereka menggunakan kemudahan awam yang sepatutnya digunakan oleh warganegara Malaysia sahaja. Mereka mengotorkan pantai-pantai kita yang cantik kerana mereka mendiami kawasan-kawasan di tepi pantai.

Sekarang pula kita berhadapan dengan bilangan anak-anak jalanan iaitu *street kids* yang begitu banyak daripada kalangan anak-anak pendatang asing tanpa izin yang melarikan diri daripada tangkapan pihak berkuasa dan meninggalkan anak-anak mereka. Anak-anak jalanan pendatang asing tanpa izin ini umpama bom jangka iaitu *time bomb* dengan izin, kepada negeri Sabah, kerana walaupun jumlah penduduk Sabah hanyalah 2.5 juta orang, tetapi pendatang asing tanpa izin ini melahirkan anak yang jauh lebih banyak daripada jumlah yang dilahirkan oleh warganegara Malaysia di Sabah.

Saya ingin menarik perhatian Dewan Yang Mulia ini agar masalah pemberian IMN 13 kepada pendatang asing dikaji semula. Jelas dan nyata pemegang IMN 13 terutama di Sabah amat banyak dan tidak diketahui bilangannya. Ada bukti bahawa IMN 13 yang hanya diberikan kepada pelarian Perang Teluk dimiliki oleh pelarian ekonomi juga di Sabah. Pelarian ekonomi dari Filipina tidak dapat membezakan daripada pelarian perang dari Filipina. Pemegang IMN 13 di Sabah bebas bekerja dan seolah-olah mendapat keistimewaan majikan di Sabah.

Jika demikian, IMN 13 itu wanita, mereka digaji bekerja di pusat-pusat hiburan dan jika mereka itu lelaki, mereka digaji dalam sektor perladangan dan pembinaan. Saya berharap dengan kawalan keselamatan, negara berada di dalam kuasa Kerajaan Pusat, penyelesaian yang muktamad dapat diambil supaya tidak akan tercipta raksasa ataupun dengan izin, *monster* di Sabah berikutan begitu banyak pemegang status IMN 13 dan begitu banyak pendatang asing tanpa izin yang sedia ada di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, pendatang asing mudah bolos dan masuk ke negara ini. Di Sabah, terdapat beberapa lokasi utama kemasukan mereka yang tidak dapat dikawal oleh pihak berkuasa. Dataran pantai di negeri ini yang berteluk-teluk, memudahkan mereka mendarat. Saya difahamkan, banyak daripada mereka dapat masuk dengan mudah ke perairan Malaysia dengan menggunakan bot-bot ringan yang di Sabah disebut sebagai *pump boat* dengan izin. Bot-bot ringan dan kecil seperti ini mudah melalui apa juga jenis muka bumi walaupun pada air yang cetek. Walaupun bot jenis ini telah diharamkan penggunaannya oleh Jabatan Perikanan dan Jabatan Polis Marin, tetapi di Sabah masih banyak terdapat bot-bot seperti ini.

Pengangkutan jenis inilah yang digunakan sebagai kenderaan pengangkut pendatang yang tidak memiliki apa-apa dokumen dari negara asal mereka. Biasanya Pulau Tawi-Tawi yang terletak berhampiran dengan negeri Sabah merupakan lokasi transit utama pendatang asing tanpa izin ini. Oleh sebab itu, masalah pendatang asing tanpa izin di Sabah, tidak pernah selesai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah habis Yang Berhormat?

**Ir. Edmund Chong Ket Wah:** Belum.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, sambung balik.

**Ir. Edmund Chong Ket Wah:** Lima minit lagi Tuan Yang di-Pertua. Wah, banyak lagi. Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya, tidak ada satu Jabatan Kerajaan Persekutuan yang paling sibuk di Sabah terutama di Sandakan, kecuali Jabatan Pendaftaran Negara cawangan Sandakan. Pada setiap hari, pekerja jabatan ini dipenuhi oleh ramai atas pelbagai urusan rasmi. Walaupun pejabat JPN cawangan Sandakan telah diperbesarkan, dinaiktarafkan, hal ini masih tidak dapat menampung bilangan orang ramai yang berurusan setiap hari.

Kaunter tiket terpaksa dibuka dua sesi, pagi dan petang. Pelanggan terpaksa datang dan berbaris di luar pejabat seawal jam enam pagi, iaitu dua jam sebelum pejabat dibuka kerana jika terlewat, tiket untuk sesi pagi akan kehabisan dan pelanggan terpaksa datang pada sebelah petangnya pula.

Bayangkan jika pelanggan itu datangnye dari daerah pendalaman di pulau-pulau? Untuk makluman Dewan yang mulia ini, di kawasan Parlimen saya, masih ada penduduk yang tidak memperbaharui kad pengenalan atau mendaftar surat lahir untuk



mendapatkan kad pengenalan. Ada beberapa sebab perkara ini berlaku tetapi sebab utamanya ialah mereka berpendapatan rendah dan menjadi nelayan ini, bimbang kehilangan punca pendapatan harian mereka jika mereka pergi ke JPN cawangan Sandakan, sedangkan mereka belum tentu dapat menyelesaikan urusan mereka pada hari itu.

Kini beban tugas petugas-petugas di kaunter-kaunter pendaftaran semakin bertambah. Mereka bukan sahaja melayan pelanggan yang memperbaharui kad pengenalan dan memohon kad pengenalan dan surat lahir, mereka juga melakukan kerja-kerja remeh-temah seperti mengesah kebenaran salinan kad pengenalan dan surat lahir. Kerja-kerja tambahan ini dahulu dapat dilakukan oleh Pesuruhjaya Sumpah atau jika melibatkan sekolah, disahkan kebenaran oleh guru besar atau pengetua sahaja bagi urusan pendaftaran baru anak dan memasuki sekolah.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Saya memohon kepada kementerian yang berkaitan dan menyatakannya di Dewan yang mulia ini, apakah langkah jangka pendek dan langkah jangka panjang bagi mengatasi masalah kesesakan di kaunter-kaunter JPN Sandakan. Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Bandar Kuching.

### **3.31 ptg.**

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, pada 17 Februari tahun ini, sekumpulan belia telah menyerang seorang lelaki dengan parang di Batu Kawah Bazar, Kuching secara terbuka. Lelaki yang diserang lari masuk ke sebuah rumah dan menguncikan pintunya tetapi penyerang-penyerang berkenaan terus memecahkan pintu dan masuk dan

menetak lelaki berkenaan sampai mati. Pembunuhan itu dilakukan di depan penghuni-penghuni rumah itu.

Pada 18 Februari tahun ini, seorang peguam di Bandar Kuching bernama Fabian Lim Ann How telah ditembak mati dari jarak dekat pada siang hari semasa berada di dalam kereta bersama isterinya. Peristiwa ini berlaku di luar sebuah kedai kopi di mana pasangan berkenaan baru menghabiskan makan malam mereka. Pada 20 Mac 2005 tahun ini, seorang lelaki telah dihentam mati oleh sekumpulan penyerang di Batu 4, Prison Road, Kuching. Menurut hasil siasatan, adalah disyaki bahawa peristiwa berkenaan adalah kaitan dengan kemalangan jalan raya kecil yang berlaku di antara mangsa itu dan salah seorang penyerang yang berkenaan.

Ketiga-tiga jenayah yang ganas dan tragik ini telah berlaku dalam jangka masa satu bulan. Sementara itu terdapat juga jenayah-jenayah yang tidak begitu serius yang berlaku di sekeliling kita setiap hari. Apakah yang telah berlaku kepada masyarakat kita ini. Bukan sahaja kadar jenayah naik secara mendadak tetapi juga cara jenayah berlaku menjadi semakin ganas dan berlumuran darah. Beberapa tahun yang lepas, jarang sekali kedengaran berlakunya kes-kes pembunuhan di Kuching. Kalau ada pun, satu atau dua kes setahun dan kebanyakannya berlaku secara senyap dan tidak menonjol. Tahun ini dalam tempoh satu bulan sahaja, tiga kes pembunuhan telah berlaku di tempat-tempat awam. Pesalah-pesalah tidak menunjukkan apa-apa ketakutan atau kekhuatiran mengenai kesan undang-undang terhadap perbuatan mereka.

Memandangkan kekerapan kes-kes pembunuhan ini berlaku, nampaknya sikap tidak menghormati undang-undang ini bukanlah suatu sikap yang berasing (*isolated cases*) tetapi ia merupakan sikap umum ramai orang dalam masyarakat kita. Ia adalah sungguh penting sekali bahawa polis mesti menangkap dan mendakwa orang-orang seperti ini secepat mungkin dan perbicaraan harus dijalankan dengan segera sebelum orang ramai membentuk suatu persepsi bahawa pihak kerajaan tidak berdaya bertindak terhadap penjenayah-penjenayah.

Jika polis tidak bertindak cepat dan perbicaraan tidak disegerakan, keyakinan orang ramai terhadap pasukan penguat kuasa undang-undang kita tentu sekali akan terhakis. Keyakinan orang ramai terhadap penguat kuasa serta sikap menghormati undang-undang merupakan batu asas masyarakat yang teratur. Tanpa elemen-elemen

ini, mekanisme penguatkuasaan undang-undang akan hilang kegunaannya dan masyarakat akan menjadi huru-hara.

Pada hakikatnya masyarakat kita kini sedang menuju ke arah yang membimbangkan. Pemiutang menggunakan samseng-samseng untuk mengutip hutang mereka yang dianggap lebih berkesan berbanding dengan proses mahkamah yang panjang masanya dan memakan belanja yang besar. Apabila seseorang ditahan oleh polis trafik atas kesalahan trafik, perkara pertama yang difikirkannya adalah bagaimana hendak menyelesaikan berkenaan menerusi rasuah. Dalam kes-kes kecurian pun, tidak sesiapa pun yang menaruh harapan bahawa harta benda yang telah dicuri akan dipulangkan oleh polis kepada pemilik asalnya.

Saya ingin merujuk khasnya kepada kes pembunuhan Fabian Lim bukannya kerana beliau seorang yang sama profesion dengan saya iaitu peguam tetapi kerana kematian beliau menyerlahkan situasi kekurangan penguatkuasaan undang-undang di dalam masyarakat kita masa kini – *the state of lawlessness in our country*, dengan izin. Sebagai seorang peguam yang menjalankan tugasnya, beliau merupakan seorang pegawai mahkamah memainkan peranannya dalam menjaga keadilan ramai. Sekiranya orang seperti ini boleh dibunuh semata-mata kerana menjalankan tugasnya, apakah yang dapat menjamin bahawa lain-lain pegawai mahkamah tidak akan menghadapi tragedi yang sama. Adakah kita akan menjadi seperti negara-negara seperti Colombia, di mana hakim-hakimnya sering diancam dengan ugutan bunuh dan perlu dilindungi dengan ketat sekali. Saya harap tidak.

Setakat ini, dalam kes mendiang Fabian Lim, seorang *suspect* telah didakwa di bawah seksyen 302 Kanun ‘kesesatan’ yang membawa hukuman mati sekiranya didapati bersalah, sementara dua lagi *suspect* telah didakwa di bawah seksyen 118 Kanun ‘kesesatan’ yang membawa hukuman penjara maksimum tujuh tahun.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** ‘Keseksaan’.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Keseksaan. Apakah .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Petra Jaya bangun, hendak bagi peluang?

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** Tadi saya hendak perbetulkan sebab dia sebut “Kanun Kesesatan” takut dia pun sesat nanti. *[Ketawa]* Terima kasih.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Penal Code, Penal Code. *[Disampuk]* Keseksaan. Terima kasih Yang Berhormat. Adakah tuduhan terhadap kedua-dua *suspect* itu setara dengan kesalahan mereka yang meragut nyawa seseorang. Saya telah dihubungi oleh ahli-ahli keluarga mendiang Fabian Lim yang merasa sungguh terkejut dan kecewa dengan tuduhan ringan yang dikenakan ke atas dua *suspect* berkenaan. Sentimen yang sama juga sama-sama dikongsi di kalangan para peguam di Sarawak.

Memandangkan bahawa isteri mendiang Fabian dan beberapa orang lain dapat mengenali salah seorang *suspect* itu yang telah beberapa kali mengekori mendiang Fabian sebelum kejadian pembunuhan itu berlaku dan foto-foto mendiang suaminya telah ditemui di rumah salah seorang *suspect* berkenaan, mengapakah *suspect- suspect* berkenaan tidak dituduh sebagai membantu dan bersubahat dalam tindakan membunuh (*aiding and abetting commission of a murder*) tetapi hanya dituduh di bawah seksyen 118 sebagai menyembunyi fakta-fakta.

Minggu lalu saya terjumpa satu salinan fotokopi kertas tuduhan terhadap dua *suspects* yang berkenaan di bawah pintu pejabat saya. Ada orang yang telah tinggalkannya di situ tanpa pengetahuan saya. Saya akan memetik apa yang ditulis. Ia berbunyi begini, "*That you jointly with others still at large, on the 18th day of February 2005 at about 6.15 p.m. in front of Foo Siang Food Center, Jalan Rubber, Kuching in the state of Sarawak, in furtherance of common intention of you all, committed murder by causing the death of Fabian Lim Ann How, 56 years old, and you thereby committed an offence punishable under Section 302 of the Penal Code read with Section 34 of the same Court*".

Tetapi tuduhan ini telah ditukarkan kepada Seksyen 118 semasa kedua-dua *suspect* itu didakwa dalam mahkamah dan tuduhan mereka bukan seperti mana yang telah tertera di atas kertas tuduhan tadi yang saya sebutkan. Saya tidak tahu sama ada kertas tuduhan ini benar atau tidak. Tetapi saya minta supaya Menteri yang berkenaan dapat memberi perhatian peribadinya ke atas perkara ini. Sekiranya saya boleh memperolehi satu salinan kertas tuduhan berkenaan, tentulah ramai orang lagi yang akan dapat memperolehi salinan yang sama di Kuching. Ini telah ramai orang kata bahawa pegawai-pegawai di peringkat tinggi telah dibeli. Inilah sebab-sebabnya

mengapa tuduhan telah diringankan dan orang yang mengarahkan pembunuhan berkenaan pula tidak disiasat langsung.

Adakah itu benar? Bukannya saya hendak berkata bahawa tuduhan ini benar, tetapi ianya merupakan pendapat orang ramai yang agak berleluasa sebarannya. Apabila orang ramai memegang pendapat yang sedemikian mengenai kerajaan, ianya amatlah berbahaya. Tanpa keyakinan orang ramai terhadap pihak penguatkuasaan undang-undang, batu asas peraturan sosial kita akan terancam. Saya berharap bahawa Menteri yang berkenaan akan dapat menjelaskan perkara ini dengan baik. Kita tidak mahu mesej yang salah disampaikan kepada rakyat jelata, yang memberikan tanggapan bahawa selagi seseorang itu kaya dan berkuasa, dia boleh membunuh sembarangan tanpa takut dihukum. Tambahan lagi ini, tidak selaras dengan janji-janji pilihan raya Perdana Menteri yang kononnya hendak menghapuskan rasuah.

Memandangkan kes ini telah menjadi tumpuan ramai, saya minta kerajaan supaya mengarahkan tuduhan yang lebih berat dikenakan ke atas dua *suspect* berkenaan selain dari tuduhan asal di bawah Seksyen 118. Ia bukanlah perkara yang liar biasa di mana lebih dari satu tuduhan dikenakan ke atas seseorang *suspect*. *Justice must not only be done, but must be seen to be done*. Sekiranya *suspects* berkenaan tidak bersalah, biarkan mereka buktikannya di mahkamah. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menekankan bahawa sampai hari ini tidak ada sesiapa yang meragui bahawa perkara ini adalah dilakukan oleh pembunuh upahan dan ada orang yang mengeluarkan arahan di sebaliknya. Maka, saya menyeru supaya penyiasatan diteruskan sehingga identiti orang di sebalik pembunuhan upahan ini didedahkan. Ini tidak susah kerana pembunuhan mendiang Fabian Lim adalah berkaitan dengan kes-kes mahkamah yang telah diuruskan olehnya.

Sudah dapat satu *starting point* untuk menjalankan penyiasatan. Janganlah hanya tawarkan ganjaran RM100,000 dan duduk menunggu sahaja, harap-harap maklumat akan tampil ke hadapan. Tuan Yang di-Pertua, keyakinan orang ramai terhadap undang-undang negara kita dan penguatkuasaannya semakin hari semakin berkurangan. Untuk memulihkan keyakinan orang ramai terhadap sistem kita, semua yang terlibat dalam ketiga-tiga kes pembunuhan di atas harus didakwa dan dihukum selepas dibicarakan jika di *convicted* secepat mungkin. Kalau tidak, Kuching akan

menjadi seperti - *cow boy town*, di mana penjenayah-penjenayah akan menjadi *defector* pemerintah dan mereka yang menghormati undang-undang pula hidup dalam ketakutan.

*The lawless will rule the day and the law abiding one's will live in fear*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, isu kedua yang ingin saya bangkitkan adalah berkenaan masalah kekurangan diesel di Sarawak. Kita hairan kedengaran kenyataan *Minister* di surat khabar berkata bahawa masalah kekurangan diesel adalah tidak serius di bandar Kuching. Pada pagi Isnin minggu lalu berpuluh-puluh lori dan bas berbaris panjang sepanjang 4 kilometer di satu petrol stesen di Jalan Penrissen, Kuching untuk membeli diesel kerana kebanyakan stesen di Kuching tiada diesel untuk dijual. Kebanyakan mereka telah mencari-cari diesel buat beberapa jam sebelum diberitahu bahawa di stesen itu terdapat diesel untuk dijual. Keadaan itu juga menyebabkan kesesakan trafik yang serius di kawasan itu.

Kekurangan diesel di seluruh Sarawak bukanlah menjejaskan pemandu-pemandu lori dan syarikat-syarikat bas sahaja. Ianya turut dirasai oleh semua sektor masyarakat, nelayan-nelayan, pemandu-pemandu teksi dan orang awam yang memandu kereta kenderaan berenjin diesel. Masalah ini timbul kerana implementasi sistem kuota diesel yang diperkenalkan oleh kerajaan. Tujuan kerajaan untuk melaksanakan sistem kuota diesel adalah untuk membanteras aktiviti-aktiviti jual beli diesel secara haram di pasaran. Tetapi, tujuan ini tidak dapat dicapai, sebaliknya ia telah menyebabkan kesukaran yang serius kepada orang ramai, khasnya mereka yang bergantung kepada diesel untuk mencari pendapatan.

Kegiatan jenayah tidak dapat dihentikan dan penjenayah-penjenayah tidak ditangkap tetapi sebaliknya rakyat jelata menderita akibat daripada polisi kerajaan yang kurang bijak ini. Kebanyakan pemandu lori adalah di bayar upah harian berdasarkan jumlah perjalanan yang mereka lakukan sehari. Sekiranya mereka ini tidak dapat membeli diesel, berertinya mereka tidak akan mendapat upah, tetapi kehidupan mereka, kehidupan keluarga para pemandu ini semuanya bergantung kepada upah harian mereka ini. Golongan ini sememangnya tidak mempunyai simpanan di bank yang secukupnya, tidak seperti para Menteri di sini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Sila gulung Yang Berhormat.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Sekejap lagi habis. Ketiadaan upah sehari bermakna mereka terpaksa mencari jalan lain untuk menyokong keperluan harian mereka. Bagi mereka yang memandu kenderaan berdiesel, disebabkan perlaksanaan sistem itu, kebanyakan mereka memandu di sekeliling Kuching untuk mencari stesen petrol yang masih ada diesel untuk dijual. Semua ini membuang masa dan diesel. Pada tahun 2003, sebanyak 3.72 bilion liter diesel disubsidi dijual di negara kita dan dalam tahun 2004, angka ini bertambah ke 4.52 bilion liter. Kenaikan diesel subsidi yang dijual di negara kita ini, yang begitu mendadak adalah disyaki disebabkan oleh aktiviti-aktiviti jual beli diesel subsidi secara haram. Jika wujudnya sebanyak diesel 800 milion liter dijual secara haram tahun lalu, ia tidak dapat dikesani atau ditangani oleh kerajaan. Langkah kerajaan untuk menambah kuota diesel sekarang di Sarawak hanya merupakan satu *temporarily measure* dan ia tidak akan menyelesaikan masalah ini di jangka masa.

Kekurangan diesel akan turut berlaku selepas kenaikan kuota.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita merupakan sebuah negara pengeksport minyak mentah. Ia akan menjadikan negara kita bahan ketawa antarabangsa kerana kita sebagai sebuah negara pengeksport minyak mentah pun menghadapi masalah kekurangan diesel di pasaran domestik. Ini menunjukkan bahawa kerajaan kita begitu mendesak untuk mendapat keuntungan dari eksport minyak mentah sehinggakan ia sanggup mengorbankan kepentingan rakyat sendiri. Sistem kuota sistem diesel itu telah di implementasi oleh kerajaan selama tiga bulan dan ia telah dibuktikan bahawa ia tidak berkesan seperti kebanyakan polisi-polisi kerajaan BN juga. Ini adalah *trademark* kerajaan BN, satu kerajaan yang sentiasa gagal dan tidak berdaya mengimplementasikan polisi-polisi dengan efektif dan efisien.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Sudah, cukup, Yang Berhormat.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Saya gulung.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Gulung.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Satu-satu caranya untuk menghentikan urusan haram ini, iaitu urusan menjual diesel minyak subsidi secara haram ini adalah dengan

menyeragamkan harga diesel. Saya menyeru supaya kerajaan menetapkan harga diesel pada satu harga yang sama iaitu pada harga diesel komersial.

Sekiranya kerajaan begitu kuarir tentang kekurangan wang untuk memberi subsidi ke atas *diesel industry*, ia boleh membuat *adjustment* atas kadar cukai pendapatan yang kena dibayar oleh industri-industri itu. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kuala Krai.

**3.50 ptg.**

**Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*Pergi ke sungai hendak menuba;*

*Terdapat si ikan lumba-lumba melompat-lompat;*

*Dari awal sudah ku cuba;*

*Hingga kini baru mendapat.*

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dapat jugalah, Yang Berhormat. *[Ketawa]*

**Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat:** Terlebih dahulu saya menjunjung kasih serta menyanjung tinggi atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang sungguh berkesan dalam banyak aspek.

Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kabinet di atas pencapaian satu tahun menerajui negara Malaysia dengan cemerlang. Saya percaya Yang Amat Berhormat telah pun menunjukkan kemahiran, kemampuan dan wawasan yang tinggi dalam tempoh setahun sebagai Perdana Menteri. Ini telah dibuktikan dengan pelbagai dasar dan inisiatif yang bertujuan untuk meletakkan Malaysia di pentas global di dalam semua bidang.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin menyentuh sedikit mengenai pembangunan sains dan teknologi yang menjadi teras dan juga pemangkin kepada pembangunan negara bagi mencapai wawasan negara maju tahun 2020. Saya percaya



kerajaan telah memberikan keutamaan kepada bidang sains dan teknologi di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Saya juga percaya bahawa peruntukan bagi aktiviti R&D akan ditambah untuk memastikan daya saing negara di dalam era ekonomi global yang lebih mencabar ataupun yang lebih dikenali sebagai k-ekonomi.

Kita juga sedia maklum pembangunan institusi R&D yang bertaraf dunia merupakan salah satu agenda utama kerajaan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi. Kalau kita imbas kembali Rancangan Malaysia Kelapan, kita dapati berbilion ringgit telah pun dicurahkan oleh pihak kerajaan dalam pelbagai aktiviti yang berkaitan dengan R&D. Namun mengikut kajian yang dijalankan oleh MOSTE dan pihak ketiga, tahap kejayaan merealisasikan hasil penyelidikan tempatan masih berada di tahap yang rendah dan amat mengecewakan, walaupun banyak daripadanya berjaya memenangi medal di peringkat antarabangsa.

Banyak faktor yang telah dikenal pasti menyumbang kepada kegagalan R&D tempatan. Salah satu daripadanya yang mana agak kritikal adalah latar belakang pihak pengurusan atasan. Kebanyakan pihak pengurusan atasan tidak memiliki asas ataupun kemahiran mengurus projek-projek R&D yang bersifat pantas dan menentukan daya inovasi yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga percaya bahawa faktor tersebut telah menjadi...

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Cameron Highlands bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** Penjelasan.

**Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat:** Sila.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Krai. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat, salah satu kekangan dalam perjuangan dan juga kecemerlangan R&D di Malaysia adalah mungkin kerana sistem kemasukan ke universiti yang begitu *rigid* sekali sehingga cendekiawan-cendekiawan dan pelajar-pelajar yang begitu cemerlang sekali yang dapat kelulusan dalam peringkat STPM dan juga SPM tidak dapat memasuki ke aliran-aliran yang mereka pilih kerana kurangnya tempat.

Contohnya 128 orang *straight A's* tidak boleh masuk ke universiti tahun lalu untuk perubatan. Maka ini menjadi satu kekangan yang begitu besar sekali ke arah mencemerlangkan R&D kerana *crepe*, dengan izin, dilepaskan begitu supaya mereka pergi ke luar negara. Apakah pandangan Yang Berhormat bahawa perkara ini perlu diselesaikan cepat supaya Malaysia yang telah suburkan mereka sehingga Tingkatan Enam tidak melepaskan mereka dan mereka menjadi kacang lupakan kulit. Minta pandangan.

**Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Cameron Highlands. Inilah satu pandangan yang baik kerana beliau juga terdiri daripada pakar intelek. Terima kasih dan saya setuju sangat. Itulah salah satu sebab dan puncanya. Baik, saya sambung, Tuan Yang di-Pertua.

Kita juga percaya bahawa faktor tersebut telah menjadi antara penyebab kepada kegagalan beberapa institusi R&D yang telah ditubuhkan oleh pihak kerajaan. Contoh yang paling baik adalah MIMOS. Dalam tempoh 20 tahun penubuhan MIMOS dengan peruntukan wang kerajaan yang menjangkau berbilion ringgi telah gagal di dalam misi mereka, walaupun MIMOS telah disusun semula mengikut cadangan pihak perunding bebas kerajaan, namun ianya dikhuatiri tidak mampu membawa MIMOS keluar dari kemelut yang dialami disebabkan masalah yang sama.

Daripada maklumat yang diperolehi, pihak pengurusan yang melakukan kesilapan yang sama dengan melantik mereka yang tidak mempunyai latar belakang R&D di dalam *team* pengurusan atasan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk menyeru kepada kementerian-kementerian yang terlibat secara langsung dengan operasi MIMOS iaitu Kementerian Kewangan dan MOSTE agar memastikan pelantikan *team* yang kompeten dan berwibawa dalam R&D.

Kami yakin dan percaya sekiranya amalan dipraktik, MIMOS mampu menjadi satu organisasi ICT yang terbilang di rantau ini dalam tempoh yang terdekat. Kami juga ingin mencadangkan agar pihak kementerian yang terbabit menukarkan barisan pengurusan MIMOS dengan muka-muka baru yang bukan sahaja dinamik, tetapi juga mampu menjana idea-idea baru yang bakal merubah nasib malang MIMOS.

Tuan Yang di-Pertua, hal yang sama juga perlu dilakukan kepada institusi-institusi kerajaan yang lain yang terlibat secara langsung dengan kegiatan R&D. Kita semua maklum bahawa aktiviti-aktiviti R&D merupakan satu pelaburan yang berisiko, yang mana belum pasti pulangnya. Namun dengan pencapaian yang rapi, strategi yang betul dan juga barisan pengurusan yang berkemahiran dalam R&D, bukan sahaja risiko dapat dikurangkan, malah akan memberi ROI. ROI juga menyediakan platform yang kukuh kepada negara sambil memasuki era k-ekonomi yang lebih mantap dan mencabar. Ini juga boleh menjadi input kepada kementerian yang terbabit bagi menyediakan dasar-dasar R&D yang lebih mantap dan berkesan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang pertanian pula dasar kerajaan untuk mengurangkan kadar import bahan makanan amat dialu-alukan. Berkenaan dengan pihak kerajaan untuk mewujudkan aktiviti-aktiviti ekonomi yang berasaskan pertanian akan dapat meningkatkan jumlah pendapatan dan taraf hidup rakyat. Saya ingin menyeru agar para graduan yang masih tidak mendapat pekerjaan yang dijangka melebihi 50 ribu orang agar pulang ke kampung-kampung untuk bertani. Kegiatan pertanian moden hanya akan tercapai jika para petani mempunyai kepakaran untuk menggunakan mesin-mesin dan peralatan yang moden.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Jerai bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai, sila.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih. Saya cukup berminat apabila Yang Berhormat mengatakan masalah pertanian dan memang kita hendak melibatkan graduan-graduan kita supaya kembali ke pertanian kerana ini adalah punca kewangan yang besar. Tetapi adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa pihak kementerian kena mendedahkan hala tuju yang kita hendak libatkan dalam pertanian ini kerana pada masa sekarang bila saya berjumpa dengan *student*, depa kata depa tidak tahu hendak pergi ikut mana. Jadi dia tidak ada hala tuju. Boleh atau tidak Yang Berhormat mencadangkan kepada Kementerian Pertanian dan Industri

Asas Tani supaya dia set satu garis panduan, hala tuju dan saluran pertanian jenis apa yang depa hendak masuk. Yang itu yang kena minta *clear* betul-betul.

**Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Memang Yang Berhormat bagi Jerai ini sungguh bijak, seolah-olah dia nampak apa yang saya hendak kata. *[Ketawa]* Itulah yang saya hendak katanya. Okey, terima kasih.

Minda dan budaya orang kampung perlu diubah agar mereka bersedia untuk melakukan revolusi pertanian negara. Rancangan ini hanya akan tercapai jika anak-anak muda kita balik ke kampung dan mengusahakan sendiri tanah-tanah pertanian dengan mereka.

Sudah tentulah pihak Kementerian Pertanian akan datang ke luar-luar bandar untuk memberi penjelasan sejelas-jelasnya kerana mereka ini belum pernah didedahkan dengan pertanian-pertanian moden dan inilah salah satu kementerian yang telah pun memberitahu kepada kita sebagai wakil rakyat yang mereka akan ke luar-luar bandar dengan jadual-jadual yang tertentu dan kita harap pihak kementerian akan dapat menghubungi pihak wakil-wakil rakyat untuk kita mendedahkan kepada anak-anak muda ini.

Selain itu saya ingin mencadangkan agar pihak kerajaan menerusi agensi-agensi dapat menyediakan dana dan khidmat nasihat bagi membantu golongan muda dan lepasan ijazah untuk memulakan kegiatan pertanian. Segala kepakaran dan tunjuk ajar berkaitan dengan aktiviti pertanian perlulah dijalankan dengan telus dan waspada agar peruntukan yang banyak dan khidmat nasihat ini dapat diturunkan di peringkat pusat sehinggalah ke kampung-kampung.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan juga mengambil pendekatan yang serius untuk mengurangkan kerenah birokrasi di dalam agensi-agensi kerajaan. Perdana Menteri kita, Yang Amat Berhormat juga telah mengarahkan bahawa semua sistem pentadbiran harus dikaji semula agar kegiatan rasuah dapat dikurangkan. Selain itu, budaya kerja sektor awam juga perlu diperbaiki agar pihak rakyat menyukai perkhidmatan yang diberikan.

Satu perkara yang perlu dititikberatkan adalah perkhidmatan pelanggan yang cemerlang, budi bahasa budaya kita. Amatlah penting untuk mewujudkan perkhidmatan

yang bertaraf antarabangsa. Di daerah yang kecil misalnya, senario para pegawai kerajaan berbual-bual di telefon, minum kopi sehingga berjam-jam, tidak menghiraukan pelanggan walaupun pelanggan tersebut berdiri di hadapan pegawai, mengambil masa yang terlalu lama untuk menyelesaikan aduan yang dibuat dan macam-macam lagi. Semua perkara ini sedikit sebanyak akan meningkatkan rasa kurang puas hati rakyat terhadap pegawai dan sektor awam dan juga kerajaan.

Saya ingin mencadangkan agar pihak kerajaan mengambil tindakan yang lebih cergas, tegas dan meningkatkan latihan *customer service* dengan izin, untuk meningkatkan mutu perkhidmatan pelanggan di dalam sektor awam. Maklumlah setiap rakyat ingin melihat pegawai kerajaan kita senyum dan baik-baik setiap masa. Perkhidmatan pelanggan yang baik pasti akan mewujudkan suasana yang baik di dalam sektor awam.

Tuan Yang di-Pertua, saya di sini ingin mencadangkan agar pihak kerajaan dapat menyeimbangkan proses pembangunan di seluruh negara. Pembinaan kilang-kilang umpamanya yang memerlukan tenaga pekerja yang ramai harus diagih-agihkan ke kawasan yang baru terutamanya di negeri Kelantan. Di tempat saya Kuala Krai misalnya, 500 pekerja yang bergantung kepada operasi sebuah kilang papan lapis telah hilang pekerjaan ekoran penutupan kilang tersebut pada lima tahun yang lepas. Maka beramai-ramailah rakyat dari Kuala Krai ini terpaksa menyerikan Kuala Lumpur dan bandar-bandar lain. Ini termasuklah menjadi pemandu kereta sapu ataupun dengan perkataan lain, teksi tanpa permit, menoreh getah, menanam sayur dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong penuh saranan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran, Dato' Hishammuddin supaya meneruskan mata pelajaran Sains dan Matematik dengan menggunakan bahasa Inggeris kerana kita ketahui bahawa bahasa Inggeris merupakan bahasa dunia. Tanpa bahasa ini, sudah tentu rakyat negara kita tidak akan mempunyai taraf hidup yang tinggi dan saya ingin mencadangkan atau ingin menitikberatkan mengenai sekolah-sekolah di seluruh negara khususnya sekolah-sekolah di kawasan luar bandar terutamanya di kawasan saya, Parlimen Kuala Krai iaitu di kawasan Dabong – DUN yang masih kurang supaya guru-guru yang mempunyai latihan pengajian dalam bahasa Inggeris ini dapat ditempatkan

dan mempunyai asas yang betul dalam pengajaran bahasa Inggeris, Matematik dan Sains di tiap-tiap sekolah di daerah itu.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya berpeluang untuk memberi bantuan kepada satu sekolah Lela Jasa, Kuala Krai di mana sekolah tersebut telah dijalankan selaku sekolah anak angkat yang telah dibiayai oleh Maktab Perguruan Kota Bharu yang mana dihadiri oleh pengarah maktab berkenaan serta sepuluh orang guru pakar yang berurusan dalam bahasa Inggeris. Saya amat tertarik dengan perguruan yang telah dijalankan, mereka yang membabitkan murid-murid darjah satu dan dua dapat menggunakan bahasa Inggeris dengan baik dan betul. Satu lagi yang amat mendukacitakan, apabila saya ke sebuah sekolah yang lain di mana pengajaran bahasa Inggeris dan Matematik ini dijalankan dengan Bahasa Kebangsaan – bahasa Melayu, amat malang sekali.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini telah ada satu perancangan di mana guru-guru yang telah mempunyai kepakaran, yang telah bersara mempunyai latihan bahasa Inggeris dan Matematik telah diambil balik. Mereka ini telah berumur 64 dan 65 tahun. Tahniah kepada pihak kementerian kerana mereka ini di kawasan saya sudah ada 15 orang yang telah dipanggil untuk mengajar. Elaun yang saya fahamkan RM100 satu jam –amat lumayan. Malangnya mereka ini ditempatkan di dalam bandar juga sebab mereka sudah tua. Saya menyarankan di sini, apabila guru-guru ini diletakkan, maka ambillah guru-guru yang sudah ada di bandar itu pergi ke luar-luar bandar. Jangan ditempatkan yang sudah ada empat orang, hantar lagi dua orang – jadi enam orang manakala yang di luar bandar, satu pun tidak ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Panjang lagi Yang Berhormat?

**Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat:** Sedikit sahaja. Saya mengharapkan pihak kementerian dapat membetulkan perkara ini supaya guru-guru yang dihantar ke luar bandar tidak akan balik ke bandar. Setakat yang saya tahu, di kawasan saya, dua hari sahaja pergi kemudian balik ke bandar. Kalau dia tidak dapat, dia cari kabel yang kuat-kuat. Inilah yang menyebabkan betapa malangnya anak-anak di luar bandar ini tidak dapat menguasai bahasa Inggeris dan bila mereka ini diundang ke luar negara, saya tertarik kerana saya telah berpeluang pada satu masa pergi ke UK, saya dapati

mereka ini berkampung di satu kawasan di mana yang semuanya tidak tahu bahasa Inggeris.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Minta penjelasan Yang Berhormat. Hendak tanya, kawasan UK ini United Kingdom atau Ulu Kelang?

**Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat:** Ulu Kelantan boleh, United Kingdom pun boleh dan yang saya maksudkan ini United Kingdom.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Jerai, dia belum bagi Jerai lagi.

**Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat:** Ya, saya amat dukacita sekali kerana mereka ini berkampung di satu kawasan di mana semuanya yang tidak pandai bahasa Inggeris.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada dua yang bangun Yang Berhormat? Macam mana hendak habis? Sampai pukul enam...

**Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat:** Saya rasa saya hendak kena gulung, Yang Berhormat minta maaf, fasal masa sedikit sahaja, saya hendak gulung.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Gulung Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat:** Saya hendak gulung. Saya berharap supaya perkara ini tidak berlaku lagi. Sebab itulah kadang-kadang bila di luar bandar ini, dia ambil kursus yang lain tetapi balik, tidak dapat apa yang dia buat kerana dia tidak dapat menguasai bahasa Inggeris. Selagi guru bahasa Inggeris tidak dihantar ke luar bandar, maka selama itulah murid-murid di luar bandar itu tidak dapat mempelajari bahasa Inggeris dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga meminta pihak kerajaan supaya dapat memberi bantuan kepada sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan Tamil terutama sekali dari segi penggunaan tambahan untuk menampung kesesakan murid-murid yang semakin meningkat bagi meneruskan pengajian mereka melalui dasar kerajaan untuk meluluskan sekolah rendah jenis kebangsaan di seluruh negara. Kebetulan pula, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Yuk Chai di Parlimen Kuala Krai memerlukan

bangunan tambahan dan permohonan mereka telah pun saya utarakan kepada Yang Berhormat Dato' Hishammuddin pagi ini. Saya berharap mendapat sokongan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, cukup Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat:** Tuan Yang di-Pertua, pada akhirnya satu yang saya minta kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat daripada pihak PAS, jumpalah Datuk Nik Aziz dan exco-exconya supaya tidak menebang pokok-pokok di bukit terutama di kawasan saya di Kuala Krai ini, semuanya gondol belaka, tidak ada pokok dan binatang-binatang keluar beramai-ramai hendak gigit manusia dan telah pun gigit [*Ketawa*] Jadi, tolonglah supaya bukit-bukit ini tidak lagi jadi terang benderang dan binatang-binatang habis berkeliaran ke sana sini yang menyebabkan kita rasa balak tidak ada lagi di negeri Kelantan, habis ditebang sampai sebesar kopiah pun ditebang juga. Saya harap kerjasama pihak Ahli-Ahli Yang Berhormat dari PAS supaya tidak lagi menebang pokok-pokok kecil-kecil ini, simpanlah pokok ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya berterima kasih dan saya menyokong penuh apa yang telah disarankan oleh pihak Baginda.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Rembau.

#### **4.10 ptg.**

**Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin turut membahaskan Usul terima kasih kepada Titah yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Kedua Parlimen Kesebelas pada 21 Mac yang lalu.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai usaha-usaha pembasmian kemiskinan khususnya di luar bandar. Sejak skim Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) yang kini dikenali sebagai Program Kesejahteraan Rakyat (PKR) dilaksanakan pada awal tahun 90-an hingga tahun 2002, kadar kemiskinan tegar atau mutlak negara telah berkurangan daripada 3.11% atau 137,100 isi rumah pada tahun 1990 kepada 1% atau 53,900 isi rumah pada tahun 2002. Ini bermakna dalam tempoh tersebut sebanyak 83,200 isi rumah telah terkeluar daripada taraf kemiskinan tegar atau mutlak.



Bagi Negeri Sembilan kadar kemiskinan tegar telah menurun dari 2.2% kepada 0.47% iaitu di bawah paras purata negara. Kejayaan ini adalah hasil daripada pelaksanaan pelbagai program pembangunan yang dijalankan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Dalam usaha membasmi kemiskinan tegar menjelang tahun 2009, saya difahamkan kementerian telah dan akan memberi fokus kepada pelaksanaan program untuk meningkatkan taraf hidup dan kesejahteraan golongan berkenaan melalui pelbagai program termasuklah Program Pembangunan Minda Insan, Program Latihan dan Pendidikan, Program Pembangunan Tambahan Asuhan Kanak-kanak (TASKA), Program Makanan Seimbang, Program Pembangunan Masyarakat Setempat (PPMS), Program Peningkatan Pendapatan, Program ASB Sejahtera, Program Pembangunan Masyarakat Bersepadu, dan Program Bantuan Rumah.

Saya ingin menarik perhatian kementerian mengenai Program Pembangunan Masyarakat Setempat (PPMS). Saya ingin mencadangkan pihak kerajaan supaya mengkaji semula projek ini bagi memastikan projek ini mencapai matlamatnya untuk menempatkan golongan termiskin di satu kawasan dengan pelbagai kemudahan disediakan. Ini adalah kerana didapati walaupun tujuannya baik tetapi matlamat ini tidak tercapai sepenuhnya contohnya projek PPMS di kawasan saya di Legong Hulu, Kota Negeri Sembilan. Projek ini yang menghuni sebanyak 15 buah rumah. Sesebuah telah didirikan bagi menepatkan 15 keluarga PPRT lima tahun dahulu. Sebuah Dewan dan sebuah surau juga telah disediakan. Tetapi tidak ada program susulan seperti latihan kemahiran, kursus motivasi dan juga projek-projek ekonomi yang boleh menambah pendapatan keluarga berkenaan seperti projek makanan ringan, kraf tangan, dan jahit-menjahit yang boleh diusahakan oleh isteri peserta-peserta berkenaan.

Perkara yang kedua yang ingin saya sentuh ialah mengenai Program bantuan Rumah Baru. Jadi rumah yang dibina sebelum ini dengan peruntukan RM10,000 hanya mempunyai sebuah bilik tidur adalah didapati tidak sesuai memandangkan ada di antara peserta PPRT ini mempunyai keluarga yang besar secara purata lima hingga enam anak malah ada yang 10 anak yang sudah besar-besar. Walaupun mereka miskin tetapi kaya dengan zuriat.

Oleh yang demikian, saya mencadangkan supaya pihak kementerian mengkaji semula perkara ini supaya peserta ini boleh hidup dalam keadaan yang lebih selesa dan tidak menimbulkan masalah sosial yang lain pula. Jadi bagi projek PPMS saya cadangkan tidak perlu dibina rumah sesebuah sebaliknya cukup sekadar bina rumah kembar tetapi tiga bilik tidur atau rumah teres tiga bilik tidur. Peruntukan juga ditambah daripada RM10,000 walaupun saya difahamkan telah naik RM12,000 tetapi RM12,000 pun tidak mencukupi. Tetapi dinaikkan katalah RM20,000 bagi setiap rumah. Dengan cara ini dapatlah mereka hidup dengan lebih selesa dan dalam masa yang sama tidak menimbulkan masalah sosial yang lain pula.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan supaya takrif kemiskinan tegar atau mutlak yang dipakai sekarang ini iaitu bagi mereka yang berpendapatan RM265 ke bawah dikaji semula. Ini adalah kerana kos hidup yang meningkat sekarang ini. Begitu juga takrif kemiskinan yang dipakai untuk penduduk bandar juga perlu diadakan takrif yang berasingan memandangkan kos hidup di bandar lebih tinggi.

Dalam masa yang sama saya juga cadangkan supaya ditukar semula nama Program Kesejahteraan Rakyat ini kerana terlalu luas, tidak fokus. Saya cadangkan tukar balik kepada PPRT, ia lebih fokus kepada kumpulan sasar atau Program Pembangunan Rakyat Miskin. Kalau kita hendak naikkan kepada yang miskin juga iaitu yang berpendapatan RM265 hingga RM530 sebulan. Begitu juga konsep Daya Wawasan, tidak begitu fokus. Saya rasa lebih sesuai dipanggil balik dengan nama asal iaitu Gerakan Desa Wawasan yang lebih fokus dan tertumpu kepada desa walaupun tumpuan lebih kepada Program Pembangunan Insan, ini lebih baik saya rasa sebab kadang-kadang kita ini suka menukar.

Bila Menteri baru, tukar kepada nama yang baru tetapi pengisiannya tidak berubah. Tetapi saya lihat seperti Program Rakan Muda walaupun diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor sekarang ini tetapi nama itu tetap kekal walaupun sudah empat Menteri daripada Yang Berhormat Dato' Ghani kepada Tan Sri Dato' Muhyiddin, kepada Yang Berhormat Dato' Hishammuddin dan kemudian sekarang Datuk Azalina. Apa yang penting mungkin pendekatan dan pengisiannya kita tambah dan ubahsuai mengikut keperluan semasa. Kita tidak hendak nama ditukar tetapi

pengisiannya tidak banyak berubah. Sebab itu kalau boleh seperti yang saya sebutkan tadi PPRT itu dikekalkan.....

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** *[Bangun]*

**Dato' Firdaus bin Harun:** .....Bukan Program Kesejahteraan Rakyat sekarang ini yang terlalu meluas. Walaupun idea itu dari Datuk Annuar Musa tetapi saya rasa idea itu sangat baik. Silakan rakan saya Ahli Yang Berhormat bagi Ketereh.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Rembau. Saya tertarik dengan pandangan Yang Berhormat yang mengatakan banyak sangat bila Menteri bertukar polisi bertukar, nama bertukar, *content* tidak bertukar. Contoh terbaru dahulu K3P, sekarang jadi Program Keluarga Komuniti Bestari sampai ditegur dalam mesyuarat Menteri Besar. Dahulu Gerakan Desa Wawasan jadi Gerakan Daya Wawasan. Banyak lagi dan yang menjadi masalahnya ialah *investment* yang dibuat.

Di Kementerian Pendidikan juga begitu. Dahulu ada dasar bagi sekolah, kemudian dasar tutup. MLVK ada dasar buat MLVK kemudian sekarang MLVK ditutup. Yang jadi mangsa ialah orang yang dahulu buat *investment* dalam keadaan semasa Menteri itu pegang. Bila Menteri baru datang, habis yang ini berubah, datang yang baru balik. Bukankah Yang Berhormat bagi Rembau, keputusan hendak buat sesuatu program ini adalah keputusan Kabinet, Kabinet yang sama. Kemudian datang bertukar lagi, bertukar lagi.

Saya ingat amalan ini hendaklah ditukar supaya kita konsisten dan istiqamah dalam melaksanakan sesuatu. Sehingga ianya berjaya baru kita tukar. Tidak perlu kerana hendak cari glamor lebih kerana kita jadi Menteri baru kita pun bubuh nama baru, *associated with us* nama ini. Jenama ini jenama kita bukan jenama orang. Boleh komen?

**Dato' Firdaus bin Harun:** Setuju 101%. Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya juga mencadangkan supaya pangkalan data yang sama yang dikutip oleh pejabat daerah yang mungkin sekarang ini dibuat bancian semula digunakan untuk semua agensi. Sebab saya mengatakan demikian kadang-kadang Pejabat Agama dia guna pangkalan datanya sendiri, Jabatan Kebajikan Masyarakat datanya sendiri. Kemudian takrif kemiskinannya pun tidak sama dengan yang digunakan dengan

digunakan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Saya rasa ini harus diselaraskan memandangkan sumber ini datang daripada satu iaitu daripada Kementerian Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai pembangunan keluarga. Saya difahamkan terdapat seramai 126,810 bilangan ibu tunggal di seluruh negara. Dari jumlah ini seramai 111,109 orang merupakan ibu tunggal yang mempunyai anak yang masih bersekolah. Saya berharap kementerian telah pun membuat bancian sebab saya sudah tanya perkara ini dalam sesi yang lepas, telah membuat bancian mengenai bilangan sebenar ibu tunggal yang mempunyai anak yang bersekolah yang berada di bawah garis kemiskinan dan kemiskinan tegar mengikut negeri, daerah dan kampung atau taman perumahan.

Dengan cara ini barulah pihak kerajaan dapat merangka dan menjalankan program-program yang bersesuaian bagi mengatasi masalah kesusahan yang dihadapi oleh ibu tunggal ini. Saya menyatakan demikian sebab ibu saya pun ibu tunggal, jadi program kebajikan masyarakat yang bagi RM80–RM100 sebulan itu sebenarnya itu langkah jangka pendek. Kita perlukan langkah jangka panjang, tetapi langkah jangka panjang tidak akan dapat dijalankan kalau kita tidak ada pangkalan data yang tepat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai usaha untuk mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera. Saya difahamkan sehingga tempoh Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan, kedudukan bumiputera dalam semua sektor ekonomi masih kurang daripada 30% seperti juga yang disebut oleh Yang Berhormat daripada Gua Musang sebentar tadi.

Sektor-sektor yang menunjukkan pemilikan bumiputera yang agak tinggi ialah sektor pertanian 28.3%, sektor pembinaan 24.5%, sektor pengangkutan 23.6% dan sektor kewangan 20.7%. Pemilikan dalam sektor-sektor seperti pembuatan hanya 10.5% dan perdagangan borong dan runcit 13.8% masih lagi rendah. Oleh yang demikian, saya berharap pihak kerajaan akan meningkatkan lagi usaha untuk meningkatkan lagi penyertaan bumiputera dalam pelbagai sektor ekonomi dengan menyediakan pelbagai peluang dan sokongan serta persekitaran yang lebih kondusif selain dari pemantauan yang lebih berkesan di setiap peringkat.

Di antara langkah-langkah yang dirancang termasuklah:

- (i) melipatgandakan pelaksanaan program-program pembiayaan usaha niaga bumiputera dalam bidang ICT melalui skim modal teroka, skim pembiayaan sektor-sektor strategik termasuk sektor perkhidmatan, profesional, bio-teknologi dan sebagainya. Dan kalau benda ini telah berjalan dengan baik kita juga ingin tahu jumlah bilangan bumiputera dan jumlah pembiayaan mengikut sektor yang telah dikeluarkan setakat ini;
- (ii) menambahkan sumber pembiayaan modal bagi program-program pembangunan keusahawanan dan pembangunan perniagaan terutamanya dalam bidang berteknologi serta perniagaan kecil dan sederhana melalui dana-dana modal teroka, tabung industri kecil dan sederhana dan sebagainya;
- (iii) menggiat dan mempertingkatkan pelaksanaan program-program pembangunan keusahawanan seperti program-program francais dan vendor di peringkat negeri melalui pembangunan produk tempatan dan mengenal pasti produk francais luar negara, menyediakan kemudahan pembiayaan yang lebih banyak melalui skim pembiayaan francais, skim bantuan pembangunan francais dan sebagainya;
- (iv) memperbanyakkan latihan keusahawanan, pengurusan, kawalan kewangan - yang ini orang kita banyak lemah, pemasaran juga satu bidang yang harus diberi tumpuan dan sebagainya bagi meningkatkan keupayaan bumiputera dalam bidang perniagaan;
- (v) menyusun semula dana-dana usahawan bagi meningkatkan keberkesanannya untuk membangun masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera;
- (vi) saya juga mencadangkan supaya diadakan *target* supaya setiap keluarga bumiputera melahirkan sekurang-kurangnya seorang usahawan. Inilah kerana mengikut satu kajian di kalangan orang-orang Tionghoa setiap keluarga mereka mempunyai lebih daripada seorang usahawan sedangkan di kalangan keluarga

bumiputera khususnya orang Melayu cuma ada seorang daripada di setiap 20 keluarga;

*Last but not least*, dengan izin, kata orang putih.

- (vii) diwujudkan Jawatankuasa Pemantauan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) di segenap peringkat iaitu di peringkat Pusat negeri, daerah dan PBT.

Silakan sahabat terdekat.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tengok tinggal satu *last* helai tulah. Saya hendak tanya Yang Berhormat tentang masyarakat perindustrian dan perdagangan bumiputera. Yang Berhormat tadi menyebut tadi tentang satu keluarga satu usahawan, jadi bolehkah Yang Berhormat kongsi dengan kami, apakah proses yang perlu dilalui dan bagaimana kementerian boleh menyediakan ruang ini 'satu keluarga satu usahawan' diwujudkan suatu *family incorporated* ke atau bagaimana caranya Yang Berhormat? Silakan.

**Dato' Firdaus bin Harun:** Terima kasih. Mungkin salah satu caranya ialah kita membudayakan konsep keusahawanan ini di peringkat keluarga di peringkat akar umbi lagi, di peringkat awal lagi. Contoh yang terbaik ialah di peringkat sekolah rendah dalam pengajaran matematik ada ciri-ciri keusahawanan dan di peringkat sekolah menengah pula misalnya adakan subjek keusahawanan yang khususnya dan begitulah seterusnya.

Saya cadangkan Jawatankuasa Pemantauan ini sebab apa saya lihat di bawah DEB dahulu ada separuh jabatan dan separuh kerajaan negeri juga kadang-kadang arahan supaya penyertaan 30% itu hanya dikeluarkan dekat-dekat hendak berakhir tahun, tidak ada arahan bertulis. Ini pengalaman saya sendiri sebagai ADUN, kadang-kadang itu di peringkat PBT terpulang kepada wakil rakyat hendak bertanya "kuota bumiputera bagaimana?" Rumah kedai misalnya, kadang-kadang dapat rumah kedai yang belakang tempat yang tidak strategik, sebab apa, sebab tidak ada jabatan khusus yang memantau. Oleh itu saya cadangkan di kementerian mesti ada Jawatankuasa Pemantauan. Sila Yang Berhormat Sabak Bernam sahabat saya.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Rembau. Saya hendak bertanya setuju atau tidak dari segi membangunkan kampung, membangunkan usahawan kita nampak semacam

kementerian ini kurang *coordination* kurang penyelarasan. Saya beri contoh umpamanya di sebuah kampung kita hendak membangunkan usahawan belia. Kementerian Belia akan mengambil perhatian oleh kerana hendak membangunkan usahawan, maka Kementerian Usahawan pun akan memberikan perhatian. Oleh kerana di kawasan pertanian maka Kementerian Pertanian pun akan memberikan perhatian. Tetapi akhirnya di hujung itu tidak ada pula usahawan yang kita hendak bangunkan itu. Apa pandangan Yang Berhormat Rembau?

**Dato' Firdaus bin Harun:** 101% setuju, sebab itu di peringkat Pusat saya hendak cadangkan Jawatankuasa Kabinet ini dipengerusikan sendiri Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan di peringkat negeri dipengerusikan oleh sendiri Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Di peringkat daerah yang baik Ahli Parlimenlah sebab DO ini sudah banyak sangat tugas, buat apa *committee* kalau boleh peringkat daerah kita wujudkan begitu juga di Parlimen dia jadi macam audit *committee* lain sikit. Jadi dengan itu baru ada pemantauan yang berkesan. Katalah PBT mengapa tidak mengikut kuota rumah kedai? Kenapa gerai ini tidak cukup kuota dan sebagainya dan apakah langkah-langkah susulan? Dengan cara-cara ini saya yakin dengan adanya mesyuarat ataupun pemantauan yang berkala, yang secara konsisten insya-Allah usaha kerajaan mewujudkan MPPB ini .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat sila gulung.

**Dato' Firdaus bin Harun:** .....seperti yang ditegaskan....nanti sekejap, saya hendak habiskan ayat ini dahulu.

Usaha kerajaan untuk mewujudkan MPPB ini seperti yang ditekankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dalam Rancangan Malaysia Kesembilan akan dapat dicapai. Silakan Yang Berhormat Kuala Pilah sahabat saya.

**Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik hati tentang kekeliruan dari segi penyelarasan, dalam pelaksanaan tentang pembangunan masyarakat yang disebut tadi ialah soal ekonomi dan soal berniaga ini, saya ingat saya ada sebut semalam ialah ada unit yang bertanggungjawab iaitu Unit Perancang Ekonomi Negeri (*State Economic Planning Unit*) di peringkat negeri dan di peringkat kebangsaan dan sebagainya. Saya pernah mencadangkan tempoh hari iaitu

dalam soal pembangunan masyarakat ini mesti ada satu unit, satu jabatan yang bertanggungjawab khusus tentang perancangan sosial.

Saya mencadangkan dahulu dan saya minta pendapat Yang Berhormat Rembau bagaimana pula cadangan saya untuk kita wujudkan di peringkat negara dan di peringkat negeri satu Unit Perancang Sosial ataupun *Social Planning Unit* untuk membuat kerja-kerja serta menyelaraskan hal-hal yang berkaitan dengan pembangunan masyarakat ini. Saya minta pandangan Yang Berhormat Rembau.

**Dato' Firdaus bin Harun:** Saya setuju 110%, itu kena sesuai sebab satu negeri. *[Ketawa]* Jadi di peringkat kementerian dan jabatan juga saya cadangkan supaya adakan unit pemantauan ini dari segi MPPB ini sebab seperti yang saya katakan tadi, masa yang lepas terpulang kepada inisiatif jabatan masing-masing. Saya sarankan di peringkat negeri dipengerusikan oleh Menteri Besar kerana dia CEO di peringkat negeri, jadi lebih berkesan. UPEN ini sebagai agensi kerajaan sahaja, penyelarasan sahaja yang jadi urus setia .

Tuan Yang di-Pertua, ada satu lagi saya kena sebut kalau tidak nanti Dato' Khaled Nordin marah dengan saya nanti sebab saya pergi Korea bersama-sama beliau baru-baru ini dalam usaha hendak menarik Program Vendor di Korea.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian mengenai masalah pelajar-pelajar kita yang menuntut di luar negara, yang dibiayai oleh kerajaan khususnya JPA. Saya difahamkan jumlah penuntut luar negara yang menerima tajaan agensi-agensi kerajaan ialah lebih 2,000 orang.

Dari jumlah ini seramai 259 iaitu dari Korea Selatan, saya pergi terus kepada itu. Apa yang saya ingin bangkitkan di sini ialah mengenai meningkatnya perbelanjaan pelajaran di negara-negara berkenaan khususnya di Korea Selatan akibat kenaikan kos sara hidup dan penurunan nilai Dolar Amerika terutama sekali di Korea Selatan di Seoul. Saya difahamkan perbelanjaan seperti makanan, barang runcit, pengangkutan, pakaian, perkhidmatan di Korea Selatan khususnya di Seoul di mana sebahagian besar pelajar kita ditempatkan telah meningkat antara 10% hingga 20%, manakala elaun sara hidup yang diterima oleh setiap pelajar adalah berdasarkan kepada kadar yang diluluskan pada tahun 2000 iaitu sebanyak 465, 276 won, iaitu persamaan lebih kurang dengan USD465, lebih kurang kalau kali RM3.80 sen kadar pegging kita sekarang bermaknanya



RM1,367. Sehingga kini tahun 2005 tiada lagi sebarang kenaikan tambahan yang diterima oleh para pelajar.

Oleh yang demikian, saya berharap Jabatan Perkhidmatan Awam dapat menimbangakan untuk menaikkan kadar elaun sara hidup pelajar-pelajar berkenaan supaya mereka dapat belajar dengan selesa. Saya difahamkan Persatuan Pelajar Malaysia di Korea telah pun menghantar memorandum kepada Jabatan Perkhidmatan Awam. Jadi saya harap tindakan segera dapat diambil oleh jabatan berkenaan supaya dengan itu anak-anak kita yang belajar di Korea dan juga di negara-negara lain dapat belajar dengan tenang dan dengan selesa dan mencapai kejayaan yang cemerlang. Dengan itu saya menyokong, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Serdang.

#### **4.31 petang**

**Dato' Yap Pian Hon [Serdang]:** Terima kasih Tuan yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Ucapan di dalam Dewan yang mulia ini. Saya hanya ada tiga perkara secara ringkas untuk membahaskan. Perkara yang pertama ialah Lebuh Raya Lingkaran Kajang. Lebuh raya ini telah beroperasi pada bulan Jun tahun lalu, selepas itu telah menimbulkan pelbagai reaksi daripada orang ramai. Tiga lorong dua hala ini telah memberi kemudahan kepada rakyat tetapi juga mendatangkan kesulitan kerana tidak cukup kelengkapan termasuk keselamatannya yang dihadapi oleh rakyat, misalnya;

- (i) tidak ada lorong khas untuk motosikal;
- (ii) tidak cukup untuk tempat perteduhan hujan;
- (iii) pusingan U di depan Plaza Tol Bukit Kajang tidak selamat; dan
- (iv) tidak cukup jejantas pejalan kaki

Ini telah bertentangan dengan misi Lembaga Lebu Raya Malaysia iaitu mewujudkan rangkaian Lebu Raya tol yang selamat, cekap dan selesa serta lengkap dengan segala kemudahan. Ini bertentangan dengan misi Lembaga Lebu Raya Malaysia, ini lebu raya SILK yang telah dibina begitu.

Tuan Yang di-Pertua, yang penting sekali lagi adalah satu kawasan itu Kajang Utama telah terputus secara langsung dengan jalan asalnya. Jadi kawasan yang menjadi mangsa ini telah menghadapi empat perkara;

- (i) semasa pembinaan lebuh raya ini tidak mengikuti atau tidak mendapat pandangan rakyat seperti yang dikehendaki oleh kementerian dahulu, tidak ada;
- (ii) jalan asal telah diputuskan secara langsung maka penduduk-penduduk di kawasan tersebut hendaklah melalui lebih lima kilometer baru sampai balik ke rumah;
- (iii) kawasan IKS di taman Kajang Utama ini terlumpuh kerana tidak ada jalan keluar masuk dan begitu jauh 5 kilometer daripada itu. Ini bertentangan dengan dasar kerajaan untuk menggalakkan perkembangan IKS di negara kita ini;
- (iv) ibu bapa menghantar anak ke sekolah rendah dan menengah di Kajang Utama mesti melalui lima kilometer daripada hadapan kawasannya, tidak ada jalan terus sampai ke kawasan itu.
- (v) beribu-ribu rakyat menghadapi risiko keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangkitkan perkara ini yang juga bertentangan dengan objektif, Lembaga Lebuh Raya Malaysia yang berkata menghubungkan kesemua pekan utama yang sedia ada serta kawasan yang mempunyai potensi pembangunan ekonomi, budaya dan sosial atau perpaduan negara. Ini wujudnya lebuh raya di negara kita ini, objektif yang telah ditentukan oleh Kementerian Kerja Raya dan Lembaga Lebuh Raya Malaysia dan apa sebabnya Lebuh Raya SILK yang telah dibina baru-baru ini tidak mengikut seperti mana yang telah ditentukan objektifnya oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, sebagai Wakil Rakyat kawasan, saya terpaksa menyuarakan masalah yang dihadapi di kawasan tersebut. Sesi perbincangan dilakukan, saya ucapkan terima kasih kepada Kementerian Kerja Raya dan Lembaga Lebuh Raya Malaysia bersetuju mengkaji terhadap kesulitan yang dihadapi oleh penduduk-penduduk kawasan Kajang Utama di sebelah kawasan yang di mana jalan

asal yang telah diputuskan secara langsung menyimpangkan dan membina terowong untuk menyambungkan semula kawasan-kawasan yang tertentu ini.

Ini adalah berita baik untuk kawasan tersebut selepas pengumuman oleh Kementerian Kerja Raya, maka itu kerja-kerja untuk menentukan dan kenal pasti kawasan untuk membina terowong sudah dikenal pasti. Reka bentuk terowong telah siap, ujian tanah telah siap, tiba-tiba pihak syarikat konsesi kata, ini bukan kerja saya, ini adalah luar perjanjian kontrak, saya tidak payah untuk berbuat demikian. Tetapi semasa perbincangan sepanjang masa satu tahun ini tidak langsung mengatakan demikian, akhirnya apabila kerja hendak bermula baru dia katakan syarikat tersebut tidak akan melibatkan dengan pembinaan terowong itu. Ini merupakan satu sikap yang tidak bertanggungjawab dan tidak memikul tanggungjawab sosial terhadap rakyat di sebelah kanan kiri lebuh raya tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, begitu terpaksa Kementerian Kerja Raya memaklumkan saya akan memohon peruntukkan sepanjang RM25 juta untuk membina terowong. Yang Berhormat Menteri Kerja Raya telah menyatakan semasa merasmikan operasi Lebuh Raya SILK pada bulan Jun lalu, terowong di Kajang Utama ada dibina dalam tempoh lapan bulan selepas kerja-kerja dimulakan. Secara umumnya, satu kenyataan dikeluarkan dan rakyat dan penduduk di Kajang Utama begitu gembira dan mendapat berita baik dari Kementerian dari Yang Berhormat Menteri itu. Tetapi sehingga kini oleh kerana syarikat konsesi enggan berbuat demikian terpaksa dapat membuat permohonan kerajaan, tetapi saya tidak tahu bilakah peruntukan dapat diluluskan untuk membina terowong supaya memberi satu keselesaan kepada rakyat yang terlibat di kanan kiri lebuh raya itu. Kalau tidak ada lebuh raya yang dibuat untuk hanya mengutip tol sahaja tetapi menghasilkan satu kerja susah keadaannya kepada rakyat di tepi kanan kiri lebuh raya di sini tidak patut dan tidak munasabah. Maka itu saya harap kementerian akan memberitahu bagaimana caranya untuk mengatasi masalah dan bilakah peruntukan akan sampai untuk membina terowong yang telah dijanji dan komited untuk kawasan tersebut untuk membina satu keadaan yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua, orang ramai pada ketika ini bimbang dengan kewujudan ramai polis palsu kerana sukar membezakan antara anggota keselamatan yang sebenarnya. Kes penjenayah-penjenayah menyamar sebagai polis dengan beruniform lengkap untuk menahan kenderaan di jalan-jalan raya atau menahan orang ramai di kawasan-kawasan tertentu kononnya untuk menjalankan pemeriksaan

tetapi akhirnya kejadian rompakan berlaku. Keadaan dilema yang telah dihadapi oleh orang ramai sama ada hendak memberhentikan kenderaan ketika ditahan polis kerana terlalu banyak kes menyamar sebagai polis atau sebagai polis palsu maka delima ini berlaku. Kalau pemandu itu menghentikan kereta, takut dirompak. Kalau pemandu itu tidak berhenti, takut ditembak.

**Seorang Ahli:** Haa, betul.

**Dato' Yap Pian Hon:** Kadang-kadang demikian, Tuan Yang di-Pertua. Inilah satu dilema yang dihadapi orang ramai tetapi, kes ini memang terjadi. Saya membangkitkan perkara ini, mintalah supaya pihak polis untuk menentukan peraturan tertentu.....

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pendang bangun.

**Dato' Yap Pian Hon:** Saya masa tidak ada, saya ada banyak lagi.....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Bagilah. *[Menyampuk]*

**Dato' Yap Pian Hon:** Okey, tidak apa. *[Ketawa]*

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman:** Terima kasih, Yang Berhormat dan terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tentang penyamaran ini, kita dapati sekarang banyak penguat kuasa di PBT misalnya, dia menggunakan uniform yang sama dengan polis, warna biru tua, biru gelap. Kadang-kadang Jabatan Imigresen pun begitu, penguat kuasa PBT pun warna biru gelap macam itu. Kalau macam dulu, polis dia warna macam lain. Penguat kuasa PBT dia warna macam lain. Adakah ini menyebabkan penyamaran mudah berlaku?

**Dato' Yap Pian Hon:** Ini adalah bezanya. Kalau penguat kuasa dari PBT lain, uniform dia lain. Saya kata di sini uniform polis tetapi kelengkapan dengan pakaian uniform polis itu sama juga tiap-tiap tahun. Kadang-kadang di tepi jalan itu, ada sekali, tiba-tiba dia tahan. Pemandu sudah takut nampak polis beruniform. Maka, dia paksa berhenti. Bila berhenti, dia tengok dia kena rompak. Tetapi, bila tidak berhenti, dia takut dia kena tembak. Inilah dilema yang berlaku.

Jadi, mesti ada peraturan yang tertentu. Kalau pemeriksaan kereta, kenderaannya atau diperiksa orang ramai, mesti ada tentukan satu pasukankah atau satu peraturan tertentu untuk elakkan kejadian berlaku. Kalau tidak, memang jadi masalah kepada orang ramai. Di kawasan saya memang berlaku demikian itu. Dia ini

orang India dan dia pakai uniform polis. Tetapi, bila diminta – security datang untuk menahan kereta itu. Selepas itu angkat barang untuk rompak. Jadi, kes ini pun, perlu juga diambil serius oleh pihak polis, cara mana hendak tentukan, peraturan supaya boleh memberi kuasa kepada polis untuk menentukan tempat untuk pemeriksaan kenderaan atau orang ramai. Jangan tiba-tiba satu tempat, sepatutnya ia terkeluar untuk menahan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ketiga itu berkaitan dengan pendidikan. Cita-cita negara adalah mewujudkan sistem pelajaran yang bertaraf dunia dan menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan serantau. Usaha murni kerajaan ini akan memantapkan semua program untuk meningkatkan kualiti pendidikan kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang menyokong kuat kepada untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan serantau tetapi, ada masalah di dalamnya. Di dalam sistem pendidikan pada masa kini, ada perbezaan bantuan kepada sekolah, dua jenis. Satu bantuan penuh dan satu lagi bantuan modal. dibezakan bantuan di sekolah rendah. Kerana dua-dua sistem ini jadi masalah. Maka itu, saya minta pihak Kementerian Pelajaran untuk mengkaji semula sistem bantuan kepada sekolah yang berbeza.

Saya difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Pelajaran baru-baru ini telah menyatakan pihak Kementerian Pelajaran akan mengkaji semula terhadap sistem bantuan penuh dan bantuan modal pada masa akan datang supaya Rancangan Malaysia Kesembilan ini akan dapat peruntukan yang munasabah kepada semua jenis sekolah di Malaysia ini. Ini, satu kenyataan yang dikeluarkan. Saya memang mengambil perhatian. Saya menganggap bahawa langkah ini merupakan pandangan jauh dan komitmen daripada pihak kerajaan dalam menyelesaikan masalah pembangunan pendidikan negara.

Pihak kerajaan menyedari pentingnya pendidikan dalam jangka masa panjang dan perkara ini tidak berkaitan dengan politik, agama atau perkauman. Langkah ini adalah penting memandangkan tidak munasabah bagi kerajaan untuk meneruskan pemberian bantuan berdasarkan kepada dua sistem, iaitu bantuan modal dan bantuan penuh kerana ia hanya akan memberikan tanggapan bahawa hanya sekolah tertentu

yang boleh mendapatkan bantuan penuh, manakala yang lain tidak layak walaupun Kementerian Pelajaran mempunyai kriteria atau syarat yang tertentu.

Saya memang mengakui bahawa walaupun sekolah bantuan modal dapat subsidi atau bantuan kewangan daripada kerajaan melalui Kementerian Pelajaran seperti bayaran gaji kepada guru-guru atau penyelenggaraan pentadbirannya. Tetapi, kalau sampai tahap untuk membaiki bilik darjah atau menambah bilik darjah ini memang tidak dapat sepenuhnya daripada kerajaan. Saya kata bukan tidak ada tetapi tidak sepenuhnya. Kalau sekolah bantuan modal, sepenuhnya terdiri daripada kerajaan. Ini bezanya. Hujah saya ini memang terang. Memang ini ada berbeza sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini adalah tidak baik memandangkan kerajaan tetap akan dilihat sebagai menganaktirikan sekolah tertentu sedangkan pendidikan merupakan perkara asas untuk semua rakyat yang berhak untuk mendapatkan bantuan dalam proses pembelajaran mereka. Dalam Akta Pendidikan sedia ada, pendasaran Dasar Pendidikan ini adalah meliputi semua aliran pendidikan termasuklah Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina), Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) dan sekolah rendah kebangsaan di negara kita. Saya juga mintalah perkara ini perlu juga diambil serius seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran yang setuju untuk mengkaji semula pada suatu ketika dahulu.

Saya harap kajian ini dapat diteruskan sehingga bila satu keputusan yang munasabah kepada semua sekolah, yang di mana akan memberi pendidikan kepada anak kita. Tidak bezakan sekolah bantuan modal atau sekolah bantuan penuh, sama juga untuk memberi peluang kepada murid-murid atau anak kita untuk mendapat pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta sesetengah *mass media* hendaklah menghormati terhadap *social contract* yang telah dipersetujui pada sebelum Merdeka. Jangan lagi untuk mempersoalkan dasar pendidikan terhadap segala aliran bahasa dan juga hormatilah Perlembagaan Persekutuan yang telah ditetapkan dan semua lapisan masyarakat kita terima sebelum Merdeka dan selepas Merdeka. Inilah satu hakikat.

Kita mesti terima hakikat yang telah diterima pemimpin-pemimpin negara di dalam *social contract* itu. Maka itu, jangan lagi persoalkan untuk menimbulkan tanggapan yang tidak baik, negatif untuk negara kita. Saya juga harap, dengan

demikian itu, kita mestilah berhentilah persoalkan dasar pendidikan yang telah dimaktubkan di dalam sejarah sekolah, di dalam Akta Pendidikan. Saya setuju apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat .....

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad:** Yang Berhormat bagi Serdang, Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya menyokong penuh *social contract* yang tidak perlu kita unkit lagi dalam Perlembagaan itu. Yang kedua ialah, falsafah pendidikan negara, kita sudah jelas hal pendidikan ini. Setujukah atau tidak Yang Berhormat bagi Serdang, saya menyokong juga tadi bantuan modal atau bantuan penuh. Sekarang ini bantuan modal saya rasa tidak perlu lagi. Bantuan penuh kerajaan kepada sekolah, sama ada Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina), Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil), sekolah agama, kita harus dalam *mainstream*. Maka, kerajaan seharusnya membina fizikalnya, kewangannya, latihannya, peralatannya supaya anak-anak kita menjadi anak Malaysia yang patuh, taat kepada Perlembagaan *social contract*. Setujukah atau tidak?

**Dato' Yap Pian Hon:** Itu sebab saya kata menghormati *social contract* ini memang wajar. Bagi pihak saya dan MCA sentiasa menghormati *social contract* yang telah ditentukan, maka itu kita tidak pertikaikan lagi terhadap *social contract* itu. Itu sebab saya bersetuju dengan pandangan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri semalam, di mana beliau berkata yang rakyat negara ini terdiri daripada berbilang bangsa diminta menguasai lebih daripada satu bahasa selain daripada Bahasa Kebangsaan kerana ia merupakan salah satu daripada keperluan strategik jika mahu bersaing di dalam era globalisasi dan beliau juga berkata, “..... bahasa Mandarin kini menjadi bahasa perantaraan yang cukup penting bagi menjalin hubungan dengan China terutamanya bagi merebut peluang ekonomi”.

Seterusnya beliau mengingatkan rakyat negara ini supaya tidak menjadikan isu bahasa sebagai bahan politik yang boleh menimbulkan salah faham di kalangan rakyat. Inilah pesanan pemimpin negara kita terhadap semua. Saya setuju dengan pandangan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di mana soal bahasa tidak lagi

menjadi soal kepada kita. Yang pentingnya, cara mana untuk kita mewujudkan satu semangat perpaduan di mana pembangunan negara adalah lebih penting daripada yang lain. Yang demikian saya menyokong Titah Ucapan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Sepanggar.

**4.52 ptg.**

**Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kecemasan ini kepada saya untuk Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sebelum saya teruskan perbahasan ini, saya juga ingin memohon izin atas kesempatan ini untuk mengucap takziah khas kepada tokoh agama dunia kita. Bolehkah?

Tuan Yang di-Pertua, atas pemergian kepada Tuhan Yang Maha Kuasa Pope John Paul II ini sangat-sangatlah menyedihkan disebabkan pemergian beliau ini telah memberi satu sejarah di mana pemergian beliau kepada Tuhan Yang Maha Kuasa telah kita dapati bahawa keadilan, keamanan serta penentangan peperangan yang beliau perjuangkan semasa hayat beliau. Maka sewajarnya kita mencontohkan landasan perjuangan beliau ini untuk melihat keamanan sejagat rasa cinta, kasih sayang di antara semasa manusia tanpa mengira kefahaman.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan dan rakyat jelata dalam Titah Seri Paduka Baginda telah diperingatkan untuk sentiasa waspada kepada cabaran-cabaran ekonomi global. Tidak dinafikan bahawa ekonomi negara dan taraf kehidupan rakyat dalam keseluruhannya terus meningkat kepada paras yang sangat memuaskan. Namun kita diingat untuk bersedia menghadapi saingan globalisasi dengan mengambil peluang serta mengatasi cabaran-cabaran dengan meneroka sebarang idea dan aktiviti baru dalam dunia tanpa sempadan ini. Semua insan diperingatkan untuk menjalankan peranan masing-masing demi untuk mewujudkan rakyat yang bertamadun, bersopan-santun, hidup dengan selamat, terjamin kesihatan, harmoni dan mempunyai semangat kekitaan kepada negara kita yang tercinta.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai perkembangan sektor komoditi dan pengeluaran produk hasil tani, kerajaan haruslah mengambil peranan yang telus, bukan



sahaja sebagai agen penasihat serta menjalankan penyelidikan dan pembangunan, tetapi ia juga harus berperanan sebagai agen motivasi pelaksana. Penerokaan satu produk tani atau penternakan satu daerah haruslah diberi penekanan demi untuk menggembleng tenaga perusahaan pertanian, perikanan mahupun penternak supaya dapat mengatasi saingan dari segi pengeluarannya yang berkuantiti serta bermutu tinggi dapat diberi tumpuan utama.

Agensi pemasaran seharusnya mengambil peranan bukan sahaja di dalam negara kita sendiri bahkan sanggup bersaing di antarabangsa. Swasta serta agensi kerajaan seperti FAMA haruslah mengambil peranan yang serius untuk meluaskan aktivitinya ke antarabangsa. FAMA haruslah positif dalam penerokaan berbagai-bagai aktiviti baru dan bukan seperti yang saya diberi kefahaman, di mana di Sabah pihak FAMA telah diperuntukkan sebanyak RM30 juta pada tahun lalu untuk membina bangunan pasar borong.

Saya juga difahamkan bahawa kerajaan negeri telah bersedia untuk memberi ruang tapak tanah tetapi pelaksanaan tersebut telah diketepikan begitu sahaja, kononnya tiada kontraktor ataupun pemborong swasta yang berminat disebabkan kerenah birokrasi serta syarat-syarat yang sukar diperbincangkan. Saya yakin dan percaya pihak FAMA Sabah pasti mengatasi rintangan-rintangan sekiranya ia betul-betul prihatin kepada tujuan serta fungsi untuk membantu petani, nelayan dan penternak tempatan. Hasil tuaian tidak akan tercapai tanpa usaha yang tekun dan berdedikasi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam satu negara yang majmuk dengan semangat kekitaan (*sense of belonging*) dengan izin, kepada negara kita, saya yakin dan percaya Lautan China Selatan bukanlah satu sempadan pemisah di antara Malaysia Timur dan Barat atau Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak. Saya menyarankan perkara ini disebabkan kita rakyat Malaysia tidak sepatutnya ada perbezaan harga niaga di antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak, di mana kedua-dua negeri ini dikenakan membayar 30 peratus lebih tinggi harga niaga berbanding dengan harga niaga di Semenanjung. Barang-barang makanan seharian serta ubat-ubatan selalunya terpamer dua harga niaganya, iaitu harga Semenanjung dan harga bagi Sabah dan Sarawak. Bila kita tanya kenapa ini boleh terjadi, jawapan yang diberikan ialah, dengan izin, *handling* dan *transport charges*.

Perbezaan harga niaga ini lebih tinggi dengan barang-barang bahan binaan dan alat-alat pertanian. Sanggupkah kita melihat saudara kita di Sabah dan Sarawak mendapat layanan yang berbeza dengan saudara kita di Semenanjung? Kalau kerajaan sanggup untuk memberi subsidi minyak diesel yang bernilai berbilion-bilion ringgit, sudah tentu ini bukanlah satu perkara yang sukar dan mustahil bagi kerajaan untuk menentukan keseragaman bagi harga makanan rakyat Malaysia supaya kita betul-betul dapat keseimbangan layanan 'seperti berat sama dipikul, ringan sama dijinjing'.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan Yang Berhormat Menteri Pelajaran untuk mengadakan Institut Pengajian Bahasa Inggeris bagi guru-guru haruslah diberi pujian dan penghargaan. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran yang mengambil tindakan segera untuk menangani masalah ketiadaan kemahiran dalam bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa pengantar yang lain.

Tentu kemahiran ini dapat disalurkan kepada anak-anak generasi akan datang kita agar mereka mudah bertutur dan berinteraksi dengan rakyat antarabangsa.

Dengan kemahiran Bahasa Inggeris serta bahasa-bahasa lain tentunya akan pasti melahirkan rakyat yang boleh menggunakan kepakaran masing-masing ke semua pelosok dunia. Cabaran-cabaran ini pasti akan menguntungkan rakyat jelata. Malangnya kemahiran ini sahaja tidak akan menjamin kesejahteraan rakyat secara menyeluruh disebabkan masalah gejala sosial di kalangan rakyat kita khususnya di kalangan para remaja. Masalah sosial ini senantiasa menghantui kita disebabkan satu-satu pendekatan kita dalam pendidikan awal anak-anak dengan tumpuan secara akademik sahaja dan bukan secara holistik. Pengajaran moral sahaja tidak akan mencukupi bagi mengatasi masalah gejala sosial yang semakin teruk keadaan mengancam anak-anak remaja kita.

Generasi ini haruslah diberikan pendidikan kerohanian. Saya mencadangkan kepada kerajaan khususnya Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi supaya memberi peluang kepada penuntut-penuntut untuk dididik dalam keagamaan mengikut kepercayaan agama ibunda masing-masing. Saya bercadang ini agar kerajaan memberikan tindakan sewajarnya cadangan dapat masukkan dalam kurikulum pendidikan negara kita. Dengan adanya pendidikan kerohanian melalui agama kepercayaan ibunda masing-masing di bangku sekolah seawal tadika hinggalah ke

pengajian tinggi, tentunya ia akan menyerapkan sanubari semangat sayangkan diri dengan wujudnya kefahaman terhadap kerohanian cinta serta cinta diri ataupun cinta persekitaran, maka ia akan mendatangkan kesejahteraan dan kehidupan harmoni rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Sri Paduka Baginda yang menekankan keseimbangan wilayah khasnya Sabah dan Sarawak haruslah diberi perhatian dan tindakan segera agar kedua-dua wilayah ini tidak lagi ketinggalan dalam arus pembangunan prasarana infrastruktur, keperluan asas seperti perhubungan jalan raya, bekalan air dan elektrik, perumahan, sosial amenity dan pendidikan, keselamatan dan kesihatan seharusnya diutamakan. Saya merayu kepada kerajaan agar menyalurkan peruntukan sewal-awalnya dan bukan dalam penghujung tahun, tambahan dengan birokrasi sehingga melaksanakan sukar di capai. Kegagalan perlaksanaan kelihatan disebabkan kekurangan tumpuan kepada koordinasi antara pelaksana dengan pegawai atasan.

Contohnya jalan KKIP – Telipok ke Kiulu yang diperuntukkan dalam RMK-8 tidak dilaksanakan. Ini mengakibatkan rakyat tidak mempunyai keyakinan kepada Kerajaan Pusat khasnya pegawai-pegawai pelaksana. Saya merayu agar pelaksanaan ini semuanya yang disenaraikan pada tahun 2005 dapat disegerakan dan perlaksanaan bagi RMK-9 ini digemblengkan sejurus ia diluluskan dan disusuli dengan pemantauan yang rapi. Tidak dinafikan bahawa dengan penemuan bagi telaga minyak di perairan Sabah, ia kan memberi keuntungan kepada Petronas dan segelintir rakyat Malaysia serta pembangunan negara tetapi, apa yang mendukacitakan ialah PETNORAS yang mendapat hasil berbilion-bilion ringgit daripada negeri Sabah tidak pun mengadakan satu perusahaan Petronas, petrokimia dan sebagainya di tanah Sabah. Contohnya Tuan Yang di-Pertua, yang sangat-sangat menyedihkan saya telah dapat terpamer di surat khabar pada baru-baru ini di mana dengan izin '*The high value crude oil found of Sabah would likely been dampen factor on the State of on seeing the setting of refinery our petroleum chemical complexion.*

Kenapa begitu lembap sekali. Sedangkan Pengarah Unit Perancang Ekonomi telah merayu dan memohon simpati supaya dibina *refinery* itu di Sabah. Tiba-tiba pula Naib Presiden Korporat *Planning and Development* telah terpamer di mana beliau

sendiri telah mengatakan bahawa '*National Oil Company would have to decide whether it was more viable to sell it high value crude oil or to refined the crude oil in the state of Sabah*' Apa yang sudah terjadi dengan kerajaan kita ini, Tuan Yang di-Pertua? Sedangkan kita dapati bahawa empat telaga yang telah dijumpai di Sumandak yang mempunyai *reserve 75 billion barrel* akan memulakan produksi pada tahun depan. Di Telaga Kirkik yang mempunyai *200 million barrel* pada tahun 2007 dan di Telaga Gumunsut dengan *production 250 million barrel* pada tahun 2010 dan di Malikai yang akan buat *production 100 million barrel* pada tahun 2011.

Semua ini dapat di perairan Sabah. Apa sudah terjadi? Di mana *refinery* tidak dapat dilaksanakan di Sabah menurut Naib Presiden Korporat mereka, sangat-sangat mendukacitakan. Tuan Yang di-Pertua, perusahaan kimia haruslah diberi peluang kepada Sabah. Sepatutnya Petronas mendirikan perusahaan dan menggandakan bahan-bahan daripada galian agar rakyat tempatan diberi peluang sekurang-kurangnya kesempatan untuk memimpin mengikut arus pembangunan ini. Tuan Yang di-Pertua, seharusnya Petronas dan anak-anak syarikatnya harus dengan izin *plow back the investment* to Sabah. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan seharusnya menjalankan kajian rapi atas pendatang tanpa izin yang menggunakan dokumen IMN 13 seperti yang dijelaskan oleh rakan seperjuangan saya iaitu Yang Berhormat Papar pada tiga hari yang lalu.

Sudah sampai masanya kerajaan seharusnya mengambil ketetapan untuk orang-orang asing ini terutama pendatang dari Filipina. Di kawasan saya di Kampung Berunuun Telipok, orang-orang asing ini menggunakan dokumen IMN 13, sama ada yang sah atau tidak sukar dapat dikesan. Beribu-ribu orang asing duduk di kawasan penempatan sedang bermaharajalela disebabkan mereka boleh menjalankan aktiviti-aktiviti yang sukar dijalankan oleh penduduk tempatan sendiri.

Baru-baru ini saya mendapat laporan bahawa kawasan ini digunakan sebagai *den* perjudian dan pelacuran. *[Disampuk]* Itu kamu yang tahulah. *[Disampuk]* Di Pekan Telipok sebenarnya bancian penduduk telah dijalankan, mereka sudah melebihi, maksud saya pendatang tanpa izin ini sudah melebihi daripada orang tempatan kita di Pekan Telipok.

Mereka menjalankan aktiviti-aktiviti yang menjejaskan keselamatan dan kesihatan seperti dengan izin, *outbreak of dengue, cholera...*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, masa sudah cukup.

**Tuan Eric Enchin Majimbun:** Sedikit lagi,...tibi dan lain-lain penyakit berjangkit. Sudah sampai masa pihak kerajaan harus mengambil ketetapan...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sri Gading.

**Tuan Eric Enchin Majimbun:** Ya, sila.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat bagi Sepanggar, ini pelacuran di kampung kamu, betul?

**Tuan Eric Enchin Majimbun:** Ya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ya? Katanya penduduk dari *Philippine* lebih ramai daripada penduduk di Telipok sendiri.

**Tuan Eric Enchin Majimbun:** Betul.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Pelacur ini siapa yang pakai? *[Ketawa]* Orang yang datangkah atau orang tempatan? Siapa yang pakai? Yang Berhormat dapat tahu siapa yang pakai? Kalau ada maklumat itu lebih baguslah agaknya. *[Ketawa]*

**Tuan Eric Enchin Majimbun:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Saya difahamkanlah bahawa pelacuran ini berlaku di antara mereka dan ada juga orang-orang tempatan yang dipengaruhi oleh pendatang-pendatang tanpa izin ini.

Sekali lagi sudah sampai masanya pihak kerajaan haruslah mengambil ketetapan dan langkah-langkah yang serius demi untuk keselamatan dan keharmonian penduduk. Kerajaan haruslah tidak akan bertolak-ansur. Jangan bila sudah terlambat, barulah kita menyesal.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Tuan Eric Enchin Majimbun:** Dengan ini, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Titiwangsa.

5.12 ptg.

**Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz [Titiwangsa]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana saya telah diberi peluang untuk bersama-sama membahaskan menjunjung kasih ucapan terima kasih ke atas titah Baginda tempoh hari. Dalam titah Baginda telah menyentuh mengenai perlunya mewujudkan infrastruktur asas seperti air, elektrik dan komunikasi. Di sini saya ingin membahaskan mengenai elektrik.

Elektrik adalah keperluan asas untuk semua orang. Ia juga boleh mencerminkan taraf kehidupan, tetapi kepada mereka yang duduk di pekan-pekan, kalau di Kuala Lumpur, kadang-kadang bekalan elektrik ini *is taken for granted*, dengan izin. Jadi ada rakyat kita yang masih belum menikmati elektrik tetapi saya rasa jumlah ini semakin berkurang. Walaupun kita tahu perkara ini kecil kepada bil elektrik orang, hanya sampai RM20 tetapi elektrik merangkumi banyak bidang dan termasuk industri kita sendiri.

Kalau dibandingkan dengan infrastruktur lain, kalau bekalan air terputus, kita barangkali tidak rasa sebab kita ada *reservoir*. Tetapi kalau bekalan elektrik ini terputus walaupun satu saat, kita selalu merasakannya dan kita sering kadang-kadang apabila ada gangguan, kita lupa yang selalunya kita dapat, tetapi gangguan yang pendek itu kita selalu ingat. Begitulah impak elektrik kepada penghidupan harian kita.

Kalau kita kaji sejarah...

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kalabakan. Yang Berhormat bagi Kalabakan, sila.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** Biasanya apabila saya dengar mengenai tenaga ini, di Kuala Lumpur dan di sekitarnya apabila kita tidak mempunyai *supply* elektrik selama satu jam, seluruh dunia tahu. Tetapi kami di Sabah terutama sekali Pantai Timur sudah jadi lumrah sekali, setiap empat jam putus, tiap-tiap hari putus. Jadi apa macam? Kalau sekiranya ada di kalangan orang-orang Sabah ini yang sudah lanjut umur, apabila putus sambungan elektrik ini mungkin dia pun putus nyawa juga. *[Ketawa]* Apa macam ini?

Kalau boleh supaya kita seimbangkan. Kalau dahulu waktu zaman Yang Amat Berbahagia Tun Mahathir banyak kepala yang putus kerana lembaga ini tidak menjalankan tugas dengan baik, putus setengah jam pun sudah masalah. Baru-baru ini dua jam setengah, sudah riuh dunia. Seluruh dunia tahu, CNN pun keluar keputusan

elektrik ini di Semenanjung. Tetapi di Sabah, TV pun tidak keluar, radio pun tidak keluar. Jadi apa macam ini?

Dengan adanya saudara Yang Berhormat bagi Titiwangsa mengeluarkan perkara ini, saya harap celahan ini dapat membuka mata pemimpin kita supaya di Sabah pun kami mahu nikmat macam yang diterima oleh saudara-saudara kita di Semenanjung. Setuju?

**Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kalabakan. Saya difahamkan di Sabah masalahnya agak berbeza sedikit sebab di Sabah masih belum ada *unified grid*. Sabah masih berpecah, ada di *eastern grid* dan *western grid*. Dan sekarang saya rasa bekalan elektriknya pun dari segi penjanaan agak kekurangan dan ada beberapa projek yang masih di dalam pertimbangan EPU untuk diswastakan. Saya harap pihak yang berkenaan dapat meluluskan projek-projek itu dengan secepat mungkin dan dengan adanya pengambilalihan oleh TNB ke atas Sabah dapat mengatasi masalah ini.

Jadi kalau kita kaji sejarah, dahulunya bekalan elektrik sebenarnya datang dari swasta, ada syarikat-syarikat seperti Huttenbach, Kinta Electricity Department, Perak Hidro dan Georgetown Electricity Council dan sebagainya. Dengan dasar *nationalization* pada ketika itu semua bekalan elektrik di Semenanjung telah dipusatkan di bawah Central Electricity Board dan kemudian badan ini telah dijadikan Lembaga Elektrik Negara dan pada 1990, Lembaga Elektrik Negara telah diswastakan dan diapungkan sahamnya pada 1992 dan juga dasar mengenai pewujudan dengan izin, Independent Power Producer (IPP) telah bermula pada 1991.

Kalau kita tengok sekarang, penjanaan yang terpasang di Semenanjung sebanyak 17,326 megawatt. Perkara ini dibahagikan 39% adalah di bawah Tenaga Nasional, hidro di bawah Tenaga Nasional juga, sebanyak 11% dan IPP menjana sebanyak 49.4%. *Revenue* untuk Tenaga Nasional juga pada tahun 2004 merupakan RM17 bilion dan pada 1997 hingga 2003, industri ini telah membelanjakan sebanyak RM37 bilion. Jadi kalau kita tengok angka-angka ini memanglah besar dan adalah diramalkan dalam masa 10 tahun yang akan datang, industri ini memerlukan pelaburan sebanyak RM50 bilion.

Kalau kita ikut juga sumber tenaga yang digunakan pada awalnya hanya bergantung kepada minyak dan hidro. Pada 1990, gas telah mula diperkenalkan.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Ketereh.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Titiwangsa, sahabat saya, *my senior in college*. Yang Berhormat sangat arif tentang *electricity* ini. Yang Berhormat tahu pasal tenaga. Saya ada beberapa perkara yang hendak minta penjelasan Yang Berhormat mengenai tenaga.

Yang pertamanya, orang kampung ini ada satu jenis lampu sekarang ini, lampu yang dia bayar RM10 sebulan, kemudian boleh cerah depan tangga. Tetapi yang menjadi masalah akhir-akhir ini, dia kena bayar bil RM10 tetapi lampu ini empat bulan pun dia tidak baiki. *I am having a lot of problems* dalam kawasan saya, sampai dia marah kepada wakil rakyat. Bil sampai tiap-tiap bulan, RM10, RM10, RM10, kalau sampai masa *estimate* itu sampai RM50 tetapi lampu dia tidak baiki. *They don't pay us back*, nombor satu.

Yang kedua, lampu luar bandar yang sekarang ini diserahkan kepada Tenaga Nasional. Lampu luar bandar, lampu kampung, dahulu kerana kita *excess power*, banyak sangat IPP jual kepada Tenaga Nasional, Tenaga Nasional terpaksa lebih *power*, maka dia buat satu sistem lampu luar bandar. Sekarang ini lampu semua pasang.

Dahulu bagi kepada syarikat swasta itu pun dua tahun. Okay, sekarang ganti dengan lampu baru, ini pun lampu sahaja ada, nyalanya tidak, sekali lagi kita kena. Saya hendak sebut dalam ucapan saya tetapi sebab saya bangun banyak kali tidak dapat, saya minta Yang Berhormat komen. Minta Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tenaga Nasional *just* sensitif dengan kehendak rakyat. Kalau kita kompelin, terus datang tetapi dia jawab. Di depan kawasan kampung rumah saya sudah empat bulan kita kompelin, dia jawab, "Kita tidak ada duit dan kita tidak lagi bertanggungjawab," itu jawapan yang diberi oleh Tenaga Nasional. Terima kasih.

**Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz:** Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Ketereh. Saya tahu masalah Tenaga Nasional ini ada *local*



*management* barangkali ada *lives a lot to be desired*, dengan izin. Tetapi saya rasa bolehlah kita ketengahkan kepada CO yang baru dengan harapan KPI beliau akan meningkat sekiranya masalah-masalah ini dapat dihilangkan, dilynapkan. Saya rasa ini bolehlah kita bawa kepada pengurusan sebelah kawasan Timur.

Saya ingin sambung sekali lagi, kalau kita bandingkan harga asas *energy*, gas sekarang dihargakan sebanyak RM6.40 per milion BTU, arang batu yang telah mula diperkenalkan pada lewat 1990-RM4.50 per milion BTU berasaskan harga sebanyak USD25 satu tan. Sekarang arang batu pun telah meningkat harga kepada USD50 satu tan. Dengan erti kata lain, arang batu pun sudah naik RM9. Hidro walaupun memang hujan itu percuma dari langit tetapi ada masalah lain seperti yang kita perhatikan di Cameron Highlands dengan adanya *siltation* di mana akhirnya stesen jana elektrik ini tidak dapat digunakan melainkan kalau kita dapat mendalamkan balik kolam ini.

Daripada ini, kita tahu kos utama untuk penjanaan elektrik ini, yang pertama yang *fixed cost* ini kita tahu iaitu modal (*capital*) untuk mendirikan semua stesen jana elektrik talian penghantaran dan alat-alat pembahagian. Ini kita boleh tetapkan, kita tahu berapa kos pembiayaan dan sebagainya. Lagi satu kos ialah *the variable cost* iaitu gas daripada tenaga asli yang sebenarnya. Adanya itu kita boleh kawal iaitu harga gas yang datang daripada Tenaga Nasional sekarang, semuanya datang daripada Petronas. Di situ kerajaan boleh menentukan harga, sebenarnya harga RM6.40 ini adalah satu *artificial benchmarking*, tetapi harga arang batu yang diimport, kerajaan pun tiada kuasa di atasnya, ini ditentukan oleh kuasa pasaran. Jadi dalam erti kata lain, semua ekonomi, bukan kita sahaja tetapi di dunia ini bergantung kepada tenaga elektrik yang *reliable*, *supply* yang *reliable*. Kita telah mendapati banyak negara yang telah mendapat *very damaging failures*, dengan izin, dengan tidak ada kawalan yang ketat ke atas bekalan elektrik. Kita ambil contoh Papua New Guinea – di atas *operational failure* mereka telah dapat melumpuhkan ekonomi mereka dan tetapi kalau kita tengok juga satu ekonomi moden seperti California, bila dia ada satu *regulatory regime* yang begitu *rigid*, akhirnya California juga telah mendapat satu tekanan yang akhirnya ada banyak syarikat elektrik pun hampir bankrap.

Jadi, di sini saya mengesyorkan kerajaan mengambil tindakan untuk membuat satu *tariff reform* supaya memelihara semua kepentingan *stakeholders* dalam industri ini.

Pertama sekali, kerajaan sendiri melalui Khazanah sebab mereka merupakan pemegang saham utama Tenaga Nasional dan juga publik. Sebagaimana kita tahu, tenaga adalah gergasi di dalam Bursa Malaysia dan kita harus mengekalkannya sebagai satu syarikat yang *viable*. Yang kedua, consumer. Consumer ini kita boleh bahagikan kepada beberapa kategori, di antaranya domestik, komersial, publik termasuk jabatan-jabatan kerajaan dan *heavy industries*.

Yang ketiga ialah tenaga sendiri – Tenaga Nasional sebab mereka merupakan *the sold distribution company* kita di sini, dan ciri-ciri utama yang harus diambil kira apabila *tariff reform* dibuat ialah konsep pengguna harus membayar kos sebenar iaitu seperti harga minyak ataupun harga gas yang sebenarnya ataupun harga arang batu yang diimport sebab perkara-perkara lain kita boleh kawal tetapi ada benda di luar kawalan Tenaga Nasional sendiri. Pelaburan yang berpatutan juga haruslah dibuat supaya sistem yang diwujudkan *reliable*. Kalau tidak *reliable*, susah juga negara ini, tetapi kita juga dapat tahu mustahil untuk mengadakan satu sistem yang 100% *reliable*. Kalau kita buat 100% *reliable*, harganya terlalu tinggi. Jadi apa yang Tenaga Nasional harus buat ialah membuat satu sistem yang sebaik-baiknya dengan harga yang berpatutan. Sebaliknya, prosedur mereka adalah patut juga sekiranya berlaku *breakdown* seperti yang telah berlaku tahun lalu, pemulihan itu dapat disegerakan supaya *damage* kepada ekonomi kita pada keseluruhannya dapat dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, TNB harus dipelihara sebagai satu institusi yang *viable* dari segi kewangan dan kalau kita kaji, *various* Tenaga Nasional sebenarnya tidak berganjak dari tahun 1997. Dalam Dewan yang mulia ini, jika kita telah membahaskan, kita telah mempertikaikan banyak badan lain yang mendapat peningkatan tarif seperti PLUS dan pelbagai lagi yang lain dan kalau kita kaji, sebenarnya tarif Tenaga Nasional ini telah bermula daripada 22.2 sen kepada 1984 sendiri. Ini bermakna, dalam masa 20 tahun tarif tenaga ini hanya naik 5%. Kalau kita kira dari *real term*, sebenarnya tarif ini telah menurun kepada 14 sen sahaja dan ini telah disebabkan harga minyak dan harga bahan apinya telah naik, *cost of capital* telah juga naik, malangnya Tenaga Nasional telah buat banyak pinjaman dalam mata wang Euro dan Yen dan kini mereka telah pun ada *exposure* di sini. Inflasi dalam masa tujuh tahun kebelakangan ini telah naik 17% sehinggakan mereka mendapat rating BBB. Kalau kita banding di Thailand, mempunyai

rating A- dan kalau jiran kita di bawah sana iaitu Singapura – AA+. Jadi kalau kita dapat mewujudkan satu tarif di mana *all the stakeholders* dalam industri ini dapat memainkan peranan dan dapat menikmati satu sistem yang *reliable*, saya rasa kita boleh berjalan ke depan dan kalau TNB dapat menjadi satu syarikat yang *viable*, ini juga menguntungkan semua *shareholders* dia.

Tuan Yang di-Pertua, barangkali kalau kita mencadangkan satu tarif yang naik, orang akan melompat kerana orang yang miskin barangkali akan tersepit. Di sini satu *domestic life line tariff* telah diwujudkan oleh tenaga yang dihadkan kepada 200 kilowatt hours sebulan. Kita boleh mencadangkan ini diturunkan kepada 100 kilowatt hours sebulan dan kalau ini dilakukan, ini masih dapat dinikmati oleh lebih kurang 1.3 juta pengguna. Kalau 100 kilowatt hour per month, maknanya bayaran bil hanyalah RM23 sebulan dan saya rasa lebih tepat sasarannya kalau kita dapat memberi *domestic life line tariff* ini kepada tahap yang di sini. Subsidi kepada pengguna tinggi juga sebaliknya pula, kita harus kaji juga. Mereka yang dapat diskaun yang banyak ini pun seperti Steel Perwaja, mereka juga merupakan orang yang banyak berhutang dengan Tenaga Nasional. Kalau dikumpulkan hutang mereka lebih kurang RM800 juta setakat ini. Di sini barangkali, kajian hanyalah ditumpukan kepada mereka yang betul-betul bergantung kepada harga elektrik yang lebih rendah iaitu seperti *hotel industry*.

Jadi di sini, ekoran daripada seruan Baginda, saya ingin mengesyorkan satu kajian bebas mengenai *tariff reform* dibuat, barangkali boleh diterajui oleh Energy Commission sendiri iaitu Suruhanjaya Tenaga dan kos ini bolehlah dibiayai oleh satu tabung yang telah pun diwujudkan iaitu Tabung Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik di mana sumbangannya telah dapat diperolehi dari semua IPP di dalam Semenanjung. Setakat ini dana terkumpul telah melebihi RM200 juta. Bolehlah kerajaan menggunakan sedikit daripada wang ini untuk membuat satu kajian bebas.

Diingatkan di sini Tuan Yang di-Pertua, apabila Tenaga Nasional Berhad dahulu diapungkan di Bursa Malaysia formula tarifnya merupakan yang *simple* sahaja, iaitu  $CPI - M + Y$ . Maknanya *cost of production index minus efficiency plus cost of fuel*. Kalau kita tengok ini telah dimasukkan dalam prospektus dalam Tenaga Nasional apabila diapungkan tetapi apabila diluluskan satu kenaikan tarif 1997 dahulu, tidak mengambil

kira apa yang telah *what was represented in this prospectus of Tenaga* dengan izin. Jadi sedikit sebanyak *its not like the real misrepresentation there*.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] **mempengerusikan Mesyuarat**]

Jadi kalau kita kaji balik, kita ulang balik, kalau dibandingkan tarif-tarif dengan jiran-jiran kita, kalau Tenaga sekarang tarifnya 0.23.4 sen, Filipina tarif puratanya 0.39 sen satu kilowatt, Singapura 0.35 sen, Jepun 0.64.5 sen dan Hong Kong 0.42.9 sen. Jadi di sini saya rasa eloklah kalau kerajaan dapat membuat kajian bebas ini sebab akhirnya ini dapat memberi enjin pembangunan ekonomi kita dengan pesat.

Satu lagi masalah yang kerajaan harus hadapi ialah harga yang telah ditetapkan untuk gas iaitu RM6.40 satu milion BTU kerana tidak lama lagi gas yang datang daripada JDA (*Joint Development Agreement*) dengan Thailand ataupun gas yang datang dari Pulau Natuna akan didaratkan dan di sini harganya USD2 per milion BTU dan kerajaan harus berdepan dengan masalah ini, sama ada boleh dapat mempertahankan RM6.40. Selain daripada itu.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sila gulung Yang Berhormat.

**Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz:** .....sekiranya tarikh ini diluluskan.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, sila gulung.

**Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz:** Ya, saya hendak gulung. Sekiranya tarikh ini diluluskan *specific covenant*, dengan izin haruslah dikenakan kepada TNB supaya terus meninggikan kecekapan mereka seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Ketereh tadi. Tarif ini juga harus diambil kira untuk menggalakkan *renewable energy source*.

Selain daripada itu kajian mendalam ini harus juga mengambil kira tenaga nuklear, walaupun kita tahu, kita di Asia Tenggara ini harus dikekalkan sebagai *nuclear free zone* tetapi saya rasa negara kita perlu mengadakan satu *knowledge base* mengenai *nuclear power* ini sekiranya satu hari nanti kita memerlukan *nuclear power*

untuk penjanaan kuasa. Jadi dengan itu, sekian sahaja hujah saya Tuan Yang di-Pertua dengan itu saya mohon menyokong. Sekian terima kasih.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada lebih kurang 12 orang hendak berucap. Saya ingat semua ada peluang. Bagan.

### **5.33 ptg.**

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bencana Tsunami 26 Disember tahun lepas telah berlaku tiga bulan. Kerosakan harta benda dan pengorbanan nyawa-nyawa baik di negara kita atau negara luar masih membawa kesedihan dan kesengsaraan. Terima kasih kepada semua lapisan rakyat yang menunjukkan simpati dan murah hati menghulurkan derma-derma dari segi kewangan dan barangan.

Kerajaan juga berjanji hendak membantu mangsa-mangsa yang terlibat dalam bencana Tsunami, antaranya bayaran ihsan dan pertolongan perkakas kepada penternak-penternak ikan dalam sangkar. Kerajaan telah berjanji akan memberi pampasan RM2,400 kepada setiap penternak yang terlibat tetapi janji belum ditunaikan. Tiga minggu lalu saya telah pergi melawat kawan-kawan di Tanjung Piandang dan Kuala Kurau di Perak.

Nelayan-nelayan dan penternak-penternak ikan dalam sangkar mengadu mereka belum dapat apa-apa bantuan ihsan atau pertolongan dan wang RM2,400 satu keluarga atau seorang penternak tidak cukup pun untuk upah membaiki bangsal-bangsal yang rosak itu. Itu pun belum sampai ke tangan penternak-penternak ikan. Tetapi pemimpin-pemimpin kita bercita-cita hendak membantu membina semula bandar Aceh seperti konsep Putrajaya. 'Kera di hutan disusukan, anak di rumah mati kelaparan'.

**Seorang Ahli:** *[Ketawa]*

**Cik Fong Po Kuan:** *[Tepuk]*

**Tuan Lim Hock Seng:** Saya bertanya bilakah pampasan itu atau bantuan ihsan RM2,400 ini boleh disampaikan kepada penternak-penternak ikan dalam sangkar?

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman di Tanjung Piandang ada enam orang yang terlibat dengan bencana ini dan di Kuala Kurau ada 15 orang dan berjumlah 21

orang kesemuanya. Tidak tahu berapa banyak lagi yang belum mendapat pampasan di tempat-tempat selain daripada di Tanjung Piandang dan Kuala Kurau.

Tuan Yang di-Pertua, lanun-lanun di perairan Malaysia kini sering berlaku di negara kita. Peristiwa lanun-lanun menculik bot dan nelayan dan juga *vesse/* perdagangan sering berlaku di perairan kita. Pada tahun 2004, terdapat satu kes rompakan dan lapan kes penculikan. Dalam tahun ini sahaja sudah berlaku empat kes penculikan iaitu pada 28 Februari, bot dari Sarawak 'Hyaline' 26 diculik 50 kilometer dari Tanjung Piandang. Wang pampasan RM100,000 tebusan telah dibayar dan orang-orang yang diculik itu telah dibebaskan. Pada 12 Mac tahun ini di Selat Melaka sebuah kapal LPG ditahan dan kapten-kapten serta *engineer* juga diculik.

Baru-baru ini, *tugboat* dari Jepun juga telah diculik. Dua tiga hari dahulu di Semporna Sabah sebuah lagi *tugboat* telah ditahan dan dilarikan oleh kumpulan bersenjata. Kerajaan mula pandang serius dan memberi perhatian kerana tekanan dari pihak negara yang diculik iaitu mungkin Jepun dan antarabangsa. Tetapi apabila kes-kes sebelum *tugboat* Jepun ini diculik, bot nelayan di Sipitang diculik tiada seorang pemimpin negara pun ada membangkitkan hal ini. Saya telah membuat satu ucapan penangguhan pada tahun lepas, iaitu 5 Julai 2004 dan dalam jawapan kepada ucapan penangguhan saya itu, kerajaan menegaskan, kerajaan ada kemampuan untuk mempertahankan perairan kita tetapi nampaknya cakap sahaja dan masih berlaku lagi penculikan-penculikan di negara kita ini.

Kelmarin Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah berkata, kerajaan perlu mengambil berat tentang penculikan di perairan kita sekiranya tidak, campur tangan akan berlaku dari negara-negara terbabit atau antarabangsa akan campur tangan dan masa itulah mereka ada sebab untuk masuk ke perairan negara kita dengan dikatakan untuk memberkas atau hendak menghalang lanun-lanun ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada tajuk perjudian Empat Nombor Ekor. Di Malaysia sesiapa juga boleh menjadi jutawan atau sekurang-kurangnya mendapat durian runtuh dalam sekelip mata. Di negara kita juga ada ramai orang bunuh diri dengan menggantung diri, lompat sungai atau jambatan dan juga lompat menara dan lain-lain.

Ada juga kalau tidak mati dikejar oleh along-along kerana hendak cari duit yang banyak rugi dan yang telah kalah, maka berlakulah tipu helah, curi, rompak dan juga ada yang menjadi pelacur dan lain-lain jenayah. Ini salah siapa? Siapa yang menggalakkan kegiatan ini? Kerajaan yang melaung-laungkan nilai agama. Baru-baru ini banyak mendengar Islam Hadhari di antara 10 prinsip utama ialah keutuhan budaya dan moral tetapi di kedai-kedai nombor ekor yang berlesen ada papan tanda orang Islam dilarang bermain judi. Ini bermakna orang bukan Islam mati tidak mengapa, ini tipu helah. Cuba tengok pelanggan-pelanggan di kedai nombor ekor, semua bangsa ada, Melayu ada, China ada, India ada, dan ini bukan terhad kepada satu kaum sahaja.

Pada masa dahulu hanya Sabtu dan Ahad ada cabutan tetapi sekarang ada cabutan tambahan pada setiap Selasa dan bukan satu syarikat sahaja tetapi ada empat syarikat, iaitu Tamachai, 4D, 3D, Magnum dan Toto. Cuba mengimbas setiap kali apabila pihak polis menumpaskan kegiatan judi nombor ekor haram dikatakan bernilai berjuta-juta. Sekiranya ditambah yang berlesen maka sekali membuka cabutan berapa ratus juta telah ditaruh dalam perjudian ini. Rakyat Malaysia memang kaya, kalau hendak berjudi, halal dan haram itu judi yang sama juga.

Sekarang pula ASTRO akan menyiarkan secara langsung lumba kuda, tambahan judi bola sepak dan lain-lain perjudian. Saya bertanya di sini, adakah kerajaan begitu miskin sehingga hendak bergantung kepada cukai judi untuk hidup? Sekiranya begitu, halalkan dan mengeluarkan lesen judi lumba anjing, judi bola sepak, judi lumba kuda, slot mesin atau mesin kuda dan apa-apa sahajalah jenis perjudian. Biar kerajaan mengorek lubang besar-besar dan biarkan rakyat melompat masuk ke dalamnya. Adakah kerajaan bercadang hendak mengurangkan dan seterusnya mengharamkan semua jenis perjudian demi menyelamatkan tabiat dan akhlak rakyat?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit masalah berkenaan orang-orang kampung atau kita tidak boleh panggil mereka setinggan. Kalau setinggan mereka ini adalah penduduk-penduduk di atas tanah orang lain tanpa berlesen tetapi ini penyewa tanah. Pada masa sekarang mahkamah diperalatkan untuk menghalau penduduk-penduduk kampung bagi kepentingan pemaju-pemaju perumahan. Sebelum wujudnya sebuah bandar baru atau taman perumahan kebanyakan tapak itu diduduki oleh orang-orang kampung iaitu penyewa tanah dengan rumah-rumah kampung.

Oleh kerana keuntungan yang lumayan ramai pemaju-pemaju sanggup membeli tanah yang berpotensi dan dirancang sebagai satu taman baru. Pada masa dahulu pemaju akan berbincang dengan orang-orang kampung dan sejumlah pampasan dipersetujui antara kedua-dua pihak dan selesailah masalah untuk mengosongkan tapak. Tetapi pada masa sekarang kebanyakan pemaju-pemaju memilih hendak pergi ke mahkamah untuk mendapat perintah mengosongkan tapak kerana ada presiden kes di mana mahkamah tinggi telah menjatuhkan keputusan mengarah orang-orang kampung atau penyewa tanah keluar dari tapak tanpa mendapat apa-apa pampasan. Maka semua *section courts* dan *magistrate courts* pun turut ikut teladan dan orang-orang kampung susah hendak memenangi kes-kes seperti ini.

Saya merayu kepada pihak kerajaan supaya menggubal satu undang-undang di mana pemaju-pemaju perumahan perlu berusaha, berbincang dengan penyewa-penyewa tanah sebelum diserahkan kepada mahkamah untuk dibicarakan. Alangkah baik kalau boleh menetapkan satu jumlah minimum bagi ganti rugi merobohkan rumah-rumah mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada lebih kurang tahun 1990 undang-undang membenarkan tuan tanah menggunakan kuasa munasabah untuk mengusir penyewa-penyewa tanah keluar dari tapak, iaitu dengan izin, *land lord can use reasonable force to evade the tenant*, maka berlakulah insiden *Thian Teck Estate* di Pulau Pinang. Dalam kes ini pemaju mengusir penyewa tanah tanpa persetujuan. Berlakulah pergaduhan dan kekacauan dan pasukan FRU turut dipanggil. Seorang suri rumah terkena peluru dan mati.

Selepas itu, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri di Pulau Pinang membuat usul di Dewan Undangan Negeri meminta meminda undang-undang di mana sebelum pemaju merobohkan rumah-rumah mereka perlulah pergi ke mahkamah untuk mendapatkan perintah dan satu undang-undang, iaitu *Specific Relieve Act* telah digubal. Sekarang, kerana pemaju-pemaju banyak mengambil kesempatan kemudahan mahkamah maka mereka mencari jalan pintas dan akhirnya orang-orang kampung yang menderita.

Justeru itu, saya minta kerajaan memberi perhatian kepada perkara ini supaya orang-orang kampung tidak ditindas dengan sewenang-wenangnya, iaitu melalui tindakan untuk mengusir mereka keluar dari tanah-tanah.



Tuan Yang di-Pertua, masalah diesel pada masa sekarang semua tempat kekurangan diesel dan ramai Ahli-ahli Yang Berhormat pun telah membangkitkan perkara ini. Di atas darat, iaitu diesel yang digunakan oleh kenderaan-kenderaan, saya nampak ada berlaku masalah di satu, dua tempat dan bukan selalunya berlaku di sepanjang 30 hari dalam sebulan. Saya hendak mempertikaikan mengenai subsidi diesel ini sepatutnya perlu dinikmati oleh nelayan-nelayan tetapi saya pasti semua wakil rakyat di mana kawasan mereka terlibat dengan pantai atau ada nelayan-nelayan, mereka selalu mendapat pengaduan bahawa walaupun ada subsidi untuk diesel tetapi diesel ini tidak sampai ke tangan nelayan.

Mereka terpaksa membeli diesel industri dari pemborong-pemborong dan ini memberatkan tanggungjawab mereka sebab sekarang hasil laut tidak banyak. Apabila mereka hendak membelanjakan RM200 hingga RM300 sekali keluar ke laut, kalau mereka dapat hasil laut, mereka bolehlah dapat sedikit keuntungan, kalau tidak dapat hasil, maka habislah kos atau perbelanjaan mereka ini. Jadi, saya merayu kepada kerajaan supaya memandang berat tentang diesel yang perlu dinikmati oleh nelayan-nelayan di seluruh negara kita ini, iaitu membekalkan diesel dengan subsidi, iaitu diesel yang pada harga lebih kurang 86 sen seliter kepada nelayan-nelayan ini.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya hendak membawa satu masalah iaitu apa terjadi kepada kerajaan kita ini? Nampaknya ada jenayah berlaku, ada tipu helah berlaku, ada yang merompak harta kerajaan dan di daerah saya atau di kawasan saya, Jalan Federal atau Federal Road pun boleh digali pada waktu malam untuk mendapat tentenium iaitu sejenis metal dan pada dahulu tidak ada orang mahu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tantenium!

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Tantenium. Sekarang ia berharga dan pada waktu malam dan tengah malam pukul 2 hingga pagi mereka boleh korek Federal Road ini dan membawa keluar Tantenium dan selepas membawa gali keluar Tantenium mereka tutup dengan batu dan membuat balik jalan. Saya menelefon jurutera daerah Seberang Perai Utara, saya bertanya kepada beliau adakah kontraktor-kontraktor ini mendapat permit untuk mengorek kerajaan punya jalan dia kata memang ada permit dikeluarkan untuk kontraktor menggali Tantenium ini dari jalan itu. Saya pun hairan.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, cukup Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Ya, sedikit sahaja. Jalan ini elok, rata tetapi selepas dikorek, di kambus balik dengan batu dia sudah jadi satu jalan yang tidak elok.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, cukup Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Jadi tidak tahulah, jadi mana dan dari mana atau jadi mana ini kerajaan sudah jadi begini dan saya berharap pihak JKR boleh menyiasat perkara ini dan jikalau tidak boleh dijalankan jangan dibicarakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup Yang Berhormat, cukup.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Ya, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Bagi membolehkan semua berucap, sekarang saya hendak hadkan minta dihabiskan 15 minit Yang Berhormat supaya perkara yang disentuh sebelum ini tidak payah disentuh, ya Bukit Mas.

#### **5.52 petang.**

**Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas]:** Selamat petang Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih di atas peluang yang diberi kepada saya untuk mengambil bahagian menyokong perbahasan menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Sri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang dipersembahkan oleh ahli Dungun dan di sokong oleh ahli Ayer Hitam sempena Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Parlimen pada 21 Mac 2005. Titah Ucapan Di-Raja yang meliputi pelbagai aspek itu, perlu dijadikan pedoman dan iktibar dalam usaha untuk menjayakan hasrat dan cita-cita wawasan negara.

Tuan Yang di-Pertua, dasar pembangunan seimbang yang digariskan oleh Kerajaan Barisan Nasional menjadi impian dan harapan rakyat terutama di luar bandar Sarawak termasuk di kawasan Bukit Mas yang saya wakili. Kita telah merdeka lebih 50 tahun dan hanya tinggal 15 tahun sahaja bagi negara dan rakyat mencapai Wawasan 2020. Persoalannya sejauh manakah tahap pencapaian menjelang tahun 2020 nanti?

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, tempoh selama 15 tahun akan datang amat penting bagi kita untuk memastikan kejayaan wawasan negara.

Tuan Yang di-Pertua, bagi negeri Sarawak amnya dan kawasan Bukit Mas khususnya memerlukan perhatian khusus kerajaan persekutuan agar dapat menyalurkan peruntukan kewangan yang lebih besar dalam RMK9 bagi tujuan menseimbangkan keadaan dan sekali gus mengatasi masalah rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Sri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di dalam titah ucapan menyentuh tentang pertanian bertaraf kecil yang harus tidak diketepikan. Membuktikan keprihatinan Sri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan pucuk pimpinan negara kepada rakyat jelata, di Sarawak golongan ini merupakan yang terbesar bertaburan di merata-rata tempat, tanah yang mereka miliki luas tetapi hasil yang diperolehi daripada jerih usaha adalah kecil malah tidak mencukupi menyebabkan kemunduran dan kemiskinan di kalangan masyarakat petani luar bandar. Untuk mengatasi masalah saya merayu kepada kerajaan dan Kementerian Pertanian supaya melipatgandakan usaha pegawai-pegawai turun padang memberi galakkan dan petunjuk kepada petani-petani agar menjadi petani moden menggunakan segala kemudahan dan kepakaran yang ada untuk meningkatkan hasil dan produk mereka sekali gus mengurangkan import makanan negara. Tindakan seperti ini perlu di samping menggalakkan usaha berskala besar dalam bidang pertanian untuk mencapai tujuan mengimbangkan import bahan makanan daripada luaran.

Di Sarawak disebabkan kekurangan peruntukkan usaha untuk memperluas dan memodenkan pertanian ini agar dapat menarik minat golongan muda melibatkan diri dalam bidang tersebut agar terhad, contoh saya telah mengenal pasti dan kemukakan kepada pihak kementerian pertanian satu cadangan dalam bentuk kertas kerja bagi memperluaskan kawasan penanaman padi di kampung Long Tuan di daerah Lawas dari 20 hektar yang diusahakan oleh petani sekarang ke 200 hektar hingga sekarang belum mendapat maklum balas daripada pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, pencapaian pendidikan bagi pelajar-pelajar luar bandar khususnya di Sarawak termasuk di kawasan Bukit Mas masih rendah dan jauh ketinggalan berbanding pencapaian pelajar-pelajar di lain-lain tempat. Berlaku keciciran *drop out* dengan izin, menyebabkan ramai penganggur di kalangan remaja luar bandar.

Bagi meningkatkan prestasi dan pencapaian pendidikan pelajar-pelajar luar bandar, saya merayu kepada Kementerian Pelajaran mempercepatkan lagi proses prasarana pendidikan di Sarawak seperti bangunan sekolah baru yang belum dilaksanakan, asrama, makmal dan pra sekolah. Saya telah difahamkan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, hanya 4 buah sekolah baru yang sempat dilaksanakan di seluruh Sarawak.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sri Gading bangun Yang Berhormat .

**Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas]:** Ya, silakan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya Masa Gading.

Tuan Henry Sum Agong: Bukit Mas.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Bukit Masa. Nama Bukit Mas Tuan Yang di-Pertua, cantik, apakah kelembapan, kalau saya boleh gunakan perkataan 'kelembapan' pembangunan di Bukit Mas ini kerana tidak ada kemudahan perhubungan yang baik. Bukit Mas ini dalam negeri Sarawak tetapi saya difahamkan benar atau tidak Wallahualam, saya belum sampai. Hendak pergi Bukit Mas kena lalu Kota Kinabalu, kena lalu Sabah, betul atau tidak ini? Jadi agaknya itulah sebabnya maka pembangunan di Bukit Mas ketinggalan. Kasihan, nama bukan main cantik, Bukit Mas tidak ada yang secantik lagi. Kalau dibandingkan dengan Kepong lebih baiklah nama Bukit Mas tetapi sayangnya nama yang indah begini pembangunannya seperti yang dirintihkan, apa pendapat Yang Berhormat?

**Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas]:** Terima kasih Sri Gading, Bukit Mas tinggal mas sahaja dan tidak dijadikan hasil atau wang ringgit. Sebenarnya Bukit Mas ini namanya terdapat daripada satu bukit yang sebenarnya di belakang Bandar Limbang itu sahaja. Kebetulan nama bukit itu ialah Bukit Mas.

Memang di kawasan Bukit Mas, kita tidak mempunyai hubungan yang baik. Kalau pergi ke sana sini termasuk melintasi Brunei Kecil kami panggil di sana iaitu daerah Temburong, Brunei Kecil untuk ke Limbang ataupun ke Lawas menggunakan

pasport. Begitu juga kalau ke Miri, di bahagian kita Sarawak, kita perlu melalui Brunei Kecil dan Brunei Besar.

Kalau sampai ke Miri, kemungkinan 10 jam menggunakan kenderaan. Maka, itu sebab kita di Lawas selalu menggunakan, kalau pergi ke Kuala Lumpur ini, menumpang Lapangan Terbang Kota Kinabalu. Oleh itu, kita mengucapkan terima kasihlah kepada rakan-rakan kita di Sabah. Saya teruskan. Oleh itu, adalah diharapkan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan nanti, kesemua yang dirancangan iaitu kemudahan prasarana pendidikan ini termasuk yang belum dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan akan dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, minggu lepas saya sempat melawat ke kawasan Bario dan penduduk-penduduk di sana melahirkan harapan agar kerajaan mengambil langkah untuk membekalkan elektrik ke kawasan mereka. Sebenarnya, semua rumah di Bario telah pun dilengkapi dengan talian elektrik ataupun *internal wiring*, dengan izin. Malangnya penjanaan elektrik yang diharapkan melalui sebuah hidro yang telah dilaksanakan oleh kerajaan gagal membawa apa-apa faedah kepada rakyat di sana. Sehubungan perkara ini, saya mencadangkan supaya kerajaan mencari alternatif bagi pembekalan elektrik ke Bario dan kawasan-kawasan di mana *Rural Electricity Scheme* (RES) tidak dapat sampai seperti di tanah tinggi Ba'kelalan, Long Semaduk, Long Sukang dan di Ulu Limbang dalam kawasan Parlimen Bukit Mas.

Di antara alternatif penjanaan elektrik yang dicadangkan ialah melalui kaedah mikro hidro, solar dan angin ataupun *wind*, dengan izin. Saya mohon kepada pihak yang terbabit supaya mengenal pasti kaedah yang terbaik untuk pelaksanaan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah membangkitkan dalam Dewan yang mulia ini, berhubung dengan pembinaan jambatan di Sungai Terusan, Sungai Pengalih dan Sungai Pendaruan di sepanjang jalan Pan Borneo Highway di bahagian Limbang. Jawapan yang telah diberi oleh Kementerian Kerja Raya bagi pelaksanaan jambatan Sungai Terusan dan Sungai Pendaruan perlu menunggu perundingan dan penyelesaian masalah sempadan Sarawak dengan Brunei. Sementara jawapan bagi menggantikan jambatan gantung Sungai Pengalih yang telah dibina di bawah Colombo Plan dulu yang sudah uzur dan terdapat retakan perlu menunggu kelulusan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai penghubung di antara tiga wilayah, Sarawak, Brunei dan Sabah, Jalan Persekutuan ini harus dilihat sebagai satu jalan raya yang penting dan diberi perhatian serta keutamaan. Bersabit dengan perkara ini, saya ingin bertanya kepada Kementerian Kerja Raya, tidakkah ada persetujuan yang telah dicapai dengan pihak Brunei sebelum jalan raya ini dibina dan sekiranya perlu menunggu penyelesaian perundingan di antara kedua-dua pihak, bilakah jambatan tersebut dapat dilaksanakan?

Melihat kepada masalah inilah, timbul cadangan untuk mengadakan Jalan Raya Persekutuan kedua atau *bypass* dari Long Lama Baram ke Limbang, Lawas, Sipitang Sabah. Sehubungan ini, saya ingin bertanya apakah perkembangan kajian yang telah dijalankan oleh pihak konsultan yang dilantik bagi memudahkan perjalanan melalui Highway Pan Borneo ini dan untuk memberi imej yang baik terhadap kerajaan, saya mohon supaya ketiga-tiga jambatan tersebut di atas mendapat kelulusan pelaksanaan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Tuan Yang di-Pertua.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Minta gulung Yang Berhormat.

**Tuan Henry Sum Agong:** ..... saya ingin merayu kepada kerajaan dan Kementerian Kesihatan untuk meneruskan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, cadangan pembinaan hospital baru daerah Lawas yang mana telah diluluskan di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Pembinaan hospital ini penting memandangkan bangunan hospital yang ada sekarang sudah uzur, malah pada suatu ketika dahulu, disebabkan terdapat retakan dan kesan tidak stabil bangunan tersebut, ianya telah disyorkan oleh pihak JKR untuk ditutup dan tidak selamat dipakai. Sekarang pihak hospital sedang menyewa dua buah lot kedai untuk dijadikan klinik dengan kadar sewa yang tinggi dan tidak menguntungkan bagi jangka masa panjang. Selain itu Tuan Yang di-Pertua, sebuah klinik desa dipohonkan untuk kawasan Gadong di daerah Limbang.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Kesihatan telah menjanjikan rawatan untuk pesakit-pesakit buah pinggang di kedua-dua hospital daerah Limbang dan Lawas. Tetapi, sehingga sekarang perkhidmatan ini belum disediakan. Saya ingin tahu apakah yang menyebabkan perkhidmatan ini tertangguh sekian lama.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, sebuah lapangan terbang baru dicadangkan untuk daerah Lawas bagi menampung pendaratan kapal terbang jenis F 50. Ini penting memandangkan kedudukan *geographical* daerah Lawas yang agak terasing dari lain-lain kawasan di Sarawak. Perhubungan yang ada sekarang bergantung kepada perkhidmatan penerbangan *Twin Otter* dari Miri yang tidak mencukupi bagi memenuhi keperluan pengguna yang kian bertambah. Selain itu, perhubungan jalan raya melalui Brunei ke Limbang, ini yang saya sebutkan tadi dan Miri tidak begitu menarik pengguna jalan kerana masalah pasport yang diperlukan dan perjalanan memakan masa terlalu lama.

Oleh yang demikian, adalah wajar bagi sebuah lapangan terbang baru dibina di daerah Lawas untuk memberi kemudahan penerbangan yang mencukupi bukan sahaja untuk penduduk-penduduk Lawas bahkan dari kawasan sekitar seperti daerah Sipitang Sabah yang berdekatan, Kalimantan Indonesia yang ada berurusan di Sarawak dan lain-lain tempat.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pendapat bahawa pembinaan prasarana khusus dalam bidang pembelajaran seperti sekolah teknik, kolej guru, IKMS dan lain-lain tidak seharusnya tertumpu di kawasan bandar sahaja. Oleh itu, saya mencadangkan kepada kerajaan dan kementerian berkenaan supaya merancang untuk menempatkan sebuah sekolah teknik dan kolej guru di kawasan utara negeri Sarawak agar dapat membawa perubahan menjadikan kawasan pinggir bandar menarik, di samping memberi peluang dan kemudahan kepada golongan pelajar luar bandar terutama dari bahagian Limbang dan dari daerah Sipitang, Sabah untuk berkongsi kemudahan yang akan disediakan. Saya gulung Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil peluang ini mengucapkan terima kasih kepada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) kerana telah mengumumkan baru-baru ini, cadangan persempadanan kawasan pilihan raya atau *redelineation exercise*, dengan izin bagi negeri Sarawak. Sebanyak lapan kerusi baru untuk DUN dan tiga kerusi Parlimen menjadikan jumlah kerusi DUN di Sarawak 70 dan Parlimen 31. Salah satu kawasan yang terbabit dalam *exercise* ini adalah Parlimen Bukit Mas yang akan dibahagi dua dengan dua kawasan DUN bagi setiap kawasan Parlimen yang baru itu. Rakyat di Bukit Mas mengalu-alukan perkembangan terbaru ini dan mengucapkan

penghargaan dan setinggi-tinggi terima kasih kepada kerajaan dan SPR. Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ketereh.

**6.09 ptg.**

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim* dan *Assalamualaikum Warahmatulahi Wabarakatuh*. Daripada teks yang dahulunya dua jam, saya potong jadi satu jam, saya potong jadi setengah jam. Hari ini, saya tidak payah pakai tekslah, sebab ada hanya 10 minit. Tetapi, saya hanya akan bercakap tajuk-tajuk kecil yang tidak disentuh oleh kawan-kawan. Kawasan Ketereh adalah kawasan pertanian Tuan Yang di-Pertua. Kawasan saya adalah kawasan KADA. Pengundi saya 90% adalah petani, 10% adalah peniaga.

Isu utama saya hari ini adalah isu pertanian dan saya harap ia mendapat perhatian daripada pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Yang pertama, dulu menteri sebut, saya sebut, BERNAS ini bila dia potong padi, bila petani tanam padi, bila jual padi tidak boleh dijual kepada orang lain, hanya boleh dijual kepada BERNAS sebab undang-undang di negara kita hanya membenarkan BERNAS yang boleh jaga padi dan beras negara kita, orang lain boleh tetapi *sub-license* daripada BERNAS. Itu dasar, selagi ada bulan, selagi ada matahari, selagi ada bintang, selagi itulah BERNAS kecuali kita ubah.

Dulu bila petani jual padi, BERNAS akan potong .... potong ini kononnya potong untuk kelembapan padi ataupun potong padi basah. Dia potong sahaja – kadang-kadang 40, kadang-kadang 30, kadang-kadang 25 kilo per 100 kilo. Lalu menteri sebut dalam satu perhimpunan petani – perhimpunan besar di Kuala Lumpur, menteri kata tidak wajar potong tanpa menggunakan satu alat – main tengok sahaja, basah, pegang, potong, pegang, basah, potong, pegang, basah, potong. Lalu sekarang ada satu alat baru .... selepas menteri cakap macam itu, ada satu alat. Nama alat ini .... saya ada pergi tengok, *Digital Grain Moisture Meter*, iaitu satu meter untuk menyukat darjah *moisture* yang ada dalam padi, dia ukur, masukkan dalam padi itu, bila keluar tercatit 30, maka dipotong 30 kilo; keluar 25 potong 25 kilo; keluar ..... dia ikut meter itu.



Petani tidak puas hati lagi, maka saya pergi semak. Saya kata, sekering-kering padi, selepas kita masukkan padi ke dalam *dryer* selama 32 jam, berapakah *moisture content* dalam padi ini? Bila kita semak, minimumnya ..... [*Menoleh ke tempat duduk Yang Berhormat Mambong*] Yang Berhormat Mambong tidak ada hari ini, 15 peratus – sekering-kering padi selepas 32 jam kita masukkan ke dalam *dryer*, masukkan meter tadi, catatannya mesti keluar 15 atau paling kering pun 12.5. Maknanya tidak ada padi yang kosong keringnya sebab kalau padi ini kosong keringnya, bila kita mesin padi untuk dijadikan beras, beras itu menjadi hancur, tidak boleh dimakan, dia jadi kenukut .... kena bagi makan kepada ayam atau khinzir atau babi .... *I don't have to be apologetic about this.*

Maknanya, kalau BERNAS baca meter itu 30, maka dipotong 30 kilo. Itu adalah tidak betul sebab sekering-kering padi mesti ada 15. Sepatutnya jika dibaca 30, potong 15 kilo. 15 kilo, satu kilo harganya RM1.85, kalau potong 15, maknanya RM15, potong 30 maknanya petani rugi RM30. Jadi apa maknanya tanam padi kalau belum apa-apa lagi sudah dipotong? Itu satu.

Lalu saya buat lagi kajian ..... saya Pengerusi Pertubuhan Peladang, Tuan Yang di-Pertua, sudah puluh tahun menjadi Pengerusi Pertubuhan Peladang Sungai Ketereh .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tapi baru tahulah Yang Berhormat.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** Oh, saya sudah cakap dulu, mungkin giliran orang lain.

Saya buat kajian, petani di kawasan saya buat tanaman padi, kos untuk tanam padi bagi satu hektar ialah RM1,866 termasuk kos benih, kos baja, baja tambahan, tenggala, mengetam, racun dan lain-lain – RM1,866 satu hektar manakala pendapatan ..... termasuk yang dipotong tadilah, RM2,876. Maknanya mereka dapat lebih kurang RM1,000 dalam masa enam bulan – kawasan saya buat penanaman dua kali setahun, enam bulan hanya dapat RM1,000. Kalau enam bulan bahagi RM1,000, berapa ringgit sebulan? Itulah yang petani dapat! Saya tanya lagi apa yang petani dapat? Itu sudah masuk subsidi.

Jadi, saya tanya petani, bila tanam padi ini siapa yang mendapat duit? Dia kata yang dapat duitnya, nombor satunya ialah orang jual baja; nombor dua, orang jual racun; nombor tiga, orang yang ada kereta tenggala; nombor empat, orang yang ada kereta mengetam; nombor lima, orang yang ada lori; nombor enam, orang yang membeli padi. Apa yang petani dapat? Yang petani dapat hanya subsidi padi – kalau kerajaan tidak beri subsidi, petani tidak boleh tanam padi.

Maka cadangan saya ..... petani dok bercakap dengan saya, “Yang Berhormat, tolonglah bercakap dalam Parlimen, kena buat sesuatu. Tolonglah ..... [*Memerhati ke arah tempat duduk pegawai bertugas*] mana Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ni? Pegawai ada? Tolong bagi tahu, pertama, harga upah tenggala mesti murah .... oh, menteri tolong. Tahun lepas menteri datang ke kawasan saya, Parlimen Ketereh, saya himpulkan 7,000 petani, 30 tenggala diatur ..... yang baru, setiap satu berharga RM100,000 - RM100,00 kali 30, berapa juta? Hendak bagi percuma kepada petani, bagi.

Saya pun sebagai Pengerusi Pertubuhan Peladang menunggu kereta tenggala ini datang sebab bila tenggala ini diberi oleh kerajaan, kos tenggala mesti murah. Rupa-rupanya tidak diberi kepada petani tetapi diberi kepada Lembaga Pertubuhan Peladang. Lembaga Pertubuhan Peladang pula ambil kereta tenggala ini, siapa hendak gunakan boleh tetapi dikira sewa – *they make money out of this subsidy* pula. Apa jadi ini sebenarnya?

Saya *complaint* dalam mesyuarat Jawatankuasa Pertanian kepada Menteri. Menteri cakap dengan pegawai, pegawai jumpa dengan saya, “Kenapa Yang Berhormat cakap macam itu, tak kan kita hendak bagi *free*?” Yang kerajaan bagi *free* kepada jabatan, kenapa tak tanya? Kenapa kerajaan bagi *free*? Sepatutnya kerajaan bagi *free* kepada LPP, LPP pun tak payah kenakan *charge* kepada petani - harga minyak, harga upah *driver* cukuplah. Maknanya, kos tenggala jadi murah, bila kos tenggala jadi murah, petani dapat untung sebab satu kos sudah dikurangkan. Kalau kerajaan pula bagi kereta mengetam pula, kos mengetam pula murah. Kemudian kalau harga baja pula diturunkan ..... Yang Berhormat bagi Sri Gading, baja yang kerajaan bagi ialah jenis baja yang 7 beg campur dua ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Indera Mahkota bangun.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** Sila, ini kawasan petani juga, tidak mengapa, kita kawan-kawan, ahli syurga, dia baik. *[Ketawa]*

**Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat:** Yang Berhormat bagi Ketereh, setuju tak pendapat Yang Berhormat yang mana petani di Ketereh ini merupakan seumpama “peti beruk” dengan tuannya – petani ini beruk manakala keuntungan itu tuannya. Betul tak pendapat itu?

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** Beruk cerdik lagi. *[Ketawa]* Beruk ini kerjanya petik kelapa, Yang Berhormat Indera Mahkota. Upah beruk untuk memetik kelapa ini, 10 cabut 2 – maknanya 10 biji kelapa yang dipetik, dua biji untuk beruk, lapan biji untuk tuan kelapa. Kemudian beruk ini pula dapat makan kelapa muda, kemudian dapat makan kelapa tua – sebenarnya dia dapat empat biji. Tetapi petani dapat kurang daripada itu. Saya taklah nak mengatakan beruk .... istilah itu tidak baguslah, maknanya keuntungannya tidak ada sedangkan kita mahu petani mendapat pendapatan yang lebih.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, *average production* petani seluruh Malaysia sekarang ini hanya 4.5 tan. Di kawasan saya, kawasan Ketereh, kawasan peladang Sungai Ketereh, *productionnya* lebih daripada kawasan yang lain dalam kawasan KADA – *we're above* kawasan KADA – 7 tan per hektar tetapi *average* di Malaysia tidak lebih daripada 4.5 tan walaupun kerajaan kata hendak buat 10 tan, 10 tan sebab *[Terbatuk-batuk]* ..... itu satu sebab yang saya tak nak cakap panjang pun, saya diserang penyakit batuk-batuk tetapi diberi peluang bercakap ini, Insya-Allah hilanglah batuk ..... baja yang diberi sudah tidak ada kesan sebab baja yang kita bagi adalah baja *chemical*. Baja *chemical* ini sebenarnya sudah tidak ada manfaat lagi kepada kita sekarang. Saya mencadangkan kepada kerajaan, pertama, kos yang saya sebutkan tadi hendaklah dikurangkan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** *[Masuk Dewan]*

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** Duduk, hendak tanya boleh. Yang kedua, baja ini, baja tambahan ini bagi satu hektar kosnya RM200, RM300, RM70, RM80. Kena bagi baja yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Arau iaitu baja *decompose*, baja

organik yang mana adalah lebih baik. Kawasan pertanian di kawasan saya yang namanya Unit Peladang Kecil Padang Lembik ..... nama kampung itu Kampung Padang Lembik, itu yang padi menjadi agaknya, senang hendak cucuk – dia lembik, dia guna baja organik, tidak pakai baja yang kerajaan bagi sebanyak tujuh beg itu, dia dapat hasil dua kali ganda daripada kawasan yang menggunakan baja diberikan oleh kerajaan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** Saya ingat sistem pembahagian subsidi baja sekarang yang sebenarnya tidak menguntungkan petani tetapi menguntungkan pengeluar baja, Yang Berhormat bagi Sri Gading. Yang untungnya ialah tauke baja itu – RM300 juta, RM400 juta subsidi ini. Betul petani dapat *free* tetapi kalau *free* pun baja tidak mengeluarkan hasil, buat apa ada baja? Saya hendak minta kerajaan mengkaji semula, sesuai atau tidak – MARDI yang kaji atau apa-apalah Jabatan Pertanian, agar petani mendapat manfaat daripada pembahagian subsidi ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada dua yang bangun, Yang Berhormat. Masa Yang Berhormat menjawab terhad.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** Yang Berhormat bagi Jerai dulu.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Menyampuk]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Penghormatan, penghormatan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat bagi Ketereh, kita bercakap fasal baja ini sudah berpuluh-puluh tahun. Yang Berhormat pun dengan sakit, dengan batuk hari ini bercakap fasal baja lagi. Tadi Yang Berhormat bagi Kuala Krai cakap fasal R&D, kemudian kita bercakap fasal dasar pertanian, jadi sampai bila lagi kita hendak kaji fasal baja ini. Pokok dok koi tak jadi, orang koi ramai, baja kita dok import – kita punya *foreign exchange* tinggi, syarikat dia gabus pula untung ikut atas, *last* sekali pak tani yang merana.

Jadi, bolehkah Yang Berhormat syor kepada kementerian supaya buat *one final study and R&D so that the ROI will be there*. Terima kasih.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** Setuju, saya memang setuju sebab saya sudah, saya tidak tahulah saya jadi Ahli Parlimen sudah setahun lebih, tiap-tiap hari petani datang rumah, kita pula kongsi Pertubuhan Peladang. Hari Khamis ini hendak

balik hendak mesyuarat Unit Peladang. Inilah yang akan ditanya apa Yang Berhormat sudah beritahu. Saya minta sangat Kementerian Pertanian sudah jadi Kementerian utama kepada kerajaan yang ada sekarang. Tolonglah, sebab sebenarnya petanilah yang dok menyokong Barisan Nasional pun. Menangnya kita kerana rakyat kampung. Orang bandar tidak sokong.

Baru ini Barisan Nasional dapat sembilan kerusi Parlimen, 21 kerusi *state* di Kelantan pun yang dok menang kawasan hulu, kawasan bandar tidak sokong pun. Dia orang tidak sedar, sebab dia orang duduk dalam keadaan selesa, dia tidak sokong kerajaan pun api ada, tidak sokong kerajaan pun jalan ada, tidak sokong pun tidak gelap. Tetapi yang orang kampung ini kalau tidak sokong kerajaan tidak dapat jalan, tidak dapat api. Jadi saya hendak minta utamakan kawasan pertanian. Ini yang penting, mesti utamakan kawasan pertanian. Saya berterima kasih kepada Kementerian Pertanian kerana bagi peruntukan tambahan RM50 ribu, baguslah. Tetapi RM50 ribu ini macam tahi mata sahaja. RM50 ribu satu kawasan pertanian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Ada dua bangun. Masa Yang Berhormat sudah hendak habis.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** Yang Berhormat bagi Sri Gading. Bagilah sedikit, bagi.

**Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih bagi Ketereh. Hebat Yang Berhormat bagi Ketereh ini. Dalam batuk-batuk dia punya hujah dan saya amat tertariklah dengan hujah-hujah ini. Ini BERNAS ini apa, dia jadi syaitan ke, jadi jin ke jadi apa sebenarnya? Kalau dia lebih menyusahkan apakah Kementerian Pertanian tidak boleh sesuatu kepada dia? Ini Perdana Menteri punya harapan bukan main tinggi. Tan Sri Muhyiddin diletakkan di situ, bukan main kita harap dia akan dapat mengubah. Kalau sudah begitu tinggi harapan Perdana Menteri, Menteri yang diletak pun begitu hebat, masalah petani juga tidak dapat selesai, hendak ke mana kita? Sila Yang Berhormat bagi Ketereh.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** Terima kasih banyak Yang Berhormat bagi Sri Gading. Inilah Tan Sri Muhyiddin seorang Naib Presiden UMNO dibagi jawatan. Saya tahu dia cuba, tetapi banyak halangan. BERNAS bukan peduli pun *because*

perjanjian tidak boleh diubah. Tidak boleh ubah? Kena ubah benda macam ini. Ubah untuk kepentingan agama, bangsa dan negara. Tolonglah untuk bangsa kita.

Akhir sekali tajuk saya, saya hendak bercakap mengenai hubungan kaum. Sedikit sahaja hubungan kaum. Kita dengar banyak orang bercakap soal sekolah Cina, sekolah Melayu, hubungan kaum di negara Malaysia. Saya hendak sebut satu sahaja. Tidak usahlah kita beria-ia hendak *convert* Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam jadi Melayu. Yang beria-ia kita sangat ini, saya tidak tahu dasar pendidikan hendak ubah orang Cina jadi Melayu, hendak ubah orang India jadi Melayu, hendak ubah Melayu jadi Arab, 'apasal'?

Tidak perlu kita ubah. Orang Cina di Malaysia kekal sebagai Cina macam Yang Berhormat bagi Kepong, macam Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Tetapi Cina yang sayang pada negara ini, Cina yang sanggup mati untuk negara ini, Cina yang sanggup untuk mengorbankan harta, agama, bangsa dan juga darahnya untuk berjuang demi mempertahankan Malaysia, itu yang kita hendak. Ini tidak. Hendak jadikan Cina jadi orang Melayu buat apa. *Let them be Chinese but Chinese Malaysian, let them be Indian, but Indian Malaysian, let them be Malay, but Malay Malaysian.* Itu yang kita kena buat. Dasarnya ke arah itu. Tetapi dalam waktu yang sama, apabila berada dalam sebuah negara, di mana bumi dipijak disitulah langit dijunjung. Kena sedar diri pula.

*You have to confirm to whatever the tradition* yang ada. Jangan pula hendak melebihi-lebih. Sebab itu yang saya sebut dalam awal-awal ucapan saya, yang diberi publisiti yang cukup luas. Padahalnya saya bercakap *less than one minute*, pasal perlukan kita menghina untuk jadi sopan? Persoalannya perlukan kita menghina untuk jadi sopan? Tidak perlu. *You don't have to embarrass anyone to show that you are full of ethical values,* dengan izin. Tidak perlu. Jadi kenapa hendak bagi publisiti yang begitu besar untuk benda yang kecil. Saya hendak sebut di sini ialah dalam hubungan kaum negara kita ini, mesti ada satu sikap terbuka yang amat luas di kalangan orang Melayu, orang Cina, orang Islam, bukan Islam supaya negara ini akan kekal menjadi sebuah negara yang aman, makmur dan sentosa.

Ini senang, hendak jawab mudah. Ada Timbalan Menteri jawab sempitlah apa, ini bukan soal sempit. Soalnya *sensitivity* mesti dijaga. Saya tidak mahu bangsa saya dicabar, saya tidak mahu bumi saya diinjak-injak, saya tidak mahu negara ini atau

bangsa saya ini jadi bahan mainan. Tidak boleh. Itu sahaja. Tetapi tolonglah wartawan jangan sensitif tidak tentu pasal. Saya baca artikel demi artikel tiap-tiap hari, benda kecil diperbesarkan dan benda besar diperkecilkan. Ini yang benda besar, soal rakyat, soal negara, soal bangsa, soal hubungan. Ini dia bercakap soal kita bercakap gaduh sedikit. Kononnya kita *debate* berjam-jam, mana ada *debate* berjam-jam. Soal LRT tidak pun. *Its only two and half minutes*. Soal Yang Berhormat Batu Gajah bergaduh sedikit dengan yang bagi Jerai *its only three minute*. Itu bukan bergaduh pun, soal bergurau-gurau. Tetapi diberi publisiti seolah-olah itu *debate* yang berlaku dalam Parlimen ini.

Tolonglah saya minta ambil isu, wartawan yang dengar ini, media yang dengar ini ambil isu. Isunya isu negara, isunya isu rakyat, isunya iau perpaduan, isunya ialah membina rakyat, baik pembangkang mahupun kerajaan sama sahaja. Kita hendak jadi wakil rakyat yang efektif tidak lebih daripada itu. Sebab itu seruan Perdana Menteri, "Bukan harta berkarung-karung aku cari. Bukan duit berjuta yang hendak dicari. Yang hendak dicari ialah Al-Ghazali, yang hendak cari ialah keimanan, hendak di cari ialah kebaikan di dunia dan kebaikan di Akhirat." Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Setiu.

**6.26 ptg.**

**Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]:** Bismillahir-Rahmanir-Rahim. Assalamualaikum waramatullahi wabarakatuh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk sama-sama turut serta dalam membahaskan Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung, walaupun dalam masa kecemasan, masa tambahan dan saya akan cuba menyentuh hanya beberapa isu sahaja untuk sama-sama kita dapat memanfaatkan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda ada menyentuh mengenai Islam Hadhari yang mana pada hari ini slogan ini sudah begitu menyerlah sekali di kalangan masyarakat khususnya di negara kita. Kita juga melihat slogan Islam Hadhari ini bukanlah satu slogan yang mudah, yang remeh, yang boleh

dibuat main-main kerana Islam Hadhari ini adalah satu tamadun yang sejahtera dan ingin membina masyarakat Malaysia khususnya menjadi sebuah masyarakat yang bertaraf antarabangsa kerana dengan seruan daripada pihak kerajaan ini kita berharap masyarakat kita bukan sahaja pada hari ini, bahkan masyarakat Malaysia di masa yang akan datang akan terus maju mencipta satu tamadun yang dituntut oleh agama dan juga kemanusiaan.

Tuan Yang di-Pertua, perjuangan Islam Hadhari ini bukanlah isu yang sementara, bahkan sejak dahulu lagi kita telah mendengar penerapan nilai-nilai Islam dan juga nilai-nilai yang sentiasa diterapkan oleh pihak kerajaan untuk melihat negara kita ini menjadi sebuah negara yang maju yang inovatif, pragmatik dan sebagainya. Islam Hadhari ini perlu diterapkan ke seluruh pelosok masyarakat baik dari segi institusi kerajaan, badan swasta, masyarakat bandar, masyarakat luar bandar, masyarakat dewasa, masyarakat belia, anak-anak sekolah, pelajar-pelajar di universiti, ibu bapa, masyarakat Islam, masyarakat bukan Islam dan sebagainya. Peranan untuk menyerlahkan lagi atau memberi kefahaman yang lebih mendalam mengenai Islam Hadhari ini janganlah kita mengharapkan kepada pihak pimpinan kerajaan semata-mata.

Saya juga menyeru supaya pihak-pihak intelek-intelek, pemikir-pemikir yang ada di pusat-pusat pengajian tinggi kerajaan mahupun swasta dapat sama-sama memainkan peranan dalam bentuk menulis dan sebagainya bagi menjelaskan kepada masyarakat tentang konsep ataupun slogan Islam Hadhari yang hendak disampaikan oleh pihak kerajaan ini kepada rakyat Malaysia khususnya. Penerangan ini bukan hanya tertakluk kepada sistem pentadbiran, bukan hanya kepada *delivery* sistem, tetapi ia hendaklah menyeluruh kepada semua aspek yang boleh membina suatu masyarakat yang sejahtera ke arah mencipta sebuah negara yang agung, cemerlang dan terbilang.

Oleh sebab itu beberapa aspek yang perlu juga diketengahkan bukan sahaja dari segi ekonominya, bukan sahaja dari segi pertaniannya, tetapi banyak aspek lain yang juga perlu ditulis dan diterangkan kepada masyarakat supaya mereka semuanya boleh memahami hasrat ini sehinggalah matlamat ini akan berjaya.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Mesyuarat***]



Perkara yang kedua yang hendak juga saya sentuh di dalam perbahasan saya ini, Tuan Yang di-Pertua, ialah berkaitan dengan institusi keluarga. Kita hari ini sentiasa mendengar permasalahan sosial, keruntuhan rumah tangga, keruntuhan akhlak, kes-kes jenayah kanak-kanak, remaja, belia dan sebagainya di dalam masyarakat kita yang sering kita dipaparkan di dalam surat-surat khabar, kita didedahkan melalui kaca TV dan sebagainya. Dan saya percaya perkara ini kebanyakannya adalah bermula daripada rumah.

Walaupun kita ada ibu-ibu tunggal yang bermasalah, tetapi ibu-ibu yang tidak tunggal juga berdepan dengan banyak masalah. Kita tengok juga kes-kes yang berlaku, bukan sahaja berpunca daripada penceraian, tetapi yang tidak berlaku penceraian pun menghadapi masalah sosial juga.

Contohnya kita lihat masyarakat luar bandar, masalah kemiskinan juga menjadi punca tetapi yang tidak miskin juga menyumbang kepada permasalahan sosial. Ada yang mengatakan kerana tidak ada wang, golongan muda yang tidak ada pekerjaan terlibat dengan masalah sosial, tetapi yang ada wang juga terlibat dengan masalah sosial. Begitu juga di dalam bandar, kita melihat dan kita tahu bahawa kedua-dua ibu bapa yang bekerja meninggalkan anak, bagi kepada pengasuh untuk menjaganya juga berdepan dengan masalah ini.

Oleh sebab itu saya mencadangkan kepada kementerian, bukan sahaja Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, begitu juga kementerian-kementerian yang lain turut sama-sama mengambil perhatian kerana sekiranya permasalahan sosial ini, baik dadah, pecah rumah dan sebagainya, tidak diambil perjalanan yang sewajarnya. Arah tuju negara kita untuk membentuk sebuah negara yang hadhari, yang bertamadun ini tidak akan tercapai.

Perkara yang ketiga yang hendak saya sentuh di sini ialah pembangunan. Rata-rata masyarakat di negara kita mahukan pembangunan. Di Sabah mahu pembangunan, di Sarawak mahukan pembangunan, di Semenanjung mahukan pembangunan, semuanya mahukan pembangunan. Di bandar mahu pembangunan, di luar bandar pun mahu pembangunan. Tetapi kalau kita melihat satu perbandingan masyarakat luar bandar dengan masyarakat bandar, saya percaya apa yang telah disentuh oleh Yang Berhormat bagi Ketereh sebentar tadi, sumbangan daripada masyarakat luar bandar

yang memberi satu kekuatan dan juga kemenangan besar kepada Barisan Nasional juga perlu diberikan perhatian.

Saya juga daripada masyarakat petani, juga berdepan dengan masalah yang sama tetapi bila bercakap soal pembangunan, saya mengharapkan supaya pihak kerajaan memberi satu tumpuan yang lebih sedikit kepada masyarakat di luar bandar. Kalau hendak kita katakan berdiri mereka ini sama tinggi, duduknya sama rendah, ini tidak akan mungkin dapat berlaku antara masyarakat bandar dengan masyarakat luar bandar.

Pembangunan seharusnya seimbang. Pembangunan yang seimbang bukan sahaja pembangunan dalam bentuk fizikal, tetapi kita juga perlu melihat kepada pembangunan rohani, pembangunan minda, pembangunan sikap dan sebagainya di kalangan rakyat, generasi muda khususnya pada hari ini. Generasi muda pada hari ini bukan sedikit bilangannya dalam negara kita, tetapi sekiranya mereka ini tidak dijaga dengan baik, mungkin masa depan negara kita berdepan dengan masalah yang lebih besar pada masa-masa mendatang.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan sikap, pembangunan fizikal dan juga sikap seharusnya seimbang. Kalau kita melihat projek-projek pembangunan yang ada pada zaman-zaman mutakhir ini kita melihat pembangunan yang ada di daerah-daerah, di kawasan-kawasan kita masing-masing adalah banyak tertumpu kepada pembangunan fizikal. Contohnya saya menghadiri Mesyuarat Pembangunan Daerah, saya melihat senarai-senarai permohonan fizikal di dalam sebuah daerah di Setiu begitu banyak sekali tetapi sumber-sumber ataupun kewangan peruntukan untuk pembangunan minda, pembangunan insan dan sebagainya yang berbentuk pembangunan rohani ini sangatlah kurang berbanding dengan pembangunan fizikal.

Justeru itu ia akan mewujudkan satu jurang pembangunan yang tidak seimbang dan pembangunan yang tidak seimbang ini sudah pasti satu masa akan membina satu masyarakat yang tidak seimbang. Masalah-masalah sosial ini akan menjadi terus berleluasa. Kita akan berbincang dan terus berbincang di dalam Dewan ini mengenai masalah sosial, masalah dadah dan sebagainya, tetapi aspek pembangunan yang ada di kawasan kita adalah tidak seimbang.

Justeru itu saya juga memohon supaya agensi-agensi kerajaan, kementerian-kementerian baik Kementerian Penerangan, baik Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, baik kementerian-kementerian yang lain dapat sama-sama menyumbang kepada aspek pembangunan minda, masyarakat luar bandar khususnya.

Soal keseimbangan pembangunan juga, saya ingin menyentuh satu perkara. Kalau kita tengok sesetengah negeri, contoh di Sabah, yang masih banyak memerlukan pembangunan dan kita janganlah juga melihat sumber yang ada di dalam negeri itulah yang patut digunakan untuk pembangunan negeri tersebut. Begitu juga dengan negeri-negeri yang lain. Kalau di Terengganu contohnya, dengan adanya dana khas janganlah kita meletakkan tanggungjawab duit ataupun kewangan daripada dana khas sahaja yang perlu untuk membangunkan negeri Terengganu.

Saya mengharapkan pihak kerajaan, khususnya daripada Kementerian Kewangan, begitu juga daripada EPU untuk dapat melihat supaya pembangunan di negeri Terengganu dan negeri-negeri yang lain memberi satu pembahagian yang seimbang supaya negeri Terengganu, negeri Sabah, negeri Kelantan dan negeri-negeri yang belum lagi mencapai satu tahap kadar pembangunan yang seimbang dengan negeri-negeri lain perlu diberi perhatian. Janganlah mengharapkan duit atau kewangan yang ada bagi negeri tersebut untuk membangunkan negeri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, boleh gulung.

**Tuan Mohd. Yusop bin Majid:** Tuan Yang di-Pertua, aspek pembangunan yang telah saya sebutkan tadi, begitu juga dengan institusi sosial, institusi keluarga dan sebagainya yang telah disebutkan tadi, baik dengan Islam Hadhari adalah juga berkait rapat dengan permasalahan belia pada hari ini. Saya percaya belia yang hendak kita bentuk di masa hadapan adalah belia yang mempunyai kekuatan, yang mempunyai jati diri, yang ada semangat patriotisme terhadap negara dan sebagainya.

Saya mengharapkan supaya selain daripada yang telah saya sebut tadi, satu tumpuan yang serius diberikan kepada generasi muda dan generasi belia yang akan menjadi pelapis di masa hadapan. Saya dengan ini mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Jerlun.

**6.39 ptg.**

**Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya juga diberi peluang untuk membahaskan dan mengambil bahagian dalam Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong jelas dan cukup jelas dengan satu mesej, iaitu membina sebuah negara yang maju dan bermoral. Cuma persoalannya di sini, Tuan Yang di-Pertua, apakah perkara-perkara yang kita nampak yang tidak berhemah, yang tidak bermoral dan yang boleh menjatuhkan maruah negara.

Pertama, soalan saya ialah kotor. Tentulah kotor itu dibenci dan dalam mana-mana agama pun kotor atau "kotoq" itu adalah perkara yang tidak perlu diamalkan. Sampah, longkang, tempat-tempat pembuangan sampah, anjing berasmara dan sebagainya, premis-premis perniagaan, tikus berlari-lari dalam longkang, premis makanan, kedai-kedai restoran 24 jam masih lagi kotor dan banyak lagi tempat-tempat yang kita nampak seperti di sungai – sungai pihak berkuasa tempatan, sungai JPS, sungai MADA dan mana-mana sungai, semak-samun dan sebagainya.

Ini adalah etika kerja – mungkin pegawai, mungkin kementerian, mungkin orang ramai. Yang penting Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun mengetengahkan sikap gotong-royong dan juga nilai budaya yang tinggi. Mengapa jabatan-jabatan dan kementerian-kementerian, khususnya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, kerajaan ketiga, tidakkah boleh kementerian ini mengambil inisiatif melakukan satu operasi bersepadu menangani kekotoran ini dan membaik pulih semua tempat. Tidak ada lagi tandas awam yang tidak boleh digunakan, tidak ada lagi tandas awam yang rosak, yang busuk dan tidak ada lagi tempat-tempat permainan kanak-kanak, tidak ada lagi tempat-tempat tumpuan pelancong yang tidak diberikan perhatian penuh.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi ialah juga mengenai Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Ini pun mungkin datang daripada mentaliti ataupun minda sesetengah pegawai ataupun jabatan berkenaan. Hasil pintu - Sekarang ini kita tidak dengar hasil pintu dikutip dengan baik dan sesetengah jabatan atau pihak berkuasa tempatan masih lagi mengatakan tidak ada keupayaan untuk membuat

prasarana yang baik kerana tidak cukup kewangan hasil daripada tunggakan hasil pintu yang tinggi. Kadang-kadang, ini juga boleh dikatakan perangai yang kotor. Dekat pilihan raya baru hendak keluarkan notis. Esok lusa dekat pilihan raya, notis saman cukai pintu, saman hendak sita kilang, saman hendak sita restoran dan bermacam-macam. Gunakanlah tahun ini yang masih lagi awal, baru setahun 12 hari kita menang pilihan raya untuk mengutip semua tunggakan-tunggakan ini.

Hatta, dekat pilihan raya kita sudah selesai. Cuba kita ambil contoh, kita perlu beri kepujian kepada Kastam Diraja, terutamanya Kastam Diraja Kedah. Pada tahun lepas kutipan meningkat 155% kutipan cukai di mana merupakan negeri yang tertinggi mengutip cukai kepada negeri-negeri yang bukan Jusa, ini patut kita teladani. Termasuk juga saman-saman polis, saman ekor dan sebagainya. Tahun ini mungkin diperkasakan, mungkin dilajakkan pada tahun depan dan apabila dekat dengan pilihan raya, buatlah kerja-kerja kebajikan. Ini juga mungkin menampakkan kita menjatuhkan maruah negara, bangsa dan agama kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi mengenai dengan lampu-lampu ini juga. Memang ada banyak lagi lampu-lampu di kampung yang dijanjikan tidak dapat dan seperti mana yang dikatakan tadi, ada yang tidak menyala tetapi sesetengah tempat, di jalan-jalan raya ada yang sampai menyala hingga ke sepuluh pagi. Jadi, adakah ini menampakkan satu imej bahawa kita negara maju, joli, *enjoy* tenaga sehingga sebelas pagi, dua belas tengah hari belum lagi dipadamkan. Apabila jalan-jalan kampung telah pun diberikan kepada JKR, JKR telah pun memasuki dan menyentuh pembinaan jalan-jalan kampung, mungkin JKR boleh mengambil alih sesetengah jalan kampung yang sampai kepada standard JKR dan KPLW mungkin dapat membuat jalan-jalan kampung yang benar-benar kampung ataupun kampung tradisional. Mungkin ini boleh diambil kira dan saya ingin mencadangkan kepada JKR, mungkin dapat mengambil alih supaya kerja-kerja pembinaan jalan kampung ini dapat dipercepatkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga dikotori imej negara kita yang maju dan ingin meletakkan nilai budaya yang tinggi dengan pelumba-pelumba haram - takut pelancong-pelancong kepada mereka ini. Kita tidak mahu dengar lagi dalam TV hanya ada satu negeri atau dua negeri, ataupun hanya polis berkenaan sahaja, tempat-tempat berkenaan sahaja yang diadakan operasi pelumba-pelumba haram. Kalau boleh kita

mencadangkan, polis mengadakan satu operasi bersepadu seluruh negara, melibatkan semua tenaga – JPA, RELA, Rukun Tetangga dan sesiapa sahaja pihak berkuasa tempatan bagi melaksanakan perkara ini. Saya dapati pelumba-pelumba haram ini memang merosakkan imej negara terutamanya kepada pelancong dan bukan sahaja pelancong tetapi kita sendiri, ibu bapa menjadi susah.

Bukan sahaja menangkap di atas jalan, kalau boleh sudah tahu mereka ini balik ke rumah pukul tiga atau empat pagi, tunggu depan rumah, ambil depan pagar, bawa dalam lokap dengan ibu bapa sekali, baru mereka faham bahawa kita menjaga negara ini, menjaga masyarakat dengan baik. Kita hendak lihat pemuda-pemuda kita banyak lagi kerja-kerja yang boleh dibuat, yang ditinggalkan oleh pekerja-pekerja asing. Lebih baik daripada duduk tengah malam, tunggu pukul dua belas, pukul satu dan pukul tiga, berlumba, terutamanya pada malam-malam cuti awam dan ditambah pula dengan beberapa perkara yang kita dapat tahu, serbuan-serbuan di tempat-tempat *night club* dan sebagainya. Ini juga mungkin dapat dijadikan satu jadual gerak kerja oleh pihak-pihak berkuasa.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita mendongak, melihat ke langit, kita jangan lupa rumput di bumi. Di bidang kesihatan, kita sering mendengar keluhan daripada pesakit-pesakit buah pinggang – tidak mencukupi mesin *hemodialisis*. Kita cadangkan, kalau boleh tambahkanlah dan berikanlah satu Parlimen satu mesin. Tadi saya berbincang dengan beberapa orang doktor muda, mungkin Yang Berhormat bagi Batu Pahat boleh memberi pandangan selepas ini di mana mesin hemodialisis ini bukanlah mahal sangat, katanya RM500 ribu dan di setiap kawasan, ramai pesakit buah pinggang. Di kawasan saya, isteri wakil rakyat sendiri dan ramai orang tua yang mendapat penyakit ini dan terpaksa pergi ke hospital.

Di Hospital Alor Setar, sekurang-kurangnya 120 orang ke 150 orang pesakit buah pinggang ini menunggu giliran. Satu hari hanya dapat diadakan perkhidmatan ini untuk empat orang, kalau ada tiga mesin, baru 12 orang. Yang 20 ke 30 ke hadapan hanya menunggu giliran untuk tebuk, tebuk, tebuk, akhirnya menunggu giliran mati. Jadi, kalaulah negara kita maju, kita mungkin terkejut dengan cerita-cerita yang macam ini dan kalau ada hospital sampai RM1 bilion, setengah bilion tetapi dengan adanya

masalah pesakit-pesakit yang kita nampak kecil tetapi cukup menderita, mungkin imej kita juga tercemar.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, mungkin tambahan sedikit ialah berkenaan dengan Kementerian Belia dan Sukan. Kita tahu pembinaan pembangunan sukan memang ada perancangan terutamanya perancangan kepada sukan-sukan berprestasi tinggi, *high performance sport*. Tetapi kita janganlah lupa para belia kita di kampung-kampung, sebelum mereka mendapat idea, mendapat keterangan dan juga didedahkan kepada sukan berprestasi tinggi, sukan-sukan yang lebih bersifat antarabangsa ataupun peringkat Asia, mereka juga perlu bermain di tempat-tempat awam ataupun di kampung-kampung.

Dengan ini saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian, takkanlah tidak boleh adakan pertandingan-pertandingan sukan secara kecil-kecilan. Adakan piala-piala dari ketua-ketua jabatan, sama ada Ketua Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negeri sendiri, pegawai-pegawai daerah, pengarah JKR dan juga ramai ketua-ketua jabatan daripada hakim, majistret dan sebagainya untuk mereka ini bertanding.

Kalau satu piala tujuh sebelah, untuk memeriahkan sukan, hendak memupuk minat di samping untuk mereka jauhkan diri daripada gejala-gejala yang tidak baik, tidak mahal. Kalau tujuh sebelah dalam hadiah pertama (Johan) RM500, yang kedua – RM300, yang ketiga – RM200, dalam RM1,000, tidak banyak mana dan boleh dikeluarkan daripada peruntukan pejabat sahaja dan biarlah pegawai belia dan sukan daerah bertemu kerap sedikit dengan Ahli-Ahli Parlimen ataupun wakil-wakil rakyat untuk berbincang.

Di kawasan saya sudah setahun lebih dan sebelum itu pun saya tidak pernah tahu dan tidak pernah nampak Pegawai Belia dan Sukan Daerah untuk berbincang hal-hal seperti ini. Tetapi soal belia, soal-soal murahnya sukan di kampung, tidak ada tempat-tempat bersukan dengan baik selalu dibangkitkan. Tetapi kita tidak nampak satu pendekatan atau satu *modus operandi* yang berjadual dan teratur bagaimana untuk mengatasinya. Sekurang-kurangnya kita boleh mengatasi secara aktiviti, lepas itu baru kita dapat kumpulkan mereka untuk kita sama-sama merancang apakah keperluan sebenar kepada mereka ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, masa sudah cukuplah.

**Dato' Abdul Rahman bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, demi.....

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang Berhormat, tanya sat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Masa cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tidak, hendak tanya pasal.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak perlulah. Kita ada ramai lagi.

**Dato' Abdul Rahman bin Ariffin:** Sila, sila.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Pasal belia main bola dalam bendang. Kita minta Kementerian Belia dan Sukan Tuan Yang di-Pertua, di Kedah belia-belia ini hanya boleh main bola pada musim mengerat setelah bendang itu kering.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah. Apa soalan?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Soalannya adakah kementerian bercadang untuk belia-belia ini dok elok-elok bagi mainan kat depa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Macam budak kecil kita bagi mainan dia tidak kacau mak bapa dia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup, cukup Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Jerlun bersetujulah.

**Dato' Abdul Rahman bin Ariffin:** Setuju!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah. Cukup.

**Dato' Abdul Rahman bin Ariffin:** Masalahnya Menteri kita taekwando. Tapi dia pun minat dengan bola. Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, ayat saya tadi demi memberi masa kepada rakan-rakan yang lain saya pohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik. Johor Bahru.



**6.21 ptg.**

**Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya ingin juga mengambil bahagian membahaskan titah ucapan Yang di-Pertuan Agong dan saya akan cuba untuk melihat kepada beberapa perkara yang mana telah juga ditimbulkan oleh rakan-rakan saya yang lain.

Yang pertamanya berhubung dengan keruntuhan dan keberkesanan Parlimen sebagai institusi penggubal undang-undang yang luhur. Ini merupakan matlamat di bawah Pelan Integriti Nasional dan sudah pasti bahawa memanglah kita sebagai Ahli Parlimen menyokong untuk membawakan integriti di dalam sistem politik negara kerana kita sedar bahawa kedatangan kita di sini sebagai wakil-wakil rakyat dan Ahli Parlimen bukan hanya untuk mengisi cita rasa politik peribadi tetapi sebenarnya mewakili kehendak dan juga pilihan daripada rakyat yang mengundi. Sudah pasti kita datang dengan tanggungjawab yang berat dan dengan harapan agar kita terus menjadi contoh dan teladan membawakan imej integriti kepada diri kita sebagai wakil rakyat dan juga kepada Parlimen.

Oleh itu kita harus melihat bagaimana kita patut memberi maksud yang sebenar kepada konsep Dewan yang mulia ini. Setiap kita yang berucap sama ada Menteri ataupun wakil rakyat dan Ahli Parlimen biasa menyatakan tentang ucapan kita di Dewan yang mulia ini. Tetapi adakah kita ini sebenarnya seperti biasa dikatakan oleh seorang pemimpin kita bahawa kita menggunakan bahasa dan cara orang Inggeris dengan menggunakan perkataan yang tinggi tetapi tidak bermaksud yang sebenar.

Kalau seseorang itu menjadi Speaker dia orang yang tidak bercakap dan adakah ini bermakna bahawa Dewan yang mulia ini sebenarnya tidak mulia tetapi hanya dilemparkan supaya rakyat juga mungkin terpengaruh mengatakan bahawa sebenarnya kita ini berada dalam satu Dewan yang mulia dan seharusnya mereka memberi penghormatan kepada kerja-kerja kita ini yang kita lakukan setiap hari dalam setiap hari kita bermesyuarat.

Seorang rakan saya melihat kepada satu keadaan dan ketika apabila Ahli Padang Rengas berucap, dia kata tengok TV tidak ada orang. Mana pergi Ahli Parlimen? Tetapi yang sebenarnya apabila kamera mengambil gambar Ahli Parlimen Padang Rengas ia sebenarnya mengambil gambar *frontbench*. Yang tidak ada

sebenarnya ialah Ahli-ahli *frontbench* sama ada Menteri atau Timbalan Menteri yang sebelah Setiausaha Parlimen memanglah tidak kelihatan walaupun mereka berada di Dewan yang mulia ini.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Betul! [*Tepuk*]

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Rakan-rakan saya merasakan bahawa kalau benar-benar kita ini serius untuk melaksanakan Pelan Integriti Nasional bagi bidang politik, ianya menyatakan tentang soal untuk wakil-wakil rakyat juga dikehendaki berpegang kepada etika dan prinsip bekerja bersama-sama ketua, bukan untuk ketua tetapi untuk rakyat dan negara. Ini bukan perkataan saya tetapi ini perkataan dalam Pelan Integriti Nasional. Tetapi adakah dalam fahaman kerajaan yang telah menyokong kepada Pelan Integriti Nasional ini?

Fahamannya bahawa ia hanya terkena kepada wakil-wakil rakyat yang tidak memegang jawatan dalam kerajaan sedangkan hendak jadi Menteri perlu jadi wakil rakyat juga ataupun Ahli *Senate* sekurang-kurangnya. Adakah ini bermakna bahawa wakil-wakil rakyat, Menteri-menteri dan Timbalan Menteri merasakan bahawa kalau hendak jadi wakil rakyat Pelan Integriti Nasional dalam politik hanya terkena kepada wakil-wakil rakyat dan bukan kepada mereka yang memegang jawatan.

Kami sudah mengambil satu ketetapan, kami berharap bahawa Menteri-menteri dan Timbalan Menteri juga berpegang kepada etika dan prinsip bekerja bersama-sama ketua bukan untuk ketua tetapi untuk rakyat dan negara. Bermakna jangan hanya apabila Perdana Menteri atau Timbalan Perdana Menteri datang baru ada Menteri dan kami mensyaratkan dalam masa penggal Parlimen Kesebelas ini bahawa semasa perbahasan tentang titah ucapan Yang di-Pertuan Agong, Menteri mesti hadir untuk menjawab perbahasan yang dibawa oleh Ahli-ahli Parlimen [*Tepuk*].

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Sri Gading bangun.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Tengah *show* ini. Allah. [*Ketawa*]

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Dato'. Saya tertarik dengan bos saya punya ucapan. Sokong! Kita harap Menteri akan menjawab dalam perbahasan ucapan titah menjunjung kasih kepada Yang di-Pertuan Agong menyentuh

kementerian-kementerian mereka. Biar Menteri sendiri. Tidak payahlah Setiausaha Parlimen atau Timbalan Menteri. Mereka sudah hari-hari menjawab. Untuk menentukan semua yang dikeluarkan oleh Ahli Parlimen hasil daripada kehendak rakyat benar-benar dijawab dan diambil tindakan, satu.

Yang kedua, kita jadikan hukuman untuk Parlimen ini, kata Parlimen ini buat hukuman.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Bukan Yang Berhormat berucap sekarang.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ini menunjukan kepada Yang Berhormat bagi Johor Bahru Tuan Yang di-Pertua. Minta penjelasan dan minta macam mana pendapat beliau.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, cukuplah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Lagi satu Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan bajet mengikut kementerian masing-masing biarlah dia juga menjawab. Ini kadang-kadang Menteri pun tidak tahu bajet dia berapa banyak kerana yang menjawab Setiausaha Parlimen dan Timbalan Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Yang Berhormat. Cukuplah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Bagaimana pendapat Yang Berhormat Johor Bahru mengenai dua masa ini. Bajet kementerian dan titah ucapan Menteri menjawab. Sila Dato', minta maaf.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat Sri Gading. Saya rasa kami semua hendak melihat supaya erti kata dan maksud sebenar kepada konsep Dewan yang mulia ini dilaksanakan supaya apa yang diharapkan kepada keutuhan, keberkesanan Parlimen sebagai institusi penggubal undang-undang yang luhur dapat dilaksanakan. Kalau tidak akhirnya kita hanya menjadi sebuah *talk shop*. Kedai bercakap, macam kedai kopi. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak ada lagi organisasi di mana di dalam mesyuaratnya setiap patah cakap itu direkod dan dilaporkan secara verbatim. Minit mesyuarat Kabinet tidak direkod atau dilaporkan secara verbatim.

Mengapa kita mempunyai peraturan seperti itu? Bukankah ia bermakna kalau 'batuk' pun direkod dan dilaporkan. Tetapi kalau setiap masa kita kata kita hendak akan keberkesanan dan keutuhan tetapi tidak pula memuliakan Dewan ini seperti mana konsep Dewan yang mulia ini yang menjadi lafaz ucapan kita setiap kali.

Saya rasa Tuan Yang di-Pertua, bahawa pelan integriti ini hanya akan menjadi satu pelan yang menjadi harapan, tetapi tidak mudah atau tidak dapat dilaksanakan kerana sebentar tadi saya mendengar ucapan Ahli Yang Berhormat daripada Ketereh, isunya besar dari segi satu pandangan dan pemikiran yang baru, yang menerima hakikat bahawa sistem baja yang bersubsidi itu dan sistem pembelian beras tidak berjalan dengan baik dan tidak memberi manfaat yang diharapkan, tetapi adakah mampu umpamanya pegawai-pegawai kerajaan yang mengambil laporan menceritakan kepada Menteri untuk bertindak. Adakah ini merupakan masalah dagangan dan mengapa pula kita harus mendagangkan nasib dan kedudukan ekonomi petani-petani kita? Yang harus kita pentingkan ialah golongan yang ramai, kerana yang kami datang ke sini, Barisan Nasional duduk di sini ialah kerana sokongan ramai dan sudah pasti kita harus mewakili golongan yang ramai yang memberi mandat kepada kita.

Apabila kita menerima mandat tidak bermakna hanya kita tutup katakan bahawa mandat ini kita ambil tiap-tiap lima tahun sekali, di antara satu pilihan raya dengan satu pilihan raya lagi kita harus tidak pula mendengar pandangan rakyat. Kalau itu apa maksudnya sistem demokrasi? Sebab itu harus kita membuka Parlimen ini kepada pandangan dan pendapat semua pihak di dalam tempoh jangka masa jangka hidup Parlimen ini. Sebab itu saya sudah pasti tidak merasa kecewa apabila pihak media meremehkan ucapan dan perbahasan di Dewan Parlimen, kerana pihak media mempunyai berbagai-bagai kumpulan yang harus dijaga kepentingan mereka, daripada pembacanya, daripada pengurusannya kepada kumpulan pengiklannya kepada pemegang-pemegang saham dalam syarikat-syarikat berkenaan.

Maka saya berharap Tuan Yang di-Pertua, bahawa kita mengambil langkah di Parlimen ini biar rakyat mengikuti perbahasan dan urusan kita secara langsung. Kita mempunyai teknologi untuk merakamkan secara dengan penggunaan kamera, kita mempunyai sebuah laman web, kita boleh melaksanakan *broadcast* melalui lawan web *broadcast* supaya biarlah rakyat mengikuti perbahasan dan urusan Parlimen tanpa

sebarang *commercial motive*, dengan izin supaya mereka boleh mendengar. Kalau mereka melihat telatah kita tidak sempurna, maka mereka boleh menegur dan tidaklah pula mereka membaca laporan-laporan yang bertujuan untuk kepentingan-kepentingan yang tertentu, kerana kita tidak boleh nafikan bahawa di dalam dunia yang mengagungkan duit dan kewangan ini. Integriti media jangan kita kata tidak boleh dipersoalkan. Integriti itu akan sentiasa terancam bila berhadapan dengan duit.

Yang ketiga tentang Parlimen Tuan Yang di-Pertua. Keberkesanan Parlimen bukan hanya dalam perbahasan, bukan hanya dalam urusan soal jawab tetapi terletak juga dalam Jawatankuasa-jawatankuasa Parlimen. Jawatankuasa-jawatankuasa Parlimen hari ini di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi telah kelihatan perubahan dalam penggunaan Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan, dan kita mempunyai jawatankuasa tetap iaitu Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara yang juga bertanggungjawab untuk melihat kepada laporan-laporan audit yang telah dikeluarkan oleh Ketua Audit Negara. Ada pihak yang mengatakan bahawa apabila Jawatankuasa PAC bermesyuarat "*Ha, mana satu kementerian yang awak hendak patch?*" Minta maaf kita bukan bertujuan untuk mencari mangsa untuk kita tekan dan untuk kita layak, tidak.

Kita bertanggungjawab tentang soal kewangan dan perbelanjaan negara. Oleh itu, kita bertanggungjawab untuk menentukan apabila wang itu dibelanjakan ia dibelanjakan dengan cara yang berkesan dengan *impact* yang diharapkan. Oleh yang demikian, saya hendak beritahu kepada rakan-rakan saya dalam pihak Eksekutif, bahawa kita bukan bertujuan untuk mencari mangsa di kalangan rakan-rakan di peringkat Menteri ataupun Timbalan Menteri. Kami mencari untuk menentukan supaya wang yang telah diluluskan di Parlimen ini dibelanjakan dengan berkesan. Birokrasi kita memang sudah mempunyai kuasa yang melebihi daripada apa yang kami sendiri mempunyai dan kita hendak menentukan supaya apabila mereka memegang kepada kuasa itu perbelanjaan wang akan dilakukan dengan sebaik mungkin.

Yang kedua, tentang soal harga minyak petrol dan diesel. Biar saya tambahkan sokongan saya kepada beberapa pendapat yang mengatakan bahawa, harus kita hentikan keadaan di mana adanya dwi harga untuk diesel. Ianya tidak munasabah. Ambillah sahaja satu harga. Kita tidak melihat bagaimana masalah dihadapi oleh pihak

pengangkutan, kita tidak melihat masalah yang dihadapi oleh pihak nelayan, oleh pihak kilang dan sebagainya dan akhirnya yang kita rasa ialah harga yang naik tidak pas-pasal bagi barangan yang diperlukan. Lebih baiklah kita melihat kepada soal diesel dengan juga mengambil kira kemampuan kita untuk mengeluarkan bio-diesel. Tetapi bio-diesel tidak akan dikeluarkan. Tidak akan dilaksanakan industrinya selagi adanya subsidi yang terlalu tinggi kepada diesel. Harus kita mengambil langkah yang terang dan jelas dari segi soal bio-diesel ini kerana bukan sahaja kita mempunyai sumber aslinya dengan sawit yang beratus ribu hektar ditanam dengan kelapa sawit, tetapi kita juga mempunyai teknologi.

Yang ketiga tentang soal subsidi bagi minyak. Rakan saya dia menerima bantuan kebajikan Tuan Yang di-Pertua sebanyak RM35 sebulan. Orangnya miskin tidak boleh bekerja kerana dia lumpuh, anaknya empat orang, RM35 sebulan. Saya berkata kepadanya, "Saya menerima subsidi yang lebih daripada kerajaan melalui subsidi yang kerajaan berikan kepada minyak petrol". Ini sudah tidak munasabah. Bagaimana dari segi orang yang susah mendapat subsidi yang sedikit sedangkan saya yang mampu membayar petrol dan mendapat pendapatan yang lebih boleh bekerja mendapat subsidi yang lebih daripada kerajaan. Oleh itu saya rasa kita harus menyediakan rakyat tentang soal subsidi. Kita harus berdepan dengan kenyataan. Memang ia tidak popular, tetapi cara subsidi petrol menguntungkan mereka yang menggunakan lebih petrol. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat pakai enjin kereta V8 ataupun 3,000 c.c. tentu dapat lebih banyak subsidi daripada seorang rakyat biasa yang menggunakan kereta Kancil atau motosikal. Jadi yang kaya dapat subsidi yang lebih daripada yang miskin. Harus kita fikirkan cara lain untuk memberi dan menentukan subsidi itu sampai kepada mereka yang berhak.

Yang akhir Tuan Yang di-Pertua, saya pun tidak mahu ambil masa yang banyak walaupun rakan-rakan saya akan beri masa mereka kepada saya kalau saya paksa mereka, tetapi saya rasa biarlah - saya ambil sedikit, satu perkara lagi. Kita sudah sampai kepada satu ketika saya rasa, di mana kita jangan menggalakkan banyak sangat monopoli-monopoli ini.

BERNAS ada monopoli menimbulkan masalah, sekarang saya dengar ada cerita dan ada usaha hendak melatih pemandu kenderaan berat. Itu pun hendak dijadikan

satu monopoli, apa susahnya hendak melatih orang memandu kereta, lori, kren dan sebagainya. Saya tidak nampak apa sebabnya hendak diberikan monopoli pengajaran memandu trak atau kenderaan berat kepada sesuatu syarikat. Timbullah tuduhan syarikat yang dipilih itu mempunyai pemodal-pemodal yang terkemuka ataupun kroni-kroni kepada menteri dan kerajaan pihak yang tertentu. Janganlah kita timbulkan sangkaan seperti ini kerana inilah perusahaan kecil yang boleh dilakukan oleh mana-mana usahawan. Dengan sifat sabar yang ada dia sudah pandai membawa kereta dan dia boleh pula mengajar orang lain, bolehlah hidup dengan cara yang sederhana dan cara usaha yang halal. Ini asyik hendak menjadi Penoma? Apa namanya?

**Beberapa ahli:** Fomema?

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Fomema?... Akhirnya Fomema apa dia takut, dia letakkan *sticker* dekat klinik-klinik yang menyertai, apa benda itu? Apa susahnya? Tetapi kita asyik hendak di atas nama kecekapan, di atas nama kecekapan kita menswastakan berikan kepada satu monopoli. Tetapi pelik juga Kementerian Pengangkutan apabila ada satu syarikat yang hendak ambil *e-insurance* sendiri, oh dia kata tidak boleh terbuka kepada syarikat-syarikat yang lain, bagus tindakan seperti itu. Adanya persaingan, adanya pilihan tetapi tidak akanlah tentang soal mengajar dan memandu kenderaan hendak dimonopolikan oleh satu-satu syarikat. Saya berharap ini tidak berlaku dan saya berharap bahawa menteri akan memberi jaminan bahawa ini tidak berlaku dan walaupun katakan bahawa ini adalah keputusan dasar tetapi berharap kita lihat kepada kepentingan golongan ramai jangan lihat kepada kepentingan satu-satu golongan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah hendak menambah-nambahkan lagi kepada ucapan itu tetapi saya hanya hendak tambah dan hendak berakhir dengan soal satu lagi fiil syarikat dan perniagaan Malaysia ini. Dia tidak ada kerja, dia cari kerja jadi dia pandai hendak menimbulkan kerja dan usaha, sudahlah kita dengar perbincangan dan perbahasan tentang soal judi, satu judi ialah soal lumba kuda. Yang lumba kuda itu adalah satu hal, sekarang ada pula pihak menganjurkan dan hendak memindahkan lumba kuda di Sungai Besi kepada satu kawasan di luar bandar. Daripada kawasan bandar hendak pindahkan kepada kawasan luar bandar kerana di kawasan bandar nilai *turf club* yang di Sungai Besi itu sudah melambung naik dan sudah boleh dibangunkan

sebagai sebuah kawasan perumahan atau komersial. Inilah fiil dalam negara kita, ahli perniagaan mencari peluang, nampak kawasan padang hendak bangunkan jadikan kondominium. Nampak kawasan stadium, hendak dialihkan stadium dan hendak bangunkan, jadikan kondominium dan juga pelbagai jenis yang lain, nampak *turf club* di Sungai Besi hendak juga dipindahkan keluar bandar, berhentikanlah kerja-kerja ini. Kita benar-benar berniaga, berusaha dalam *business* yang menghasilkan sesuatu yang baik bukan berasaskan kepada *opportunism* ataupun peluang yang terhad kepada golongan yang terdekat.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah komen saya tetapi saya belum lagi rasa mengambil masa yang lebih dalam perbincangan ini. Saya berharap bahawa pandangan-pandangan rakan-rakan saya diambil secara serius oleh pihak menteri kerana kalau betul-betul kita hendak menjadikan Parlimen sebagai sebuah institusi politik yang utuh dan berkesan ia bukan ahli Parlimen sahaja, ia bukan peranan wakil rakyat sahaja tetapi ia juga tanggungjawab bersama. Insya-Allah kalau semua pihak menjalankan tanggungjawab mengambil berat titah ucapan Yang di-Pertuan Agong ialah satu titah ucapan, satu keadaan dan satu peristiwa yang penting dalam hidup Parlimen kita, setiap penggal hadir dalam menjawab ketika belanjawan, interaksi di antara menteri dengan wakil rakyat biasa yang kami ini semua akan menentukan bukan sahaja yang lain-lain turut samalah menghormati kita. Kerana apabila menteri pun tengok, alah! Ahli Parlimen bercakap, media pun samalah, apatah lagi rakyat tetapi janganlah pada masa-masa yang diperlukan hendakkan lebih pula sumbangan daripada kami.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bukit Mertajam, sila.

#### **7.17 mIm**

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak menyokong beberapa cadangan dari Ahli Parlimen bagi Johor Baru tentang reformasi ataupun cara-cara yang boleh membuatkan Dewan yang mulia ini betul-betul mulia. Saya hendak tambahkan satu cadangan iaitu Hari Perbahasan untuk tatapan ucapan in dipanjangkan kerana memanglah Ahli Parlimen telah bertambah tetapi hari perbahasan tidak bertambah sehingga....



**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Sokong!

**Puan Chong Eng:** Sehingga ramai ahli-ahli di sini biarpun di pihak pembangkang dan dari kerajaan bimbang tidak dapat diberi peluang untuk berucap di sini. Saya juga ingin menyokong apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Ketereh mengenai perhubungan kaum di Malaysia ini dan saya harap ini akan dipandang serius oleh pihak yang berkuasa di sana.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan adalah asas pembangunan dan pembinaan negara. Orang Cina juga percaya bahawa betapa miskin pun mestilah memberi pendidikan kepada anak. Itulah sebabnya masyarakat Cina di Malaysia menderma berbilion-bilion ringgit untuk membina sekolah rendah, menengah, kolej serta universiti. Budaya *orang Cina* mementingkan pendidikan telah dipuji oleh bekas Perdana Menteri pada masa dahulu dan baru-baru ini oleh Pengerusi BBC Yang Berhormat *bagi* Johor Baru dan terbaru sekali ialah Timbalan Perdana Menteri. Mereka menyeru masyarakat orang Melayu mencontohi masyarakat Cina dalam aspek ini.

Perkataan-perkataan ini, kalau dikatakan sebelum 12 hb Mac tentu akan mendapat sambutan yang lebih baik daripada masyarakat Cina di negara ini tetapi sayangnya ia dikatakan sedikit lewat. Ia dipandang sebagai setelah menyakiti perasaan masyarakat Cina dalam isu pembinaan SRJK (C) barulah hendak memujuk balik dengan perkataan-perkataan yang *manis*.

Berita Harian bertarikh 12 Mac 2005, menyiarkan berita mengatakan pemimpin UMNO seperti Ketua Menteri Melaka dan Naib Ketua Pemuda UMNO membantah cadangan MCA yang memohon menambah SRJK (C) kononnya penambahan sekolah jenis ini akan menjejaskan perpaduan kaum. Pada hakikatnya permintaan menambah SRJK (C) merupakan hasrat beratus-ratus ribu rakyat negara ini. MCA merupakan rakan kongsi kuasa kerajaan Barisan Nasional yang kebetulan mewakili sebilangan besar rakyat ini. Sekiranya parti MCA dan MIC dipandang sebagai rakan kongsi yang duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan UMNO, masalah kekurangan SRJK(C) dan (T) sepatutnya tidak timbul. Modal kongsi kuasa Barisan Nasional walaupun berjaya memenangi pilihan raya selama 11 kali tetapi gagal menyelesaikan masalah pendidikan. Masalah kekurangan SRJK (C) telah banyak kali diketengahkan dalam Dewan yang mulia ini, sama ada dari pihak DAP ataupun pihak Backbenchers.

Yang Berhormat bagi Sibu pernah mengatakan bahawa pengelola Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) – *bad beggars*, mereka adalah seperti pengemis untuk mengumpul derma membina Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) semasa beliau masih seorang *Backbenchers*. Laporan Majlis Perundingan Ekonomi Kebangsaan Kedua telah mengenalpastikan kekurangan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) dan kesukaran memindah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) yang menghadapi masalah *enrollment* murid rendah ke kawasan yang memerlukan sekolah sebagai satu faktor merenggangkan hubungan kaum.

Laporan Majlis Perundingan Ekonomi Kebangsaan Kedua ini tidak mengatakan bahawa permintaan menambah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) akan menjejaskan perpaduan kaum, sebaliknya penambahan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) akan mengurangkan ketidakpuasan hati sebilangan besar rakyat dan *promote* perpaduan kaum di negara ini. Jadi, saya rasa hairan pemimpin tinggi UMNO tidak rujuk kepada Laporan Majlis Perundingan Ekonomi Kebangsaan Kedua sebelum membuka mulut mengeluarkan pandangan mengenai isu menambah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina).

Saya rasa lebih hairan dengan pendirian Naib Ketua Pemuda UMNO. Sebagai seorang pemuda yang dididik di luar negara dan berpandangan luas, beliau seharusnya bersikap lebih terbuka dan lebih global dan antarabangsa. Tetapi, nampaknya pengalaman antarabangsa tidak membuka hati dan minda beliau dalam isu ini. Beliau tidak dapat berfikir di luar kongkongan perkauman UMNO.

Dalam keadaan pemimpin muda seperti Naib Pengerusi UMNO terus berpegang kepada pandangan dan fikiran lama, bagaimana kita hendak mencapai matlamat menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang maju? Pihak kerajaan telah banyak kali berkata bahawa kerajaan akan membina sekolah mengikut keperluan. Statistik yang dikumpulkan oleh Jio Zong, United School Teacher Association Se-Malaysia menunjukkan dari tahun 1980 hingga 2004, bilangan murid di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) telah bertambah seramai 10,900 orang tetapi bilangan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) tidak bertambah.

Secara keseluruhan, bilangan murid di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) telah meningkat seramai 9,460 orang dari tahun 2000 ke 2003. Tetapi, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) hanya bertambah sebuah sahaja. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional tidak berpegang kepada dasarnya yang mengatakan bahawa sekolah akan dibina mengikut keperluan. Pelan Struktur Kuala Lumpur menetapkan setiap 10,000 penduduk memerlukan sebuah sekolah rendah. Penduduk kaum Cina di Kuala Lumpur pada tahun 2004 ialah 500 dan 7,000. Jika mengikut Piawaian Pelan Struktur Kuala Lumpur, Kuala Lumpur memerlukan 59 buah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina). Tetapi, sekarang ia hanya mempunyai 40 buah.

Dalam perkataan yang lain, kekurangan 19 buah. Pada tahun yang sama, penduduk kaum Melayu di Kuala Lumpur adalah sebanyak 600,000 iaitu 93,000 lebih berbanding dengan penduduk kaum Cina. Tetapi, Kuala Lumpur mempunyai 100 dan 25 buah sekolah rendah kebangsaan. Jadi, adalah jelas bahawa dalam pembinaan sekolah ini, Kerajaan Barisan Nasional tidak berpegangan adil kepada semua kaum ataupun semua jenis sekolah. Pihak DAP hendak menegaskan di sini bahawa kami tidak membantah menambah sekolah rendah kebangsaan mengikut keperluan. Apa yang kami memohon ialah menggunakan satu standard bagi semua jenis sekolah di negara kita untuk mencerminkan Kerajaan Barisan Nasional tidak pilih kasih berdasarkan kaum tetapi adil kepada semua, tidak mengira agama dan bangsa, seperti mana yang ditetapkan oleh Perlembagaan negara ini.

Kami DAP juga menyokong hasrat kerajaan untuk memperkasakan sekolah rendah kebangsaan. Apa yang kami pohon ialah pada waktu yang sama, memperkasakanlah juga Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil). Murid-murid ini, sama ada mereka di sekolah mana juga adalah anak-anak Malaysia. Jika mereka dilayan adil sebagai anak Malaysia, mereka akan menjadi warganegara Malaysia pada masa hadapan. Kalau mereka dilayan sebagai bumiputera, mereka akan menjadi warga bumiputera pada masa hadapan. Kalau mereka dilayan sebagai bukan bumiputera pada waktu kecil, jadi mereka akan menjadi warga bukan bumiputera apabila mereka menjadi dewasa.

Pada saya, adalah jelas apa yang kita menanam, itulah yang kita akan menuai. Dasar yang adil akan secara naturalnya dengan izin, memupuk perpaduan. Sebaliknya,

dasar pendidikan yang memberi layanan yang tidak saksama kepada sekolah-sekolah yang berlainan jenis, tentulah ia akan menjejaskan perpaduan. Oleh yang demikian, saya menyeru kerajaan menambah semua jenis sekolah mengikut keperluan. Saya mencadangkan kerajaan memasukkan penambahan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) ke dalam Rancangan Malaysia Kesembilan demi memupuk perpaduan.

Baru-baru ini, kita dengar bahawa kemungkinan 50% pelajar Melayu akan berhenti sekolah sebelum sampai tingkatan lima kerana dasar mengajar Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris. Timbalan Perdana Menteri mengatakan kerajaan memerlukan masa untuk mengkaji kesan menggunakan bahasa Inggeris mengajar Matematik dan Sains, kerana sebarang perubahan dasar tidak boleh diputuskan secara tergesa-gesa.

Perdana Menteri pun pada 27 Mac mengatakan, beliau menunggu analisa pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris. Tetapi, hari ini bahawa Menteri Pelajaran dan Timbalan Perdana Menteri telah mengatakan bahawa ketetapan telah dibuat bahawa, Matematik dan Sains akan tetap diajar dalam bahasa Inggeris. Saya rasa, di sini ada ketidaksamaan kerana Perdana Menteri belum balik lagi dari luar negeri. Kenapakah mereka tergesa-gesa hendak membuat keputusan tanpa penyertaan Perdana Menteri? Adakah di sini kita lihat, ada sebarang perebutan kuasa? Saya harap apa yang terjadi di dalam UMNO pun, janganlah ia mengorbankan masa depan pelajar-pelajar kita pada hari ini.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Tangga Batu bangun. Tetapi sebenarnya Yang Berhormat boleh gulunglah.

**Puan Chong Eng:** Tidak ada masalah Yang Berhormat.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Bagilah peluang sikit.

**Puan Chong Eng:** Tidak, tidak...

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Sudah sebut Ketua Menteri Melaka, Naib Ketua Pemuda, saya sokong Pemuda....

**Puan Chong Eng:** Tidak, tidak. Nanti, nanti kita bincang di luar.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** ....selepas itu sebut lagi. Yang Berhormat, bagi peluang, sikit sahaja.

**Puan Chong Eng:** No, No. Tidak bagi. Tidak bagi.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:**..... hendak beri penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat boleh gulunglah. Masa cukup.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:**. Sudah sebut banyak-banyak itu, kita hendak tanya tidak boleh.

**Puan Chong Eng:** Tetapi, dalam pengetahuan ramai, dasar mengajar Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris memanglah dilaksanakan secara tergesa-gesa dan dengan tidak peduli dengan pandangan dan bantahan pada tiga tahun yang lalu. Pada masa itu, orang-orang yang membantah dasar itu dikatakan adalah *extremeness* dan diugut akan ditahan di bawah ISA. Dasar ini bukan dasar pertama dilaksanakan tergesa-gesa. Pada tahun ini, pelajar darjah empat di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) tiba-tiba ditambah mata pelajaran Sivik. Pada masa saya di sekolah rendah, saya belajar satu pelajaran Sivik sahaja. Sampai anak sulung saya, subjek Sivik telah diganti oleh pendidikan Moral.

Tetapi tahun ini pula anak kedua saya belajar kedua-duanya - Pendidikan Moral dan juga Sivik. Saya rasa kedua-dua subjek ini adalah lebih kurang sama dan banyak bertindih. Selain membebankan anak-anak kita, saya cadangkan supaya ia dikaji semula dan menetapkan hanya satu di antaranya dipelajari. Saya juga ingin mencadangkan supaya satu kajian dibuat ke atas - kita juga harus mengkaji balik tentang dasar mengajar Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris. Saya rasa pihak kementerian memang telah banyak kali mengatakan di dalam Dewan ini, di luar Dewan ini bahawa dasar ini telah menghasilkan keputusan yang baik tetapi enggan mengumumkan .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, cukuplah.

**Puan Chong Eng:** ..... apakah kajian itu. Saya rasa kalau kementerian dapat menunjukkan kepada kita bahawa ia betul-betul baik, saya rasa semua pihak akan menyokongnya tetapi kalau dengan hanya mengatakan baik tetapi tidak menunjukkan hasil kajian itu, saya rasa ia tidak akan meyakinkan orang ramai.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] **mempengerusikan Mesyuarat**]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, cukup Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng:** Yang terakhirnya, saya juga hendak mengatakan di sini mengapa perubahan format kertas ujian UPSR dan PMR dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris dan juga Bahasa Mandarin dikeluarkan begitu lewat. Pada akhir tahun ini peperiksaan akan dijalankan tetapi format yang baru, baru sahaja dikeluarkan baru-baru ini. Adakah ini mencerminkan profesionalisme pihak yang berkenaan? Itu sahaja, terima kasih.

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Berapa lagi orang yang hendak bercakap? Kita ada dua, empat, enam, lapan orang. Kalau Yang Berhormat bersetuju, kalau untuk semua bercakap, saya hadkan lebih kurang 10 minit kena habiskan ucapan, Yang Berhormat.

Sila Yang Berhormat bagi Indera Mahkota.

**Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat:** [*Memberikan isyarat tidak mahu bercakap*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Pensiangan.

**7.32 mlm.**

**Tuan Bernard S. Maraat [Pensiangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bersama-sama Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian, menjunjung kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya akan menyentuh satu, dua perkara sahaja.

Perkara yang pertama, saya hendak ucapkan syabas dan tahniah kepada RTM yang telah menjangkau 59 tahun umurnya. Banyak perkara yang telah dibuat dan telah mengorak corak, bentuk minda rakyat dan telah memberi informasi dan maklumat yang terkini dan telah membantu rakyat jelata di seluruh negara. Tetapi apa yang penting

sekali, Tuan Yang di-Pertua, iaitu RTM harus memikirkan tentang soal-soal macam mana hendak mempertingkatkan lagi rancangan-rancangan mereka dengan lebih hebat lagi disebabkan persaingan yang begitu mendadak sekali oleh sebab TV7, TV3 dan Astro adalah pesaing-pesaing yang saya rasa perlu dilihat secara keseluruhannya oleh RTM.

Kalau kita lihat RTM dalam 59 tahun ini, memang banyak bakti yang telah dicurahkan kepada rakyat. Syabas kepada mereka. Tetapi pada masa kini, kita perlu juga menggembelngkan tenaga kita lagi dan menggembelngkan usaha kita supaya dapat kita melihat bahawa semua siaran, rancangan yang telah disiarkan itu akan mendapat satu keprihatinan oleh rakyat jelata.

Saya lihat umpamanya di negeri Sabah dan juga Sarawak yang kurang diberi perhatian oleh kementerian, kementerian telah membuat satu *rebranding* atau penjenamaan bagi TV dan saya ingin tahu ataupun Dewan yang mulia ini ingin tahu berapakah perbelanjaan yang telah dikeluarkan atau dibelanjakan dalam penjenamaan (*rebranding*) TV1 dan TV2. Malam semalam kita juga melihat *rebranding* 32 stesen radio, dan juga kita ingin tahu berapakah perbelanjaan yang telah dikeluarkan oleh RTM dalam usaha mereka mempertingkatkan atau membangunkan lagi rancangan-rancangan mereka supaya rancangan-rancangan mereka ini akan dapat dilihat tetapi harus dilihat bahawa rancangan-rancangan yang dibuat ini harus menepati cita rasa penonton dan juga pendengar. Ini amat penting sekali.

Kalau kita lihat di Sabah sahaja, kita mempunyai rancangan "Suri" yang siarannya hanya 30 minit, kekerapan dua kali sebulan bergilir dengan Sarawak; "Selamat Pagi Malaysia" selama 10 minit setiap minggu, hiburan rancangan-rancangan khas Pesta Menuai 30 minit, Hari Raya 30 minit, rancangan khas Hari Raya Haji 30 minit, rancangan Hari Kebangsaan 45 minit, rancangan khas Tahun Baru adalah 30 minit, dokumentari hanya diberi enam rancangan dalam slot Dokumentari Dari Sabah untuk tahun 2005 secara bergilir-gilir dengan Sarawak.

Saya mengharap dan mencadangkan supaya Kementerian Penerangan, khususnya RTM ini, dapat memberi satu perhatian yang amat fokus kepada Sabah dan Sarawak kerana kalau kita lihat dari pengintegrasian nasional sekarang ini, kita perlu memajukannya lagi untuk kita memperhebatkan lagi. Di antara mekanisme yang harus

kita lihat adalah rancangan-rancangan daripada radio dan TV, khusus daripada TV1 dan TV2. Saya juga ingin melihat supaya TV7 ini mengambil bahagian dalam menjana agar orang-orang di Sabah dan Sarawak diberi perhatian dan saya percaya kemunculan TV7 atau ntv7 ini berhasil daripada satu perkongsian bahawa bila lesen-lesen ini dikeluarkan, ada lesen dikeluarkan untuk Sabah dan Sarawak tetapi pada masa kini nampak gaya Sarawak tidak mempunyai begitu banyak rancangan dikeluarkan, sama juga dengan Sabah tetapi tertumpu kepada Kuala Lumpur. Kuala Lumpur sudah berapa banyak rancangannya tetapi TV7, TV3 harus menumpukan rancangan-rancangan di sebelah Sabah dan juga di Sarawak. Itu satu perkara.

Perkara yang kedua, saya hendak mengingatkan juga RTM supaya melihat dari segi peralatan-peralatan yang diberikan kepada Sabah dan Sarawak. Peralatan yang ada pada Sabah dan Sarawak sekarang ini sudah usang (*obsolete*), dengan izin, sedangkan dari RMK5 hinggalah sekarang ini, belum ada lagi satu peralatan yang canggih yang dapat kita banggakan di Sabah dan Sarawak dan telah kita gunakan semua peralatan ini adalah peralatan-peralatan yang saya katakan sudah jadi usang. Itu satu perkara.

Perkara yang ketiga, saya masih mengingatkan juga Jabatan Penerangan, khususnya RTM, untuk melihat supaya peralatan-peralatan yang diberi kepada Sabah dan Sarawak ini biarlah peralatan-peralatan yang terkini. Jangan lah bagi yang sudah terpakai, sudah *second-hand*, *third-hand* baru hendak dihantar ke Sabah dan Sarawak. Itu tidak kena, itu tidak memadai dengan perancangan dan peraturan daripada segi rancangan RTM ataupun Kementerian Penerangan. Saya mintalah supaya RTM ini memfokuskan kepada Sabah dan Sarawak dalam menjana supaya mereka ini mendapat juga peralatan-peralatan yang kita dapat banggakan.

Saya bagi satu contoh, Tuan Yang di-Pertua, studio RTM Sabah daripada RMK5 sekarang sudah RMK9, tetapi janji punya janji, janji punya janji sampai sekarang masih belum lagi dapat. Mana sudah janji? RMK5, waktu itu era Tun Mustapha lagi, kemudian zaman Datuk Harris Salleh, masuklah kepada pemerintahan Dato' Pairin dan sekarang Dato' Musa Aman, berapa puluh tahun kita hendak tunggu satu studio di Sabah ..... sama jugalah dengan Sarawak – Sarawak mungkin ada Dewan P. Ramleenya



sedangkan studio yang di Sabah, bagi yang pernah melihat ataupun berkunjung ke RTM Sabah ini, ia memalukan kita.

Jadi saya mengharapkan RTM memfokuskan kepada perancangan dan pembangunan di Sabah khusus untuk peralatan-peralatan dan juga pemancar-pemancar di Sabah dan Sarawak. Kalau kita hendak lihat orang-orang ini menukar dari segi minda dan penukaran dari segi pemikiran supaya menjurus kepada pembangunan, malahan orang-orang kita pula di kawasan pendalaman tidak mendapat siaran radio, tidak mendapat siaran TV, macam mana kita hendak menukar minda mereka?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Indera Mahkota bangun tetapi masa Yang Berhormat terhad.

**Tuan Bernard S. Maraat:** Ya sila.

**Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab tidak dapat bercakap, saya mencelah sahajalah. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan pandangan saya ini bahawa tiadanya pusat ataupun studio tadi kerana Menteri Penerangannya bukan daripada Sabah ataupun Sarawak kerana semasa penggal yang lepas, Menteri Penerangan datangnya daripada Pahang, Ahli Parlimennya Kuantan dan kita mendapat satu studio yang baru dan saya simpati dengan Sabah, dan kita mintalah selepas ini Sabah menjadi Menteri Penerangan. *[Ketawa]*

**Tuan Bernad S. Maarat@ Ben:** Itu jauh akar dengan api. *[Ketawa]* Tetapi walau macam manapun kalau ditakdirkan Tuhan kenapa pula tidak boleh jadikan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Minta gulung Yang Berhormat.

**Tuan Bernad S. Maarat@ Ben:** Jadi, satu lagi, pendek. Saya tunggu dari pagi ini. Jadi saya hendak cakap juga mengenai peralatan yang saya minta supaya Jabatan Penerangan dia punya SUPR ada di sini supaya memperkatakan ini kepada Menteri. Sekarang pembangunan RMK-9 masuklah terus pembangunan itu ke negeri Sabah dan Sarawak khususnya dari segi perancangan dari Radio Televisyen Malaysia dari aspek peralatan dan aspek sumber manusianya, dari aspek pemancar-pemancarnya dan segala-gala apa yang perlu kita lihat. Satu perkara lagi yang saya lihat kita akan berbelanja dalam masa RMK-9 USD70 million dalam pendigitalan RTM. Dalam pendigitalan RTM ini saya mengharapkan Dewan yang mulia ini mengharapkan supaya

perancangan RTM ini adalah perancangan yang jitu menjurus kepada pembangunan dan perkembangan negara kita.

Bahawasanya kalau kita berbelanja dengan berlebih-lebih selepas itu tidak dapat ditunaikan dengan macam-macam dia punya kerenah, macam-macam dia punya salah, macam-macam dia punya masalah, maka saya kluatir pendigitalan ini akan juga menjadi satu kelembapan dan kelemahan bagi kita.

Apabila saya bercakap seumpama ini Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara saya hendak bercakap mengenai dengan pendidikan. Di sabah, saya berterima kasih dengan Jabatan Pelajaran tahun ini saya mendapat RM2.4 juta untuk pembaikan sekolah-sekolah yang daif ini, tetapi itu tidak cukup. Kita perlu lagi sebab kenapa, di pedalaman ini kita memerlukan bukan sahaja pembaikan sekolah-sekolah tetapi kena melihat sekolah-sekolah ataupun sekolah-sekolah yang didirikan oleh kerajaan ini sama ada sekolah menengah atau sekolah rendah tidak mempunyai perumahan yang baik ataupun yang boleh diguna pakai oleh guru-guru yang berpindah ke tempat-tempat tersebut.

Jadi macam mana mereka mahu mengajar dengan lebih baik. Itu satu perkara. Saya ingin juga minta Jabatan Pelajaran ini mengkaji semula kenapa keputusan peperiksaan UPSR, STPM dan SPM ini tahun demi tahun menurun di pedalaman. Apa silapnya sebenar. Guru-guru sudah dilatih, guru-guru sudah menjalani bermacam-macam kursus telah keluar masuk keluar masuk universiti mungkin untuk mempelajari kaedah-kaedah pembelajaran....

**Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz:** Mungkin makananlah.

**Tuan Bernad S. Maarat@ Ben:** ...masih lagi mundur dalam aspek itu. Jadi saya juga untuk menggulungnya, saya juga minta satu kajian kebanyakan guru-guru di negeri pedalaman ini mempunyai kelas F kontraktor. Macam mana mereka menjadi seorang pendidik, tumpuan mereka ini bukan lagi untuk mengajar anak-anak kita tetapi salah haluan sudah menjadi seorang kontraktor. Sedangkan kontraktor-kontraktor yang ada di sini ada faktor-faktor tidak ada pekerjaan, kalau tidak silap saya. Itupun perlu dikaji juga, tetapi untuk menggulung Tuan Yang di-Pertua, saya minta supaya Jabatan Pelajaran ini untuk melihat khusus di bahagian pedalaman, kalau tidak silap saya Kinabatangan dan Pensiangan dan mana-mana. Termasuk jugalah di Semenanjung.

Tetapi kasihan sekalilah melihat Tuan Yang di-Pertua, dan saudara-saudara Yang Berhormat di sini bahawa tahun-tahun demi tahun kita lihat keputusan peperiksaan makin lama makin menurun, bukan makin lama makin menaik, tetapi makin lama makin menurun. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, harap Jabatan Penerangan, RTM dan juga Jabatan Pelajaran dapat mendengar dan melihat dan buka fikiran bantu Pensiangan. Terima kasih.

**07.44 mlm.**

**Tuan Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua saya mengucapkan terima kasih di atas kebenaran Tuan Yang di-Pertua untuk saya berucap. Saya juga menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Sri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agung semasa membuka Persidangan Parlimen dua minggu lepas. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya kerajaan memberi keutamaan kepada pembinaan dan juga penyediaan infrastruktur seperti mana rakan-rakan saya yang lain. Infrastruktur yang lengkap di kawasan-kawasan luar bandar.

Projek-projek bekalan air yang bersih hendaklah dibuat seberapa banyak yang boleh sehingga ke seluruh kawasan di Malaysia sama ada di Semenanjung atau di Sabah dan Sarawak. Begitu juga dengan bekalan elektrik, hendaklah dibekalkan ke seluruh negara Semenanjung Sabah dan Sarawak semoga seluruh rakyat Malaysia menikmati bekalan elektrik ini. Kita tidak mahu Malaysia maju tetapi masih ada rakyat yang masih terabai dari segi kemudahan asas. Jalan-jalan kampung, lampu-lampu, pelampuan kampung, titi dan dewan serta klinik-klinik desa juga wajar dibina dan ditambah bina ke seluruh Malaysia Sabah dan Sarawak sesuai dengan janji-janji Kerajaan Barisan Nasional dalam manifestonya untuk membangunkan negara dan masyarakat ke tahap yang lebih baik.

Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menyarankan kepada Menteri Kewangan dan juga kerajaan supaya memberikan peruntukan yang lebih kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah supaya tiap-tiap permohonan yang diminta oleh wakil-wakil rakyat terutama sekali ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini dapat dilaksanakan dengan kadar segera. Apa yang berlaku ialah permintaan-permintaan kita kepada KKLW hanya 10% sahaja yang

diberikan kepada wakil-wakil rakyat di tiap-tiap kawasan Parlimen. KKLW wajar diberi peruntukan yang lebih dan mencukupi bagi bajet tahun 2006 yang akan datang.

Mudah-mudahan rungutan rakyat dan juga yang semakin jelas kedengaran di kampung-kampung di kawasan luar bandar dapat diberi perhatian. Kita minta supaya janganlah dibiarkan rungutan daripada akar umbi ini tidak diberi sebarang perhatian dan tindakan sehinggalah suatu hari nanti pada tahun 2008 mereka menghukum kita semasa pilihan raya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua ialah terdapatnya perbezaan dan jurang pendidikan di antara bandar dan luar bandar. Saya memohon kepada kerajaan supaya memperbetulkan masalah ini terutama sekali dari segi prasarana yang tidak seimbang. Maksud saya ialah kemudahan prasarana di sekolah-sekolah dan sebagainya di mana terdapat kurangnya bilangan sekolah di luar bandar ataupun adanya sekolah di luar bandar tetapi tidak sama prasarana yang kelengkapan yang di dalam sekolah-sekolah di luar bandar seperti komputer, *broadband* dan sebagainya dan juga guru-guru terlatih diberikan di kawasan sekolah-sekolah di luar bandar.

Begitu juga masalah penggunaan bahasa Inggeris di sekolah-sekolah di luar bandar yang amat berkurangan dan juga tidak ada guru-guru terlatih yang menyebabkan prestasi murid-murid di kawasan luar bandar begitu jauh jurang perbezaannya di antara bandar dan luar bandar.

Saya pagi tadi mendengar ucapan daripada Menteri Pelajaran yang bertekad untuk menghapuskan jurang perbezaan ini dan saya mengucapkan terima kasih Menteri Pelajaran kerana mengambil perhatian dalam perkara ini. Saya juga Tuan Yang di-Pertua, menyarankan kepada kerajaan supaya disegerakan menaik taraf semua sekolah seluruh Malaysia satu persatu jadikan sekolah bestari seperti mana yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada satu ketika dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, ini sahaja ucapan saya untuk memberi peluang kepada rakan-rakan yang lain, saya pohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Saya pohon menyokong.

**7.48 mlm**

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin terus kepada isu yang ingin saya bangkitkan berkenaan Pos Malaysia. Baru-baru ini Pos Malaysia telah menguatkuasakan kadar yang baru kepada orang ramai jika mereka ingin mengirim surat mereka. Pada bulan Februari lebih kurang 15 hb, orang ramai terkejut apabila menerima laporan bahawa Pos Malaysia akan menaikkan kadarnya dan ia akan berkuat kuasa pada bulan 1 Mac.

Satu Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya kalau kirim surat ini, sudah koyak pula. *[Ketawa]* Kalau kirim surat ini *[Sambil menunjukkan beberapa sampul surat]* pada awal bulan Mac, berapa sen, kadar baru? Sebab laporan kata surat biasa tidak akan ada kenaikan sebab saya ada melaluinya saya pergi kaunter pos, dia kata sekarang ini harganya sekarang RM0.50, sudah harga naik. Saya tanya, 'mengapa harga naik?' Dia kata sebab ini adalah bukan surat standard, kalau surat standard ia mesti sampul putih lepas itu ditaip pula alamatnya.

Dia kata, kalau guna sampul putih macam ini, baru 30 sen, yang ini 50 sen *[Menunjukkan contoh sampul surat]*. Tetapi seminggu yang lepas saya tanya lagi kepada pejabat pos, saya kata, "Oh sekarang sudah ubah." Yang ini boleh 30 sen, tidak payah 50 sen, 30 sen, tidak payah pun tidak apa, tetapi tidak boleh ada logo. Kalau ada logo syarikat di bawah, 50 sen. Kalau logo di atas baru 30 sen.

Saya tanya, "Kalau saya hendak kirim kad raya, ini berapa harga?" *[Menunjukkan contoh kad raya]* Dia kata, "Yang ini 50 sen. Yang ini berapa harga? 50 sen sebab ini bukan standard", dia kata. Kemudian saya tanya, "Yang kecil ini berapa harga? Dia kata, "50 sen". Saya tanya ini, "*Birthday card* berapa sen?" Dia kata, "50 sen".

Mengapa Pos Malaysia apabila mahu mempertingkatkan kemudahannya, sebaliknya menyulitkan orang ramai dengan mengelaskan standard dengan bukan standard untuk sesuaikan diri Pos Malaysia sahaja. Seterusnya saya tanya Pos Malaysia, "Bagaimana pula kalau raya kami hendak kirim kad raya banyak-banyak?" Dia kata, "Oh kalau datang raya, ia berharga 30 sen". Bila kita akan tahu, bila kita boleh nikmati kos 30 sen? Ini persoalannya.

Dua, tiga hari yang lepas saya punya pembantu pergi ke pejabat pos diberi sesi taklimat mengenai pengelasan semula produk mel. Ini yang diberikan di kaunter pos kawasan saya. [Menunjukkan beberapa risalah Pos Malaysia] Dia kata, poskod, alamat bandar berada pada baris akhir alamat, baru dikira standard. Begitu banyak sekali syarat-syarat. Mengapa sebegitu?

Pos Malaysia, saya tidak membantah perlunya memperbaiki kemudahan untuk orang ramai tetapi tidak sebaliknya mengelirukan, membebankan dan menyusahkan orang ramai. Dan syarikat-syarikat menghubungi pihak kami dan menyatakan terlalu singkat notis diberi. Pertengahan bulan Februari kata, "Oh bulan tiga kita akan naik harga, standard dan bukan standard punya sampul". Syarikat telah cetak banyak atas sampul surat ini logonya. Logonya ada di bawah. Jadi mereka kena bayar lebih.

Tetapi semalam ada dilaporkan dalam surat khabar yang menyatakan bahawa walaupun sekarang tidak payah taip, walaupun ditulis pun diterima sebagai standard, tetapi dia kata mesti tulis dengan *block letter*, tidak boleh *cursive*. Ini apa? Pos yang mana di dunia ini yang mempunyai pengelasan seperti sedemikian. Saya pohon jawapan daripada Pos Malaysia berkenaan perkara ini. Terlalu *short notice* berkenaan kenaikan harga melibatkan banyak syarikat mengalami masalah dan menanggung berat, selepas itu beban ini ditolak ke mana? *Consumer, client* mereka. Ini persoalannya.

Ada yang beritahu saya sekarang di *market*, pasaran tidak cukup sampul putih. Jika benar sekarang yang warna ini [Menunjukkan sampul surat berwarna perang] boleh diterima 30 sen, buat pengumuman untuk orang ramai, tetapi tidak ada pengumuman. Ini persoalannya.

Oleh itu saya harap Pos Malaysia, kita tidak boleh biarkan Pos Malaysia sahaja, satu syarikat mengendalikan kerja-kerja yang ini. Kemudahan yang mempunyai sedikit kebajikan untuk orang ramai. Kita tengok telefon bimbit, *Maxis*, "Satu kadar negara 30 sen seminit". Selepas itu kita boleh tengok satu syarikat yang lain, "Zero yuran akses. 15 sen seminit seluruh negara pada bila-bila masa." Kalau ada persaingan, *consumer* yang akan untung. Perkhidmatan syarikat akan membaiki dengan sendirinya sebab mereka tahu mereka kena bersaing.

Sekarang Pos Malaysia tidak ada persaingan, dia monopoli. Dia suka-suka kata, ini standard, ini bukan standard, sesuka hati dia. Tidak kira berapa susah orang.

Sebagai contoh, orang kampung, orang kawasan saya. Jadi saya pohon, saya harap Pos Malaysia mesti perelaskan. Kalau boleh kerajaan pertimbangkan, jangan bagi Pos Malaysia monopoli, biar ada persaingan. Jadi dia boleh perbaiki sendiri. Pos Malaysia ada untung? Ada untung. Tahun lalu untung berapa? RM76 juta. Tahun 2003, untung berapa? RM67 juta.

Mengapa setiap kali kalau hendak perbaiki kemudahan dan perkhidmatan, perlu naikkan harga macam tol PLUS. Hendak perbaiki kemudahan, tetapi semuanya itu untung, tidak kira. Sekarang kita hendak pastikan surat dapat dikirim dalam masa yang singkat, boleh percepatkan pengelasan surat, 30 ribu atau 40 ribu dalam masa sejam, dahulu manual 15 ribu. Seorang baru boleh asingkan 15 ribu untuk seorang tetapi sekarang kalau dengan mesin, 30 ribu atau 40 ribu dalam sejam.

Saya tidak bantah, tetapi masalahnya tidak patut tolak beban ini ke atas *consumer*. Ini perkara pertama yang saya ingin bangkitkan.

Perkara kedua yang ingin saya bangkitkan adalah berkenaan skuad tanah. *Flying squad* yang ditubuhkan oleh Yang Amat Berhormat apabila beliau memangku jawatan sebagai Perdana Menteri, persoalannya saya sokong. Mesti ada *flying squad* sebab banyak isu tanah tidak diselesaikan, tidak diproses, tidak dipercepat oleh orang-orang kampung. Di kawasan saya, kawasan Pusing, kawasan Kampung Pinang, Pusing, Zon A, orang sudah tinggal sampai 100 tahun, ini sudah 80 tahun, dia kata, "Saya sebelum ini ibu saya tinggal di sana masih tidak dapat geran tanah. Berapa lama kena tunggu?" Tahun 1996 ada masukkan permohonan tetapi tidak pernah dapat jawapan.

Yang satu keping tanah lagi, tadi Yang Berhormat bagi Johor Bahru ada bangkitkan mengenai isu tanah. Padang nampak ada *value*, "Oh pergi ambil untuk buat kondominium. Padang juga untuk buat kondominium." Kawasan saya siapa ambil? Orang Barisan Nasional, ADUN Tronoh kawasan saya. Padang di sebelah pasar, 2.32 ekar sudah diambil masa dua bulan. Dia pengarah kepada syarikat itu, Syarikat Panglima Bangsa. Selepas itu dia pohon tanah, sudah lulus dalam masa empat tahun, dua bulan dia dapat geran, dia tukar surat pindah milik, RM40 ribu satu blok. Untuk berapa lebih kurang? 29 geran tanah di"*issue*", 19 geran tanah telah dipindah milik. Berapa keuntungan lebih kurang selepas dikira premium? RM611,000.00

Jadi kita hendak marahkan siapa? Ini betulkah untuk kepentingan rakyat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah, Yang Berhormat.

**Cik Fong Po Kuan:** ...dan kepentingan diri? Jadi saya pohonlah flying squad, kita mahu tengok dia berfungsi betul-betul, pastikan who deserve the land, siapa patut diberikan dan bukan kerana kaitan politik. Sekian, terima kasih.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Berapa orang hendak bercakap, tiga? Kalau tiga saya boleh bagi, 5 minit seoranglah saya ingat. *[Ketawa]* Lanang. Lanang dahulu.

**7.57 mlm.**

**Tuan Tiong Thai King [Lanang]:** Lima minit tidak cukuplah. *[Disampuk]* Tuan Yang di-Pertua, saya ada beberapa isu mahu disentuh tetapi saya fikir oleh kerana masa terhad, saya dapat menyentuh satu perkara sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, sejak mula beroperasi tahun lepas kerajaan kita telah melancarkan Program Latihan Khidmat Negara di mana semua remaja berumur 18 tahun yang dilantik melalui sistem pemilihan komputer diwajibkan untuk menyertai latihan yang mengambil masa tiga bulan tanpa mengira jantina. Walaupun di peringkat awal pelaksanaannya timbul pelbagai masalah dan suasana huru-hara, namun perkara ini dapat dilaksanakan dengan lebih lancar bagi tahun ini hasil tindakan segera kerajaan dalam mengkaji semula serta memperbaikinya dengan mengambil kira pandangan dan cadangan daripada pelbagai pihak.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat empat modul dalam program ini iaitu modal fizikal, kenegaraan, pembinaan karakter dan khidmat komuniti. Program ini adalah satu program pembinaan sahsiah diri bermatlamatkan membina dan mengukuhkan semangat patriotisme di kalangan generasi muda, memupuk perpaduan kaum serta integrasi nasional dan membentuk perwatakan positif menerusi nilai-nilai harmoni.

Saya berpendapat program ini adalah satu program yang amat penuh bermakna dan merupakan satu pelaburan jangka panjang dan cekap. Ini kerana ia bukan sahaja dapat memupuk perwatakan dan pemikiran yang positif di kalangan generasi muda



malah mampu meningkatkan kualiti golongan ini yang merupakan bakal pemimpin negara. Di samping itu di bawah Program Latihan Khidmat Negara ini, pelatih akan ditempatkan secara rambang di pusat-pusat latihan di seluruh negara. Ini secara tidak langsung, bukan sahaja dapat mengeratkan hubungan antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak dari segi geografi bahkan meningkatkan kefahaman dan mengeratkan silaturahim antara pelatih-pelatih yang berasal dari negeri-negeri yang berlainan dalam Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini terdapat 71 buah pusat latihan di seluruh negara di mana lima yang lain masih dalam proses pembinaan. Saya berpendapat, dalam usaha pihak kerajaan untuk memperbaiki dan meningkatkan kualiti kemudahan infrastruktur di pusat latihan, atur cara seluruh kandungan program latihan khususnya berkaitan dengan aspek memupuk perpaduan dan integrasi nasional di kalangan pelatih harus dijadikan terus kepada pelaksanaan program ini. Ini disebabkan perpaduan kaum adalah aset negara yang paling utama. Dengan adanya perpaduan rakyat, barulah keharmonian dan keamanan masyarakat dapat dicapai dan seterusnya pembangunan, kemajuan dan kemakmuran ekonomi negara seperti mana yang kita nikmati sekarang dapat dicapai dan akan dikekalkan.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Integrasi Nasional Negara bertujuan memupuk nilai-nilai murni seperti hormat-menghormati, bermaaf-maafan, bertolak ansur dan menggalakkan pergaulan harmoni di kalangan masyarakat yang terdiri dari bilangan kaum, agama dan budaya. Dasar yang mementingkan keharmonian masyarakat majmuk ini adalah unik dan tidak diamalkan di negara-negara lain yang juga terdiri daripada masyarakat majmuk. Namun satu persoalan yang harus kita utamakan adalah bagaimanakah untuk mencapai matlamat utama program ini iaitu kepentingan memupuk perpaduan kaum serta integrasi nasional kepada para pelatih dalam tempoh tiga bulan yang singkat ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa perancangan dan pelaksanaan seluruh program latihan ini haruslah berasaskan kepelbagaian dan kekayaan budaya pelbagai kaum di negara ini agar semangat keunikan dan kepelbagaian budaya negara kita dapat ditonjolkan. Ini termasuklah mengambil kira aspek-aspek kehidupan harian,

kemudahan penginapan dan makanan yang dibekalkan kepada para pelatih ketika mengikuti program ini.

Berapa banyak yang kita boleh mengadakan pelbagai pesta kebudayaan yang disertai oleh pelatih yang terdiri daripada pelbagai kaum. Dalam pesta ini, para pelatih dikehendaki mengadakan persembahan kebudayaan yang mampu menonjolkan keunikan dan keindahan budaya adat resam masing-masing. Menerusi aktiviti seperti ini, para pelatih berpeluang untuk lebih mengenali, menghayati, memahami serta menerima adat resam dan budaya kaum-kaum lain.

Tuan Yang di-Pertua, kesefahaman ini memainkan peranan penting dalam menjalinkan dan mengeratkan hubungan silaturahim antara kaum dan seterusnya mendekatkan kerjasama, keharmonian dan kesinambungan perpaduan kaum yang erat dalam masyarakat majmuk kita. Justeru itu, program yang mengambil masa tiga bulan ini merupakan batu asas kepada negara kita ke arah mencapai integrasi nasional kerana ia memberi peluang kepada bakal pemimpin kita untuk belajar dan hidup bersama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, cukup Yang Berhormat.

**Tuan Tiong Thai King:** Saya mohon menyokong, sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya Kuala Nerus, selepas itu Sri Aman.

#### **8.05 mlm.**

**Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman [Kuala Nerus]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang dan kesempatan kepada saya untuk sama-sama mengambil bahagian membahaskan Usul Menjunjung Kasih atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang dibawa oleh sahabat saya dari Dungun.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kerajaan menyeimbangkan pertumbuhan wilayah, Lebuh raya Pantai Timur Fasa 2 iaitu dari Kuantan ke negeri Terengganu akan mula dibina tidak berapa lama lagi. Syarikat-syarikat juruukur telah pun dilantik dan kerja-kerja mengenal pasti jajaran sebenar telah pun bermula. Walaupun projek ini melibatkan negeri Terengganu, tetapi alangkah malangnya kepada syarikat-syarikat juruukur di negeri Terengganu sendiri, dari sepuluh syarikat juruukur yang telah dilantik

oleh Kementerian Kewangan untuk menjalankan kerja-kerja ukur projek lebuh raya tersebut, tidak ada satu pun syarikat juruukur dari negeri Terengganu yang telah dilantik. Apakah syarikat-syarikat juruukur di negeri Terengganu tidak mampu atau tidak layak untuk menjalankan kerja-kerja ukur projek tersebut.

Saya memohon Menteri Kewangan memberi jawapan kepada soalan-soalan saya yang berikut;

- (i) kenapa syarikat-syarikat juruukur di negeri Terengganu tidak dilantik untuk kerja-kerja mengukur projek Lebuh raya Pantai Timur?
- (ii) kenapa pelantikan juruukur-juruukur tersebut dibuat secara runding terus dan tidak dibuat secara tender?
- (iii) apakah kriteria-kriteria yang diambil kira dalam pemilihan juruukur-juruukur tersebut?.

Harapan saya supaya pada masa-masa hadapan, pelaksanaan projek-projek terutama yang menelan belanja yang besar hendaklah diuruskan dan dilaksanakan secara telus. Saya khawatir apa yang berlaku dalam pelantikan juruukur ini akan berulang lagi dalam pelantikan kontraktor-kontraktor yang akan terlibat dalam kerja-kerja pembinaan lebuh raya nanti. Apa yang dimaksudkan dengan keseimbangan, bukan setakat orang tempatan melihat dan menggunakan projek yang telah siap dilaksanakan tetapi juga dari segi penyertaan untuk menyiapkan projek tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Tuanku juga telah bertitah tentang usaha kerajaan untuk menghargai perkhidmatan awam negara kerana telah berjaya melaksanakan pelbagai langkah dan pembaharuan yang meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian tetapi apakah maknanya penghargaan sekiranya nasib pekerja-pekerja sementara dan kontrak di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam yang berjumlah lebih kurang 15 ribu orang ketika ini tidak pernah diambil peduli. Ada yang telah berkhidmat lebih dari 13 tahun tetapi masih memegang jawatan yang berstatus sementara? Apakah kerajaan tidak pandai merancang dari segi keperluan kakitangan ataupun kerajaan sengaja tidak mahu memikirkan tentang kebajikan kakitangan sementara dan kontrak ini?

Baru-baru ini pihak JPA telah mengeluarkan surat pemberhentian dan penamatan kontrak ke atas lebih 100 orang Pegawai Tadbir gred N41 yang dulunya dilantik ke jawatan pegawai tadbir sangkut yang telah berkhidmat selama empat tahun. Ada lebih kurang 123 orang lagi pegawai yang sedang menunggu surat pemberhentian ini. Sebahagian kecilnya telah disambung secara lantikan singkat selama enam bulan di agensi-agensi kerajaan dengan dibayar gaji secara harian dan lain-lain lagi tidak tahu apalah nasib mereka ketika ini yang telah hilang punca pendapatan dan sebagainya. Saya mencadangkan supaya pegawai-pegawai ini diserap sahaja dalam sebarang klasifikasi perkhidmatan tetap kerana adalah merugikan kerajaan, pegawai-pegawai yang telah dilatih dan mempunyai pengalaman kerja tiga hingga empat tahun dan sebahagian besarnya telah menunjukkan prestasi yang cemerlang dilepaskan begitu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Tuanku juga telah menzahirkan rasa dukacita dalam titahnya kerana indeks keselamatan awam menunjukkan trend yang menurun akibat peningkatan kadar jenayah dan kemalangan jalan raya. Peningkatan kadar jenayah ini sedikit sebanyak disumbangkan oleh kegiatan mencuri besi-besi buruk yang begitu berleluasa sekarang ini. Saya mencadangkan supaya kerajaan mengkaji balik undang-undang yang membenarkan perniagaan besi buruk ini dan kalau boleh mengetatkan syarat-syarat kepada mereka yang dibenarkan membeli besi buruk ini dan mengkaji bentuk hukuman kepada mereka yang terlibat sama ada pencuri, pembeli dan sesiapa sahaja yang berkaitan dalam soal ini.

Sekian, saya dengan ini menyokong Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Sri Aman.

**8.09 mlm.**

**Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kawan-kawan dan pegawai-pegawai kerajaan yang sudi menunggu saya bercakap. Satu sahaja topik yang saya akan kemukakan iaitu menyentuh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan juga Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan oleh kerana dua suruhanjaya ini menjaga masa depan begitu ramai kita di Malaysia ini.

Jadi, orang yang ramai memohon kerja kepada suruhanjaya ini adalah orang yang di bandar kerana sistem informasi mereka begitu baik dan di luar bandar, kita tidak ada komputer, tidak ada surat khabar, jadi kita tidak tahu di mana ada kekosongan. Juga, murid-murid yang di bandar mereka pandai mengatur sijil, surat akuan mereka begitu cantik dan mereka juga dapat mengambil bahagian dalam begitu banyak kegiatan.

Jadi *points* mereka apabila dipertimbangkan memang lebih banyak lagi dari *points* yang didapati oleh murid-murid di pedalaman. Kadang-kadang saya mendengar mereka dengan bangganya mengatakan Ahli SPR itu ataupun Ahli Suruhanjaya itu adalah kawan mereka ataupun kawan kepada kawan mereka. Kadang-kadang juga saya mendengar ada *house trading* di antara Ahli-ahli SPR ataupun SPA. Saya ambil sepupu kamu, kamu ambil sepupu saya. Ini di kalangan yang sofistikated di bandar kerana orang yang di luar bandar tidak ada sepupu yang dapat menjadi Ahli Suruhanjaya.

Jadi, masalah yang kedua ialah masa temu duga atau pemohon-pemohon dari bandar ini bukan main janjinya akan setia dengan mana-mana arahan apabila dilantik menjadi pegawai ataupun menjadi pekerja nanti. Tetapi apabila sudah diambil, sudah dilatih sebagai guru atau sebagai pekerja-pekerja di kementerian mereka mencari pelbagai cara untuk menipu supaya tinggal di bandar. Kadang-kadang mereka mendengar kalau kita kahwin dahulu, tidak perlu dihantar ke luar bandar. Jadi mereka kahwin. Kadang-kadang mereka sudah kahwin tetapi tidak dapat juga mengelakkan daripada dihantar ke luar bandar. Mereka mendengar kalau mengatakan kita tidak sihat dan ada akuan dari doktor kita mungkin dapat tinggal di bandar. Jadi mereka cari begitu, ramai doktor dan pakar-pakar untuk mengesahkan mereka uzur atau tidak dapat ditempatkan di luar bandar. Kadang-kadang ada juga yang degil tidak mahu melaporkan diri.

Jadi resultnya buruk kerana di pedalaman ketinggalan dalam mutu perkhidmatan dan juga mutu perkhidmatan akan menurun. Orang-orang yang sudah berpengalaman juga seperti cikgu atau pegawai yang berpengalaman tidak mahu tinggal di luar bandar begitu lama. Jadi untuk penyelesaian, saya mintalah SPR dan SPA carilah calon-calon

apabila mengadakan temu duga tentukan calon dipilih dari seluruh pelosok negara dan juga dari semua kaum.

Oleh kerana di Ulu Baram, di Hulu Rajang dan di Sri Aman kita ada kaum yang tidak ada wakil di bandar besar jadi mereka tidak terpilih tetapi orang pun tidak mahu bekerja dan berkhidmat di kampung mereka. Baiklah kalau kita ada orang dari kaum itu sendiri yang suka duduk di kampung itu dan berkhidmat di kampung itu.

Saya juga minta semua kaum ditentukan kalau boleh diterapkan di semua perkhidmatan kerana semasa hari raya saya nampak kalau pegawai imigresen itu dari kaum Muslim dia begitu marah. Lebih-lebih lagi di Sarawak kaum Muslim dalam minoriti yang majoriti kaum bukan Muslim. Kalau kita pilih orang dari kaum Muslim memang kesulitan akan berlaku. Tetapi kita mempunyai begitu ramai permohonan dari kaum-kaum yang lain tetapi mereka rasa kami ini bumiputera kelas ketiga. Kalau mohon bekerja dengan kerajaan memang tidak dapat.

Kita berasa amat sedih membuat pengakuan di Dewan yang mulia ini. Tetapi inilah yang berlaku kerana itulah kita ada kongres baru-baru ini yang dianjurkan oleh bumiputera minoriti dan mereka dengan rasa yang tidak sedap mengeluarkan permintaan dan permohonan begitu sehingga Yang di-Pertuan Agong juga dilibatkan dan telah diminta untuk menyebut perkara itu di Dewan yang mulia ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sila habiskan Yang Berhormat.

**Tuan Jimmy Donald:** Jadi, Tuan Yang di-Pertua saya mintalah supaya bumiputera minoriti ini tidak lagi merasa mereka adalah *third class* bumiputera dalam negara kita ini. Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa perbahasan telah habis. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kerjasama Yang Berhormat berikan. Saya faham ada yang tidak boleh bercakap oleh kerana faktor masa tapi kita ada empat tahun lagi di Parlimen Yang Berhormat. Jadi, kita ada banyak peluang. Esok adalah giliran kementerian menjawab dan dimulakan dengan Kementerian Kewangan.

Oleh yang demikian, saya tangguhkan Dewan yang mulia ini sehingga jam 10.00 pagi esok.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 8.15 malam.***

21 Mac 2005

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP.** (Pasir Salak) - UMNO

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

**MENTERI**

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. " Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. " Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. " Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) - UPKO
7. " Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
8. " Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
9. " Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
10. " Menteri Penerangan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.H.M.S., P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu) - UMNO
11. " Menteri Sumber Manusia, Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
12. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
13. " Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO

- 
14. “ Menteri Pelajaran, Dato’ Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO
  15. “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO
  16. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato’ Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO
  17. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
  18. “ Menteri Pengangkutan, Dato’ Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S., (Selayang) – MCA.
  19. “ Menteri Kewangan Kedua, Senator Tan Sri Datuk Seri Nor Mohamed bin Yakcop
  20. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Dato’ Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad, P.S.M., S.P.N.S., D.S.N.S., P.M.C. (Jempol) – UMNO
  21. “ Menteri Pelancongan, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah) - PBB
  22. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
  23. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
  24. “ Menteri Pengajian Tinggi, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat) – UMNO
  25. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
  26. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
  27. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Mustapa bin Mohamed (Jeli) - UMNO
  28. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) - UMNO
  29. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ Sri Adenan bin Satem (Batang Sadong) – PBB
  30. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
  31. “ Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
  32. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
  33. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato’ Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO



**TIMBALAN MENTERI**

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) – GERAKAN
2. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin **Haji** Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Fu Ah Kiow (Kuantan) – MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin (Merbok) – UMNO
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN

21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tengah) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato’ Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato’ Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato’ Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Mah Siew Keong, (Telok Intan) - GERAKAN
31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato’ Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Setiawangsa) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Mulia Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) – UMNO

#### SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Mohd Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO

2. “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato’ Yong Khoo Seng (Stampin) - SUPP
7. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
8. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Dato’ Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB
10. " Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
11. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato’ Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
12. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
13. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
14. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
16. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
17. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat (Batu) - GERAKAN
18. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
19. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
21. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN

22. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

### **AHLI-AHLI**

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) - PAS
6. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
7. “ Dato' Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
8. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
9. “ Dato' Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
10. “ Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
11. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
12. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
13. “ Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
14. “ Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
15. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRB
16. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
17. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
18. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
19. “ Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - PAS
20. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
21. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
22. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
23. “ Dato' Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
24. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
25. “ Dato' Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
26. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
27. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
28. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
29. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP

- 
30. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
  31. “ Dato' Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
  32. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
  33. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
  34. “ Dato' Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
  35. “ Dato' Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
  36. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
  37. “ Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
  38. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
  39. “ Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
  40. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
  41. “ Tan Sri Dato' Hew See Tong (Kampar) - MCA
  42. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
  43. “ Tuan Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
  44. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
  45. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
  46. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
  47. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
  48. “ Dato' Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
  49. “ Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
  50. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
  51. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
  52. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
  53. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
  54. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
  55. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
  56. “ Tan Sri Dato' K.S. Nijhar (Subang) - MIC
  57. “ Dato' Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
  58. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) - DAP
  59. “ Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
  60. “ Dato' Seri Law Hieng Ding (Sarikei) - SUPP
  61. “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
  62. “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
  63. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
  64. “ Tuan Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA

- 
65. “ Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
66. “ Dato’ Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) - MCA
67. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
68. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
69. “ Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
70. “ Dato’ Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
71. “ Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Keteroh) – UMNO
72. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
73. “ Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
74. “ Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
75. “ Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
76. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
77. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
78. “ Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
79. “ Dato’ Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
80. “ Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
81. “ Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
82. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
83. “ Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
84. “ Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
85. “ Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
86. “ Tan Sri Dato’ Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib (Pasir Salak) - UMNO
87. “ Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
- 88.** “ Dato’ Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
89. “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
- 90.** “ Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
91. “ Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
92. “ Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
93. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
94. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
95. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
96. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
97. “ Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
98. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP

- 
99. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
100. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
101. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulung) – UMNO
102. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
103. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
104. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
105. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
106. “ Cik Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
107. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
108. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
109. “ Datuk Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
110. “ Mulia Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang) – UMNO
111. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
112. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
113. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
114. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
115. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
116. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
117. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
118. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
119. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
120. “ Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
121. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
122. “ Tuan Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
123. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
124. “ Dato’ Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
125. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

**MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)**

1. Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop

**DEWAN RAKYAT****PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

**Setiausaha Dewan Rakyat**  
**Dato' Abdullah bin Abdul Wahab**

**Ketua Penolong Setiausaha**

Roosme binti Hamzah  
 Ruhana binti Abdullah  
 Riduan bin Rahmat

**Pegawai Undang-Undang**

Muzalni bin Soid

**Penolong Setiausaha**

Muhd Sujairi bin Abdullah  
 Lavinia a/p Vyveganathan  
 Bazlinda binti Bahrin  
 Farah Nurdiana binti Azhar

**PETUGAS-PETUGAS**  
**CAWANGAN DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah  
 Hajah Paizah binti Haji Salehuddin  
 Hajah Supiah binti Dewak  
 Mohamed bin Osman  
 Abd. Talip bin Hasim  
 Hadzirah binti Ibrahim  
 Saadiah binti Jamaludin  
 Syed Azuddin bin Syed Othman  
 Hairan bin Mohtar  
 Jamilah Intan binti Haji Bohari  
 Nurziana binti Ismail  
 Nik Elyana binti Ahyat  
 Marzila binti Muslim  
 Habibunisah binti Mohd. Azir  
 Aisyah binti Razki  
 Yoogeswari a/p Muniandy  
 Nor Liyana binti Ahmad  
 Mohd. Izhar bin Hashim

**JURUBAHASA SERENTAK**

Mazidah binti Mohamed  
 Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman  
 Cik Lee Jing Jing

**PETUGAS-PETUGAS****UNIT CETAK**

Kamaroddin bin Mohd. Yusof  
 Mohamed Shahrizan bin Sarif  
 Alias bin Mohd. Nor

**PETUGAS-PETUGAS****CAWANGAN PERUNDANGAN**

Mohd. Shariff bin Hussein  
 Azmi bin Othman  
 Zafniza binti Zakaria  
 Hindun binti Wahari  
 Rozaimah binti Mohamad Ariffin  
 Mohd. Sidek bin Mohd. Sani  
 Mazlina binti Ali  
 Norlaila binti Abdullah Sidi  
 Ropiah binti Tambi  
 Suhairi bin Othman

**BENTARA MESYUARAT**

Lt. Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus  
 Mejar (B) Mohd Azimi bin Arifin

**PETUGAS-PETUGAS****CAWANGAN KOMPUTER**

Zunaini bt. Mohd Salleh  
 Mohd Shah bin Rahman  
 Sulaiman bin Sirad  
 Siti Rohaini bt. Roslan  
 Mohamad Faizal bin Harun  
 Mohd. Faizol bin Mohd. Noh  
 Zaini Azlina bt. Zawawi



